

**ANALISIS GAYA BAHASA PENGKHUSUSAN  
DALAM SURAH HŪD**

**ANN SURINA BINTI SULAIMAN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK**

**UNIVERSITI MALAYA**

**KUALA LUMPUR**

**2018**

ANALISIS GAYA BAHASA PENGKHUSUSAN  
DALAM SURAH HŪD

ANN SURINA BINTI SULAIMAN

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2018

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Ann Surina binti Sulaiman**

No. Matrik: **THA 130010**

Nama Ijazah: **Ijazah Doktor Falsafah**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**Analisis Gaya Bahasa Pengkhususan Dalam Surah Hūd**

Bidang Penyelidikan: **Balaghah Bahasa Arab**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan

## ABSTRAK

Gaya bahasa pengkhususan atau “*uslūb al-qaṣr*” adalah perbahasan ilmu *ma‘ānī* dalam balaghah Arab yang bermaksud “proses mengkhususkan atau membataskan suatu perkara kepada perkara tertentu”. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan perkembangan gaya bahasa pengkhususan dan menganalisis surah Hūd untuk mengetahui jenisnya, struktur ayat, situasi penggunaannya, tujuannya dan meninjau adakah sesuatu tataqaṣar (*turuq al-qaṣr*) dikhususkan untuk situasi tertentu. Kajian ini dijalankan menggunakan metodologi analisis deskriptif yang bermula dengan pengumpulan data dan menganalisisnya dengan mengaplikasikan metode analisis wacana, metode pengiraan, metode perbandingan dan metode historis. Kajian mendapati gaya bahasa pengkhususan mula dibincangkan secara umum dalam karya sarjana sintaksis. al-Jurjānī ialah sarjana yang mengembangkannya hingga menjadi perbahasan yang tersendiri dalam ilmu balaghah. Analisis surah Hūd mendapati jenis hakiki *taḥqīqīy* adalah yang paling banyak, diikuti dengan *qalbi*, hakiki *iddi‘ā’īy* dan *ifrād*. Pengkhususan dalam surah Hūd paling kerap digunakan untuk menegaskan, mengesahkan, mengancam, mencela dan menggesa bagi situasi berikut iaitu pendengar yang mengingkari sesuatu, penegasan, pendengar yang ragu-ragu dan memberi bayangan terhadap makna lain. Jenis pengkhususan tidak mempengaruhi penentuan tujuan pengkhususan dalam surah Hūd tetapi tujuan penggunaan pengkhususan adalah bersesuaian dengan situasi pengujaran. Situasi pengujaran mempengaruhi pemilihan tataqaṣar namun faktor terpenting adalah kesesuaian tataqaṣar dengan struktur ayat, sama ada ia ayat namaan atau ayat kerjaan. Penggunaan gaya bahasa pengkhususan dalam surah Hūd berjaya menyampaikan maksud yang dikehendaki dengan tepat dan memberi kesan kepada jiwa pendengar. Kajian ini juga menemui dapatan baharu iaitu penggunaan partikel *innamā* dalam situasi pendengar mengingkari perkara yang terbukti benar.

## ABSTRACT

The language style of restriction or *uslūb al-qaṣr* is a topic in word order of Arabic rhetoric which means “to restrict someone or something by something else”. This study aims to discuss the development of restriction style by analyzing its type, oratory condition, the purpose of its use in surah Hūd and review whether the tools of restrictions (*ṭuruq al-qaṣr*) is restricted to a particular situation. This study uses descriptive analysis methodology, beginning with data collection and data analysis by applying discourse analysis method, calculation method, comparison method and historical method. Findings indicate that the restriction style was discussed generally in the work of grammarians. al-Jurjānīy is the scholar who developed it into a separate topic in Arabic rhetoric. The analysis of surah Hūd found that hakiki *taḥqīqīy* category are the most widely used, followed by *qalbi*, hakiki *iddi‘ā‘īy* and *ifrād*. Restrictions in surah Hūd are most often used to affirm, confirm, threaten, criticize and urge for the following situations : the disbeliever, the hesitant, affirmation and hint on another meaning. The categories of restrictions does not affect the determination of its purpose in surah Hūd, but the purpose itself is in accordance with the oratory situation. Oratory situation may affect the tools of restrictions chosen but the most important factor is the suitability of restrictions tools with sentence structure, whether it is noun sentence or verb sentence. The use of the restriction style in surah Hūd conveys the actual meaning accurately and affects the addressee’s feelings. The study also uncovered new findings that the use of exception particle *innamā* in the situation where the addressee deny what’s proven to be true.

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah *'azza wa jalla* dan selawat bagi junjungan besar Nabi Muḥammad SAW dan ahli keluarga baginda.

Pertama sekali penulis ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Profesor Dr. Stefanie Shamila Pillai, Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik dan juga Profesor Dr. Zuraidah bt Mohd Don, mantan Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik kerana memberi peluang kepada penulis untuk menyambung pelajaran di Fakulti ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia, Dr. Mohd. Zaki b. Abd. Rahman yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada penulis. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Haji Mohammad b. Seman, Dr. Ahmad Arifin b. Sapar, Dr. Ahmad Fikri b. Hj. Husin dan Dr. Mat Taib b. Pa atas segala nasihat.

Terima kasih diucapkan kepada para kakitangan di Perpustakaan FBL, Perpustakaan Utama UM dan Perpustakaan UIAM kerana membantu penulis mendapatkan bahan rujukan. Penghargaan juga buat para sahabat, Prof. Madya Nik Hanan Mustapha, Dr. Nik Farhan Mustapha, Zahriah Husin, Cikgu Ismi dan Cikgu Hasrul Nizam yang membantu.

Perhargaan yang tidak terhingga buat keluarga tercinta, Kamaruddin Hj. Ibrahim, Amirah Farhanah, Amjad Sharafi, Arij Junainah, Asywaq Safiyyah, Awatif Husna, Awfa Madihah, Asma' Sumaiyyah dan Ahmad Abdullah Azam kerana memberi sokongan. Semoga semuanya diberkati Allah SWT, *jazākumulLāh khairan*.

Ann Surina Sulaiman,

No. 18, Taman Sepakat, Batu Lima,

08200, Sik, Kedah.

## SENARAI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN .....	ii
ABSTRAK .....	iii
<i>ABSTRACT</i> .....	iv
PENGHARGAAN .....	v
SENARAI KANDUNGAN .....	vi
SENARAI JADUAL .....	xiv
SENARAI RAJAH .....	xv
SENARAI SINGKATAN DAN LAMPIRAN .....	xvi
PANDUAN TRANSLITERASI .....	xvii

### BAB 1: PENGENALAN

1.0 Pendahuluan .....	1
1.1 Pernyataan Masalah.....	3
1.2 Objektif Kajian.....	6
1.3 Soalan Kajian .....	6
1.4 Batasan Kajian.....	6
1.5 Bidang Kajian.....	7
1.6 Kepentingan Kajian.....	7
1.7 Sebab Pemilihan Surah.....	8
1.8 Tinjauan Kajian Berkaitan .....	10

1.8.1 Karya-karya berkaitan .....	11
1.8.2 Tesis, jurnal dan majalah ilmiah .....	14
1.8.3 Rumusan dan perbandingan .....	24
1.9 Metodologi Kajian.....	24
1.9.1 Pengumpulan data .....	26
1.9.2 Menganalisis data.....	28
1.9.3 Proses analisis surah Hūd.....	31
1.10 Kerangka Teori Kajian.....	32
1.10.1 Teori Abū Mūsā .....	33
1.10.2 Teori Hymes dan Lewis .....	35
1.11 Kerangka Konsep Kajian .....	40
1.12 Penutup.....	41

**BAB 2: KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN GAYA BAHASA  
PENGKHUSUSAN DALAM ILMU BALAGHAH**

2.0 Pendahuluan .....	43
2.1 Ilmu Balaghah .....	43
2.1.1 Definisi balaghah.....	43
2.1.2 Kepentingan mempelajari ilmu balaghah.....	44
2.1.3 Pokok perbincangan ilmu balaghah .....	45
2.2 Sejarah Kemunculan dan Perkembangan Gaya Bahasa Pengkhususan .....	46
2.3 Definisi <i>al-qaṣr</i> , <i>al-ḥaṣr</i> dan <i>al-ikhtisās</i> Atau <i>al-takḥṣīs</i> .....	51



2.3.1 Definisi <i>al-ḥaṣr</i> dari sudut bahasa.....	51
2.3.2 Definisi <i>al-ikhtiṣāṣ</i> atau <i>al-takhṣīṣ</i> dari sudut bahasa.....	52
2.3.3 Definisi <i>al-qaṣr</i> dari sudut bahasa.....	52
2.3.4 Perbezaan antara istilah <i>al-qaṣr</i> , <i>al-ḥaṣr</i> <i>al-ikhtiṣāṣ</i> dan <i>al-takhṣīṣ</i> .....	53
2.3.5 Definisi <i>al-qaṣr</i> dari sudut istilah.....	54
2.4 Langkah-langkah Awal Memahami Pengkhususan .....	55
2.4.1 Unsur-unsur dalam pengkhususan .....	56
2.4.2 Jenis-jenis pengkhususan .....	59
2.4.3 Jenis sifat-mawṣūf, mawṣūf-sifat dan cara terbentuknya.....	59
2.4.4 Pengkhususan jenis hakiki dan <i>iḍāfīy</i> dan cara terbentuknya .....	64
2.4.5 Pengkhususan jenis qalbi, <i>ifrād</i> dan penentuan dan cara terbentuknya .....	75
2.4.6 Penentuan jenis tataqāṣar .....	82
2.5 Ciri-ciri Setiap Tataqāṣar .....	132
2.5.1 Dalam menentukan kedudukan <i>maqṣūr ‘alayh</i> .....	132
2.5.2 Penggabungan dua tataqāṣar dalam satu ayat .....	135
2.5.3 Unsur perakuan dan unsur penafian .....	139
2.5.4 Makna pengkhususan dihasilkan oleh tataqāṣar atau melalui struktur ayat .....	140
2.5.5 Keistimewaan partikel <i>innamā</i> berbanding partikel <i>‘af</i> .....	140
2.5.6 Situasi yang sesuai untuk penggunaan partikel <i>innamā</i> , penafian dengan pengecualian dan kata ganti nama pemisah .....	141
2.5.7 Pengkhususan dalam semua ayat atau kebanyakan ayat.....	150

2.5.8 Perubahan pada kata ganti sambung .....	151
2.6 Bentuk Struktur Ayat Yang Boleh Mewujudkan Pengkhususan .....	153
2.7 Cara Penggunaan Pengkhususan Yang Betul .....	153
2.7.1 Menentukan fokus pengkhususan .....	153
2.7.2 Memilih tataqashar yang sesuai .....	154
2.7.3 Menepati kaedah ilmu nahu .....	156
2.8 Tujuan Penggunaan Pengkhususan .....	157
2.9 Penutup.....	158

### BAB 3: PENGENALAN SURAH HŪD SERTA KONSEP SITUASI DAN TUJUAN

3.0 Pendahuluan .....	160
3.1 Pengenalan Surah Hūd .....	160
3.2 Kelebihan Surah Hūd .....	162
3.3 Situasi Pengujaran dan Tujuan Pengkhususan Dalam Surah Hūd .....	164
3.3.1 Definisi situasi dan tujuan dari sudut bahasa .....	164
3.3.2 Konsep situasi dan tujuan dalam bahasa Arab .....	165
3.3.3 Penggunaan istilah situasi dan tujuan dalam kajian ini.....	167
3.3.4 Analisis pengkhususan jenis hakiki dan jenis <i>iḍāfīy</i> .....	170
3.4 Penutup.....	171

BAB 4: ANALISIS PENGGUNAAN PENGKHUSUSAN JENIS HAKIKI DALAM  
SURAH HŪD

4.0 Pendahuluan .....	173
4.1 Pengkhususan Jenis Hakiki .....	173
4.1.1 Ayat 2 .....	173
4.1.2 Ayat 4 .....	175
4.1.3 Ayat 6 .....	176
4.1.4 Ayat 34 .....	178
4.1.5 Ayat 36 .....	179
4.1.6 Ayat 40 .....	181
4.1.7 Ayat 66 .....	183
4.1.8 Ayat 81 .....	185
4.1.9 Ayat 88 .....	187
4.1.10 Ayat 88 .....	189
4.1.11 Ayat 88 .....	190
4.1.12 Ayat 104 .....	191
4.1.13 Ayat 105 .....	192
4.1.14 Ayat 116 .....	194
4.1.15 Ayat 123 .....	196
4.1.16 Ayat 123 .....	197
4.1.17 Ayat 17 .....	199
4.1.18 Ayat 16 .....	201

4.1.19 Ayat 22 .....	203
4.1.20 Ayat 50 .....	206
4.1.21 Ayat 54 .....	208
4.1.22 Ayat 63 .....	210
4.1.23 Ayat 87 .....	211
4.1.24 Ayat 101 .....	214
4.1.25 Ayat 109 .....	215
4.2 Penutup.....	217

**BAB 5: ANALISIS PENGGUNAAN PENGKHUSUSAN JENIS *IDĀFĪY* DALAM  
SURAH HŪD**

5.0 Pendahuluan .....	219
5.1 Jenis Qalbi.....	219
5.1.1 Ayat 7.....	219
5.1.2 Ayat 12.....	221
5.1.3 Ayat 14.....	223
5.1.4 Ayat 14.....	225
5.1.5 Ayat 27.....	227
5.1.6 Ayat 27.....	229
5.1.7 Ayat 33.....	230
5.1.8 Ayat 29 dan 51.....	232
5.1.9 Ayat 35.....	234

5.1.10 Ayat 49 .....	236
5.1.11 Ayat 56 .....	238
5.1.12 Ayat 78 .....	240
5.1.13 Ayat 88 .....	243
5.1.14 Ayat 91 .....	245
5.1.15 Ayat 26 .....	246
5.1.16 Ayat 50, 61 dan 84 .....	248
5.1.17 Ayat 61 .....	249
5.1.18 Ayat 61 .....	251
5.2 Penutup.....	252

## BAB 6: KESIMPULAN

6.0 Pendahuluan .....	254
6.1 Kesimpulan.....	254
6.2 Cadangan.....	268
RUJUKAN.....	270
LAMPIRAN PADANAN ISTILAH .....	285
LAMPIRAN (ayat yang mengandungi pengkhususan berserta kaedah, jenis, situasi dan tujuannya dalam surah Hūd) .....	291
LAMPIRAN (struktur ayat yang mengandungi pengkhususan dan topik perbincangannya dalam surah Hūd) .....	296

## SENARAI JADUAL

<b>Bil.</b>	<b>No. Rajah</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
1.	Jadual 1.1	Perbandingan dua ayat yang mempunyai struktur hampir sama tetapi menunjukkan fokus pengkhususan yang berbeza.	5
2.	Jadual 2.1	Penentuan jenis pengkhususan mengikut <i>maqṣūr</i> dan <i>maqṣūr ‘alayh</i>	61
3.	Jadual 2.2	Tiga pandangan sarjana balaghah mengenai jenis tataqaṣār	84
4..	Jadual 2.3	Contoh ayat yang mengandungi partikel <i>lā</i> dan kedudukan <i>maqṣūr ‘alayh</i> serta jenis mengikut sifat dan mawṣuf	94
5.	Jadual 2.4	Kedudukan <i>maqṣūr ‘alayh</i> mengikut jenis tataqaṣār	135
6.	Jadual 2.5	Tataqaṣār yang boleh bergabung dengan partikel <i>lā</i> dan yang tidak boleh bergabung dengannya	137
7.	Jadual 6.1	Jenis tataqaṣār dan bilangannya dalam surah Hūd	255
8.	Jadual 6.2	Bilangan jenis hakiki, <i>iḍāfiyy</i> , sifat-mawṣūf dan mawṣūf-sifat dalam surah Hūd	258
9.	Jadual 6.3	Jumlah keseluruhan bilangan tujuan pengkhususan dalam surah Hūd mengikut jenis tataqaṣār	260
10.	Jadual 6.4	Tujuan penggunaan pengkhususan dan bilangannya dalam surah Hūd	261
11.	Jadual 6.5	Jadual situasi pengujaran pengkhususan mengikut jenis tataqaṣār dalam surah Hūd dan kekerapannya	264

## SENARAI RAJAH

<b>Bil.</b>	<b>No. Rajah</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
1.	Rajah 1.1	Teori pengkhususan Abū Mūsā (1987) mengenai pembahagian pengkhususan dan bentuk tataqāsar	35
2.	Rajah 1.2	Teori konteks yang dikemukakan oleh Hymes (1964) dan Lewis (1972)	40
3.	Rajah 1.3	Kerangka konsep kajian	41
4.	Rajah 2.1	Kedudukan <i>maqṣūr</i> dan <i>maqṣūr ‘alayh</i> dalam sesuatu ayat yang mengandungi pengkhususan	56
5.	Rajah 2.2	Pembahagian pengkhususan mengikut al-Dusūqīy (2002)	65
6.	Rajah 2.3	Pembahagian pengkhususan yang dikemukakan oleh Abū Mūsā (1987)	67
7.	Rajah 2.4	Jenis pendepanan yang wajib menunjukkan makna pengkhususan dan pendepanan yang kebiasaannya menunjukkan makna pengkhususan	116
8.	Rajah 2.5	Penentuan <i>maqṣūr</i> dan <i>maqṣūr ‘alayh</i> dalam ayat yang mengandungi pengekhasan pesandar	121
9.	Rajah 2.6	Penentuan <i>maqṣūr</i> dan <i>maqṣūr ‘alayh</i> dalam ayat yang mengandungi kata ganti nama pemisah	125
10.	Rajah 2.7	Perbezaan penggunaan gaya penafian dengan pengecualian dengan partikel <i>innamā</i>	150
11.	Rajah 6.1	Peratusan pengkhususan jenis hakiki dan <i>idāfīy</i> dalam surah Hūd	259
12.	Rajah 6.2	Peratusan pengkhususan jenis mawṣūf-sifat dan sifat-mawṣūf dalam surah Hūd	259

## SENARAI SINGKATAN

AS	<i>'Alayh al-salām/ 'alayhā al-salam/ 'alayhimā al-salām / 'alayhim al-salām</i>
Ed.	Editor/ penyunting
ed.	<i>Edition/ cetakan</i>
et al.	Pengarang dan lain (melebihi tiga orang)
FBL	Fakulti Bahasa dan Linguistik
H	Hijrah
hlm.	Halaman
n.d.	<i>No date</i> (tanpa tarikh/ tahun)
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
No.	Nombor
r.a.	<i>RaḍīyalLāh 'anh/ 'anhā/ 'anhumā/ 'anhum</i>
SAW	<i>ṢallalLāh 'alayh wa sallam</i>
SWT	<i>Subḥānah wa ta'ālā</i>
t.t.	Tanpa tarikh
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UM	Universiti Malaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia

## SENARAI LAMPIRAN

Nama Lampiran	Halaman
LAMPIRAN A (Padanan Istilah)	..... 285
LAMPIRAN B (Lampiran ayat yang mengandungi pengkhususan berserta kaedah, jenis, situasi dan tujuannya dalam surah Hūd).	..... 291
LAMPIRAN C (Lampiran struktur ayat yang mengandungi pengkhususan dan topik perbincangannya dalam surah Hūd)	..... 296



## PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan pedoman transliterasi ejaan Arab ke Melayu yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, edisi tahun 1984.

Huruf Arab	Transliterasi
ا، ء	a, '(hamzat)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n

ه	:	h
و	:	w
ي	:	y
ة	:	ṭ

#### Vokal Pendek

اَ	:	a
اِ	:	i
اُ	:	u

#### Vokal Panjang

اَـ	:	ā
اِـ	:	ī
اُـ	:	ū

University of Malaya

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pendahuluan

Manusia menggunakan bahasa untuk menggambarkan perasaannya dan menyampaikan maklumat kepada orang lain. Penggunaan bahasa yang baik dan indah amat disenangi oleh mana-mana pendengar. Ilmu yang membantu penutur menampilkan makna yang indah dan menarik serta memilih ungkapan yang tepat untuk memberi kesan yang mendalam dalam percakapannya ialah ilmu balaghah. Dorongan utama mempelajari balaghah Arab adalah untuk mengkaji elemen keindahan dalam susunan ayat al-Qur'an al-Karim dan seterusnya mengakui bahawa penggunaan perkataannya menepati setiap suasana dan meninggalkan kesan kepada jiwa. Diceritakan bahawa 'Umar bin al-Khattāb (r.a.) sebelum keislamannya cuba menyakiti adiknya namun membatalkan niatnya setelah mendengar alunan ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim. Kisah tersebut membuktikan kehebatan ayat al-Qur'an al-Karim yang dapat menyentuh perasaan manusia (Ibn Hisyām, 2009: hlm. 159).

Salah satu gaya bahasa dalam balaghah Arab yang memberi kesan kepada jiwa pendengar ialah gaya bahasa pengkhususan atau dinamakan sebagai "*uslūb al-qaṣr*". Pengkhususan bermaksud proses mengkhususkan atau membataskan suatu perkara kepada perkara tertentu (al-Qazwīnīy, 1999: jld. 1, hlm. 138). Penggunaan pengkhususan dalam komunikasi bertujuan untuk menegaskan suatu maklumat dalam sanubari pendengar, malahan menghilangkan keraguan pendengar dan membetulkan salah sangka pendengar. Kelebihan pengkhususan terletak pada ayat yang ringkas dan padat tetapi

mengandung makna yang tegas. Tidak syak lagi bahawa pengkhususan digunakan untuk penegasan bahkan penegasan dengan pengkhususan adalah lebih kuat dari kata penegas yang lain. al-Sakkākiy (2000: hlm. 403) juga menyifatkan pengkhususan sebagai “penegasan di atas penegasan”. Hal ini terjadi kerana ayat yang mengandung pengkhususan seperti "لَا يَعْلَمُ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ" yang bermaksud “Tiada yang mengetahui perkara ghaib kecuali Allah SWT”, menampakkan ayat ini mengandung gabungan dua ayat, iaitu :

- a) Tiada sesiapa yang mengetahui perkara ghaib (menafikan semua pihak).
- b) Hanya Allah SWT yang mengetahuinya (memperakukan pada satu pihak).

Oleh itu pengkhususan terbentuk dari dua komponen penting iaitu : memperakukan (الإِثْبَاتُ) sesuatu hukum kepada perkara tertentu, dan dalam masa yang sama menafikan (النَّفْيُ) hukum tersebut daripada pihak lain (al-Subkiy, 2001: jld. 1, hlm. 487).

Seorang penutur yang menggunakan gaya bahasa pengkhususan juga dapat membidas atau membalas dakwaan pendengar yang bertentangan dengannya. Penutur juga boleh menghilangkan keraguan pendengar terhadap sesuatu perkara melalui penggunaan pengkhususan. Oleh itu gaya bahasa ini amat sesuai digunakan dalam perdebatan dan berhujah. Penulis pernah mengiringi para pelajar sekolah ke pertandingan debat bahasa Arab antara sekolah-sekolah menengah anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2009. Kebanyakan peserta tidak dapat mengaplikasikan penggunaan pengkhususan dalam penghujahan mereka. Penulis berharap kajian ini dapat membantu para pelajar bahasa Arab di Malaysia untuk memahami gaya bahasa pengkhususan dengan lebih mendalam kerana ia boleh mengukuhkan teknik berkomunikasi. Pengetahuan dalam gaya bahasa pengkhususan juga menjadi batu loncatan untuk memahami dan menghayati al-Qur'an

al-Karim dan Ḥadīth Nabawīy kerana pengkhususan digunakan secara meluas dalam kedua-duanya.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Pemerhatian dari kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat aspek yang tidak dikaji dengan mendalam dalam gaya bahasa pengkhususan. Perbincangan mengenai situasi penggunaan gaya bahasa pengkhususan, contohnya hanya dibincangkan untuk dua kaedah iaitu gaya penafian dengan pengecualian (النَّفْيُ وَالْإِسْتِثْنَاءُ) dan partikel *innamā*. al-Jurjānīy (1981: hlm.254) sebagai pelopor yang menonjolkan kepentingan gaya bahasa pengkhususan mengatakan gaya penafian dengan pengecualian sesuai digunakan dalam situasi pendengar yang mengingkari sesuatu maklumat, sedangkan partikel *innamā* digunakan dalam situasi pendengar yang dapat menerimanya, untuk menyindir dan makna kepalingan (الْمَبَالِغَةُ). Selain daripada usaha al-Jurjānīy tiada kajian khusus dijalankan untuk membincangkan situasi penggunaan kaedah pengkhususan yang lain.

Kajian yang mendalam mengenai gaya bahasa pengkhususan terutamanya kaedah pengekhasan pesandar (تَعْرِيفُ الْمُسْنَدِ) dan kaedah kata ganti nama pemisah (ضَمِيرُ الْفَصْلِ) kurang diberi perhatian oleh pengkaji (Ḥamdān & Sabī'īy, 2014: 189). Hal ini mendorong penulis untuk mengkaji tujuan pengkhususan, situasi pengujaran yang menyebabkan penutur menggunakannya dan struktur ayatnya. Persoalan yang boleh ditimbulkan pula, adakah setiap tataqāṣar (طُرُقُ الْقَصْرِ) dikhususkan untuk situasi tertentu dan adakah setiap tataqāṣar boleh digunakan untuk sebarang situasi. Oleh itu penulis akan memilih aspek yang belum dikaji dengan tujuan untuk “melengkapkan sesuatu ilmu itu” (Ibn Khaldūn, 1984: jld. 2, hlm. 693).

Tidak dinafikan bahawa al-Qur'an al-Karim yang diturunkan dalam bahasa Arab memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan bahasa tersebut dan sejak itu ia merupakan hasil sastera yang amat dikagumi oleh semua peringkat (Azhar Muhammad, 2005: hlm. 64). Bahkan seorang pengkaji yang ingin menghayati kesusasteraan bahasa Arab hendaklah mengkaji gaya bahasa al-Qur'an al-Karim yang membuktikan kemukjizatannya seperti kerapian susunannya, ketelitian pemilihan perkataan dan kehalusan ciri ringkas (Ahmad Fathoni, 2010: hlm. 107). Kajian ini bertujuan menyelidiki rahsia penggunaan gaya bahasa pengkhususan dalam surah Hūd. Penggunaan gaya bahasa pengkhususan dalam al-Qur'an al-Karim sangat unik kerana terdapat berbagai ungkapan digunakan, ada antaranya menggunakan partikel *mā* dan *illā*, *lā* dan *illā*, *in* dan *illā* atau *hal* dan *illā*. Setiap ungkapan ini membawa maksud yang tersendiri (Darrāz, 1986: hlm. 148). Oleh itu kajian gaya bahasa pengkhususan dalam al-Qur'an al-Karim sangat relevan kerana kepelbagaian bentuk pengkhususan di dalamnya.

Kajian mengenai gaya bahasa bahasa pengkhususan yang merupakan salah satu aspek balaghah sangat wajar dijalankan kerana “pelajar didapati masih tidak memahami tajuk-tajuk tertentu dalam ilmu balaghah” (Azhar Muhammad et al. 2006: hlm. 138). Shuhaida Hanim et al. (2014: hlm. 6) turut mengatakan pelajar di pusat pengajian tinggi “masih tidak mampu untuk menjiwai nilai-nilai seni dan estetika yang dipelajari dalam ilmu Balaghah semasa sesi kuliah apatah lagi mempraktikkannya dalam percakapan mahupun penulisan”. Oleh itu kajian ini diharapkan dapat menyumbang dalam meningkatkan kefahaman para pelajar dalam bidang balaghah dan dapat menunjukkan kehebatan gaya bahasa yang digunakan oleh al-Qur'an al-Karim khususnya gaya bahasa pengkhususan untuk memberikan maksud yang tepat.

Antara keistimewaan gaya bahasa pengkhususan ialah ayatnya yang ringkas tetapi mengandungi makna yang terperinci. Memandangkan ayat yang mengandungi pengkhususan ringkas, kemungkinan terjadi kesilapan dalam pentafsiran jika susunan

perkataan diubah. Contoh ayat yang mengandungi pengkhususan ialah "مَا زُهَيْرٌ إِلَّا شَاعِرٌ" yang bermaksud "Bukanlah Zuhayr melainkan seorang penyair". Zuhayr ialah *maqṣūr* (subjek pengkhususan) dan sifat penyair ialah *maqṣūr 'alayh* (fokus pengkhususan). Jika kedudukan perkataan "Zuhayr" dan "penyair" ditukar antara satu sama lain, akan berlaku perubahan dari segi makna. Perbandingan dua ayat tersebut dan implikasi maknanya diterangkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Perbandingan dua ayat yang mempunyai struktur hampir sama tetapi menunjukkan fokus pengkhususan yang berbeza.

<p>Ayat</p>	<p style="text-align: center;"> </p> <p style="text-align: center;"> <span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">maqṣūr 'alayh</span>    <span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">maqṣūr</span> </p> <p>- yang bermaksud: "Bukanlah seorang penyair kecuali Zuhayr".</p>	<p style="text-align: center;"> </p> <p style="text-align: center;"> <span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">maqṣūr 'alayh</span>    <span style="border: 1px solid black; padding: 2px;">maqṣūr</span> </p> <p>-yang bermaksud: "Bukanlah Zuhayr kecuali seorang penyair".</p>
<p>Perbezaan Makna</p>	<p>-yang dinafikan : penyair lain. -sifat sebagai penyair hanya ada pada Zuhayr.</p>	<p>-yang dinafikan : sifat lain. -penyair lain turut memiliki sifat penyair seperti Zuhayr.</p>
<p>Fokus</p>	<p>Zuhayr.</p>	<p>Sifat sebagai penyair.</p>
<p>Jenis</p>	<p>Mengkhususkan sesuatu sifat kepada empunya. sifat-mawṣūf (الصِّفَةُ عَلَى الْمَوْصُوفِ)</p>	<p>Mengkhususkan empunya sifat dengan sesuatu sifat. mawṣūf-sifat (الْمَوْصُوفُ عَلَى الصِّفَةِ)</p>

Perbandingan di atas membuktikan keunikan gaya bahasa ini dan kehalusan seninya. Gaya bahasa pengkhususan dapat difahami dengan baik setelah mengenal pasti subjek

pengkhususan, fokus pengkhususan dan jenisnya. Sekiranya perkara tersebut tidak diselidiki dengan baik, boleh menimbulkan salah faham makna.

## 1.2 Objektif Kajian

Kajian ini mengandungi tiga objektif :

- a) Mengkaji kemunculan dan perkembangan gaya bahasa pengkhususan dalam ilmu balaghah.
- b) Menganalisis penggunaan pengkhususan jenis hakiki dalam surah Hūd.
- c) Menganalisis penggunaan pengkhususan jenis *iḍāfīy* dalam surah Hūd.

## 1.3 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan berikut :

- a) Bagaimana gaya bahasa pengkhususan muncul dan berkembang dalam ilmu balaghah ?
- b) Apakah bentuk penggunaan pengkhususan jenis hakiki dalam surah Hūd ?
- c) Apakah bentuk penggunaan pengkhususan jenis *iḍāfīy* dalam surah Hūd ?

## 1.4 Batasan Kajian

Memandangkan kajian ini menyentuh salah satu topik dalam ilmu balaghah, maka kajian ini dibataskan kepada kupasan aspek-aspek balaghah sahaja. Namun kajian ini turut membincangkan syarat-syarat penggunaan kaedah pengkhususan yang dinamakan tataqāṣar (طُرُقُ الْقَصْرِ) mengikut pandangan sarjana nahu. Teks yang menjadi bahan kajian ialah sebuah surah dari al-Qur‘an al-Karim iaitu surah Hūd. Ketika menganalisis ayat-



ayat al-Qur'an al-Karim yang mengandungi pengkhususan, perbincangan fleksi perkataan turut dilakukan untuk memahami makna yang tepat bagi ayat tersebut.

Walaupun ada sarjana (al-Şāyūţīy, 1987: hlm.703) berpandangan bahawa jenis tataqāşar menjangkau sehingga empat belas jenis, namun penulis mengkaji enam jenis tataqāşar sahaja iaitu gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, partikel *'aff*, pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah. Penulis menghadkan enam jenis tataqāşar tersebut kerana ia telah disepakati oleh majoriti sarjana balaghah (al-Dusūqīy, 2002: jld. 2, hlm. 343) sebagai kaedah yang menghasilkan pengkhususan dan untuk membataskan skop perbahasan.

### **1.5 Bidang Kajian**

Kajian penulis adalah dalam bidang balaghah bahasa Arab namun di beberapa tempat, bidang-bidang lain turut disentuh untuk memantapkan kajian ini. Antara bidang tersebut ialah perbincangan sesuatu perkataan dari segi leksikologi, nahu, morfologi, semantik dan balaghah. Penulis juga turut merujuk buku-buku bidang tafsir, *I'rāb al-Qur'an* dan *Ma'ānī al-Qur'ān* untuk menyokong kajian ini.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kerana membahaskan semua jenis tataqāşar sedangkan kajian-kajian lepas membahaskan tataqāşar tertentu sahaja. Di samping itu kajian ini juga dapat mendedahkan situasi pendengar yang berhadapan dengan gaya bahasa pengkhususan serta dapat menyelidiki bilakah sesuatu tataqāşar itu wajar digunakan. Kajian ini juga memberi sumbangan baru kerana dapat mengenal pasti tujuan lain bagi penggunaan pengkhususan dalam sesuatu ayat selain daripada penegasan. Para sarjana balaghah hanya

menyenaraikan empat tujuan penggunaan pengkhususan iaitu untuk mengesahkan sesuatu idea, meringkaskan idea, menunjukkan kepalingan dan memberi bayangan terhadap makna lain (التعريض).

Tidak syak lagi bahawa kajian ini dapat mencungkil rahsia penggunaan pelbagai ungkapan yang mengandungi gaya bahasa pengkhususan dalam al-Qur'an al-Karim. Kajian ini juga mampu membantu meningkatkan kefahaman para pelajar dalam bidang balaghah dan dapat membuktikan keunggulan gaya bahasa al-Qur'an al-Karim yang tetap menjadi kemuncak balaghah tertinggi yang tidak dapat ditandingi oleh semua makhluk. Pemahaman mengenai gaya bahasa pengkhususan juga telah membantu sarjana usul fiqh untuk merumuskan hukum fiqh dari ayat al-Qur'an al-Karim dan Ḥadīth Nabawīy yang mengandungi pengkhususan.

Gaya bahasa pengkhususan ditampilkan dengan ungkapan yang ringkas serta mengandungi unsur penafian yang tersirat. Kekurangan pengetahuan mengenai tatacara dan kaedah pengkhususan boleh mengundang kekeliruan. Oleh itu kajian ini dapat memberi panduan tentang cara yang betul untuk membina ayat yang mengandungi pengkhususan dan membantu seseorang untuk memilih tataqasar yang sesuai dalam percakapan atau penulisan.

### **1.7 Sebab Pemilihan Surah**

Gaya bahasa pengkhususan banyak ditemui dalam al-Qur'an al-Karim namun kekerapannya tidak tertumpu dalam surah tertentu. Penulis memilih surah Hūd kerana surah tersebut padat dengan kisah para Nabi seperti Nabi Nūḥ AS, Nabi Hūd AS, Nabi Ṣāliḥ AS, Nabi Syu'ayb AS, Nabi Lūṭ AS dan Nabi Ibrāhīm AS. Kisah para Nabi yang sentiasa berdialog dan berhujah dengan kaum mereka yang menentang ajaran Islam untuk

membuka fikiran mereka mengandungi teladan yang berharga dan membekalkan keazaman buat Nabi Muhammad SAW supaya meneruskan perjuangannya di Mekah. Kisah umat terdahulu yang terlalu sombong untuk mengikuti ajaran para Nabi hingga menyebabkan mereka ditimpa azab juga menguatkan keyakinan Nabi Muhammad SAW terhadap pertolongan Allah SWT, seperti mana yang diceritakan dalam ayat ke-120 dalam surah Hūd, firman Allah SWT :

وَكُلًّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ ۗ

Maksudnya: Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya.

Pertembungan antara golongan yang menerima kebenaran dengan golongan yang menentangnya mewujudkan situasi yang sesuai untuk penggunaan gaya bahasa pengkhususan dan merupakan bahan yang menarik untuk perbincangan dan analisis.

Faktor lain yang mendorong pemilihan surah Hūd adalah kerana ia mengandungi ayat yang dijadikan hujah oleh para sarjana dalam penulisan mereka, contohnya ayat ke-91 dalam surah Hūd dibincangkan oleh al-Zamakhshariy (1982: jld.2, hlm. 289), firman Allah SWT :

وَلَوْلَا رَهْطُكَ لَرَجَمْنَاكَ ۗ وَمَا أَنْتَ عَلَيْنَا بِعَزِيزٍ ۗ

Maksudnya: kalau tidaklah kerana kaum keluargamu (wahai Syu'ayb), tentulah kami telah melemparmu (dengan batu hingga mati). Engkau pula bukanlah orang yang dipandang mulia dalam kalangan kami!.

al-Zamakhshariy adalah sarjana pertama yang menjelaskan bahawa ayat tersebut bermaksud menafikan kata ganti "أَنْتَ" (Nabi Syu'ayb AS) dari bersifat mulia, bahkan

keluarga baginda yang bersifat mulia berdasarkan firman Allah SWT dalam ayat ke-92 dalam surah Hūd :

أَرْهَطِيْ - أَعَزُّ عَلَيْكُمْ مِّنَ اللَّهِ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: Patutkah kaum keluargaku yang kamu pandang lebih mulia daripada Allah SWT?

Tafsiran al-Zamakhshariy menunjukkan beliau berpendapat bahawa pendepanan partikel nafi dan kata ganti yang diiringi oleh kata terbitan menghasilkan pengkhususan. Pandangan tersebut telah diterima oleh para sarjana balaghah selepasnya sebagai salah satu kaedah pendepanan.

Surah Hūd juga mengandungi semua jenis tataqāsar kecuali partikel 'af dan bilangan yang mencukupi iaitu sebanyak lima puluh tataqāsar. Penulis tidak menemui sebarang kajian dalam bidang balaghah yang menganalisis surah Hūd. Hanya kajian Azlina bt Abdullah Hasim (2008) yang menganalisis surah Hūd tetapi beliau mengkaji penggunaan laras kecuali. Kajian terdahulu mengenai gaya bahasa pengkhususan juga didapati mengkaji surah lain seperti surah al-Baqarat, Āli 'Imrān, al-Nisā', al-Mā'idat dan Yūsuf. Berdasarkan kelebihan yang ada pada surah Hūd, penulis berharap dapat mengenal pasti bentuk penggunaan pengkhususan dan situasi yang diwakili oleh setiap tataqāsar dalam al-Qur'an al-Karim melalui analisis surah tersebut.

## 1.8 Tinjauan Kajian Berkaitan

Kajian-kajian lepas mengenai gaya bahasa pengkhususan terdiri daripada pelbagai bahan seperti buku, artikel dalam jurnal dan majalah ilmiah, tesis, disertasi dan buku elektronik. Perbincangan kajian-kajian lepas dibahagikan kepada dua kategori iaitu

perbahasan pengkhususan dalam karya-karya sarjana silam dan penulis moden serta perbahasan pengkhususan dalam tesis, jurnal dan majalah ilmiah.

### 1.8.1 Karya-karya berkaitan

Orang pertama yang membahaskan tajuk pengkhususan secara terperinci adalah al-Jurjānīy (meninggal: tahun 471H) dalam bukunya “*Dalā'il al-I'jāz*”. Beliau membahaskan tiga partikel utama pengkhususan iaitu partikel *innamā*, partikel *'aff* dan gaya penafian dengan pengecualian. Beliau juga membahaskan salah satu jenis pengkhususan iaitu jenis qalbi, situasi yang sesuai untuk gaya penafian dengan pengecualian, situasi yang sesuai untuk partikel *innamā* dan fokus pengkhususan (المقصود عليه).

Setelah itu ilmu balaghah disusun dan dipecahkan kepada tiga cabang utama iaitu *bayān*, *ma'ānī* dan *badī'* di tangan al-Sakkākīy (meninggal: tahun 626H). Perbahasan mengenai pengkhususan diletak dalam ilmu *ma'ānī*. Dalam bukunya “*Miftāḥ al-'Ulūm*”, al-Sakkākīy mula menggunakan istilah pengkhususan dan menjelaskan jenis-jenisnya secara terperinci. Setelah itu, al-Qazwīnīy (meninggal: tahun 739H) meringkaskan “*Miftāḥ al-'Ulūm*” dan mengulasnya dalam bukunya “*Talkhīṣ al-Miftāḥ*” serta mengarang sebuah buku lain yang bertajuk “*al-Īdāḥ*” sebagai ulasan kepada “*Talkhīṣ al-Miftāḥ*”.

Penulis-penulis selepas zaman al-Qazwīnīy seperti al-Subkīy (meninggal: tahun 773H), al-Taftāzānīy (meninggal: tahun 791H), al-Maghribīy (meninggal: tahun 1108H) dan al-Dusūqīy (meninggal: tahun 1230H) berperanan mengulas kandungan “*Talkhīṣ al-Miftāḥ*” dan menerangkan lebih lanjut tentang perbahasan pengkhususan.

Penulis telah menemui tiga buah karya penulis moden yang membincangkan topik pengkhususan secara khusus, antaranya sebuah buku yang bertajuk “*Dilālāt al-Tarākīb*” tulisan Muḥammad Muḥammad Abū Mūsā (1987). Perbincangan mengenai pengkhususan dimuatkan dalam 153 halaman; berkisar tentang takrif pengkhususan, pengkhususan jenis hakiki dan *iḍāfīy*, jenis sifat-mawṣūf dan mawṣūf-sifat, empat jenis tataqāṣar yang utama iaitu gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, partikel ‘*af*’ dan kaedah pendepanan. Abū Mūsā mengemukakan penemuan baru mengenai situasi yang bersesuaian untuk penggunaan gaya penafian dengan pengecualian iaitu digunakan untuk penegasan dan menggambarkan luahan perasaan penutur. Beliau menerangkan kaedah penting mengenai pengkhususan dengan mendatangkan pelbagai contoh ayat al-Qur’an al-Karim, Ḥadīth, puisi dan pidato Arab.

Karya “*Dilālāt al-Tarākīb*” merupakan perbincangan terbaik mengenai pengkhususan kerana beliau mengupas sesuatu permasalahan dengan mendalam. Namun Abū Mūsā tidak membincangkan dua tataqāṣar iaitu pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah dan hanya menyentuh situasi pengujaran pengkhususan bagi gaya penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā*.

Karya kedua bertajuk “*Asālīb al-Qaṣr fī al-Qur’ān al-Karīm wa Asrāruhā al-Balāghīyyat*”, tulisan Ṣabbāḥ ‘Abīd Darrāz (1986) dan mengandungi 261 halaman. Darrāz hanya membincangkan dua jenis tataqāṣar iaitu gaya penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā*, tataqāṣar yang lain tidak dibincangkan. Darrāz menekankan analisis ayat al-Qur’an al-Karim yang mengandungi gaya penafian dengan pengecualian yang mengandungi struktur ayat yang hampir sama tetapi partikel nafi dan partikel kecuali adalah berbeza-beza. Beliau cuba mencungkil perbezaan makna antara ayat-ayat yang hampir serupa. Ayat yang mengandungi pengkhususan dikelaskan kepada kriteria seperti

sifat kemanusiaan para Rasul, menafikan sebarang peringatan, kalimah tauhid, masalah rezeki dan alam ghaib.

Darrāz membahaskan dua jenis tataqāsar sahaja sedangkan kajian ini membahaskan semua jenis tataqāsar. Beliau menganalisis perbezaan makna dalam ayat-ayat al-Qur'an al-Karim yang mengandungi pengkhususan dan mempunyai bentuk yang hampir serupa. Kajian ini pula menekankan analisis jenis pengkhususan, situasi penggunaannya dan tujuannya.

Karya ketiga adalah "*Asālib al-Qaṣr fī Aḥādīth al-Ṣaḥīḥayn wa Dilālatuhā al-Balāghīyyat*" tulisan 'Āmir 'AbdulLāh al-Thabaytīy (2004). Karya yang mengandungi 752 halaman ini merupakan satu penyelidikan yang diterbitkan oleh Universiti Islam Madinah. Setelah membincangkan kaedah pengkhususan, beliau menganalisis Ḥadīth Nabawīy yang mengandungi pengkhususan dalam "*Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy*" dan "*Ṣaḥīḥ Muslim*". al-Thabaytīy mendapati bahawa gaya penafian dengan pengecualian paling banyak digunakan, seterusnya partikel *innamā*, partikel *'aff*, pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah. Jenis pengkhususan hakiki adalah lebih banyak daripada jenis pengkhususan *idāfīy* serta jenis sifat-mawṣūf adalah lebih banyak daripada mawṣūf-sifat. al-Thabaytīy juga mendapati kata ganti nama pemisah tidak membawa maksud pengkhususan dalam semua ayat. Data yang dianalisis terlalu banyak menyebabkan beliau menganalisis beberapa ḥadīth dengan ringkas.

Karya-karya tersebut bukanlah perbahasan yang lengkap mengenai gaya bahasa pengkhususan kerana tidak menganalisis teks tertentu. Karya Abū Mūsā (1987) dan Darrāz (1986) hanya menganalisis ayat-ayat terpilih dalam al-Qur'an al-Karim dan tidak meliputi semua jenis tataqāsar. Kajian al-Thabaytīy (2004) pula hanya menganalisis jenis pengkhususan dalam Ḥadīth.

## 1.8.2 Tesis, jurnal dan majalah ilmiah

Penulis telah menjumpai beberapa tesis dan artikel yang boleh membantu penulis dalam kajiannya. Secara keseluruhannya, tesis dan artikel tersebut dapat dibahagikan kepada lima kategori, iaitu:

- a) Kajian yang membahaskan ciri tataqāṣar dan jenis pengkhususan.
- b) Kajian yang mengkaji aspek keindahan gaya bahasa pengkhususan.
- c) Kajian yang mengkaji terjemahan pengkhususan.
- d) Kajian yang mengkaji pengkhususan dari perspektif sarjana tertentu.
- e) Kajian yang mengkaji pengkhususan dari perspektif ilmu lain.

### 1.8.2.1 Ciri tataqāṣar, jenis dan tujuan pengkhususan

al-Jurjānīy (1981: hlm.253) menjelaskan bahawa walaupun gaya penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā* membawa makna pengkhususan namun terdapat perbezaan antara kedua-dua tataqāṣar. Antara perbezaan tersebut adalah ayat yang mengandungi partikel *innamā* adakalanya tidak boleh diganti dengan penggunaan penafian dengan pengecualian dan juga sebaliknya. Ayat yang mengandungi gaya penafian dengan pengecualian juga boleh digabungkan dengan partikel "مِنْ" tambahan tetapi partikel *innamā* tidak boleh digabungkan dengannya. Perbezaan ketara seterusnya antara kedua-dua tataqāṣar adalah dari sudut situasi penggunaannya. Gaya penafian dengan pengecualian digunakan untuk perkara yang diingkari dan tidak diketahui oleh pendengar. Partikel *innamā* pula digunakan untuk perkara yang telah diketahui dan boleh diterima oleh pendengar, untuk menarik perhatian dan untuk memberi bayangan terhadap makna lain.



al-Suhaylīy pula mengatakan kata ganti nama pemisah digunakan sekiranya sesuatu perkara yang dikhususkan kepada Allah SWT tetapi disandarkan kepada pihak lain (dipetik oleh al-Sayutīy (1987: jld.2, hlm.800)).

Abū Mūsā (1987: hlm.105) kemudiannya menemui dapatan baru mengenai gaya penafian dengan pengecualian. Beliau mendapati ia turut digunakan dalam situasi penegasan dan untuk menggambarkan luahan perasaan penutur dalam ayat al-Qur'an al-Karim dan Ḥadīth Nabawīy.

Penulis telah menemui enam buah tesis dan disertasi yang mengkaji ciri tataqāṣar, jenis dan tujuan pengkhususan dalam al-Qur'an al-Karim dan puisi Arab. Manakala dalam kategori artikel sebanyak tiga buah artikel dalam pelbagai jurnal telah ditemui.

Muḥammad al-Jabālīy (2008) yang mengkaji perbezaan antara ayat-ayat al-Qur'an al-Karim yang hampir serupa tetapi mengandungi partikel pengkhususan yang berbeza menegaskan bahawa terdapat perbezaan antara setiap ayat dengan yang lain. Beliau mendapati bahawa penggunaan lafaz yang berulang dalam ayat al-Qur'an al-Karim yang mengandungi pengkhususan tidak menjejaskan maknanya walaupun lafaznya diulang. Kenyataan tersebut disokong oleh (Mubārak Najm al-Dīn & Sawsan 'Uthmān: 2012) bahawa setiap tataqāṣar mempunyai ciri yang tersendiri dan sesuatu tataqāṣar yang sesuai digunakan dalam ayat tertentu tidak boleh ditukar dengan tataqāṣar yang lain.

Aḥmad 'Abduh al-'Az'azīy (2006) yang mengkaji pengkhususan dalam puisi al-Mutannabī serta Samīr Aḥmad (2008) yang mengkaji gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā* dan pendepanan, kedua-duanya menyokong pendapat al-Jurjānīy. Kedua-duanya menyetujui al-Jurjānīy yang mengatakan gaya penafian dengan pengecualian adalah untuk perkara yang diingkari oleh pendengar dan partikel *innamā* untuk perkara yang telah diketahui oleh pendengar.

Penulis menemui tiga buah kajian yang menyebut tentang situasi penggunaan gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah. Kajian Najāḥ al-Zahhār (1983) yang mengkaji pengkhususan dalam surah al-Fātiḥah hingga surah al-Tawbat mendapati gaya penafian dengan pengecualian tidak semestinya digunakan untuk perkara yang diingkari oleh pendengar sahaja, dan partikel *innamā* juga tidak semestinya digunakan untuk perkara yang telah diketahui oleh pendengar sahaja. Seterusnya Nisrīn Ṭāhir (2007) yang mengkaji pengkhususan dalam al-Qur'an al-Karim pula mendedahkan bahawa gaya penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā* turut digunakan dalam situasi penegasan. 'Imād Kāzīm (2009) yang menganalisis himpunan doa 'Alī Zayn al-'Ābidīn pula mengatakan bahawa penggunaan pengekhasan pesandar selalunya berkaitan dengan sifat Allah SWT. Kāzīm (2009) juga mendapati unsur perakuan lebih menonjol daripada unsur penafian dalam penggunaan kata ganti nama pemisah.

Penulis mendapati ramai pengkaji mengulangi pendapat al-Jurjānīy dalam masalah penggunaan gaya penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā* namun Nisrīn Ṭāhir (2007) yang mengatakan kedua-dua tataqāṣar digunakan untuk situasi penegasan adalah suatu penambahan baru. Manakala pendapat 'Imād Kāzīm (2009) bahawa pengekhasan pesandar selalunya berkaitan dengan sifat Allah SWT bukanlah satu kaedah yang umum tetapi khusus kepada teks tertentu sahaja.

Terdapat tiga buah kajian yang menemui dapatan mengenai jenis pengkhususan. Aḥmad 'Abduh al-'Az'azīy (2006) yang mengkaji pengkhususan dalam puisi al-Mutannabī mendapati bahawa dalam puisi tersebut jenis hakiki *iddi'ā'īy* lebih banyak daripada jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis *iḍāfīy* lebih banyak daripada jenis hakiki. Pengkhususan jenis mawṣūf-sifat juga lebih banyak daripada sifat-mawṣūf.

Jihād al-Naṣīrāt (2014) yang mengkaji ayat yang mengandung penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā* yang bertemakan kemewahan kehidupan dunia mendapati semua ayat al-Qur'an al-Karim yang dikajinya adalah jenis mawṣūf-sifat. Jihād al-Naṣīrāt (2014) juga menemui *maqṣūr 'alayh* yang terdiri daripada satu sifat, dua sifat atau lima sifat.

Di samping itu Isma'īl Sībūkar (2014) yang menganalisis fleksi ayat al-Qur'an al-Karim yang mengandung pengkhususan mendapati bahawa ayat yang mengandung pengkhususan telah bersepadu dengan cabang ilmu balaghah yang lain seperti *isti'ārat*, *majāz*, *kināyat*, simile, *al-ta'rīj*, *al-tankīr*. Jihād al-Naṣīrāt (2014) turut mendapati bahawa pengkhususan didatangkan dalam bentuk *tasybīh balīgh* atau *tasybīh tamthīlī*.

Berkenaan dengan analisis tujuan penggunaan pengkhususan, hanya Najāḥ al-Zahhār (1983) dan Nisrīn Ṭāhir (2007) yang mengkaji perkara tersebut. Najāḥ al-Zahhār (1983) mendapati pengkhususan digunakan dalam al-Qur'an al-Karim dengan tujuan untuk memberi peringatan, mengancam, mengeji, memotivasi ke arah kebaikan dan sebagainya. Nisrīn Ṭāhir (2007) yang hanya mengkaji tujuan penggunaan dalam sebahagian ayat mengatakan gaya penafian dengan pengecualian digunakan untuk mencela manakala partikel *innamā* digunakan untuk mengancam.

Penulis berpendapat dapatan yang diperolehi daripada analisis pelbagai jenis teks berkaitan dengan jenis pengkhususan, ciri-ciri tataqāṣar dan tujuan penggunaan pengkhususan berkemungkinan menghasilkan dapatan yang hampir sama atau dapatan yang berbeza. Faktor yang menyebabkan persamaan atau perbezaan tersebut adalah bergantung kepada bentuk teks dan konteks ayat yang dianalisis. Justeru walaupun pengkhususan telah dikaji namun ini tidak menghalang kajian baru dijalankan sekiranya teks yang akan dianalisis berbeza dan aspek yang akan diberi perhatian juga berlainan.

Semua kajian yang disebutkan tadi menganalisis ayat al-Qur'an al-Karim, Ḥadīth dan puisi yang dikelaskan kepada beberapa kategori seperti jenis pengkhususan, jenis tataqāṣar, struktur ayat kerjaan atau ayat namaan dan kedudukan *maqṣūr* dan *maqṣūr 'alayh* iaitu pengkhususan antara subjek dengan predikat, antara kata kerja dengan pelaku dan antara pelaku dengan objek. Topik yang dianalisis oleh kajian terdahulu adalah mengenai fleksi, jenis pengkhususan, tujuan pengkhususan dan makna ayat. Najāḥ al-Zahhār (1983) dan Nisrīn Ṭāhir (2007) mengkaji jenis pengkhususan, makna ayat dan tujuan pengkhususan. Aḥmad al-'Az'azīy (2006), Samīr Aḥmad (2008), Mubārak dan Sawsan (2012) dan Jihād al-Naṣīrāt (2014) pula mengkaji jenis pengkhususan dan makna ayat. Ismā'īl Sībūkar (2014) pula mengkaji fleksi ayat yang mengandungi pengkhususan.

Dari sudut bilangan tataqāṣar yang dikaji, Najāḥ al-Zahhār (1983), Aḥmad al-'Az'azīy (2006), Nisrīn Ṭāhir (2007) dan Ismā'īl Sībūkar (2014) menganalisis semua enam jenis tataqāṣar. Mubārak dan Sawsan (2014) menganalisis empat jenis tataqāṣar sedangkan Samīr Aḥmad (2008) dan Muḥammad al-Jabālīy (2008) menganalisis tiga jenis tataqāṣar. Jihād al-Naṣīrāt (2014) pula menganalisis dua jenis tataqāṣar dan 'Imād Kāzim (2009) hanya menganalisis satu jenis tataqāṣar.

Salah satu aspek yang tidak ditemui dalam kajian terdahulu adalah analisis situasi pengujaran pengkhususan mengikut jenis tataqāṣar. Penetapan kaedah untuk situasi ini telah dibincangkan oleh al-Jurjānīy (1981) dan Abū Mūsā (1987) namun tiada kajian lanjut dijalankan untuk mempraktikkan kaedah tersebut dalam teks. Kajian lepas hanya membincangkan situasi pengujaran dalam gaya penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā*. Oleh itu penulis ingin membincangkan keadaan atau situasi pengujaran pengkhususan mengikut jenis tataqāṣar untuk mengenal pasti sama ada sesuatu tataqāṣar itu dikhususkan untuk situasi tertentu atau tidak. Penulis juga menganalisis sebuah surah sahaja iaitu surah Hūd dan menumpukan kepada aspek berikut dalam menganalisis iaitu

jenis pengkhususan mengikut kategori hakiki dan *idāfīy*, kategori jenis sifat dan *mawṣūf*, struktur ayat, situasi pengujaran dan tujuan penggunaannya. Penulis juga menganalisis kesemua enam jenis tataqāsar dalam surah Hūd.

#### 1.8.2.2 Aspek keindahan gaya bahasa pengkhususan

Penulis menemui tiga buah kajian yang cuba menyingkap keindahan dan keistimewaan gaya bahasa pengkhususan. ‘Abd al-Raḥīm al-Habīl (2011) mengatakan tataqāsar memiliki ciri persamaan dan perbezaan yang merupakan dimensi kecantikan gaya bahasa pengkhususan. Antara ciri tersebut adalah penegasan dan kepelbagaian, antonim dan sinergi antara perkara yang dinafikan dengan yang dikhususkan, keseimbangan dan kesetaraan serta unsur penafian dan perakuan.

‘Imād Kāzīm (2009) pula menjelaskan aspek semantik dalam frasa yang mengandungi kata ganti nama pemisah telah menghasilkan kesepaduan makna pada seluruh ayat.

Khulūd al-‘Ammūsy (2011) yang mengkaji kata ganti nama pemisah dalam surah Yūsuf turut mengakui keistimewaan kata ganti nama pemisah yang mampu menyampaikan matlamat komunikasi serta menyingkap hubungan antara penutur dengan pendengar. Ismā‘īl Sībūkar (2014) juga mengatakan bahawa penggunaan setiap perkataan dalam ayat yang mengandungi pengkhususan adalah sepadan dengan kedudukannya.

Pada pandangan penulis semua kajian yang mengkaji gaya bahasa pengkhususan dalam al-Qur’an al-Karim, Ḥadīth Nabawīy dan puisi dari penyair terkenal akan mendapati bahawa penggunaan pengkhususan adalah bersesuaian dengan matlamat yang ingin disampaikan oleh pendengar, bahkan pemilihan perkataannya adalah menepati makna keseluruhan ayat. Walaupun semua kajian akan menemui aspek keserasian dan

keindahan dalam penggunaan pengkhususan namun penulis berpendapat perkara yang paling penting adalah proses yang dijalankan untuk membuktikan penemuan tersebut dan cara untuk mencapainya.

### 1.8.2.3 Terjemahan pengkhususan

Penulis menemui tiga buah kajian mengenai terjemahan pengkhususan dalam ayat al-Qur'an al-Karim dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Mohamad Firman Shah (2010) yang membandingkan terjemahan ayat yang mengandungi pengkhususan dari Terjemahan Mahmud Yunus dengan empat buah terjemahan yang lain mendapati masalah dalam terjemahan makna pengkhususan disebabkan oleh perbezaan struktur ayat bahasa Arab dan bahasa Indonesia.

Muhammad Arsyad bin Abdul Majid (2009) pula mengkaji terjemahan pendepanan yang membawa makna pengkhususan dalam surah al-Baqarat. Tujuan kajian adalah untuk melihat bagaimana makna implisit pendepanan pesandar, penyandar dan pelengkap kata kerja diterjemah ke bahasa Melayu. Muhammad Arsyad mendapati penggunaan kata tugas “bukan” dan pendepanan predikat tidak diambil kira dalam menterjemah makna pengkhususan. Beliau juga mendapati ayat yang mengalami pendepanan pesandar paling kerap diterjemahkan dengan mengekalkan bentuk pendepanan dalam bahasa sasaran.

Mohammed Jāsīm Mohammed (2013) pula mengkaji penegasan (*tawkkīd*) dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris serta mencari masalah yang timbul semasa menterjemah ayat al-Qur'an al-Karim yang mengandungi penegasan ke bahasa Inggeris. Antara jenis penegasan adalah partikel *inna*, *lam*, *min*, *innamā*, gaya penafian dengan pengecualian, kata nama penguat dan sebagainya. Mohammed Jāsīm mendapati ayat yang mengandungi

penegasan yang diterjemah ke bahasa Inggeris kurang impak penegasannya dan kekuatannya berbanding dengan ayat dalam bahasa asal iaitu bahasa Arab.

Ketiga-tiga kajian tersebut tidak berkaitan dengan kajian penulis kerana mereka memfokuskan aspek terjemahan pengkhususan sedangkan kajian penulis memfokuskan kepada analisis ayat yang mengandungi pengkhususan bagi menerangkan jenis, situasi pengujaran, tujuan dan struktur ayat pengkhususan.

#### 1.8.2.4 Pengkhususan dari perspektif sarjana tertentu

Penulis menemui tiga buah kajian yang mengkaji pengkhususan dari perspektif sarjana tertentu. Antara sarjana tersebut adalah al-Zamakhshariy melalui tafsirnya “*al-Kasysyāf*”. Tāmir Sallūm (1996) mengkaji bagaimana al-Zamakhshariy menjelaskan gaya bahasa pengkhususan ketika mentafsirkan ayat yang mengandungi pengkhususan. Tāmir Sallūm mendapati al-Zamakhshariy tidak menyebut permasalahan nahu mengenai tataqashar dan tidak menerangkan aspek keindahan pengkhususan. al-Zamakhshariy juga tidak membincangkan perbezaan terperinci antara gaya penafian dengan pengecualian dengan partikel *innamā*. al-Zamakhshariy menganggap partikel *annamā* membawa makna pengkhususan sepertimana partikel *innamā*. Jenis tataqashar bagi al-Zamakhshariy adalah enam jenis iaitu gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, partikel ‘*af*, pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah. Penemuan baharu al-Zamakhshariy dalam perbahasan pengkhususan adalah menemui pendepanan *jārr* dan *majrūr* untuk tujuan pengkhususan.

Kajian kedua yang dijalankan oleh ‘Abd al-Nūr Ḥamīdī (2006) bertujuan untuk membandingkan cara Sībawayh dengan cara al-Jurjāniy dalam mengetengahkan perbahasan pengkhususan. ‘Abd al-Nūr Ḥamīdī membincangkan kaitan antara ilmu nahu

dengan balaghah, seterusnya menganalisis persamaan dan perbezaan kedua-dua tokoh mengenai pengkhususan dan menganalisis Hadīth yang mengandungi pengkhususan dalam kitab “*al-Muwaṭṭā*” karangan Imam Mālik. Antara kesimpulan kajian ini adalah Sībawayh tidak membahaskan pengkhususan dalam topik khusus tetapi dibincangkan dalam pelbagai topik. al-Jurjānīy banyak menggunakan metode perbandingan antara tataqashar. al-Jurjānīy juga telah memanfaatkan kajian Sībawayh mengenai pengkhususan untuk melanjutkan perbahasannya dalam ilmu *ma‘ānī*.

Kajian ketiga adalah kajian yang dijalankan oleh Mansūr Muḥammad Abū Zīnaṭ dan Muḥammad Riḍā al-Ḥūrīy (t.t) dari Fakulti Syariah, Universiti Yarmūk, Jordan namun tidak disebut tahun kajian itu dijalankan. Abū Zīnaṭ dan al-Ḥūrīy membandingkan pandangan Abū Ḥayyān al-Andalusīy dan al-Zamakhsharīy yang berbeza mengenai masalah pendepanan komponen yang sepatutnya berada di akhir ayat (تَقْدِيمِ مَا حَقَّهُ التَّأْخِيرِ) iaitu pendepanan pesandar dan pendepanan pelengkap kata kerja. al-Zamakhsharīy berpendapat bahawa pendepanan pesandar dan pendepanan pelengkap kata kerja membawa makna pengkhususan. Namun Abū Ḥayyān al-Andalusīy berpendapat bahawa pendepanan jenis itu tidak membawa makna pengkhususan dan hanya bermaksud lebih utama.

Dapatan kajian menunjukkan pendapat al-Zamakhsharīy bahawa pendepanan pesandar dan pendepanan pelengkap kata kerja membawa makna pengkhususan adalah lebih tepat kerana ia disokong oleh pelbagai sarjana balaghah dan tafsir. Abū Zīnaṭ dan al-Ḥūrīy juga merumuskan ilmu tafsir perlu mempunyai kaedah balaghah seragam supaya pentafsiran ayat al-Qur’an al-Karim diselaraskan berpandukan kaedah yang mantap.

Ketiga-tiga kajian tersebut membincangkan pengkhususan dari sudut pandangan sarjana tertentu sedangkan kajian penulis akan menggabungkan pandangan sarjana sama



balagh, nahu dan tafsir mengenai pengkhususan. Kedua-dua kajian tersebut berteraskan kepada metode sejarah sedangkan kajian ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif.

#### 1.8.2.5 Pengkhususan dari perspektif ilmu lain

Penulis menemui dua buah kajian yang membahaskan pengkhususan dari perspektif ilmu lain. Khālid Tawātī (t.t) menganalisis kesan pengkhususan atau *al-ḥaṣr* bagi menentukan hukum fiqh dalam *mafhūm al-ḥaṣr* yang merupakan cabang *mafhūm mukhālafat*, masalah umum dan khusus serta *nasakh*. Kajian ini adalah disertasi peringkat sarjana di Fakulti Usuluddin, Universiti Algeria namun tidak dinyatakan tahun kajian dijalankan. Khālid Tawātī membincangkan kaedah *al-ḥaṣr* dalam ilmu usul fiqh dan membincangkan pemahaman *al-ḥaṣr* menurut golongan yang menerimanya sebagai kaedah pengkhususan serta golongan yang menolaknya dalam hukum bersuci, solat, haji dan muamalat.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Mīkā'il Ibrāhīm (2000) untuk mengenal pasti gaya bahasa yang menghasilkan pengkhususan dan penegasan dalam bahasa Arab, yang terdiri daripada *al-qaṣr*, laras kecuali, pendepanan, sifat, *tawkid*, *badal*, seruan, *ikhtiṣāṣ* dan *ta'rīf* dengan partikel alif-lam. Mīkā'il membincangkan kaedah serta menyenaraikan contoh-contoh ayat. Kajian ini mendapati semua bentuk pengkhususan tadi membataskan makna yang umum.

Perbezaan kajian ini dengan kajian penulis adalah Mīkā'il mengkaji semua jenis pengkhususan mengikut makna am sedangkan penulis membataskan kajiannya kepada gaya bahasa pengkhususan. Kajian Mīkā'il hanya menerangkan teori pengkhususan tanpa menganalisis teks manakala kajian penulis melibatkan teori dan analisis teks.

### 1.8.3 Rumusan dan perbandingan

Kajian mengenai gaya bahasa pengkhususan telah dimulakan sejak dari zaman al-Jurjānīy dan diteruskan hingga ke hari ini. Penulis mendapati kajian-kajian terdahulu menganalisis gaya bahasa pengkhususan dalam puisi Arab, Ḥadīth Nabawīy, teks doa dan beberapa surah dalam al-Qur'an al-Karim. Kajian-kajian terdahulu membahaskan tentang aspek keindahan gaya bahasa pengkhususan, terjemahan makna pengkhususan, pengkhususan dari perspektif sarjana tertentu dan pengkhususan dari perspektif ilmu nahu dan ilmu usul fiqh. Penulis tidak menemui sebarang penyelidikan yang menganalisis pengkhususan dalam surah Hūd seperti kajian ini.

Dari sudut aspek yang ingin dianalisis, penulis tidak menemui kajian yang menggabungkan aspek-aspek berikut iaitu mengkaji enam jenis tataqāsar, jenis-jenis pengkhususan, situasi penggunaannya, tujuannya dan struktur ayatnya. Kajian-kajian terdahulu menumpukan analisis jenis pengkhususan dan situasi penggunaan penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā* dengan mengabaikan tataqāsar yang lain. Kebanyakan kajian terdahulu juga hanya mengkaji sebahagian jenis tataqāsar.

Semua kajian terdahulu adalah dalam bahasa Arab dan tiada sebarang penyelidikan ditulis mengenai gaya bahasa pengkhususan secara khusus dalam bahasa Melayu. Justeru kajian ini boleh dianggap sebagai kajian pertama mengenai gaya bahasa pengkhususan dalam bahasa Melayu.

### 1.9 Metodologi Kajian

Kajian ini tergolong dalam kajian kualitatif. Seorang pengkaji yang menggunakan pendekatan kualitatif hendaklah memfokuskan kepada satu konsep atau fenomena,

seterusnya membuat pemerhatian, menganalisis, mentafsirkan dan menghuraikan data yang diperolehinya. Data yang bersesuaian adalah seperti temubual tidak berstruktur, teks, gambar, rakaman suara, rakaman pemerhatian dan sebagainya (Creswell, 2003: hlm.19).

Menurut Pabiah, Che Radiah & Nik Farhan (2014: hlm. 41) penyelidikan kualitatif terbahagi kepada dua jenis iaitu :

- a) Kualitatif yang mengandungi tindak balas atau yang dinamakan kajian lapangan yang melibatkan pengumpulan data dan pemerhatian bahan seperti temubual, rakaman percakapan dan borang kaji selidik.
- b) Kualitatif yang tidak mengandungi tindak balas atau yang dinamakan kajian perpustakaan yang menganalisa bahan dokumentasi dan mengkaji sejarah sesuatu.

Dari sudut yang lain, sarjana Arab muslim telah menyarankan metode yang bersesuaian untuk kajian dalam bidang balaghah Arab iaitu metode analisis deskriptif (المَنْهَجُ الوَصْفِيُّ التَّحْلِيلِيُّ). Asas utama kepada kajian analisis deskriptif terdiri daripada penjelasan beberapa orang sarjana mengenai sesuatu permasalahan balaghah atau pendapat seorang sarjana mengenai beberapa permasalahan balaghah dan seterusnya menganalisis pendapat tersebut. Kajian yang berteraskan analisis deskriptif hendaklah dimulakan dengan pengumpulan data iaitu pendapat seorang sarjana atau beberapa orang sarjana, pengkelasan data kepada kategori tertentu dan menganalisis pendapat tersebut dengan menyebut persamaan atau perbezaan antaranya (al-Hudhud, 2004: hlm. 49).

Reka bentuk kajian analisis deskriptif tersebut adalah menyerupai reka bentuk kajian perpustakaan. Hal ini diperhatikan melalui langkah pelaksanaan kajian perpustakaan yang bermula dengan penentuan dokumen yang ingin dikaji, pengumpulan data dan menganalisis data dengan melakukan pengkodan maklumat yang diperolehi dan

seterusnya mengelaskannya (Pabiah, Che Radiah & Nik Farhan, 2014: hlm. 47). Justeru dapatlah disimpulkan bahawa kajian perpustakaan juga dikenali sebagai kajian analisis deskriptif dalam kalangan sarjana Arab muslim.

Kajian penulis adalah dari jenis kajian perpustakaan atau kajian analisis deskriptif. Kajian ini mengandungi enam bab. Bab pertama adalah pendahuluan kepada kajian. Bab kedua adalah mengenai kemunculan dan perkembangan gaya bahasa pengkhususan dalam ilmu balaghah. Bab ketiga menerangkan pengenalan surah Hūd serta konsep situasi dan tujuan pengkhususan. Bab keempat mengandungi analisis pengkhususan jenis hakiki dalam surah Hūd dan bab kelima mengandungi analisis pengkhususan jenis *iḍāfīy* dalam surah Hūd. Bab keenam pula adalah kesimpulan kajian.

Istilah dari sumber bahasa Arab yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu adalah berpandukan kepada istilah yang terkandung dalam “Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab” terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka pada tahun 1996. Terjemahan ayat al-Qur’an al-Karim ke bahasa Melayu diperolehi daripada Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur’an susunan Sheikh Abdullah Basmeih yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Secara umumnya kajian ini berpaksikan kepada dua elemen berikut iaitu :

### **1.9.1 Pengumpulan data**

Salah satu teknik terpenting dalam kajian analisis deskriptif adalah proses pengumpulan data secara deskriptif yang kemudiannya ditulis dalam laporan (Pupu Saeful, 2009: hlm. 4). Dalam kajian ini, data primer diambil dari al-Qur’an al-Karim. Data sekunder pula diambil dari pelbagai sumber seperti jurnal, buku-buku dalam bidang nahu, balaghah, tafsir, buku elektronik dan laman web ilmiah. Rujukan tersebut diperolehi

dari simpanan penulis sendiri, perpustakaan Universiti Malaya, perpustakaan Kolej Universiti Insaniah, perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, perpustakaan Waqfeya dan laman web “tafsir.com”.

Bagi mencapai objektif pertama iaitu mengkaji kemunculan dan perkembangan gaya bahasa pengkhususan dalam ilmu balaghah, penulis merujuk beberapa karya balaghah silam dan moden, antaranya “*‘Ilm al-Ma‘ānī*” tulisan Basyūnī Fayyūd (2008), “*Dilālāt al-Tarākīb*” tulisan Muḥammad Abū Mūsā (1987), “*al-Ma‘ānī fī Daw‘ Asālīb al-Qur‘ān*” tulisan ‘Abd al-Fattāḥ Lāsyīn (1976), “*Dalā’il al-I’jāz*” tulisan ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānīy (1981), “*Miftāḥ al-‘Ulūm*” tulisan Abū Yūsuf al-Sakkākīy (2000) dan “*al-Iḍāḥ fī ‘Ulūm al-Balāghat*” tulisan al-Khaṭīb al-Qazwīnīy (1999). Beberapa karya ilmu nahu juga menjadi panduan penulis seperti “*Mughnī al-Labīb*” karangan Ibn Hisyām al-Anṣārīy (1985), “*Rasf al-Mabānī*” karangan al-Māliqīy (1974) dan “*al-Naḥw al-Wāfī*” karangan ‘Abbās Ḥasan (1995).

Ketika menganalisis gaya bahasa pengkhususan dalam surah Hūd, penulis merujuk kepada kitab tafsir yang mementingkan sudut nahu, balaghah dan *munāsabat* (korelevanan) antara ayat dengan ayat lain seperti “*al-Kasysyāf*” tulisan al-Zamakhsyariy (1982), “*al-Baḥr al-Muḥīṭ*” tulisan Abū Ḥayyān al-Andalusīy (1992), “*Mafātīḥ al-Ghayb*” tulisan Fakhr al-Dīn al-Rāzīy (1994) “*Naẓm al-Durur*” tulisan al-Biqā‘īy (1975), “*Irsyād al-‘Aql al-Salīm*” tulisan Abū al-Su‘ūd (2001) dan “*al-Taḥrīr wa al-Tanwīn*” tulisan Ibn ‘Āsyūr (2001). Penulis juga merujuk kepada kitab yang mementingkan fleksi ayat al-Qur’an al-Karim untuk mengetahui fleksi perkataan dan menentukan struktur ayat, seperti “*al-Durr al-Maṣūn*” tulisan al-Samīn al-Ḥalabīy (1985), “*I’rāb al-Qur‘ān al-Karīm*” tulisan Muḥyi al-Dīn al-Darwīsy (1988) dan “*al-Jadwal fī I’rāb al-Qur‘ān*” tulisan Maḥmūd Ṣāfī (1991).

Penyelidikan jenis kualitatif menggunakan sampel yang sedikit dan dipilih mengikut tujuan penyelidikan dijalankan, lebih dikenali sebagai “purposive sampling” (Pupu

Saeful, 2009: hlm. 5). Penulis telah memilih sebuah surah dari al-Qur'an al-Karim iaitu surah Hūd dan menemui sebanyak 50 tataqāsar. Satu lampiran yang mengandungi ayat al-Qur'an al-Karim yang mempunyai gaya bahasa pengkhususan disertakan di akhir kajian ini. Berdasarkan bilangan tataqāsar dari pelbagai jenis, sampel yang dipilih mencukupi untuk membantu penulis mencapai objektif kajian.

### **1.9.2 Menganalisis data**

Data yang dikumpulkan dari sumber bertulis dianalisis, ditapis dan disusun menjadi bab-bab dan subtopik. Pupu Saeful (2009: hlm. 4) menegaskan analisis data hendaklah dilakukan dari awal hingga akhir kajian. Dalam penyelidikan ini, penulis menggunakan metode berikut iaitu metode analisis wacana, metode pengiraan, metode perbandingan dan metode historis.

#### **1.9.2.1 Metode analisis wacana**

Definisi wacana mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (Noresah Baharom et al., 2007: hlm. 1793) ialah “keseluruhan tutur yang merupakan suatu kesatuan, ucapan, pertuturan dan percakapan atau kesatuan fikiran yang utuh, sama ada dalam bentuk lisan seperti pidato dan khutbah atau tulisan seperti surat, artikel, novel, cerpen”.

Analisis wacana pula bermaksud kajian tentang cara bagaimana bahasa yang digunakan dalam teks mengikut konteks tertentu. Pendekatan yang diasaskan pada tahun 1970-an, analisis wacana menitik beratkan penggunaan bahasa dalam sesebuah teks, merangkumi beberapa ayat, melibatkan interaksi antara penulis dengan pembaca dalam konteks tertentu dan berlaku dalam ruang lingkup kebiasaan masyarakat dan budaya mereka (Abrams & Harpham, 2009: hlm. 81).

Penggunaan pendekatan linguistik dalam menganalisis wacana tidak hanya mengetahui isi teks tetapi dapat menilai bagaimana manusia menggunakan bahasa untuk berkomunikasi, tahu mesej yang ingin disampaikan kepada penerima dan bagaimana penerima memproses mesej itu untuk menafsirkannya. Justeru pertimbangan asas yang perlu diperhatikan dalam menganalisis wacana ialah rujukan penutur, kesimpulan, konteks situasi dan menilai apa yang ingin dibayangkan oleh penutur melalui tulisannya (Brown & Yule, 1983: hlm. 27).

Proses menganalisis sesuatu wacana bukan setakat mengkaji aspek nahu dan morfologi perkataan dalam wacana tetapi hendaklah diketahui siapa penutur dan penerima, bila dan di mana wacana diucapkan. Malahan perkataan-perkataan umum seperti “di sini, sekarang, ini dan itu” mesti diselidiki dengan lebih mendalam untuk memahami konteks situasi sesuatu wacana (Brown & Yule, 1983: hlm.27). Rentetan dari hal tersebut, penulis merujuk kepada Teori Konteks yang dikemukakan oleh Hymes (1964) dan Lewis (1972) ketika menganalisis surah Hūd. Perkara-perkara yang menjadi pertimbangan asas penulis berdasarkan pendekatan analisis wacana ini akan diperjelaskan dalam topik Kerangka Teori Kajian.

Dalam proses menganalisis ayat-ayat al-Qur’an al-Karim yang mengandungi gaya bahasa pengkhususan, penulis perlu mempertimbangkan niat sebenar penutur untuk menentukan jenis hakiki atau *iḍāfīy*. Penulis juga perlu meneliti penerimaan pendengar terhadap sesuatu mesej untuk menentukan jenis qalbi, *ifrād* atau penentuan. Seterusnya penjelasan mengenai situasi sesuatu ayat al-Qur’an al-Karim, seperti penutur, pendengar, tempat dan masa dapat diperolehi dari buku-buku tafsir *ma’thūr*. Penulis merujuk buku-buku berkenaan untuk lebih memahami konteks ayat.

### 1.9.2.2 Metode pengiraan

Menurut ‘Amāyirat (1992: hlm.126) kebiasaannya kajian deskriptif bahasa (المنهج الوصفي اللغوي) perlu disokong dengan pengiraan sesuatu pola morfologi atau nahu atau gaya bahasa. Metode pengiraan (منهج الإحصاء) ini amat berfaedah kerana dapat diketahui struktur atau pola atau frasa atau perkataan yang sering digunakan dalam sesuatu wacana lantas menjadi rujukan mudah untuk bahan pengajaran dan pembelajaran (Yāqūt, 2003: hlm.121).

Penulis menjalankan pengiraan secara manual bilangan tataqāsar, jenis hakiki dan *idāfiyy*, jenis sifat-mawṣūf dan mawṣūf-sifat, struktur ayat, tujuan penggunaan pengkhususan dan kategori situasi pengujaran bagi ayat yang mengandungi pengkhususan dalam surah Hūd. Terdapat dua lampiran disertakan di akhir kajian ini, lampiran pertama adalah ayat-ayat yang mengandungi pengkhususan dalam surah Hūd yang dikelaskan kepada jenis tataqāsar berserta dengan jenis, situasi dan tujuan pengkhususan. Lampiran kedua pula merupakan analisis struktur ayat yang terdiri daripada *maqṣūr*, *maqṣūr ‘alayh* dan kedudukannya dan topik perbincangan ayat.

### 1.9.2.3 Metode perbandingan

Penulis membandingkan dapatan sarjana balaghah mengenai permasalahan gaya bahasa pengkhususan. Penulis juga membandingkan pandangan sarjana tafsir mengenai tafsiran sesuatu ayat bagi merumuskan maksud yang lebih tepat. Ketika berdepan dengan perbezaan pandangan dari para sarjana, penulis akan menggunakan metode perbandingan dengan mengutamakan pandangan dari majoriti sarjana. Penulis juga menyokong pandangan yang dianggap lebih sahih atau mengutarakan pandangan penulis sendiri mengikut kemampuan penulis.



#### 1.9.2.4 Metode historis

Penulis turut menggunakan metode historis dengan meninjau perkembangan gaya bahasa pengkhususan dalam kalangan sarjana Arab bermula dari zaman Sībawayh, Abū ‘Alī al-Fārisīy, Aḥmad bin Fāris, al-Jurjānīy, al-Zamakhsyarīy, al-Sakkākīy dan al-Qazwīnīy.

Kesimpulannya, penulis menggunakan metode perbandingan dan metode historis untuk mencapai objektif pertama dari kajian ini. Seterusnya penulis menggunakan metode analisis wacana, metode pengiraan dan metode perbandingan untuk merealisasikan objektif kedua dan ketiga dari kajian ini.

#### 1.9.3 Proses analisis surah Hūd

Analisis surah Hūd dibahagikan kepada dua bahagian, analisis pengkhususan jenis hakiki dalam Bab Empat dan analisis pengkhususan jenis *idāfīy* dalam Bab Lima. Seterusnya ayat-ayat tersebut dikelaskan kepada jenis yang lebih terperinci seperti hakiki *taḥqīqīy*, hakiki *iddi ‘ā’īy*, qalbi dan *ifrād*. Perkara yang dianalisis adalah mengenai jenis tataqāṣar, jenis pengkhususan, kedudukan *maqṣūr* dan *maqṣūr ‘alayh*, struktur ayat, situasi pengujaran dan tujuannya.

Penentuan jenis pengkhususan dibuat berpandukan kepada Teori Pengkhususan yang diutarakan oleh Abū Mūsā (1987). Pembahagian kategori situasi pengujaran dibuat berdasarkan pembahagian yang diutarakan oleh al-Jurjānīy (1981: hlm. 254-273) dan Abū Mūsā (1987: hlm.105) bagi gaya penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā*. Penulis seterusnya cuba mengaplikasikan semua situasi tersebut kepada tataqāṣar lain. Struktur ayat yang mengandungi pengkhususan pula ditentukan mengikut bentuk yang dikemukakan oleh al-Sakkākīy (2000: hlm. 408).

Tujuan penggunaan pengkhususan dalam sesuatu ayat dapat dikenal pasti setelah memahami makna ayat dengan lebih terperinci. Proses menentukan situasi dan tujuan penggunaan pengkhususan bergantung sepenuhnya kepada huraian dan tafsiran dari para sarjana tafsir. Struktur ayat pula dapat dikenal pasti dengan meneliti fleksi ayat tersebut.

### **1.10 Kerangka Teori Kajian**

al-Jurjānīy (meninggal: tahun 471H) merupakan sarjana balaghah pertama yang membahaskan pengkhususan secara khusus dan mendalam. Sarjana-sarjana selepas zaman beliau telah merumus kaedah pengkhususan yang lebih teratur dan melengkapkan perbahasan yang masih tidak dibincangkan, antaranya al-Sakkākīy, al-Qazwīnīy, al-Taftāzānīy dan sebagainya.

Antara penulis moden yang mengkaji tentang gaya bahasa pengkhususan secara terperinci adalah Abū Mūsā dalam karya beliau “*Dilālāt al-Tarākīb*”. Karya beliau merupakan perbahasan yang paling lengkap mengenai pengkhususan, jelas dan mudah difahami. Abū Mūsā juga telah mengemukakan penemuan baru dalam karya beliau. Oleh itu penulis telah merujuk karya beliau untuk membina teori yang akan menjadi sandaran kepada kajian ini.

Dalam proses menganalisis surah Hūd, penulis telah merujuk kepada dua teori iaitu “Teori Pengkhususan” yang dikemukakan oleh Abū Mūsā dan “Teori Konteks” yang dikemukakan oleh Hymes dan Lewis.


### 1.10.1 Teori Abū Mūsā

Abū Mūsā telah membincangkan empat jenis tataqāṣar iaitu gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, partikel *'aff* dan pendepanan dengan begitu terperinci. Teori yang dikemukakan oleh Abū Mūsā adalah gabungan dari pandangan sarjana silam seperti al-Jurjāniy, al-Sakkākīy, al-Qazwīniy dan al-Taftāzāniy. Penulis memilih teori Abū Mūsā kerana beliau memberi penerangan dalam laras bahasa yang lebih mudah berbanding dengan laras bahasa dalam penulisan sarjana silam.

Abū Mūsā juga telah mengutarakan pembahagian berdasarkan sifat penafian, sama ada menafikan semua perkara lain atau menafikan perkara tertentu sahaja. Menurut Abū Mūsā, pengkhususan jenis hakiki bermaksud penafian yang dikehendaki melalui sesuatu pengkhususan adalah meliputi semua perkara kecuali *maqṣūr 'alayh*. Jenis *iḍāfīy* bermaksud menafikan perkara tertentu sahaja, bukan semua perkara. Jenis hakiki *taḥqīqīy* pula bermaksud pengkhususan tersebut berlaku dalam realiti atau hakikat sebenar dan jenis hakiki *iddi 'ā'īy* bermaksud pengkhususan tersebut tidak berlaku dalam realiti tetapi berlaku atas dasar kepalingan (*al-mubālaghat*) atau mengikut andaian penutur. Jenis qalbi bermaksud pengkhususan yang ditujukan kepada pendengar yang menyangka perkara yang berlawanan dari perkara yang ingin dikhususkan. Jenis *ifrād* bermaksud pengkhususan yang ditujukan kepada pendengar yang menyangka hukum sesuatu pengkhususan dikongsi antara *maqṣūr 'alayh* dengan perkara lain. Jenis penentuan berlaku jika pendengar yang berbelah bahagi dalam menetapkan hukum pengkhususan antara *maqṣūr 'alayh* dengan perkara lain.

Di samping itu Abū Mūsā juga mengemukakan cara mudah untuk menentukan sesuatu pengkhususan adalah jenis sifat-mawṣūf atau mawṣūf-sifat. Menurut beliau cara yang mudah adalah dengan mengenal pasti fleksi perkataan yang menjadi fokus

pengkhususan (*maqṣūr ‘alayh*) dalam ayat tersebut. Jika *maqṣūr ‘alayh* merupakan predikat atau objek atau *ḥāl*, maka pengkhususan itu kebiasaannya adalah jenis sifat-mawṣūf. Jika *maqṣūr ‘alayh* merupakan pelaku atau objek, maka pengkhususan itu kebiasaannya adalah jenis mawṣūf-sifat (Abū Mūsā, 1987: hlm. 86-89). Beliau juga menetapkan terdapat enam kaedah yang menghasilkan pengkhususan (*tataqaṣar*) iaitu gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, partikel *‘af*, pendepanan, pendepanan pesandar dan kata ganti nama pemisah. Pembahagian pengkhususan yang diutarakan oleh Abū Mūsā dan bentuk *tataqaṣar* menjadi panduan penulis dalam menentukan ayat yang mengandungi pengkhususan dan jenisnya ketika menganalisis surah Hūd. Teori Abū Mūsā mengenai pembahagian pengkhususan dan bentuk *tataqaṣar* dipaparkan dalam Rajah 1.1 di bawah.



Rajah 1.1: Teori Pengkhususan Abū Mūsā (1987) mengenai pembahagian pengkhususan dan bentuk tataqāṣar.

### 1.10.2 Teori Hymes dan Lewis

Seorang penganalisis teks atau wacana hendaklah menganggap sesuatu teks sebagai satu proses dinamik yang menggunakan bahasa untuk menggambarkan maksud penutur atau penulis dan sebagai alat untuk mencapai hasrat yang diinginkannya. Justeru proses menganalisis teks perlu menentukan konteks dan situasi berlakunya sesuatu pengujaran untuk memahami teks tersebut dengan lebih lanjut.

Semenjak tahun 1970-an pakar bahasa semakin mementingkan peranan konteks dalam mentafsirkan sesuatu teks. Pakar bahasa yang menyokong teori konteks ini menganggap makna sesuatu perkataan adalah mengikut cara ia digunakan dari sudut bahasa dan mengikut peranan yang dibawanya dalam situasi tertentu. Makna sesuatu perkataan tidak dapat diketahui secara tepat kecuali dengan meletaknya dalam konteks dan situasi yang berbeza ('Umar, 1993: hlm. 68).

Beberapa pakar bahasa cuba mengenal pasti ciri-ciri relevan dalam konteks ayat yang perlu dipertimbangkan ketika menganalisis sesuatu teks. Brown & Yule (1983: hlm. 37) memetik pendapat Firth (1957) yang berkata : “Konteks situasi dalam kajian linguistik hendaklah mengkaji hubungan antara elemen-elemen berikut : percakapan setiap individu, tindakan mereka, objek yang relevan dan kesan daripada percakapan tersebut”.

Brown & Yule (1983: hlm. 38) juga memetik pendapat Hymes (1964) yang mengatakan bahawa aspek yang perlu diperhatikan dalam konteks satu percakapan terdiri daripada :

- a) Siapa penutur : Jika penutur telah dikenal pasti, pengkaji dapat mengagak apa yang bakal diperkatakan oleh penutur seterusnya.
- b) Siapa pendengar : Jika pengkaji telah mengetahui siapa pendengar proses pentafsiran percakapan tersebut menjadi semakin mudah.
- c) Topik percakapan.
- d) Tempat dan masa percakapan itu berlaku.
- e) Saluran percakapan iaitu sama ada merupakan ucapan atau penulisan atau bahasa isyarat.
- f) Jenis bahasa atau dialek yang digunakan.

- g) Format penyampaian percakapan itu sama ada berbentuk dialog atau debat atau khutbah atau cerita dongeng.
- h) Tujuan percakapan.

Aspek yang diutarakan oleh Hymes tadi ada yang merupakan aspek luaran yang menjadi ciri utama untuk menentukan jenis sesuatu percakapan seperti saluran percakapan, jenis bahasa dan format penyampaian. Aspek yang mengkaji konteks dan keadaan percakapan adalah mengenai siapa penutur, pendengar, tempat, masa dan topik percakapan dan tujuannya. Seorang ahli falsafah Lewis (1972) telah membuat penambahbaikan dalam teori konteks dengan menggabungkan beberapa aspek yang telah dikemukakan oleh Hymes dan mengutarakan aspek lain. Lewis berpendapat seorang pendengar hendaklah mengetahui dengan terperinci beberapa senarai perkara yang dinamakan “senarai koordinat tertentu”. Perkara penting yang perlu diperhalusi dalam sesuatu teks adalah terdiri daripada koordinat berikut (dipetik oleh Brown & Yule, 1983: hlm. 41) :

- a) Masa : untuk menjelaskan frasa seperti “hari ini”, “minggu depan” dan sebagainya.
- b) Tempat : untuk menjelaskan frasa seperti “di sini”, “di sana” dan sebagainya.
- c) Penutur : untuk menjelaskan kata ganti diri pertama seperti “aku”, “diriku” dan “kami”.
- d) Pendengar : untuk menjelaskan kata ganti diri kedua seperti “engkau”, “padamu” dan sebagainya.
- e) Penunjuk objek : untuk menjelaskan frasa yang umum seperti “itu”, “ini” dan “mereka”.
- f) Perkara yang telah disebut : untuk menjelaskan ungkapan yang berbunyi “seperti yang telah berlaku sebelum ini”.

Senarai koordinat tersebut hanya disebut secara ringkas oleh Lewis dan tiada perbincangan lanjut mengenainya. Perkara “a” hingga “e” yang dinyatakan oleh Lewis tadi adalah berkaitan dengan gaya pengucapan dalam satu rangkaian ayat. Namun seorang pengkaji juga perlu merujuk kepada rangkaian ayat terdahulu untuk memudahkannya memahami ayat yang seterusnya. Justeru perkataan yang bermaksud umum seperti “itu”, “ini”, “hal itu” dan “...nya” dapat dispesifikkan dan dihuraikan.

Bukan setakat menganalisa rangkaian ayat terdahulu sahaja, malahan dengan menganalisa ayat yang seterusnya dapat memberi gambaran baru yang memperjelaskan maksud keseluruhan teks atau dapat menghilangkan kesamaran pada ayat yang terdahulu. Kewujudan rangkaian ayat terdahulu yang menyokong pentafsiran rangkaian ayat seterusnya dinamakan “co-text”. Walaupun seorang pengkaji tidak dapat menentukan siapa penutur atau pendengar atau topik yang ingin disampaikan, namun maklumat dari rangkaian ayat terdahulu akan membantu pengkaji mentafsir sebuah teks dengan baik. Bahkan jika semakin banyak ayat yang terdahulu, maka semakin sedikit andaian yang perlu dibuat oleh pengkaji dan semakin tepat juga tafsiran terhadap teks tersebut (Brown & Yule, 1983 : hlm. 46-49).

Keperluan meneliti rangkaian ayat terdahulu dan rangkaian ayat seterusnya juga merupakan teras kepada analisis ayat-ayat suci al-Qur’an al-Karim dalam kalangan sarjana Islam. Bahkan cara tersebut telah menjadi amalan dan metode utama para sarjana tafsir dalam mentafsirkan al-Qur’an al-Karim semenjak ribuan tahun yang lampau. Para sarjana menyedari bahawa seluruh kandungan al-Qur’an al-Karim itu merupakan gabungan surah-surah yang berkesinambungan, begitu juga sebuah surah adalah gabungan ayat-ayat yang berkesinambungan.

al-Hudhud (2004: hlm. 65) memetik kata-kata al-Syāṭibīy mengenai kepentingan merujuk permulaan sebuah surah hingga ke penghujungnya :




“ Sebuah surah biasanya mengandungi satu permasalahan utama dan kebanyakan ayat akan berlegar di sekitar permasalahan itu. Walaupun sebuah surah mengandungi banyak ayat namun setiap ayat berkaitan antara satu ayat dengan yang lain. Oleh itu seorang pengkaji hendaklah merujuk permulaan surah kepada penghujungnya dan merujuk penghujungnya kepada permulaannya, serta tidaklah memadai jika meneliti sebahagian ayat sahaja dan mengabaikan sebahagian yang lain”.

al-Zarkasyīy (1958: jld. 1, hlm. 37) juga mengakui kepentingan bagi seseorang yang ingin memahami al-Qur’an al-Karim, maka perlulah mengetahui sama ada sesuatu ayat itu adalah sambungan daripada ayat sebelumnya atau permulaan ayat yang baharu. Sekiranya ayat tersebut adalah terpisah daripada ayat sebelumnya dan mengandungi permasalahan yang baharu, maka perlulah juga diketahui kesinambungan ayat tersebut dengan ayat sebelumnya.

Pandangan para sarjana tafsir tersebut mengesahkan bahawa kebanyakan aspek yang perlu dihuraikan dalam Teori Konteks yang diketengahkan oleh sarjana Barat telah lama diberi perhatian oleh ahli tafsir namun aspek tersebut tidak diwartakan sebagai satu teori yang sistematik.

Perkara yang perlu dipertimbangkan dalam menganalisis sebuah teks berdasarkan Teori Konteks yang dikemukakan oleh Hymes dan Lewis dipaparkan dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2: Teori Konteks yang dikemukakan oleh Hymes (1964) dan Lewis (1972)

(dipetik oleh Brown & Yule, 1983: hlm. 38-41).

Teori konteks tersebut akan menjadi panduan penulis dalam menganalisis surah Hūd. Dengan mengenal pasti penutur yang mengucapkan pengkhususan, keadaan pendengar yang berdepan dengan pengkhususan, tempat dan masa akan membantu penulis memahami fokus pengkhususan dan tujuan ia digunakan serta dapat menentukan jenis pengkhususan. Di samping itu penulis akan memahami maksud perkataan yang umum seperti kata nama petunjuk, kata ganti diri dan perkataan yang digugurkan dari ayat al-Qur'an al-Karim dengan merujuk kepada ayat yang terdahulu dan ayat seterusnya. Dalam hal ini juga ayat yang mengandungi kesamaran dapat diperincikan dengan merujuk pandangan ahli tafsir.


### 1.11 Kerangka Konsep Kajian

Penulis membina kerangka konsep kajian ini berasaskan kepada teori seorang penulis moden iaitu Abū Mūsā (1987) yang mengemukakan Teori Pengkhususan untuk mencapai ketiga-tiga objektif dalam kajian ini.

Penulis juga merujuk kepada Teori Konteks yang dikemukakan oleh Hymes & Lewis ketika menganalisis ayat-ayat yang mengandungi pengkhususan dalam surah Hūd. Dalam usaha untuk memahami maksud ayat-ayat dalam surah Hūd, penulis perlu berpandukan

kepada pandangan ahli tafsir dalam pelbagai jenis kitab tafsir kerana ayat al-Qur'an al-Karim menerangkan sesuatu perkara secara umum dan ringkas.

Kerangka konsep kajian ini terdiri daripada objektif kajian, landasan teori yang menjadi panduan penulis, proses menjalankan kajian dan hasil dapatan daripada kajian ini. Kerangka konsep bagi kajian ini dipaparkan dalam Rajah 1.3.



Rajah 1.3 : Kerangka konsep kajian.

### 1.12 Penutup

Gaya bahasa pengkhususan adalah termasuk dalam ilmu *ma'ānī* yang merupakan salah satu cabang ilmu balaghah. Pengkhususan adalah salah satu bentuk penegasan yang ditampilkan dengan ayat yang ringkas. Proses pengkhususan berlaku dengan memperakukan sesuatu dan menafikan selain darinya.

Dalam bab ini pengenalan asas bagi reka bentuk kajian telah dibincangkan iaitu mengenai pengenalan tajuk, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, batasannya, bidangnya, kepentingannya, sebab pemilihan surah, tinjauan kajian berkaitan, metodologi, kerangka teori dan kerangka konsep kajian. Penerangan mengenai

asas kajian ini amat penting untuk memahami halatuju sesebuah kajian secara menyeluruh.

University of Malaya

## BAB 2

### KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN GAYA BAHASA PENGKHUSUSAN DALAM ILMU BALAGHAH

#### 2.0 Pendahuluan

Bab dua ini menerangkan tentang kepentingan ilmu balaghah, definisinya, pokok perbincangannya, sejarah kemunculan dan perkembangan pengkhususan, maksud istilah *al-qaṣr*, *al-ḥaṣr* dan *al-ikhtisāṣ*, langkah-langkah awal memahami pengkhususan yang terdiri daripada jenis, tataqāṣar, ciri setiap tataqāṣar, cara penggunaan pengkhususan yang betul dan tujuan penggunaan pengkhususan.

#### 2.1 Ilmu Balaghah

Bahasa Arab adalah salah satu bahasa Samit yang berasal dari bahagian barat daya Semenanjung Tanah Arab iaitu di Yaman. Penggunaan bahasa Arab semakin meluas berikutan dengan pemihannya sebagai bahasa rasmi al-Qur'an al-Karim dan kitab agama Islam. Pembelajaran bahasa Arab dapat dibahagikan kepada tiga teras utama iaitu ilmu nahu, ilmu morfologi dan ilmu balaghah.

##### 2.1.1 Definisi balaghah

Perkataan balaghah adalah *ism maṣdar* yang berasal dari kata kerja **بَلَغَ - يَبْلُغُ - بَلَوْغًا** "بَلَغَ - يَبْلُغُ - بَلَوْغًا" (Ibn Manẓūr, t.t. : jld. 8, hlm. 419). Kata kerja "بَلَغَ" bermaksud sampai, tiba atau berakhir. Ibn Manẓūr (t.t. : jld. 8, hlm. 420) mengatakan perkataan balaghah

bermakna “*faṣāḥat*”. Seorang lelaki yang bersifat “*بليغ*” pula bercakap dengan percakapan yang baik dan fasih dan dia dapat menyampaikan isi hatinya dengan ungkapan yang baik.

Definisi ilmu balaghah dari sudut istilah adalah “penampilan makna yang menarik melalui ungkapan yang tepat dan bersesuaian dengan makna dan keadaan pendengar supaya dapat memberi kesan yang mendalam. Perkataan yang digunakan hendaklah fasih dan tidak mengandungi cacat cela” (al-Kafawīy, 1992: hlm. 236).

Perkataan balaghah boleh disifatkan kepada seseorang dan sesuatu percakapan. Percakapan yang jelas dan sesuai dengan keadaan dinamakan “*بلاغة الكلام*”. Seseorang yang mampu menyusun kata-katanya dengan tepat, berkesan dan sesuai dengan keadaan pula dinamakan “*بلاغة المتكلم*” (Qalqayalat, 1989: hlm. 30). Istilah “*مقتضى حال*” “*المخاطب*” (bersesuaian dengan keadaan pendengar) pula bermaksud seorang penutur perlu mengungkapkan kata-katanya dengan suatu cara yang khusus bagi menyesuaikan dengan situasi pendengar. Contohnya bagi situasi untuk memuji seseorang, penutur hendaklah menggunakan ungkapan dan gaya bahasa yang sesuai dengan pujian iaitu “*al-iṭnāb*”. Justeru, situasi percakapan adalah pujian dan ungkapan yang sesuai adalah *al-iṭnāb* (al-Hāsyimīy, 1994: hlm. 30).

### 2.1.2 Kepentingan mempelajari ilmu balaghah

Pembelajaran ilmu balaghah sangat penting untuk menguasai bahasa Arab. Antara kepentingan dan faedah mempelajarinya adalah :

- a) Ilmu yang paling utama untuk dipelajari selepas daripada ilmu tauhid adalah ilmu balaghah. Seseorang yang mengabaikan ilmu balaghah tidak akan dapat menjiwai keistimewaan al-Qur’an al-Karim dalam penggunaan ungkapan yang menepati makna dan ayatnya yang ringkas tetapi padat (al-‘Askariy, 1986: hlm. 5).

- b) Mengasah bakat dalam bidang penulisan dan percakapan serta dapat membimbing citarasa seseorang ke arah penghayatan yang betul.
- c) Seseorang sasterawan yang mengetahui ilmu balaghah boleh menjadi seorang pengkritik yang berkaliber dan penulis yang berbakat.
- d) Ilmu balaghah dapat menyingkap kemukjizatan al-Qur'an al-Karim yang mempunyai susunan bahasa yang sempurna dan unik.
- e) Ilmu balaghahlah yang memberi pentafsiran dan penjelasan terhadap perasaan indah yang dirasai oleh seseorang ketika membaca karya yang bermutu (Khaffājī, 1980: hlm. 33).

### 2.1.3 Pokok perbincangan ilmu balaghah

Ilmu balaghah memfokuskan tiga perkara utama iaitu penyampaian makna yang menarik, pemilihan perkataan yang jelas dan betul dan penggunaan gaya bahasa yang bersesuaian untuk menggabungkan antara aspek makna dan lafaz seperti gaya bahasa penegasan, pengkhususan, *al-ta'rif*, *al-tankir* dan sebagainya (al-Hāsyimīy, 1994: hlm. 30).

Ilmu balaghah terdiri daripada tiga cabang utama iaitu ilmu *bayān*, *ma'ānī* dan *badī'*. Ilmu *bayān* merupakan ilmu yang membincangkan kepelbagaian ungkapan dalam menjelaskan sesuatu idea melalui penggunaan bahasa kiasan dan perumpamaan. Ilmu *ma'ānī* pula membincangkan struktur ungkapan yang selaras dengan maksud penutur dan menjadikan aspek nahu sebagai batu loncatan dalam menganalisis ayat. Ilmu *badī'* pula mementingkan selok belok dalam memperindahkan sesuatu ungkapan dari segi luaran dan dalaman (Mohd. Zaki & Che Radiah, 2013: hlm. 3).

al-Qazwīnīy (1999: jld. 1, hlm. 91) memberi definisi ilmu *ma'ānī* sebagai “ilmu yang membincangkan struktur ungkapan yang selaras dengan situasi penutur dan maksud yang ingin disampaikan”. Perbahasannya pula adalah mengenai ciri-ciri pendepanan, pengakhiran, pengguguran, laras *khabarīy*, laras *insyā'īy*, pemisahan dan penyambungan, *al-Ījāz*, *al-Iṭnāb* dan *al-Musāwāt* (Maṭlūb, 1980: hlm. 81). Gaya bahasa pengkhususan merupakan salah satu perbahasan ilmu *ma'ānī*. Dapat disimpulkan bahawa ilmu *ma'ānī* memfokuskan cara pembentukan ayat bahasa Arab dan ciri-ciri sesuatu gaya bahasa.

## 2.2 Sejarah Kemunculan dan Perkembangan Gaya Bahasa Pengkhususan

Pemulaan kemunculan gaya bahasa pengkhususan tidak dapat dilakukan namun kajian lepas menunjukkan bahawa Sībawayh (meninggal: tahun 180H) telah mula membincangkannya secara umum dalam karya beliau “*al-Kitāb*”. Ḥusayn (1994: hlm. 95) mendedahkan bahawa Sībawayh telah memperkenalkan pengkhususan jenis qalbi dan penentuan ketika menerangkan tentang partikel *lā*. Sībawayh (1988: jld. 1, hlm. 430) berkata: “Ayat ”مَرَرْتُ بِرَجُلٍ رَاكِعٍ لَا سَاجِدٍ“ yang bermaksud “Aku melalui seorang lelaki yang sedang rukuk, bukan yang sedang sujud” bertujuan untuk menghilangkan keraguan dan menegaskan kedua-dua sifat”. Sībawayh berpendapat bahawa pengkhususan yang ditujukan kepada pendengar yang ragu-ragu dinamakan “penentuan”. Pengkhususan yang menegaskan bahawa lelaki tersebut sedang rukuk, bukannya sujud dinamakan “qalbi”. Namun istilah tersebut tidak digunakan oleh Sībawayh.

Abū ‘Alī al-Fārisīy (meninggal: tahun 377H) pula berpendapat bahawa partikel *innamā* mempunyai maksud yang sama dengan gaya penafian dengan pengecualian. al-Fārisīy (2004: jld. 1, hlm. 253) berkata: “puisi ”وَإِنَّمَا يُدَافِعُ عَنْ أَحْسَابِهِمْ أَنَا“ yang bermaksud “Orang yang layak mempertahankan keturunan yang mulia hanyalah aku” mengandungi unsur perakuan dan penafian sekaligus. Justeru, puisi ”إِنَّمَا يُدَافِعُ أَنَا“ adalah setara dengan



maksud "مَا يُدَافِعُ إِلَّا أَنَا" kerana kedua-dua ayat mengandungi unsur perakuan dan penafian”.

Ahli bahasa Aḥmad bin Fāris (meninggal: tahun 395H) memetik pandangan seorang sarjana sintaksis al-Farrā’(meninggal: tahun 144H) mengenai pengkhususan jenis *ifrād* dan jenis *qalbi*. Berdasarkan penerangannya dapat disimpulkan bahawa al-Farrā’ menganggap jenis *qalbi* dan *ifrād* sebagai jenis yang sama. al-Farrā’ (1997: hlm. 93) berkata : “Ayat "مَا أَنْتَ إِلَّا أَخِي" dan "إِنَّمَا أَنْتَ أَخِي" tidak boleh diucapkan secara tiba-tiba tetapi diucapkan untuk menyangkal dakwaan pendengar yang menyangka “engkau” (أَنْتَ) sebagai adik beradik, orang suruhan dan selain dari adik beradik”. Pengkhususan yang bertujuan untuk menyangkal dakwaan pendengar adalah jenis *iḍāfīy* yang dibahagikan mengikut penerimaan pendengar terhadap sesuatu maklumat. Pendengar yang menyangka adik-beradik dan orang suruhan bermaksud menyangka dua sifat yang berbeza, maka ini termasuk dalam jenis *ifrād*. Sedangkan pendengar yang menyangka selain daripada adik-beradik bermaksud pendengar menyangka sifat yang berlawanan dari yang disebut, maka ini termasuk dalam jenis *qalbi*.

Kesimpulannya, sarjana nahu telah membahaskan mengenai gaya bahasa pengkhususan dari aspek nahu iaitu ketepatan penggunaan partikel pengkhususan tanpa menyentuh aspek makna pengkhususan dalam balaghah. Perbahasan mengenainya dalam karya sintaksis yang terawal bukanlah dalam satu topik yang khusus tetapi terletak dalam pelbagai topik contohnya, bab “laras kecuali”, bab “*al-‘atf*”, bab “*al-faṣl*”, “kata ganti”, bab “alif-lam” dan “kata nama khas”.

Sarjana balaghah pertama yang dikenali membahaskan tajuk pengkhususan secara terperinci adalah al-Jurjānīy (meninggal: tahun 471H) dalam bukunya “*Dalā’il al-I’jāz*”. al-Habīl (2011: hlm. 974) mengulas bahawa al-Jurjānīy berjaya menonjolkan keindahan

gaya bahasa pengkhususan dan kelebihanannya dalam penegasan sesuatu makna. al-Jurjānīy (1981: hlm. 252-274) membahaskan pandangan sarjana nahu mengenai partikel *innamā* yang dianggap menyerupai gaya penafian dengan pengecualian. Beliau menerangkan perbezaan penggunaan kedua-dua tataqāsar; partikel *innamā* tidak mengandungi penafian dan sesuai digunakan bagi perkara yang telah diketahui oleh pendengar. Gaya penafian dengan pengecualian pula mengandungi penafian yang jelas dan sesuai digunakan bagi perkara yang diingkari oleh pendengar. Seterusnya beliau menerangkan partikel *lā ‘af* dan pengkhususan yang dinamakan jenis *qalbi* dan jenis *ifrāḍ* oleh sarjana selepasnya, namun beliau tidak menerangkan jenis penentuan. Seterusnya beliau membincangkan fokus pengkhususan bagi partikel *innamā* dan gaya penafian dengan pengecualian dan kemungkinan sesuatu pengkhususan adalah jenis *mawṣūf-sifat* atau *sifat-mawṣūf*. Beliau memberi beberapa contoh penggunaan partikel *innamā* dan gaya penafian dengan pengecualian dalam al-Qur’an al-Karim dan puisi. Beliau turut menyimpulkan bahawa partikel *innamā* sesuai digunakan untuk memberi bayangan terhadap makna lain iaitu *al-ta’rīḍ* (Dhīf, 1965: hlm. 182).

al-Zamakhsharīy (meninggal: tahun 538H) menjelaskan bahawa ayat al-Qur’an al-Karim yang mengandungi tataqāsar membawa maksud pengkhususan, beliau menggunakan istilah “*qaṣr*” dengan jelas : “Partikel *innamā* dalam ayat {إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ} bertujuan untuk mengkhususkan sesuatu hukum kepada sesuatu perkara atau mengkhususkan sesuatu perkara kepada sesuatu perkara” (1982: jld. 1, hlm. 180). Beliau juga mendapati bahawa gaya bahasa pengkhususan dapat dihasilkan melalui dua kaedah lain iaitu pendepanan *jārr* dan *majrūr* dan partikel *annamā*.

Selepas sekurun daripada kewafatan al-Jurjānīy, al-Sakkākīy (meninggal: tahun 627H) telah memperuntukkan perbahasan pengkhususan dalam tajuk “*al-qaṣr*”. al-Sakkākīy adalah sarjana yang bertanggungjawab menjadikan perbahasan pengkhususan

dalam bentuk kaedah yang jelas dan terperinci. al-Sakkākīy (2000: hlm. 400-409) menyediakan sub topik seperti “definisi *al-qaṣr*”, jenis tataqāṣar, partikel *lā*, struktur ayat yang menghasilkan pengkhususan dan sebagainya. Beliau telah menyusun kaedah utama pengkhususan, memperkenalkan istilah sifat-mawṣūf, mawṣūf-sifat, “qalb” dan *ifrād*, menerangkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan setiap tataqāṣar dan melengkapkan perbincangan mengenai pengkhususan.

Selepas sedekad daripada kewafatan al-Sakkākīy, al-Qazwīnīy (meninggal: tahun 739H) telah meringkaskan karya “*Miftāḥ al-‘Ulūm*” dan menulis karyanya sendiri yang bertajuk “*al-Īdāḥ fī ‘Ulūm al-Balāghat*”. Namun al-Qazwīnīy juga telah menambah perkara baru dalam perbincangan pengkhususan, antaranya beliau memperkenalkan jenis penentuan dan meletakkan syarat bagi jenis *ifrād*, iaitu kedua-dua sifat yang disangka oleh pendengar tidak bertentangan antara satu sama lain. Menurut pandangan al-Sakkākīy, jenis penentuan adalah termasuk dalam jenis *ifrād*. Namun al-Qazwīnīy telah mengasingkan antara jenis *ifrād* dengan jenis penentuan. Beliau juga membahagikan jenis *idāfīy* mengikut tahap penerimaan pendengar terhadap sesuatu pengkhususan iaitu kepada jenis *ifrād*, qalbi dan penentuan.

Selepas setengah kurun daripada kewafatan al-Qazwīnīy, al-Taftāzānīy (meninggal: tahun 792H) telah mengulas ringkasan “*Miftāḥ al-‘Ulūm*” dalam karyanya “*al-Muṭawwal Syarḥ Talkhīṣ Miftāḥ al-‘Ulūm*”. al-Taftāzānīy mengulas dan menerangkan maksud ayat dalam “*Miftāḥ al-‘Ulūm*” yang agak ringkas. Namun beliau memberi sumbangan dengan memperkenalkan istilah baru dalam perbincangan pengkhususan seperti istilah jenis “*idāfīy*”, jenis “hakiki *taḥqīqīy*” dan “hakiki *iddi ‘ā’īy*”. al-Taftāzānīy juga telah menyebut dengan jelas bahawa kaedah pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah adalah termasuk dalam tataqāṣar tetapi perbincangan mengenai kedua-duanya dikekalkan dalam tajuk “keadaan pesandar” dan “keadaan penyandar” dalam perbincangan ilmu *ma‘ānī*.

Khaffājī (1952: hlm. 51) mendedahkan bahawa al-Jurjānīy bijak memanfaatkan hasil perbincangan sarjana sintaksis dan sarjana bahasa sebelumnya ketika meletakkan asas perbahasan pengkhususan. al-Jurjānīy (1981: hlm. 253) telah memetik pandangan al-Fārisīy bahawa makna partikel *innamā* adalah setara dengan gaya penafian dengan pengecualian. Ḥusayn (1994: hlm. 96) turut mengukuhkan bahawa al-Jurjānīy (1981: hlm. 254) telah memetik pandangan Sībawayh bahawa partikel *innamā* digunakan bagi perkara yang diketahui oleh pendengar. Walaupun Sībawayh tidak menyebut partikel *innamā* menghasilkan pengkhususan namun ulasannya dalam topik "كَانَ" telah memberi ilham kepada al-Jurjānīy untuk memutuskan bahawa partikel *innamā* sesuai digunakan dalam situasi pendengar telah mengetahui sesuatu perkara (Ḥusayn, 1994: hlm. 96). Sībawayh (1988: jld. 1, hlm. 48) berkata mengenai *ism* "كَانَ" dan *khavar* yang didepankan :

“Apabila engkau berkata : “Sesungguhnya Zayd ...”, maka engkau telah memulakan dengan sesuatu yang telah diketahui oleh pendengar dan pendengar menanti keterangan tentang predikat. Apabila engkau menyambung “... lemah lembut” maka engkau telah memberitahunya perkara tersebut. Begitu juga apabila engkau berkata: “Sesungguhnya lemah lembut ...”, maka pendengar menanti keterangan siapa yang memiliki sifat tersebut”.

Ketika menjelaskan tentang situasi penggunaan partikel *innamā*, al-Jurjānīy menyebut bahawa perkataan di awal ayat adalah sesuatu perkara yang telah diketahui oleh pendengar sama ada ia adalah subjek tanpa predikat atau predikat yang didepankan tanpa subjek. al-Jurjānīy (1981: hlm. 270) berkata : “Jika engkau berkata : “Sesungguhnya Zayd ...”, maka pendengar menanti tentang predikat dan apabila engkau berkata : “... sesungguhnya lemah lembut”, maka pendengar menanti *ism* "كَانَ". Maka tidaklah

digunakan partikel *innamā* kecuali bagi perkara yang telah pun diketahui oleh pendengar ....”.

Berdasarkan perbincangan tersebut didapati bahawa sarjana sintaksis telah mengkaji beberapa kaedah asas pengkhususan secara umum dan ringkas. Setelah itu hasil kajian tersebut telah difokuskan oleh sarjana balaghah dan dimurnikan dengan penambahan yang baru. Mereka juga telah memperluaskan idea asas mengenai pengkhususan menjadi satu perbincangan yang lebih mendalam, bersistematik dan tersendiri.

### **2.3 Definisi *al-qaṣr*, *al-ḥaṣr* dan *al-ikhtiṣāṣ* Atau *al-takḥṣīṣ***

Sebelum membincangkan maksud istilah *al-qaṣr*, *al-ḥaṣr*, *al-ikhtiṣāṣ* atau *al-takḥṣīṣ* menurut perspektif ilmu balaghah, perlulah diperjelaskan maksud perkataan-perkataan tersebut dari sudut bahasa.

#### **2.3.1 Definisi *al-ḥaṣr* dari sudut bahasa**

Perkataan *al-ḥaṣr* dari sudut bahasa adalah kata nama *maṣdar* yang berasal dari kata kerja "حَصَرَ - يَحْصِرُ" yang bermakna tidak dapat bertutur dengan baik atau rasa sempit dada atau menyembunyikan rahsia (Ibn Manẓūr, t.t: jld 4, hlm. 193). Kata kerja "حَصَرَنِي" bermakna aku dihalangi oleh penyakitku. Menurut Ibn Fāris (1994: hlm. 268) tiada perbezaan yang besar dari segi makna antara kata kerja "حَصَرَ" dengan "أَحْصَرَ". Kata kerja "حَاصَرَ" juga bermakna dikepung dan tidak dibenarkan keluar (Anīs, Muntaṣir, al-Ṣawālīḥiy & Aḥmad, 1972: hlm. 200).

### 2.3.2 Definisi *al-ikhtisās* atau *al-takhṣīṣ* dari sudut bahasa

Perkataan *al-ikhtisās* pula mengikut makna bahasa berasal dari kata kerja *اِخْتَصَّ* "اختَصَّ". Kata kerja *اِخْتَصَّ*, *اِخْتَصَّ*, *اِخْتَصَّ*, *اِخْتَصَّ*, *اِخْتَصَّ* bermaksud menjadi khas dengan sesuatu dan diperuntukkan kepadanya sahaja (Ibn Manzūr, t.t.: jld. 6, hlm. 24; Anīs, Muntaṣir, al-Ṣawāliḥīy & Aḥmad, 1972: hlm. 260). Perkataan *al-takhṣīṣ* pula adalah kata nama *maṣdar* bagi kata kerja *اِخْتَصَّ* "اِخْتَصَّ" yang bermaksud proses mengkhususkan. Kata kerja *اِخْتَصَّ* *فِي عِلْمٍ كَذَا* pula bermaksud seseorang itu menghadkan kajiannya dalam ilmu tertentu (Anīs, Muntaṣir, al-Ṣawāliḥīy & Aḥmad, 1972: hlm. 260).

### 2.3.3 Definisi *al-qaṣr* dari sudut bahasa

Perkataan "*al-qaṣr*" adalah kata nama *maṣdar* yang berasal dari kata kerja *قَصَرَ* "قَصَرَ - يَقْصِرُ" (Ibn Manzūr, t.t.: jld. 5, hlm. 95). Menurut Ibn Fāris (1994: hlm. 891) *al-qaṣr* berasal dari dua makna utama : pertama "tidak melebihi sesuatu had atau penghujung" dan kedua "menghadkan dan membataskan". Pengkhususan dalam ilmu balaghah berasal dari makna yang kedua.

Perkataan lain yang berasal dari makna yang pertama seperti *قَصِيرٌ* bermakna pendek atau rendah (Ibn Fāris, 1994: hlm.891). Menurut al-Zamakhshariy (1989: jld. 2, hlm. 81) kata kerja *قَصَرَ عَنِ الْأَمْرِ* bermakna lemah dan tidak mampu melakukan sesuatu perkara.

Antara perkataan yang diterbitkan dari makna kedua ialah dalam ayat berikut *قَصَرَ* "قَصَرَ" yang bermaksud "Mengkhususkan pendapatannya kepada keluarganya" (al-Zamakhshariy, 1989: jld. 2, hlm. 81; Anīs, Muntaṣir, al-Ṣawāliḥīy & Aḥmad, 1972: hlm. 773). Ayat *قَصَرْتُ نَفْسِي عَلَى كَذَا* pula berlaku "jika aku tiada keinginan terhadap perkara lain" (al-Zamakhshariy, 1989: jld. 2, hlm. 81). Dari pemahaman tersebut al-Kafawīy (1992: hlm. 716) menjelaskan bahawa frasa *فَاصِرَاتُ الطَّرْفِ* bermakna

“Pandangan yang dihadkan kepada pasangan mereka sahaja”, firman Allah SWT dalam ayat ke-56 dalam surah al-Raḥmān :

فِيهِنَّ قَصِيرَاتُ الْطَّرْفِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Di dalam syurga-syurga itu terdapat bidadari-bidadari yang pandangannya tertumpu (kepada suami mereka semata-mata).

al-Fayrūzābādīy (1987: jld. 2, hlm. 118) menambah bahawa "امرأة مقصورة" adalah perempuan yang terpelihara dan dihadkan untuk bersenang lenang dalam rumahnya. Makna tersebut bersesuaian dengan ayat ke-72 dalam surah al-Raḥmān, Allah SWT berfirman :

حُورٌ مَّقْصُورَاتٌ فِي الْخِيَامِ ﴿٧٢﴾

Maksudnya: Bidadari-bidadari syurga menutupi diri mereka dan membataskan diri mereka dengan tinggal tetap di kediaman mereka.

Menurut Ibn Manẓūr (t.t.: jld. 5, hlm. 99) ayat tersebut bermakna mereka tidak mahu bersama dengan orang lain melainkan suami mereka sahaja.

Secara keseluruhannya definisi *al-qaṣr*, *al-ḥaṣr* dan *al-ikhtiṣāṣ* atau *al-takhṣiṣ* dari sudut bahasa mempunyai makna yang sama iaitu mengkhususkan, membataskan, menyempitkan dan tidak mencapai sesuatu.

#### 2.3.4 Perbezaan antara istilah *al-qaṣr*, *al-ḥaṣr* *al-ikhtiṣāṣ* dan *al-takhṣiṣ*

Kedua-dua perkataan *al-ḥaṣr* dan *al-qaṣr* difahami dengan maksud “gaya bahasa pengkhususan” dalam kalangan sarjana balaghah, contohnya al-Sayūṭīy (1987: jld. 2, hlm. 796) mengatakan bahawa *al-qaṣr* juga dikenali sebagai “*al-ḥaṣr*”. Darrāz (1986: hlm. 19) mengukuhkan bahawa istilah *al-ḥaṣr*, *al-qaṣr* dan *al-ikhtiṣāṣ* digunakan untuk menunjukkan makna “pengkhususan” dalam ilmu balaghah.

Perkataan *al-ikhtisāṣ* pula sering digunakan oleh al-Jurjānīy, beliau berkata :

"قُلْتُ: (مَا ضَرَبَ زَيْدًا إِلَّا عَمْرُو)، كَانَ غَرَضُكَ أَنْ تَخْتَصَّ عَمْرًا بِضَرْبِ زَيْدٍ"

yang bermaksud “Engkau berkata : “tidaklah kena pukul Zayd melainkan ‘Amr yang memukulnya”, maka engkau bermaksud untuk mengkhususkan ‘Amr yang memukul Zayd” (al-Jurjānīy, 1981: hlm. 269).

al-Sakkākīy (2000: hlm. 400) juga menggunakan istilah *al-ikhtisāṣ*, beliau berkata : "وَحَاصِلُ مَعْنَى الْقَصْرِ رَاجِعٌ إِلَى تَخْصِيصِ الْمَوْصُوفِ بِوَصْفٍ دُونَ تَانٍ:" yang bermaksud “Makna pengkhususan dihasilkan melalui proses mengkhususkan sesuatu empunya sifat dengan sifat tertentu”. Bermula dengan penggunaan istilah tersebut, maka terhasillah definisi *al-qaṣr* iaitu "تَخْصِيصُ شَيْءٍ بِشَيْءٍ" yang bermaksud “mengkhususkan sesuatu dengan sesuatu”.

Kesimpulannya istilah “*al-ikhtisāṣ*” sering digunakan dalam karya sarjana silam dan dalam bab pendepanan. Istilah “*al-ḥaṣr*” pula adalah istilah yang lebih masyhur dalam kalangan sarjana fiqh.

### 2.3.5 Definisi *al-qaṣr* dari sudut istilah

Pengkhususan dalam balaghah bermaksud “mengkhususkan sesuatu dengan sesuatu dengan menggunakan cara yang khusus” (al-Taftāzānīy, 2013: hlm. 381). Menurut al-Dusūqīy (2002: jld. 2, hlm. 318) pengkhususan berlaku antara *mawṣūf* dengan sifat atau antara sifat dengan *mawṣūf*. Frasa “cara yang khusus” bermaksud kaedah yang menghasilkan pengkhususan yang dinamakan “tataqaṣar” iaitu melalui “gaya penafian dengan pengecualian” (العَطْفُ بِـ “*af*”), (إِنَّمَا) *inammā*, (النَّفْيُ وَالْإِسْتِنَاءُ) “pendepanan komponen yang sepatutnya berada di akhir ayat” (تَقْدِيمُ مَا لَا وَلَكِنْ وَبَلْ)



حَقُّهُ التَّأخِيرُ) “pengekhasan pesandar” (تَعْرِيفُ الْمُسْنَدِ) dan “kata ganti nama pemisah” (ضَمِيرُ الْفَصْلِ) (al-Maydānīy, 1996: jld. 1, hlm. 530-536; al-Hāsyimīy, 1994: hlm. 155).

Kesimpulannya, definisi *al-qaṣr* dari sudut istilah sangat berkait rapat dengan definisinya dari sudut bahasa.


## 2.4 Langkah-langkah Awal Memahami Pengkhususan

Penggunaan gaya bahasa pengkhususan amat bermanfaat kerana ia mengandungi nilai estetika yang tinggi dan unsur balaghah yang seni dan teliti (Ḥamdān & Sabī‘īy, 2014: hlm. 187). Suatu contoh ayat yang mengandungi pengkhususan adalah **إِنَّمَا نَجَحَ مُحَمَّدٌ** yang bermaksud “Hanya Muhammad yang telah berjaya”. Ayat tersebut pada asalnya terdiri daripada subjek dan predikat iaitu **نَجَحَ مُحَمَّدٌ** yang bermaksud “Telah berjaya Muhammad”. Bagi menguatkan maksud, gaya bahasa pengkhususan digunakan dengan partikel *innamā* (Mohd. Zaki & Che Radiah, 2013: hlm. 19). Ayat yang mengandungi gaya bahasa pengkhususan memperakukan kejayaan Muhammad dan menafikan kejayaan orang lain, sedangkan ayat yang tiada gaya bahasa pengkhususan hanya menyatakan kejayaan Muhammad. Justeru dapat disimpulkan bahawa ayat yang mengandungi pengkhususan terdiri daripada perakuan dan penafian (Basyūnī, 1998: hlm. 184). Perkataan “berjaya” dalam ayat tersebut adalah *maqṣūr* dan perkataan “Muhammad” adalah *maqṣūr ‘alayh*. Sesuatu *maqṣūr* atau *maqṣūr ‘alayh* pula terdiri daripada sifat atau *mawṣūf*. Pengkhususan dalam ayat tersebut berlaku dengan penggunaan kaedah partikel *innamā*.

#### 2.4.1 Unsur-unsur dalam pengkhususan

a) *Maqṣūr* dan *maqṣūr ‘alayh*

Istilah *al-qaṣr* bermaksud “mengkhususkan sesuatu dengan sesuatu”. Oleh itu pengkhususan berlaku antara dua perkara, perkara yang pertama yang ingin dikhususkan dan perkara kedua ialah yang dikhususkan kepadanya. Sesuatu perkara yang ingin dikhususkan dan yang menerima pengkhususan tersebut dinamakan “*maqṣūr*”. Manakala sesuatu yang mengkhususkan sesuatu yang lain atau perkara yang dikhususkan kepadanya dinamakan “*maqṣūr ‘alayh*” (Syaykh Amīn, 1979: hlm. 176; Ishak Mohd. Rejab et al., 1996: hlm.165). Kesimpulannya “*maqṣūr*” boleh dianggap sebagai “subjek pengkhususan”, “*maqṣūr ‘alayh*” pula dianggap sebagai “fokus pengkhususan”. Kedudukan *maqṣūr* dan *maqṣūr ‘alayh* dalam ayat ditunjukkan dalam Rajah 2.1.



Rajah 2.1: Kedudukan *maqṣūr* dan *maqṣūr ‘alayh* dalam sesuatu ayat (Maṭlūb, 1980: hlm. 176).

Ayat yang mengandungi pengkhususan adalah seperti :

- a) "لَا يَعْلَمُ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ".
- b) "زَيْدٌ قَائِمٌ لَا جَالِسٌ".

Ayat pertama "لَا يَعْلَمُ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ" bermaksud “Tiada yang mengetahui ilmu ghaib melainkan Allah SWT”. Pengetahuan mengenai ilmu ghaib dikhususkan kepada Allah SWT sahaja, bermakna hanya Allah SWT yang memiliki pengetahuan tentang ilmu ghaib.

Justeru “mengetahui ilmu ghaib” adalah *maqṣūr* dan “Allah SWT” adalah *maqṣūr ‘alayh* (‘Atīq, 2004: hlm. 125).

Ayat kedua "زَيْدٌ قَائِمٌ لَا جَالِسٌ" pula bermaksud “Zayd sedang berdiri bukannya duduk”. Zayd dikhususkan dengan keadaan berdiri dan dinafikan dari keadaan duduk. *Maqṣūr* dalam ayat ini adalah “Zayd” dan *maqṣūr ‘alayh* adalah “posisi berdiri”. Setiap ayat yang mengandung pengkhususan hendaklah mempunyai *maqṣūr* dan *maqṣūr ‘alayh*. Kedua-duanya adalah asas yang membentuk gaya bahasa pengkhususan. Dua asas ini jika digabungkan turut dinamakan sebagai “komponen utama pengkhususan” (طَرَفِيّ الْقَصْرِ) (Lāsyīn, 1976: hlm. 226; Qalqayalat, 1989: hlm. 250).

b) Sifat dan *mawṣūf*

Sesuatu pengkhususan juga boleh dikelaskan mengikut keadaan *maqṣūr* dan *maqṣūr ‘alayh* kepada dua kategori berikut : pertama, jenis sifat-*mawṣūf* dan kedua, jenis *mawṣūf*-sifat (al-Karmānīy, 2003: jld. 2, hlm. 491). Dalam sesuatu ayat kemungkinan *maqṣūr* adalah sifat dan *maqṣūr ‘alayh* adalah *mawṣūf*, ataupun kemungkinan *maqṣūr* adalah *mawṣūf* dan *maqṣūr ‘alayh* adalah sifat.

Sifat dalam perbincangan pengkhususan bukan bermaksud *na‘at* mengikut istilah ilmu nahu. Hal ini disebabkan pengkhususan tidak berlaku antara sifat dengan kata sifatan, contohnya ayat "جَاءَ رَجُلٌ عَالِمٌ" yang bermaksud “Seorang lelaki yang berilmu telah datang”, perkataan "عَالِمٌ" adalah sifat dan "رَجُلٌ" adalah kata sifatan. Pasangan sifat dan kata sifatan tersebut tidak boleh digabungkan dengan gaya pengecualian dengan penafian (النَّفْيُ وَالْإِسْتِثْنَاءُ) untuk menghasilkan pengkhususan (al-Fīl, 1991: hlm. 225; Basyūnī, 2008: hlm. 237).

Sifat yang dimaksudkan adalah sifat dari sudut makna, yakni suatu makna yang bersandarkan kepada yang lain (الْمَعْنَى الَّذِي يَقُومُ بغيره) serta merupakan lawan kepada zat.

Sifat itu sendiri adalah adjektif yang boleh didatangkan dalam bentuk kata kerja, kata nama, kata nama jati, kata keterangan atau *jārr* dan *majrūr*. Contoh sifat dalam bentuk kata kerja adalah ayat "مَا فَعَلَ هَذَا إِلَّا زَيْدٌ" yang bermaksud "Bukanlah yang melakukan perbuatan itu kecuali Zayd". Perkataan "فَعَلَ" adalah kata kerja yang merupakan sifat, iaitu suatu makna yang bergantung kepada sesuatu yang lain atau boleh disifatkan kepada sesuatu, yakni pelaku (Abū Mūsā, 1987: hlm. 78).

*Mawṣūf* pula adalah suatu makna yang dijadikan sandaran oleh sesuatu yang lain (مَعْنَى قَائِمٍ بغيرِهِ). Biasanya *mawṣūf* merujuk kepada satu zat, contohnya ayat "أَحْمَدُ فَارِسٌ" yang bermaksud "Aḥmad ialah seorang pahlawan bukannya ilmuwan", perkataan Aḥmad adalah zat dan merupakan *mawṣūf* (Lāsyīn, 1976: hlm. 233). Walau bagaimanapun, kemungkinan *mawṣūf* bukan zat tetapi suatu makna, contohnya firman Allah SWT dalam ayat ke-3 dalam surah al-Zumar :

مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَى ﴿٣﴾

Maksudnya: Kami tidak menyembah atau memujanya (berhala) melainkan supaya mereka mendampirkan kami kepada Allah SWT sehampir-hampirnya.

Dalam ayat tersebut perkataan "نَعْبُدُهُمْ" (kami menyembah berhala) adalah *maqṣūr* dan "لِيُقَرِّبُونَا" (untuk mendekatkan diri kami) adalah *maqṣūr* 'alayh. Perkataan "نَعْبُدُهُمْ" adalah *mawṣūf* walaupun ia adalah satu makna yang bersandarkan kepada yang lain.

Sekiranya *maqṣūr* dan *maqṣūr* 'alayh dalam kalangan zat, misalnya ayat "مَا الْبَابُ إِلَّا سَاجٌ" yang bermaksud "Bukanlah pintu itu kecuali dari jenis pokok yang besar", perkataan "الْبَابُ" adalah *mawṣūf* dan "سَاجٌ" adalah sifat. Makna ayat tersebut ialah mengkhususkan pintu dengan sifat pembuatannya dari jenis pokok yang besar (al-Jundīy, 1962: hlm. 131).

Tiada satu kaedah khusus yang ditetapkan oleh para sarjana untuk mengenal pasti sifat dan *mawṣūf*. Penentuan yang tepat hanya dapat diperolehi setelah memahami fungsi pengkhususan dalam konteks ayat dan banyak menganalisis ayat secara praktikal.

#### 2.4.2 Jenis-jenis pengkhususan

Sesuatu pengkhususan dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut pengkelasan tertentu, antaranya:

- a) Mengikut penafian yang bersifat umum atau khusus.

Sesuatu pengkhususan terbahagi kepada dua jenis mengikut kategori iaitu: jenis hakiki dan jenis *idāfīy*.

- b) Mengikut kewujudan pengkhususan dalam realiti sebenar atau andaian penutur.

Pengkhususan juga dapat dibahagikan kepada dua jenis berikut mengikut kategori ini iaitu: jenis “hakiki *taḥqīqīy*” dan jenis “hakiki *iddi ‘ā’īy*”.

- c) Mengikut tahap penerimaan pendengar terhadap pengkhususan tersebut.

Pengkhususan mengikut kategori ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu: qalbi, “*ifrād*” dan penentuan.

- d) Mengikut keadaan *maqṣūr* dan *maqṣūr ‘alayh*.

Pengkhususan mengikut kategori ini dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu: sifat-*mawṣūf* atau *mawṣūf*-sifat.

#### 2.4.3 Jenis sifat-*mawṣūf*, *mawṣūf*-sifat dan cara terbentuknya

Sesuatu pengkhususan dapat dikelaskan kepada jenis sifat-*mawṣūf* atau *mawṣūf*-sifat. Jenis sifat-*mawṣūf* (الصِّفَةُ عَلَى الْمَوْصُوفِ) bererti sifat tersebut hanya ada pada

*mawṣūf* dan sifat itu tidak boleh dikongsi dengan *mawṣūf* lain. Walaupun begitu penafian tadi tidak menghalang *mawṣūf* itu dari memiliki sifat-sifat lain (al-Hāsyimīy, 1994: hlm. 159). Dalam ayat berikut "لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ" yang bermaksud “Tiada tuhan kecuali Allah SWT”, perkataan "إِلَهَ" (sifat ketuhanan) dikhususkan kepada *mawṣūf* yakni Allah SWT sahaja. Sifat sebagai tuhan itu tidak boleh dikongsi dengan *mawṣūf* lain namun Allah SWT turut bersifat dengan sifat-sifat lain seperti pengasih, pengampun dan sebagainya.

Contoh seterusnya adalah ayat "إِلَى اللَّهِ أَشْكُو لَّا إِلَى النَّاسِ" yang bermaksud “Hanya kepada Allah SWT aku mengadu, bukan kepada manusia”. Sifat "أَشْكُو" (aku mengadu) dikhususkan kepada *mawṣūf* yakni Allah SWT dan sifat pengaduan itu dinafikan secara khusus dari golongan manusia (Basyūnī, 2008: hlm. 237).

Jenis *mawṣūf*-sifat bermaksud *mawṣūf* itu tidak bersifat kecuali dengan sifat tersebut sahaja. Sifat itu dikhususkan kepada *mawṣūf* itu sahaja tetapi tidak menghalang *mawṣūf* lain dari memiliki sifat yang sama (Faḍl Ḥasan ‘Abbās, 1989: hlm. 361).

Contohnya ayat "مَا شَوْقِي إِلَّا شَاعِرٌ" yang bermaksud “Bukanlah Syawqi kecuali seorang penyair”, perkataan "شَوْقِي" (Syawqi) sebagai *mawṣūf* dikhususkan memiliki sifat "شَاعِرٌ" (penyair). Semua sifat yang ingin dinafikan selain daripada sifat penyair ialah sifat yang berkaitan dengan penyair, misalnya sifat sebagai pemedato atau penulis. Penafian itu juga tidak bermaksud untuk menafikan semua sifat lain pada *mawṣūf*, misalnya tinggi, bijak, sabar dan sebagainya. Walaupun Syawqi dikhususkan dengan sifat penyair tetapi sifat itu turut dimiliki oleh orang lain juga.

Antara contoh bagi jenis *mawṣūf*-sifat ialah ayat ke-144 dalam surah Āli-‘Imrān, Allah SWT berfirman :

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ

Maksudnya: Dan Muḥammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul.

Nabi Muḥammad SAW yang merupakan *mawṣūf* dikhususkan dengan sifat sebagai utusan Allah SWT. Sifat yang ingin dinafikan ialah kekal dan terlepas dari kematian mengikut sangkaan sahabat-sahabat baginda. Namun baginda tetap memiliki sifat lain seperti sihat dan waras (al-Marāghīy, 2000: hlm. 192). Contoh ayat jenis sifat-mawṣūf dan mawṣūf-sifat ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Penentuan jenis pengkhususan mengikut *maqṣūr* dan *maqṣūr ‘alayh*

(Maṭlūb, 1980: 181).

Ayat	<i>Maqṣūr</i>	<i>Maqṣūr ‘alayh</i>	Jenis pengkhususan
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ	إِلَهٌ (sifat) ketuhanan	اللَّهُ ( <i>mawṣūf</i> ) Allah SWT	sifat-mawṣūf
إِلَى اللَّهِ أَشْكُو لَّا إِلَى النَّاسِ	أَشْكُو (sifat) pengaduan	اللَّهُ ( <i>mawṣūf</i> ) Allah SWT	sifat-mawṣūf
مَا شَوْقِي إِلَّا شَاعِرٌ	شَوْقِي ( <i>mawṣūf</i> ) Syawqi	شَاعِرٌ (sifat) penyair	mawṣūf-sifat
{ مَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ }	مُحَمَّدٌ ( <i>mawṣūf</i> ) Nabi Muḥammad	رَسُولٌ (sifat) rasul	mawṣūf-sifat

#### 2.4.3.1 Cara mudah menentukan jenis mawṣūf-sifat dan sifat-mawṣūf

Penentuan jenis sifat-mawṣūf atau mawṣūf-sifat banyak bergantung kepada penghayatan terhadap makna ayat. Namun Abū Mūsā (1987: hlm. 86-89) yang memetik kata-kata Sulaymān Nawwār mendapati bahawa pengkhususan jenis sifat-mawṣūf terjadi jika *maqṣūr ‘alayh* berada dalam keadaan berikut iaitu :

- a) *Maqṣūr ‘alayh* adalah pelaku dalam ayat. Contohnya adalah ayat ke-135 dalam surah Āli ‘Imrān, Allah SWT berfirman :

وَمَنْ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya : Dan tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah SWT.

Dalam ayat di atas sifat mengampunkan dosa dikhususkan kepada pelaku yang merupakan *mawṣūf* iaitu Allah SWT.

- b) *Maqṣūr ‘alayh* adalah subjek yang diakhirkan dalam ayat. Contohnya adalah ayat ke-20 dalam surah Āli ‘Imrān, firman Allah SWT :

فَأِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلَاغُ

Maksudnya: Maka sesungguhnya kewajibanmu hanyalah menyampaikan (dakwah Islam).

Dalam ayat tersebut subjek yang diakhirkan iaitu sifat sebagai penyampai (البَلَاغُ) dikhususkan kepada kata ganti “engkau” (كَ) yang merupakan *mawṣūf*.

Contoh seterusnya adalah ayat "إِنَّمَا كَاتِبُ الْجَاحِظُ" yang bermaksud “Hanyalah sifat sebagai penulis itu ada pada al-Jāhiz”. Subjek yang diakhirkan iaitu sifat sebagai penulis (كَاتِبُ) dikhususkan kepada *mawṣūf* iaitu al-Jāhiz (الْجَاحِظُ).

Jenis *mawṣūf*-sifat pula terjadi jika *maqṣūr ‘alayh* berada dalam keadaan berikut iaitu:

- a) *Maqṣūr ‘alayh* adalah predikat dalam ayat sama ada dalam bentuk kata terbitan, kata nama jati atau *jārr* dan *majrūr*. Contohnya ayat "إِنَّمَا اللَّهُ إِلَهٌ وَاحِدٌ" yang bermaksud “Hanya Allah SWT jua Tuhan Yang Maha Esa”, *mawṣūf* iaitu Allah SWT dikhususkan dengan predikat iaitu sifat Esa (وَاحِدٌ).



b) *Maqṣūr* 'alayh adalah objek dalam ayat. Contohnya adalah firman Allah SWT dalam surah al-Mā'idat̃ ayat ke-117 :

مَا قُلْتُ لَهُمْ إِلَّا مَا أَمَرْتَنِي بِهِ

Maksudnya: "Aku tidak mengatakan kepada mereka melainkan apa yang Engkau perintahkan kepadaku mengatakannya".

Allah SWT berfirman dalam ayat ke-9 dalam surah al-Baqarat̃ :

وَمَا يَتَّخِذُونَ إِلَّا أَنْفُسَهُمْ

Maksudnya: Mereka hanya memperdaya diri mereka sendiri sahaja.

Dalam kedua-dua ayat tersebut *maqṣūr* adalah dalam bentuk kata kerja iaitu "قُلْتُ" (aku berkata) dan "يَتَّخِذُونَ" (mereka memperdaya), manakala *maqṣūr* 'alayh adalah objek iaitu "مَا أَمَرْتَنِي" (apa yang Engkau perintahkan kepadaku) dan "أَنْفُسَهُمْ" (diri mereka sendiri). Dalam ayat pertama *mawṣūf* iaitu kata-kata Nabi 'Īsā AS dikhususkan dengan sifat iaitu perkaitan antara kata-katanya dengan apa yang diperintahkan kepadanya. Dalam ayat kedua pula *mawṣūf* iaitu penipuan orang kafir dikhususkan dengan sifat iaitu perkaitan antara penipuan dengan diri mereka sendiri.

c) *Maqṣūr* 'alayh adalah hāl dalam ayat. Contohnya ayat "مَا جَاءَ أَحْمَدُ إِلَّا رَاكِبًا" yang bermaksud "Aḥmad tidak datang kecuali dalam keadaan menunggang". Dalam ayat tersebut empunya *hāl* "أَحْمَدُ" dikhususkan dengan *hāl* "رَاكِبًا". Ayat tersebut bermaksud membataskan pelbagai keadaan Aḥmad ketika dia datang kepada satu keadaan sahaja iaitu menunggang.

#### 2.4.4 Pengkhususan jenis hakiki dan *iḍāfiyy* dan cara terbentuknya

Penulis telah menemui tiga cara pembahagian pengkhususan kepada jenis hakiki dan *iḍāfiyy* dilakukan iaitu pembahagian yang diasaskan oleh al-Taftāzānīy (2013), al-Dusūqīy (2002) dan Abū Mūsā (1987). al-Taftāzānīy (2013: hlm. 381-383) membahagikan pengkhususan mengikut hakikat dan *iḍāfiyy* (nisbah kepada perkara lain) kepada dua jenis iaitu :

- a) Jenis hakiki : yang bermaksud mengkhususkan sesuatu dengan sesuatu dengan cara pengkhususan itu tidak menjangkau semua perkara lain dan pengkhususan seperti itu memang berlaku dalam hakikat sebenar.
- b) Jenis *iḍāfiyy* : yang bermaksud mengkhususkan sesuatu dengan sesuatu dengan cara pengkhususan tidak menjangkau perkara yang dinisbahkan kepadanya, bukan semua perkara lain.


Seterusnya jenis hakiki juga boleh dibahagikan mengikut hakikat dan andaian kepada dua jenis :

- a) Jenis hakiki mengikut hakikat sebenar (hakiki *taḥqīqīyy*) : yang bermaksud pengkhususan tersebut memang berlaku dalam hakikat sebenar.
- b) Jenis hakiki mengikut andaian penutur (hakiki *'iddi'ā'īyy*) : yang bermaksud pengkhususan tersebut tidak berlaku dalam hakikat sebenar, cuma wujud pada andaian dan imaginasi penutur sahaja. Pengkhususan ini juga dinamakan “jenis hakiki atas dasar kepalingan (المبالغة)”.

Pengkhususan *iḍāfiyy* pula dibahagikan kepada tiga jenis mengikut keadaan pendengar, iaitu mengikut tahap penerimaan pendengar terhadap sesuatu pengkhususan itu. Pengkhususan *iḍāfiyy* terdiri daripada tiga jenis iaitu :

- a) Qalbi : pengkhususan seperti ini dikhususkan kepada pendengar yang menyangka perkara yang berlawanan dari perkara yang ingin dikhususkan.
- b) *Ifrād* : pengkhususan seperti ini dikhususkan kepada pendengar yang menyangka hukum sesuatu pengkhususan dikongsi antara *maqṣūr ‘alayh* dengan perkara lain.
- c) Penentuan (*ta’yīm*) : pengkhususan seperti ini dikhususkan kepada pendengar yang berbelah bagi dalam menetapkan hukum pengkhususan antara *maqṣūr ‘alayh* dengan perkara lain.

Pembahagian pengkhususan yang diutarakan oleh al-Dusūqīy (2002: jld. 2, hlm. 329) adalah hampir sama dengan pembahagian yang diutarakan oleh al-Taftāzānīy. al-Dusūqīy membahagikan pengkhususan kepada jenis hakiki dan *iḍāfīy*. Kedua-dua jenis pengkhususan hakiki dan *iḍāfīy* terbahagi kepada kategori *taḥqīqīy* dan *‘iddi ‘ā’īy* iaitu hakiki *taḥqīqīy*, hakiki *‘iddi ‘ā’īy*, *iḍāfīy taḥqīqīy* dan *iḍāfīy ‘iddi ‘ā’īy*. Di samping itu, pengkhususan *iḍāfīy* juga boleh dibahagikan kepada jenis qalbi, *ifrād* dan penentuan. Pembahagian yang dikemukakan oleh al-Dusūqīy ditunjukkan dalam Rajah 2.2 di bawah.



Rajah 2.2 : Pembahagian pengkhususan mengikut al-Dusūqīy (2002).


Abū Mūsā (1987: hlm. 37-57) pula menyarankan pembahagian mengikut penafian yang bersifat umum atau khusus yang ditentukan oleh seorang penutur. Pengkhususan yang menafikan semua perkara secara umum dinamakan jenis hakiki. Pengkhususan yang menafikan perkara yang dikhususkan sahaja dinamakan jenis *iḍāfīy*. Seterusnya jenis hakiki terbahagi kepada dua jenis iaitu hakiki *taḥqīqīy* dan hakiki *iddi 'ā'īy*.

Pengkhususan *iḍāfīy* pula dibahagikan mengikut keadaan pendengar kepada tiga jenis iaitu qalbi, *ifrād* dan penentuan. Pembahagian pengkhususan *iḍāfīy* ini adalah sama dengan pembahagian yang dikemukakan oleh al-Taftāzānīy dan al-Dusūqīy.

Pembahagian yang dikemukakan oleh Abū Mūsā ini dipersetujui oleh kebanyakan penulis moden seperti Ḥāmid 'Awnī (1972: hlm. 81), 'Abd al-Fattāḥ Lāsyīn (1976: hlm. 229), 'Abduh Qalqayalāṭ (1989: hlm. 259), Tawfīq al-Fīl (1991: hlm. 223) dan Basyūnī Fayyūd (2008: hlm. 229).

Pembahagian pengkhususan kepada jenis hakiki dan *iḍāfīy* adalah sama antara al-Taftāzānīy, al-Dusūqīy dan Abū Mūsā. Namun al-Taftāzānīy dan al-Dusūqīy menjadikan “hakikat sebenar dan *iḍāfat*” sebagai kriteria pembahagian jenis hakiki dan *iḍāfīy*. Sedangkan Abū Mūsā meletakkan “sifat penafian yang umum atau khusus” sebagai kriteria. Kriteria “sifat penafian yang umum atau khusus” yang dicadangkan oleh Abū Mūsā adalah lebih mudah difahami dan jelas. Namun kriteria yang diletakkan oleh al-Taftāzānīy iaitu “pengkhususan yang tidak menjangkau semua perkara lain” dan “pengkhususan yang tidak menjangkau perkara yang dinisbahkan kepadanya” kelihatan rumit dan sukar difahami. Tambahan pula kriteria “sifat penafian yang umum atau khusus” lebih baik untuk pembahagian jenis hakiki dan *iḍāfīy* untuk mengelakkan pengulangan kriteria yang sama iaitu “mengikut hakikat sebenar” dalam pembahagian jenis hakiki kepada *taḥqīqīy* dan *iddi 'ā'īy*.

Penulis berpendapat kriteria “sifat penafian yang umum atau khusus” lebih sesuai untuk dijadikan asas dalam pembahagian pengkhususan kepada jenis hakiki dan *iḍāfīy* sepertimana yang dicadangkan oleh Abū Mūsā. Kriteria “mengikut hakikat sebenar atau andaian penutur” pula bersesuaian untuk membahagikan jenis hakiki kepada hakiki *taḥqīqīy* dan hakiki *iddi‘ā‘īy*. Dalam kajian ini penulis memilih cara pembahagian pengkhususan yang dikemukakan oleh Abū Mūsā, pembahagian tersebut ditunjukkan dalam Rajah 2.3 di bawah.



Rajah 2.3: Pembahagian pengkhususan yang dikemukakan oleh Abū Mūsā (1987).

Dalam proses pengkhususan sesuatu yang diinginkan akan diperakukan dan perkara-perkara lain akan dinafikan. Sekiranya perkara yang ingin dinafikan melalui pengkhususan tersebut meliputi semua secara umum, dinamakan jenis hakiki. Sekiranya perkara yang ingin dinafikan adalah perkara yang khusus, bukan semua perkara, dinamakan jenis *iḍāfīy*.

a) Contoh jenis hakiki

Istilah pengkhususan “hakiki” mula diperkenalkan oleh al-Qazwīnīy (1999: jld.1, hlm. 225) lalu diteruskan oleh sarjana lain. Jenis hakiki bermaksud mengkhususkan *maqṣūr* dengan *maqṣūr‘alayh* dengan cara menafikan pengkhususan itu berlaku pada semua pihak kecuali pada *maqṣūr‘alayh* sahaja (Abū Mūsā, 1987: hlm. 38). Contohnya

ayat "إِنَّمَا فَعَلَ هَذَا زَيْدٌ" yang bermaksud “Hanya yang melakukan perbuatan itu ialah Zayd “. Dalam ayat ini perbuatan tersebut diperakukan kepada Zayd, maka Zayd adalah *maqṣūr‘alayh*. Setelah mengkhususkan perbuatan tersebut dilakukan oleh Zayd, semua orang lain dinafikan dari melakukan perbuatan tersebut. Hal ini menunjukkan penafian tadi bersifat umum dan meliputi semua orang kecuali Zayd (Basyūnī, 2008: hlm. 229; al-Fīl, 1991: hlm. 222).

Antara contoh jenis hakiki adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-59 dalam surah al-An‘ām :

﴿ وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ ﴾

Maksudnya : dan pada sisi Allah SWT jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia-lah sahaja.

Ayat ini mengandungi dua jenis tataqāṣar iaitu pendepanan (التَّقْدِيمُ) dan gaya penafian dengan pengecualian (النَّفْيُ وَالْإِسْتِثْنَاءُ). Dalam ayat { وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ }, pesandar “pada sisi Allah SWT” telah didepankan dari perkataan “kunci ilmu ghaib”. Pendepanan pesandar ini bermaksud pengetahuan tentang ilmu ghaib hanya dimiliki oleh Allah SWT sahaja malahan tiada siapa yang boleh berkongsi pengetahuan tentang perkara ghaib dengan-Nya. Manakala dalam ayat { لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ }, perkara ghaib dikhaskan kepada Allah SWT sahaja. Pengulangan makna dalam ayat ini bertujuan untuk mengukuhkan hakikat bahawa tiada seorang pun di alam ini sama ada Rasul atau malaikat atau jin atau manusia yang mengetahui perkara ghaib (Abū Mūsā, 1987: hlm. 39; al-Zawba‘īy, 1997: hlm. 377).

Penafian yang berbentuk umum menunjukkan pengkhususan dalam ayat ini jenis hakiki. *Maqṣūr* dalam ayat ini adalah ilmu ghaib yang tidak mungkin boleh dikongsi oleh

orang lain. *Maqṣūr ‘alayh* pula adalah Allah SWT yang turut memiliki sifat-sifat lain seperti pemurah, pengampun dan sebagainya (Abū Mūsā, 1987: hlm. 39).

b) Contoh jenis *iḍāfiyy*

Istilah pengkhususan “*iḍāfiyy*” bermaksud mengkhususkan *maqṣūr* dengan *maqṣūr ‘alayh* dengan cara menafikan pengkhususan tersebut dari perkara yang khusus dan tertentu, bukan semua perkara lain (Abū Mūsā, 1987: hlm. 55). Contoh jenis *iḍāfiyy* seperti "لا شاعر إلا شوقي" yang bermaksud “Tiadalah yang menjadi penyair kecuali Syawqi”, dan bukannya Ḥāfiẓ atau Maṭrān. Dalam pengkhususan ini, penutur ingin menafikan sifat sebagai penyair wujud pada Ḥāfiẓ dan Maṭrān, bukannya semua penyair yang wujud ketika itu (Basyūnī, 2008: hlm. 230).

Oleh itu perbezaan antara jenis hakiki dengan jenis *iḍāfiyy* terletak pada sudut penafian dalam pengkhususan. Jenis hakiki berlaku sekiranya penafian adalah umum dan jenis *iḍāfiyy* berlaku sekiranya penafian adalah khusus (Lāsyīn, 1976: hlm. 229; Qalqayalāṭ, 1989: hlm. 259). Penentuan sama ada penafian meliputi semua atau sebahagian bergantung kepada niat atau keadaan penutur sendiri. Justeru jenis pengkhususan hakiki dan *iḍāfiyy* dapat ditentukan setelah memahami tujuan penutur yang menggunakan pengkhususan (Abū Mūsā, 1987: hlm. 55).

Antara contoh jenis *iḍāfiyy* ialah ayat "مَا كَاتِبٌ إِلَّا مُحَمَّدٌ" yang bermaksud “Bukanlah seorang penulis melainkan Muḥammad”. Dalam ayat ini sifat sebagai penulis dikhususkan kepada Muḥammad dan sifat tersebut dinafikan ada pada Ali, misalnya (‘Awnī, 1972: hlm. 81). Pengkhususan sifat penulis ditujukan kepada Muḥammad dan dinafikan dari Ali. Memandangkan penafian dalam ayat ini khusus kepada Ali, jenis pengkhususan adalah *iḍāfiyy*.

Contoh lain ialah firman Allah SWT dalam ayat ke-65 dalam surah Šād :

قُلْ إِنَّمَا أَنَا مُنذِرٌ

Maksudnya: katakanlah (wahai Muḥammad): “sesungguhnya aku hanyalah seorang Rasul pemberi amaran”.

Dalam ayat ini, Nabi Muḥammad SAW dikhususkan sebagai Rasul yang memberi amaran sahaja dengan menafikan sifat sebagai seorang ahli sihir atau seorang penipu (Darrāz, 1986: hlm. 23). Pengkhususan dalam ayat ini menafikan dua sifat yang khusus sahaja, bukan semua sifat lain.

#### 2.4.4.1 Jenis hakiki *taḥqīqīy*, hakiki *iddi‘ā’īy* dan contohnya

Jenis hakiki *taḥqīqīy* berlaku jika sesuatu penafian meliputi semua perkara dan penafian tersebut benar-benar berlaku dalam realiti atau hakikat sebenar, contohnya adalah ayat "لا معبود بحق إلا الله" yang bermaksud “Tiada yang patut disembah sebenarnya melainkan Allah SWT”. Dalam ayat ini segala jenis ibadah dan sembahkan dikhususkan kepada Allah SWT Yang Esa dan hal itu adalah bertepatan dengan realiti yang ada.

Begitu juga ayat "لا يروى أرض مصر إلا النيل" yang bermaksud “Bukanlah yang mengairi bumi Mesir melainkan sungai Nil”. Pengairan di Mesir dikhususkan kepada sungai Nil sahaja kerana dari segi hakikatnya tiada sungai lain di Mesir melainkan Nil (Lāsyīn, 1976: hlm. 230; ‘Abbās, 1989: hlm. 362).

Sekiranya penafian tersebut tidak berlaku dalam realiti dan hakikat sebenar, maka dinamakan jenis hakiki *iddi‘ā’īy* yang bermaksud andaian atau dakwaan. Pengkhususan ini dibina berasaskan dasar kepalangan ini juga mengandaikan selain daripada *maqṣūr ‘alayh* seolah-olah tidak wujud dan tidak diambil kira (al-Taftāzānīy, 2013: hlm. 383).



Jenis hakiki *iddi 'ā'īy* juga dinamakan “pengkhususan *majāzīy*” ketika membincangkan ayat al-Qur‘an al-Karim bagi mengelakkan dari menggelar al-Qur‘an al-Karim sebagai “andaian” (Abū Mūsā, 1987: hlm. 46).

Contoh bagi jenis hakiki *iddi 'ā'īy* adalah ayat "مَا خَطِيبٌ فِي الْبَلَدِ إِلَّا عَلِيٌّ" yang bermaksud “Tiada pemidato di negeri ini melainkan Ali”. Ayat ini diucapkan kerana ada ramai pemidato dalam negeri itu tetapi mereka tidak mencapai tahap kehebatan Ali dalam berpidato. Pengkhususan ini adalah jenis *iddi 'ā'īy* kerana dari segi realiti, Ali bukan satu-satunya pemidato dalam negeri itu. Namun pengkhususan ini dibina berdasarkan andaian dan dakwaan penutur hinggakan pemidato lain diandaikan tidak wujud kerana kekurangan mereka. Justeru Ali seakan-akan satu-satunya pemidato yang ada atas dasar kepalingan (‘Awnī, 1972: hlm. 81).

Antara contoh jenis hakiki *taḥqīqīy* adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-14 dalam surah Ṭāha :

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا ﴿١٤﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Aku-lah Allah; tiada tuhan melainkan Aku”.

Ayat ini mengandungi dua tataqāṣar iaitu kaedah pengekhasan pesandar pada {أَنَا} {الله} dan gaya penafian dengan pengecualian pada {لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا}. Pada bahagian pertama nama Allah SWT yang suci sebagai Tuhan Yang Esa dikhususkan kepada kata ganti “Aku”. Gabungan perkataan “Aku-lah Allah” dalam bentuk zat dan makna menunjukkan hanya Allah SWT tuhan yang sebenar dan pengkhususan tersebut bertepatan dengan hakikat sebenar. Begitu juga dalam pengkhususan kedua yang ditambah dengan penegasan bahawa sifat ketuhanan dibataskan kepada Allah SWT.

Menurut Darrāz (1986 : hlm. 62) keindahan ayat ini ditonjolkan dengan memulakan ayat ini dengan kata ganti "أَنَا" serta berakhir dengan perkataan yang sama. Begitu juga *maḡṣūr 'alayh* bagi kedua-dua pengkhususan adalah sama iaitu kata ganti "أَنَا". Penafian yang menafikan segala bentuk atau individu lain sebagai tuhan bersesuaian dengan realiti sebenar menunjukkan kedua-dua pengkhususan dari jenis hakiki *taḥqīqīy*.

Antara contoh jenis hakiki *iddi 'ā'īy* adalah kisah Nabi Mūsā AS dan kaumnya yang diperintahkan agar memasuki bumi Palestin yang dihuni oleh golongan yang ganas. Kaum Nabi Mūsā AS menjawab dalam ayat ke-24 dalam surah al-Mā'idat, firman Allah SWT :

قَالُوا يَمُوسَىٰ إِنَّا لَن نَّدْخُلَهَا أَبَدًا مَّا دَامُوا فِيهَا ۗ فَادْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَتِلَا ۗ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: mereka (menolak dengan) berkata: "wahai Mūsā, sesungguhnya kami tidak akan memasuki negeri itu selama-lamanya selagi kaum itu masih berada di dalamnya; oleh itu pergilah engkau bersama tuhanmu dan perangilah mereka".

Lantas baginda mengadu kepada Allah SWT akan kelemahannya untuk terus memimpin kaumnya dan menyakinkan mereka agar memasuki tempat tersebut. Allah SWT berfirman dalam ayat ke-25 dalam surah al-Mā'idat :

قَالَ رَبِّ إِنِّي لَا أَمْلِكُ إِلَّا نَفْسِي وَأَخِي ۗ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: Nabi Mūsā (merayu kepada Allah SWT) katanya: "Wahai tuhan! Sesungguhnya aku tidak dapat menguasai selain daripada diriku sendiri dan saudaraku (Hārūn)".

Kata-kata Nabi Mūsā AS { لَا أَمْلِكُ إِلَّا نَفْسِي وَأَخِي } bermaksud baginda hanya mampu mengawal dirinya dan saudaranya sahaja dan menafikan segala perkara lain. Oleh itu pengkhususan dalam ayat ini ialah jenis hakiki. Kata-kata ini adalah satu pengaduan yang

berbaur sedih dan kecewa kepada Allah SWT akan kelemahannya. Justeru baginda meminta dipisahkan dari kaumnya (Darrāz, 1986: hlm. 66). Pengkhususan ini adalah jenis hakiki namun tidak menepati realiti yang berlaku. Nabi Mūsā AS mengkhususkan penguasaan ke atas dirinya dan saudaranya sahaja, sedangkan dalam ayat sebelumnya diceritakan tentang dua orang *ṣāliḥ* dari kaumnya yang turut memujuk kaum mereka agar memasuki tempat yang baru, firman Allah SWT dalam ayat ke-23 :

قَالَ رَجُلَانِ مِنَ الَّذِينَ يَخَافُونَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمَا ادْخُلُوا عَلَيْهِمُ الْبَابَ فَإِذَا دَخَلْتُمُوهُ فَإِنَّكُمْ  
غَالِبُونَ ﴿٢٣﴾

Maksudnya: berkatalah dua lelaki di antara orang-orang yang takut (menyalahi perintah tuhan), keduanya telah diberi nikmat oleh Allah SWT: "Seranglah mereka melalui pintu itu, kerana apabila kamu memasukinya maka sudah tentu kamulah orang-orang yang menang".

Dari sudut realiti, dua lelaki tersebut sepatutnya dianggap menyebelahi Nabi Mūsā AS dan saudaranya, namun kehadiran mereka berdua seolah-olah tidak diendahkan oleh baginda. Oleh itu pengkhususan dalam ayat tersebut jenis hakiki *iddi 'ā'īy*. Abū Mūsā (1987: hlm. 50) menyimpulkan bahawa jenis hakiki *iddi 'ā'īy* bukan menggambarkan realiti melalui jiwa dan perasaan tetapi menggambarkan realiti dari sudut pandangan penutur dan mengikut apa yang dirasai olehnya. Kata-kata Nabi Mūsā AS tersebut diucapkan hasil dari pengalaman perit baginda sepanjang bersama kaumnya hinggan baginda tidak mempercayai mereka kecuali saudaranya sahaja.

Sarjana balaghah membuat pemerhatian bahawa pengkhususan jenis hakiki *taḥqīqīy* tidak terdapat jenis mawṣūf-sifat. al-Qazwīnīy (1999: jld. 1, hlm. 225) mengatakan jenis hakiki banyak berlaku dengan mengkhususkan sesuatu sifat kepada empunya sifat (sifat-mawṣūf), contohnya "مَا فِي الدَّارِ إِلَّا زَيْدٌ" yang bermaksud "Tiada sesiapa di dalam rumah

kecuali Zayd”. Pengkhususan jenis hakiki *iddi‘ā’īy* seperti ini diucapkan atas andaian orang lain selain dari Zayd tidak diambil kira. Namun mengkhususkan empunya sifat dengan satu sifat (mawṣūf-sifat) hampir tidak wujud dalam realiti sebenar. Contohnya mengkhususkan Zayd kepada sifat sebagai penulis sahaja dalam ayat "مَا زَيْدٌ إِلَّا كَاتِبٌ". Hal ini adalah kerana setiap empunya sifat mesti mempunyai banyak sifat yang tidak terhitung.

al-Taftāzānīy (2013: hlm. 382) juga menegaskan bahawa mengkhususkan empunya sifat kepada satu sifat adalah mustahil berlaku dalam jenis hakiki *taḥqīqīy*. al-Sayūṭīy (1987: jld. 2, hlm. 796) juga menyokong dengan mengatakan “tiada satu zat yang hanya mempunyai satu sifat, oleh itu pengkhususan mawṣūf-sifat dari jenis hakiki *taḥqīqīy* tiada dalam al-Qur‘an al-Karim”.

Abū Mūsā (1987: hlm. 53) kurang bersetuju dengan pandangan yang mengatakan jenis hakiki *taḥqīqīy* tiada dalam jenis mawṣūf-sifat. Abū Mūsā mengemukakan hujah dari al-Jurjānīy (1981: hlm. 266) yang menjelaskan ayat "مَا زَيْدٌ إِلَّا قَائِمٌ" yang bermaksud “Tidaklah Zayd melainkan dalam keadaan berdiri”. Ayat ini ingin menafikan semua sifat lain kecuali berdiri dan sifat yang dinafikan adalah berlawanan dengan berdiri seperti duduk, berbaring atau berteleku. Penafian itu bukan bermakna menafikan sifat lain yang tiada kaitan dengan berdiri seperti berkulit hitam atau putih, tinggi atau rendah, berilmu atau jahil. Apabila dikatakan : "مَا قَائِمٌ إِلَّا زَيْدٌ" yang bermaksud “Tidaklah berdiri kecuali Zayd” bukan bermaksud tiada seorang pun berdiri di dalam dunia ini selain Zayd, tetapi bermaksud bukanlah yang berdiri itu kita atau dalam kalangan kita atau seumpamanya.

Kesimpulannya, penulis juga turut menyokong pendapat bahawa pengkhususan mawṣūf-sifat wujud dalam hakiki *taḥqīqīy* ini kerana penafian secara umum mungkin

boleh berlaku dalam had tertentu yang dapat ditentukan melalui konteks ayat atau ungkapan tunjuk.

#### 2.4.5 Pengkhususan jenis qalbi, *ifrād* dan penentuan dan cara terbentuknya

Menurut al-Ṣa‘īdīy (1973: hlm. 6), al-Sakkākīy hanya membahagikan jenis *iḍāfīy* kepada jenis *ifrād* dan qalbi, manakala jenis penentuan termasuk dalam jenis *ifrād*. Pembahagian jenis *iḍāfīy* kepada *ifrād*, qalbi dan penentuan diperkenalkan oleh al-Qazwīnīy (1999: jld. 1, hlm. 226) dan menjadi ikutan para sarjana selepasnya seperti al-Taftāzānīy, al-Dusūqīy, al-Subkīy.

Jenis hakiki menafikan semua perkara secara umum selain daripada *maqṣūr ‘alayh* sedangkan jenis *iḍāfīy* pula menafikan sebahagian perkara sahaja. Penentuan penafian perkara yang khusus itu adalah mengikut niat penutur. Manakala tahap penerimaan pendengar terhadap sesuatu pengkhususan itu menjadi kriteria dalam pembahagian jenis *iḍāfīy*. Justeru jenis *iḍāfīy* amat berkesan agar penutur dapat membetulkan sangkaan pendengar dan menghilangkan keraguannya terhadap sesuatu perkara (‘Atīq, 2004: hlm. 133).

Menurut para sarjana (al-Habīl, 2011: hlm. 976; Syaykh Amīn, 1979: hlm. 180) seorang pendengar mesti berada dalam salah satu keadaan berikut ketika berhadapan dengan sesuatu pengkhususan. Satu contoh ayat jenis mawṣūf-sifat ialah "مَا أَحْمَدُ إِلَّا تَاجِرٌ" yang bermaksud "Bukanlah Aḥmad melainkan seorang peniaga" mungkin ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran mengikut tiga keadaan pendengar. Tiga keadaan tersebut ialah seperti berikut :

a) Jenis *ifrād* (الإِفْرَادُ)

Jenis *ifrād* berlaku jika pendengar menyangka hukum sesuatu pengkhususan dikongsi antara *maqṣūr ‘alayh* dengan perkara lain, contohnya pendengar menyangka Ahmad adalah seorang peniaga dan petani. Ayat "مَا أَحْمَدُ إِلَّا تَاجِرٌ" diucapkan untuk membetulkan sangkaan pendengar yang menyangka kedua-duanya dengan mengkhususkan sifat sebagai peniaga sahaja. Penggunaan jenis *ifrād* bertujuan untuk menegaskan bahawa pengkhususan itu terhad kepada satu pihak sahaja iaitu *maqṣūr ‘alayh*.

b) Jenis *qalbi* (الْقَلْبُ)

Jenis *qalbi* pula ditujukan kepada pendengar yang menyangka perkara yang berlawanan dari perkara yang ingin diperakukan. Contohnya jika pendengar menyangka yang Ahmad adalah seorang petani, maka diucapkan ayat "مَا أَحْمَدُ إِلَّا تَاجِرٌ" untuk mengkhususkan sifat sebagai seorang petani, bukannya seorang peniaga. Jenis *qalbi* diucapkan untuk mengubah sangkaan pendengar yang menyangka sebaliknya.

c) Jenis penentuan (التَّعْيِينُ)

Jenis penentuan berlaku jika pendengar berbelah bagi dalam menetapkan hukum pengkhususan antara *maqṣūr ‘alayh* dengan perkara lain. Contohnya pendengar yang ragu-ragu sama ada Ahmad adalah seorang peniaga atau petani, maka diucapkan ayat "مَا أَحْمَدُ إِلَّا تَاجِرٌ" untuk mengkhususkan sifatnya sebagai seorang peniaga. Jenis penentuan ditujukan kepada pendengar agar dapat memutuskan hukum antara kedua-duanya.

Satu contoh ayat jenis sifat-mawṣūf adalah seperti "الكَرِيمُ أَحْمَدُ لَا عَلِيٌّ" yang bermaksud "Yang pemurah itulah Ahmad, bukannya Ali". Contoh situasi jenis *ifrād* bagi ayat itu adalah apabila pendengar menyangka Ahmad dan Ali berkongsi sifat pemurah. Contoh situasi jenis *qalbi* pula terjadi apabila pendengar mendakwa orang yang pemurah

adalah Ali dan bukannya Aḥmad. Contoh situasi jenis penentuan pula adalah apabila pendengar tidak dapat menentukan siapa yang pemurah antara kedua-duanya ('Atīq, 2004: hlm. 133).

Sebahagian sarjana balaghah meletakkan syarat bagi jenis *ifrād* dan *qalbi*. Menurut al-Qazwīnīy (2002: jld. 2, hlm. 14) pengkhususan jenis *mawṣūf-sifat* dalam kategori *ifrād*, disyaratkan bagi kedua-dua sifat yang disangka oleh pendengar tidak bertentangan antara satu dengan yang lain. Sekiranya dikatakan : "مَا زَيْدٌ إِلَّا شَاعِرٌ" yang bermaksud "Bukanlah Zayd melainkan seorang penyair", maka sifat yang ingin dinafikan oleh penutur mestilah tidak menafikan sifat sebagai penyair, contohnya sifat sebagai penulis atau pemedato. Hal ini adalah bagi memungkinkan pendengar menggabungkan kedua-dua sifat tadi pada Zayd. Kemungkinan pendengar menyangka Zayd bersifat sebagai penyair dan penulis atau sebagai penyair dan pemedato. Oleh itu tidak seharusnya sifat yang ingin dinafikan bertentangan dengan sifat penyair, contohnya tidak berjiwa puitis (al-Jundīy, 1962: hlm. 134; 'Awnī, 1972: hlm. 85). Memandangkan orang yang tidak berjiwa puitis tidak boleh menjadi penyair, maka ketiadaan sifat puitis menafikan sifat menjadi penyair dan kedua-dua sifat tidak boleh dimiliki oleh seseorang dalam masa yang sama.

Bagi pengkhususan jenis *mawṣūf-sifat* dalam kategori jenis *qalbi*, al-Qazwīnīy (2002: jld. 2, hlm. 14) mensyaratkan sifat yang ingin diperakukan dan sifat yang ingin dinafikan mestilah bertentangan antara satu dengan yang lain mengikut realiti sebenar. Hal ini adalah untuk menghasilkan pengkhususan melalui cara memperakukan perkara yang dikehendaki dan menafikan yang apa disangka oleh pendengar. Contohnya dalam ayat "مَا زَيْدٌ إِلَّا قَائِمٌ" yang bermaksud "Bukanlah Zayd melainkan dalam keadaan berdiri", seharusnya sifat yang ingin dinafikan adalah seperti duduk, berbaring dan seumpamanya yang berlawanan dengan berdiri.

Namun syarat yang dikenakan oleh al-Qazwīnīy tadi tidak disetujui oleh al-Taftāzānīy (2013: hlm. 385). al-Taftāzānīy berhujah dengan contoh ayat "مَا زَيْدٌ إِلَّا شَاعِرٌ" yang bermaksud "Bukanlah Zayd melainkan seorang penyair sahaja", ayat ini diucapkan jika pendengar menyangka Zayd adalah penulis dan bukannya penyair. Memandangkan ayat tersebut mengubah sangkaan pendengar, maka ia adalah jenis qalbi walau pun tidak berlaku pertentangan antara penyair dengan penulis dalam realiti sebenar.

Oleh itu berdasarkan hujah tersebut, syarat bahawa kedua-dua sifat dalam jenis qalbi harus menafikan antara satu dengan yang lain seperti yang ditetapkan oleh al-Qazwīnīy adalah tidak tepat. Tambahan pula, menurut al-Taftāzānīy kedua-dua sifat tersebut seharusnya bertentangan antara satu dengan yang lain berdasarkan niat dan sangkaan pendengar, bukan berdasarkan realiti sebenar. Hal ini adalah kerana jenis qalbi dibina mengikut sangkaan pendengar yang menyangka perkara sebaliknya. al-Rūbīy (1962: hlm. 72) juga menyokong bahawa pandangan yang mengatakan tiada syarat dikenakan bagi jenis qalbi adalah lebih tepat.

Para sarjana bersetuju tidak mengenakan sebarang syarat dalam jenis penentuan. al-Qazwīnīy (1999: jld. 1, hlm. 227) mengatakan : "Jenis penentuan lebih umum (berbanding dengan jenis *ifrād* dan qalbi). Ayat yang boleh menjadi jenis *ifrād* dan qalbi adalah sesuai untuk menjadi jenis penentuan, tetapi tidak sebaliknya".

Kesimpulan dari penerangan di atas, syarat tidak bertentangan antara kedua-dua sifat dalam jenis mawṣūf-sifat jenis *ifrād* dipersetujui oleh majoriti sarjana balaghah. Namun bagi jenis qalbi dan jenis penentuan tiada sebarang syarat dikenakan.



#### 2.4.5.1 Contoh jenis *ifrād*, qalbi dan penentuan

Antara contoh jenis *ifrād* adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-11 dalam surah al-Baqarāḥ :

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya: Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: " Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan".

Dalam ayat di atas orang-orang munafiq mengkhususkan diri mereka dengan sifat membuat kebaikan sahaja. Pengkhususan dalam ayat di atas adalah jenis *ifrād*. Apabila mereka diperintahkan supaya tidak membuat kerosakan dan kejahatan, mereka menyangka mereka dituduh mencampur adukkan sifat kebaikan dengan kerosakan. Hal ini mendorong mereka membataskan diri mereka dengan satu sifat sahaja iaitu sifat membuat kebaikan (Basyūnī, 2008: hlm. 199).

Antara contoh jenis qalbi adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-153 dan 154 dalam surah al-Syu‘arāḥ :

قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مِنَ الْمُسْحَرِينَ ﴿١٥٣﴾ مَا أَنْتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا ﴿١٥٤﴾

Maksudnya: Mereka menjawab: “Sesungguhnya engkau ini hanyalah salah seorang dari golongan yang kena sihir! Engkau hanyalah seorang manusia seperti kami”.

Nabi Ṣāliḥ AS memberitahu kaumnya bahawa dia adalah utusan Allah SWT namun kaumnya memutar belitkan maklumat tersebut. Mereka mendakwa Nabi Ṣāliḥ AS bukan Rasul tetapi seorang yang terkena sihir. Mereka menguatkan dakwaan mereka dengan hujah bahawa Nabi Ṣāliḥ AS hanyalah manusia biasa dalam ayat {مَا أَنْتَ إِلَّا بَشَرٌ}. Hal

ini disebabkan kerana mereka menyangka Rasul bukan manusia biasa tetapi hendaklah dari golongan yang mempunyai kuasa luar biasa seperti jin atau malaikat. Mereka membalas dakwaan Nabi Ṣāliḥ AS yang mengatakan dirinya Rasul, pada hal menurut anggapan kaumnya, dia adalah seorang yang terkena sihir (al-Zawba'iy, 1997: hlm. 382). Oleh itu kedua-dua ayat di atas adalah dari jenis qalbi.

Contoh bagi jenis penentuan adalah seorang pendengar yang ragu-ragu dalam menentukan sama ada al-Jāḥiẓ adalah ahli bahasa atau penyair, maka diucapkan kepadanya : "مَا الْجَاحِظُ إِلَّا كَاتِبٌ" yang bermaksud “Bukanlah al-Jāḥiẓ itu kecuali seorang ahli bahasa “. Sedangkan bagi pendengar yang tidak dapat menentukan siapakah ahli bahasa di antara al-Jāḥiẓ dengan al-Buḥturīy, maka diucapkan kepadanya : "مَا الْكَاتِبُ إِلَّا الْجَاحِظُ" yang bermaksud “Yang menjadi ahli bahasa itu ialah al-Jāḥiẓ (bukan al-Buḥturīy)” (al-Ḥumṣīy, 2003: hlm. 217).

#### 2.4.5.2 Gabung jalin semua pembahagian pengkhususan

Pengkhususan boleh dibahagikan kepada tiga pembahagian berikut iaitu :

- a) Jenis hakiki atau jenis *iḍāfiyy*.
- b) Jenis *ifrād*, jenis qalbi atau jenis penentuan.
- c) Jenis sifat-mawṣūf atau mawṣūf-sifat.

Ketika menganalisis ayat kesemua kategori tersebut hendaklah diperhatikan secara bersepadu. Satu contoh ayat yang mengandungi pengkhususan adalah *bayt* puisi dari Syawqi :

إِنَّمَا الْأُمَمُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيَتْ      فَإِنْ هُمُوهَا ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا

Maksudnya: Hanyalah umat-umat itu kekal selagi wujudnya akhlak, sekiranya mereka tidak berakhlak lagi maka lenyaplah umat itu.

Dalam puisi tersebut tersebut *mawṣūf* ialah "الأُمَمُ" (umat-umat) iaitu faktor kelangsungan kewujudan umat dan nilai kekuatannya dikhususkan kepada sifat "الأَخْلَاقُ" (akhlak umat itu). Semua perkara selain daripada akhlak telah dinafikan oleh penyair. Bahkan penyair tidak mempedulikan faktor lain dalam menilai kehebatan umat seperti kepesatan ekonomi, bilangan penduduk atau kemajuan ilmu (Abū Mūsā, 1987: hlm. 81). Pengkhususan dalam puisi ini adalah jenis *mawṣūf*-sifat dan jenis hakiki *iddi 'ā'īy* dengan menggunakan partikel *innamā*.

Contoh bagi jenis sifat-*mawṣūf* pula adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-73 dalam surah al-Mā'idat :

وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا إِلَهُ وَاحِدٌ

Maksudnya: padahal tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan Yang Maha Esa.

Sifat "إِلَهُ" yakni sifat Tuhan yang sebenar dikhususkan kepada *mawṣūf* "إِلَهُ وَاحِدٌ" yakni Tuhan Yang Maha Esa. Pengkhususan ini adalah jenis sifat-*mawṣūf*. Ayat ini bertujuan untuk menyangkal dakwaan orang Kristian yang mendakwa tuhan adalah gabungan dari Nabi 'Isā AS, Maryam dan Allah SWT, الْعِبَادُ بِاللَّهِ مِنْ ذَلِكَ (Basyūnī, 2008: hlm. 234). Memandangkan ayat ini menegaskan yang Tuhan adalah esa bukannya berbilang-bilang, maka ini adalah jenis *ifrād* dengan menggunakan gaya penafian dengan pengecualian. Keseluruhannya pengkhususan dalam ayat tersebut adalah jenis sifat-*mawṣūf* dan *idāfīy* iaitu jenis *ifrād* dengan menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.

## 2.4.6 Penentuan jenis tataqāṣar

Sesuatu pengkhususan berlaku dengan menggunakan kaedah tertentu yang dinamakan sebagai “tataqāṣar” (طُرُقُ الْقَصْرِ). Para sarjana balaghah (Darrāz, 1986: hlm. 133; al-Dusūqīy, 2002: jld. 2, hlm. 318) menganggap enam kaedah berikut sebagai “tataqāṣar yang diiktiraf dalam istilah balaghah” iaitu (طُرُقُ الْقَصْرِ الْإِصْطِلَاحِيَّةِ). Enam jenis tataqāṣar yang menghasilkan pengkhususan dalam bahasa Arab adalah :

- a) gaya penafian dengan pengecualian (النَّفْيُ وَالْإِسْتِثْنَاءُ).
- b) partikel *innamā* (إِنَّمَا) .
- c) partikel ‘*atf* (الْعَطْفُ بِـ "لا", "لَكِنْ" و"بَلْ") .
- d) pendepanan komponen yang sepatutnya berada di akhir ayat (تَقْدِيمُ مَا حَقَّهُ التَّأْخِيرُ).
- e) pengekhasan pesandar (تَعْرِيفُ الْمُسْنَدِ).
- f) kata ganti nama pemisah (ضَمِيرُ الْفَصْلِ).

Sebahagian sarjana berpandangan bahawa beberapa kaedah lain boleh menghasilkan makna pengkhususan seperti al-Sayūṭīy (1987: jld. 2, hlm. 797-802) yang telah menyenaraikan empat belas jenis tataqāṣar. Namun majoriti sarjana bersepakat bahawa kaedah lain yang dinamakan sebagai “tataqāṣar yang tidak diiktiraf dalam istilah balaghah” (طُرُقُ الْقَصْرِ غَيْرِ الْإِصْطِلَاحِيَّةِ) tidak termasuk dalam perbincangan balaghah. Bilangannya adalah sangat banyak, terutamanya perkataan atau frasa atau ayat yang secara zahirnya membawa makna pengkhususan. Antara tataqāṣar yang tidak diiktiraf menghasilkan gaya bahasa pengkhususan adalah :

- a) penggunaan *tawkiḍ lafzīy* seperti "وَحَدَّهُ" dan "نَفْسُهُ" dan perkataan atau frasa yang membataskan makna seperti "فَقَطُّ، لَا غَيْرَ، لَيْسَ غَيْرٌ".
- b) Penggunaan secara jelas sebarang kata terbitan dari perkataan “*al-qaṣr*”, “*al-ḥaṣr*” dan “*al-ikhtiṣāṣ*” sama ada dalam bentuk kata nama atau kata kerja seperti "خَالِدٌ"

"يَخْتَصُّ بِالْأَمَانَةِ" yang bermaksud “Khalid dikhususkan dengan sifat amanah, atau ayat "دُخُولُ مَكَّةَ مَقْصُورٌ عَلَى الْمُسْلِمِينَ" yang bermaksud “ Memasuki Mekah dikhususkan kepada orang-orang Islam sahaja” (Ḥamdān & Sabī‘iy, 2014: hlm. 200).

- c) Ayat yang difahami mengandungi pengkhususan seperti "سَدُّ الصِّينِ أَعْظَمُ سَدٍّ فِي الْأَرْضِ" yang bermaksud “Empangan di China adalah empangan terbesar di dunia”. Dalam ayat tersebut dapat difahami bahawa empangan terbesar di dunia dikhususkan kepada empangan yang terletak di negeri China (al-Maydānīy, 1996: jld. 1, hlm. 530).
- d) Ayat yang mengandungi penegasan seperti "إِنَّ زَيْدًا لَقَائِمٌ" yang bermaksud “ Sesungguhnya Zayd sememangnya dia berdiri”.
- e) Jawapan “Zayd berdiri” bagi soalan berikut : "زَيْدٌ إِمَّا قَائِمٌ أَوْ قَاعِدٌ؟" yang bermaksud “Adakah Zayd berdiri atau duduk ?” (al-Sayūṭīy, 1987: jld. 2, hlm. 802).
- f) Gabungan dua ayat yang mengandungi penafian dalam ayat pertama dan pengecualian dalam ayat kedua seperti "زَيْدٌ قَامَ وَلَمْ يَقُمْ غَيْرُهُ" yang bermaksud “Zayd yang berdiri dan tiada seorang pun yang berdiri selain daripadanya” (Bahā’ al-Dīn al-Subkīy, 2001: jld. 2, hlm. 497).

Ayat yang mengandungi penegasan seperti dalam contoh “d” tidak mengandungi pengkhususan. Walaupun ayat "إِنَّ زَيْدًا لَقَائِمٌ" mengandungi dua partikel penegas iaitu *inna* dan *lām*, namun ia hanyalah penegasan biasa. Pengkhususan pula merupakan “penegasan yang mengandungi perakuan dan penafian (Ibrāhīm al-Ḥanafīy, 2001: jld. 1, hlm. 550).

Memandangkan perkataan atau ayat yang mengandungi maksud pengkhususan sangat banyak malahan sukar untuk dihitng, para sarjana balaghah telah menetapkan enam jenis tataqāsar yang telah disebut sebelum ini sebagai tataqāsar yang sah. Hal ini

dilakukan dengan tujuan untuk membataskan skop perbahasan. Tambahan pula kajian mengenainya tidak berkaitan dengan perbahasan balaghah (Abū Mūsā, 1987: hlm. 36).

Penulis telah menemui tiga pandangan utama dalam penentuan tataqāṣar yang diiktiraf dalam istilah balaghah. Pandangan mengenai jenis tataqāṣar yang diiktiraf ditunjukkan dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2: Tiga pandangan sarjana balaghah mengenai jenis tataqāṣar.

<p>Pandangan pertama:</p> <p>- tataqāṣar adalah enam iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• penafian dengan pengecualian</li> <li>• partikel <i>innamā</i></li> <li>• partikel <i>'aff</i></li> <li>• pendepanan</li> <li>• pengekhasan pesandar</li> <li>• kata ganti nama pemisah</li> </ul> <p>-kebanyakan sarjana membincangkan pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah dalam tajuk “keadaan pesandar” dan “keadaan penyandar”.</p> <p>-sebahagian kecil sarjana meletak dua kaedah tersebut dalam tajuk “<i>al-qaṣr</i>”.</p>	<p>Pandangan kedua :</p> <p>- tataqāṣar adalah empat iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• penafian dengan pengecualian</li> <li>• partikel <i>innamā</i></li> <li>• partikel <i>'aff</i></li> <li>• pendepanan</li> </ul> <p>-sarjana yang menyokong pandangan ini hanya membincangkan keempat-empat jenis tataqāṣar dalam penulisan mereka.</p>	<p>Pandangan ketiga :</p> <p>- tataqāṣar adalah empat iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• penafian dengan pengecualian</li> <li>• partikel <i>innamā</i></li> <li>• partikel <i>'aff</i></li> <li>• pendepanan</li> </ul> <p>-sarjana yang menyokong pandangan ini mengatakan keempat-empat tataqāṣar tersebut adalah yang utama.</p> <p>-kaedah pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah dianggap kurang masyhur atau tidak disepakati oleh semua sarjana.</p>
<p>Sarjana yang menyokong pandangan ini ialah al-Taftāzānīy, al-Maghribīy, al-Dusūqīy, al-Marāghīy, 'Awnī, Lāsyīn, Abū Mūsā, Darrāz, al-Hāsyimīy, Fāḍilī, al-Zawba'īy dan Basyūnī.</p>	<p>Sarjana yang menyokong pandangan ini ialah al-Jundīy, 'Abbās, Syakh Amin dan 'Atīq.</p>	<p>Sarjana yang menyokong pandangan ini ialah al-Rūbīy dan Qalqayalaṭ.</p>

Penulis berpendapat bahawa jenis tataqāṣar yang menghasilkan pengkhususan adalah enam jenis mengikut pandangan yang pertama. Masalah kaedah pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah dianggap tidak masyhur atau tidak disepakati para sarjana sebagai tataqāṣar timbul kerana al-Sakkākīy (2000: hlm. 286) mengasingkan perbincangan kedua-duanya dalam tajuk berlainan dari tajuk “pengkhususan”. Justeru al-

Maghribīy (t.t: jld. 2, hlm. 186) menjelaskan bahawa kedua-dua kaedah tersebut tidak diulang perbincangannya dalam tajuk “pengkhususan” kerana telah dibincangkan dalam tajuk “keadaan pesandar” dan “keadaan penyandar”. Kemungkinan pengasingan ini menimbulkan kekeliruan terhadap penulis-penulis seterusnya. Kemungkinan juga penulis yang membincangkan empat jenis tataqāsar sahaja ingin meringkaskan perbincangan mereka. Kesimpulannya, penulis berpendapat bahawa jenis tataqāsar yang diiktiraf oleh sarjana balaghah adalah enam jenis tersebut.

#### 2.4.6.1 Penafian dengan pengecualian

Gaya penafian dengan pengecualian (النَّفْيُ وَالْإِسْتِثْنَاءُ) merupakan tataqāsar yang paling utama. Menurut al-Zawba‘īy (1997: hlm. 389) sarjana balaghah menjadikan ayat penafian dengan pengecualian sebagai sandaran semasa menerangkan pengkhususan dalam partikel *innamā*, contohnya ayat {إِنَّمَا مُحَمَّدٌ رَسُولٌ} disetarakan dengan ayat "مَا" "مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ". Gaya penafian dengan pengecualian boleh mewujudkan pengkhususan jenis sifat-mawṣūf dan mawṣūf-sifat serta jenis hakiki dan *iḍafīy* dan sub bahagiannya.

*Maqṣūr‘alayh* dalam ayat yang mengandungi penafian dengan pengecualian adalah perkataan yang terletak selepas partikel kecuali. Berikutan perkara tersebut menerangkan perkataan yang menjadi *maqṣūr‘alayh* mesti diakhirkan sama ada perkataan itu adalah pelaku atau objek. Contoh bagi *maqṣūr‘alayh* ialah pelaku, seperti "مَا أَكَلَ التَّفَاحَ إِلَّا أَحْمَدُ" yang bermaksud “Tiada yang memakan epal itu kecuali Aḥmad”. Contoh *maqṣūr‘alayh* ialah objek, seperti "مَا ضَرَبَ عَلِيٌّ إِلَّا زَيْدًا" yang bermaksud “Ali tidak memukul sesiapa kecuali Zayd” (al-Anṣārīy, 1989: jld. 2, hlm. 76).

al-Murādīy (1992: hlm. 513) mengatakan partikel kecuali dalam ilmu nahu berfungsi untuk mengeluarkan perkataan selepas partikel kecuali dari hukum yang terdapat pada perkataan sebelumnya. Perkataan yang terletak selepas partikel kecuali dinamakan

*mustathnā*. Terdapat beberapa jenis laras kecuali dalam ilmu nahu dan untuk menentukan laras kecuali yang menghasilkan pengkhususan perlulah dibincangkan semua jenis.

a) Laras kecuali sempurna nafi

Sarjana nahu mensyaratkan bagi laras kecuali sempurna nafi hendaklah mengandungi *mustathnā minh* dan ayat hendaklah didahului oleh partikel nafi, contohnya ayat "مَا حَضَرَ" *مَا حَضَرَ* "أَلِيًّا" *أَلِيًّا* yang bermaksud "Tidak hadir pelajar-pelajar kecuali Ali". Disyaratkan juga bagi *mustathnā* hendaklah menjadi sebahagian dari *mustathnā minh* malahan *mustathnā* haruslah dari jenis yang sama dengan *mustathnā minh*. Dalam ayat tersebut, "أَلِيًّا" adalah salah seorang dari "أَلِيًّا" dan dari jenis yang sama (Ḥasan, 1981: jld. 2, hlm. 316).

Semua sarjana balaghah bersetuju bahawa penafian dengan pengecualian adalah salah satu tataqāṣar. Namun mereka berselisih sama ada laras kecuali sempurna nafi termasuk dalam tataqāṣar yang diiktiraf atau tidak (Abū Mūsā, 1987: hlm. 125). Namun al-Maghribīy (t.t: jld. 2, hlm. 191) menegaskan bahawa laras kecuali sempurna nafi menghasilkan pengkhususan. Menurut al-Maghribīy gaya penafian dengan pengecualian amat berkesan untuk mengkhususkan sesuatu jika pendengar mempertikaikan sesuatu maklumat.

Kesimpulannya, para sarjana balaghah bersetuju bahawa laras kecuali sempurna nafi juga membawa makna pengkhususan.

al-Rājihīy (1985: hlm. 302) mengatakan bahawa *mustathnā* dalam laras kecuali sempurna nafi boleh menerima dua jenis fleksi iaitu :



a) Akusatif

Dalam ayat "مَا حَضَرَ الطُّلَّابُ إِلَّا عَلِيًّا" yang bermaksud "Tidak hadir pelajar-pelajar itu kecuali Ali", fleksi bagi perkataan "عَلِيًّا" adalah *mustathnā manṣūb*.

b) *Badal ba‘d min kull*

Ayat di atas boleh juga menjadi : "مَا حَضَرَ الطُّلَّابُ إِلَّا عَلِيًّا", maka fleksi bagi "عَلِيًّا" adalah *badal* bagi *mustathnā minh* iaitu "الطُّلَّابُ". Hukum fleksi bagi *mustathnā* adalah mengikut hukum fleksi pada *mustathnā minh*.

Kedua-dua jenis fleksi tadi adalah diharuskan menurut pandangan al-Anṣārīy (1989: jld.1, hlm. 171) namun fleksi sebagai *badal* adalah lebih baik. Laras kecuali sempurna nafi yang mengandungi *mustathnā* yang mempunyai fleksi sebagai *badal* membawa makna pengkhususan seperti "مَا حَضَرَ الطُّلَّابُ إِلَّا عَلِيًّا". Sedangkan laras kecuali sempurna nafi yang mengandungi *mustathnā manṣūb* tidak membawa makna pengkhususan, seperti ayat: "مَا حَضَرَ الطُّلَّابُ إِلَّا عَلِيًّا".

b) Laras kecuali tak fungsi

Laras kecuali tak fungsi mempunyai dua syarat iaitu hendaklah didahului oleh partikel nafi dan tidak mengandungi *mustathnā minh*, (al-Anṣārīy, 1989: jld. 1, hlm. 169), contohnya ayat "مَا جَاءَ إِلَّا زَيْدٌ" yang bermaksud "Tiada yang datang kecuali Zayd". Laras kecuali tak fungsi adalah kaedah asal yang menghasilkan makna pengkhususan dalam gaya penafian dengan pengecualian.

Sarjana balaghah (al-Taftāzānīy, 2013: hlm. 404; Basyūnī, 2008: hlm. 252) mensyaratkan bagi laras kecuali tak fungsi supaya menunjukkan makna pengkhususan, hendaklah diandaikan mempunyai *mustathnā minh* yang umum. Contohnya ayat "مَا جَاءَ إِلَّا زَيْدٌ" hendaklah diandaikan mempunyai *mustathnā minh* iaitu perkataan "أَحَدٌ" menjadi "مَا جَاءَ أَحَدٌ إِلَّا زَيْدٌ". Penafian dalam ayat tadi hendaklah ditujukan kepada *mustathnā minh* yang diandaikan wujud. Hal ini adalah kerana pengecualian bertugas untuk

mengeluarkan *mustathnā* dari *mustathnā minh*, maka *mustathnā minh* hendaklah merangkumi *mustathnā* serta sama jenis dan sifat dengannya. Apabila didatangkan partikel kecuali, maka dinafikan semua orang selain daripada Zayd dan dikhususkan Zayd kepada sifat datang. Dari sini terbitlah makna pengkhususan yang berfungsi dengan menafikan apa yang tidak disebut dan memperakukan apa yang disebut.

Sarjana nahu (al-Māliqīy, 1974: hlm. 89; al-Murādīy, 1992: hlm. 514) bersetuju bahawa partikel kecuali dalam laras kecuali tak fungsi telah menjadi partikel pengkhususan. Laras kecuali tak fungsi (مُسْتَثْنَى مَفْرَغٌ) mendapat namanya kerana perkataan sebelum partikel kecuali yang memberi kesan fleksi kepada perkataan selepasnya (Ḥasan, 1981: jld. 2, hlm. 322). Fleksi perkataan selepas partikel kecuali ditentukan oleh kedudukannya dalam ayat, iaitu menjadi pelaku, objek dan sebagainya (al-Anṣārīy, 1990: hlm. 248).

c) Laras kecuali sempurna bukan nafi

Majoriti sarjana balaghah (Fāḍilī, 1986: hlm. 161; Abū Mūsā, 1987: hlm. 126) bersetuju bahawa laras kecuali sempurna bukan nafi, contohnya ayat "جَاءَ الْقَوْمُ إِلَّا زَيْدٌ" yang bermaksud "Telah datang kaum itu kecuali Zayd" tidak menghasilkan makna pengkhususan. Menurut al-Maghribīy (t.t: jld. 2, hlm. 191) fokus dalam contoh ayat tersebut adalah untuk memperakukan kedatangan kaum itu, sedangkan pengecualian hanya didatangkan sebagai pengikat yang membetulkan hukum sebelum partikel kecuali. Walaupun terdapat sedikit persamaan antara fungsi pengecualian dengan pengkhususan, namun penegasan dengan pengkhususan adalah lebih ketara.

d) Laras kecuali nafi tak sejenis

Laras kecuali nafi tak sejenis hendaklah didahului oleh partikel nafi dan *mustathnā* bukanlah sejenis dengan *mustathnā minh* atau bukan sebahagian daripadanya, contohnya

ayat "مَا جَاءَ الْمُسَافِرُونَ إِلَّا أُمْتَعْتَهُمْ" yang bermaksud "Tidak datang para musafir kecuali barang-barang mereka sahaja".

*Mustathnā* dalam laras kecuali nafi tak sejenis dan bukan nafi hendaklah dibaca dengan kasus akusatif, contohnya adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-157 dalam surah al-Nisā':

مَا هُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِلَّا أَتْبَاعَ الظَّنِّ ﴿١٥٧﴾

Maksudnya: Tiada suatu pengetahuan pun bagi mereka mengenainya (Nabi 'Īsā AS) selain daripada mengikut sangkaan semata-mata.

Perkataan "أَتْبَاعَ" (mengikut) adalah *mustathnā* yang wajib dibaca dengan kasus akusatif. Namun mengikut dialek suku *Tamīm* diharuskan *mustathnā* menjadi *badal* kepada *mustathnā minh*. *Mustathnā* boleh menjadi *badal* sekiranya perubah fleksi pada *mustathnā minh* dapat memberi kesan fleksi kepada *mustathnā* (al-Anṣārīy: 1989, jld. 1, hlm. 173). al-Zamakhsyariy (1982: jld. 4, hlm. 157) telah memilih dialek suku *Tamīm* ketika mentafsirkan ayat ke-65 dalam surah al-Naml, Allah SWT berfirman :

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ ﴿٦٥﴾

Maksudnya: Katakanlah: "tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah SWT!".

al-Zamakhsyariy mengatakan lafaz *jalālat* "الله" menjadi *badal marfū'* bagi partikel "من" (sesiapa). al-Qurṭubīy (1993: jld. 7, hlm. 150) pula berkata makna ayat ini adalah "لَا يَعْلَمُ أَحَدٌ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ" yang bermaksud "Tiada seorang pun yang mengetahui ilmu ghaib kecuali Allah SWT". al-Qurṭubīy telah mengandaikan laras kecuali nafi tak sejenis ini sebagai laras kecuali nafi sempurna yang seterusnya membawa makna pengkhususan.

Kesimpulannya, laras kecuali nafi tak sejenis pada dasarnya tidak membawa makna pengkhususan kerana tiada kesinambungan antara *mustathnā* dengan *mustathnā minh*. Hasan (1981: jld. 2, hlm. 334) menjelaskan kebiasaannya partikel kecuali dalam laras kecuali nafi tak sejenis menunjukkan makna *istidrāk* dan setara dengan makna partikel "لَكِنْ" (tetapi). Namun sekiranya laras kecuali nafi tak sejenis dapat ditakwilkan kepada laras kecuali nafi sempurna yang diandaikan mengandungi *mustathnā minh* yang umum, maka *mustathnā* dianggap sebagai *badal* dan boleh mewujudkan makna pengkhususan.

Gaya penafian dengan pengecualian menggabungkan partikel nafi dan partikel kecuali. Partikel nafi yang masyhur adalah seperti "لَمْ، لَمْ، لَمْ، لَمْ" namun terdapat juga partikel lain yang bukan bermaksud nafi tetapi mempunyai makna setara dengan penafian. Partikel nafi yang tidak digunakan untuk penafian tetapi digunakan untuk menyangkal tindakan pendengar atau mengejek dipanggil "laras tanya ingkar" (Hasan, 1981: jld. 2, hlm. 316; al-Ghalāyīnīy, 1989: jld. 3, hlm. 130). Antara contoh laras tanya ingkar adalah partikel "هَلْ" (siapa), firman Allah SWT dalam ayat ke-47 dalam surah al-An'ām :

هَلْ يَهْلِكُ إِلَّا الْقَوْمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٧﴾

Maksudnya : Siapakah yang akan binasa, selain dari kaum yang zalim ?

Contoh lain adalah partikel "إِنْ" (tidak), firman Allah SWT dalam ayat ke-31 dalam surah Yūsuf :

إِنْ هَذَا إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ ﴿٣١﴾

Maksudnya: ini (Nabi Yūsuf AS) tidak lain melainkan malaikat yang mulia!

Partikel "مَنْ" (siapa) juga adalah partikel nafi berdasarkan firman Allah SWT dalam ayat ke-135 dalam surah Āli 'Imrān :

وَمَنْ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: Dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa kecuali Allah.

Penafian juga mungkin berlaku tanpa penggunaan partikel nafi namun makna ayat itu sendiri menunjukkan penafian contohnya, firman Allah SWT dalam ayat ke-45 dalam surah al-Baqarat :

وَإِنَّا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: Sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk.

Perkataan "لَكَبِيرَةٌ" yang bermaksud "berat" merupakan penafian kerana ia sinonim dengan frasa "لَا تَسَهَّلُ" yang bermaksud "tidaklah mudah". Firman Allah SWT dalam ayat ke-32 dalam surah al-Tawbat :

وَيَأْتِي اللَّهَ إِلَّا أَنْ يُتَمَّرَ نُورُهُ ﴿٣٢﴾

Maksudnya : Allah SWT tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahaya-Nya.

Dalam ayat tersebut perkataan "يَأْتِي" yang bermaksud "enggan" adalah sinonim dengan frasa "لَا يُرِيدُ" yang bermaksud "tidak mahu" (Hasan, 1981: jld. 2, hlm. 322). Oleh itu kedua-dua ayat tadi adalah laras kecuali tak fungsi dan menunjukkan makna pengkhususan walaupun tidak mengandungi partikel nafi yang biasa.

Para sarjana mengatakan bahawa sekiranya *maqṣūr* 'alayh adalah kata ganti diri sambung (الضَّمِيرُ الْمُتَّصِلُ), ia perlulah dipisahkan dari kata kerja, contohnya ayat ke-40 dalam surah Yūsuf, firman Allah SWT:

أَمَرَ آلًا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: (Allah SWT) memerintahkan supaya kamu tidak menyembah melainkan Dia.

Kata kerja dan kata ganti diri sambung sepatutnya digabungkan menjadi <sup>تَعْبُدُوهُ</sup> (kamu semua menyembah-Nya). Memandangkan *maqṣūr‘alayh* adalah kata ganti diri "هُ", maka ia mesti dipisahkan dari kata kerja menjadi kata ganti diri pisah <sup>الضَّمِيرِ</sup> (الْمَنْفَصِلِ) iaitu "إِيَّاهُ" (al-Anṣārīy, 1989: jld. 1, hlm. 79).

#### 2.4.6.2 Partikel ‘*af*

Tataqāṣar yang kedua ialah partikel ‘*af* yang terdiri daripada partikel *lā*, *bal* dan *lākin*. Perkara yang diperakukan dan perkara yang dinafikan disebut dengan jelas dalam ayat yang mengandungi partikel ‘*af*. Justeru ada penulis yang menganggapnya sebagai tataqāṣar yang paling kuat menunjukkan makna pengkhususan. Memandangkan kedua-dua perkara disebut, maka unsur penegasan dalam partikel ‘*af* semakin meningkat. (Abū Mūsā, 1987: hlm. 95; Basyūnī, 2008: hlm. 244).

##### a) Partikel *lā*

Partikel *lā* termasuk dalam tataqāṣar kerana unsur perakuan dan unsur penafian dalam ayat "إِنَّمَا جَاءَنِي زَيْدٌ" yang bermaksud “Hanya Zaydlah yang mendatangiku” adalah setara dengan ayat "جَاءَنِي زَيْدٌ لَا عَمْرُو" yang bermaksud “Hanya Zaydlah yang mendatangiku, bukan ‘Amr” (al-Jurjānīy, 1981: hlm. 259). Ayat ini menerangkan bahawa Zayd yang datang dan menafikan ‘Amr yang datang. Partikel *lā* berfungsi untuk menafikan dari pihak kedua (perkataan selepas partikel *lā*) hukum yang telah diperakukan kepada pihak pertama (perkataan sebelum partikel *lā*). Pandangan al-Jurjānīy ini disokong oleh al-Anṣārīy (1990: hlm. 307) bahawa partikel *lā* menghasilkan pengkhususan kerana ia berkasan untuk membetulkan dakwaan pendengar yang tidak benar.

Partikel *lā* boleh menghasilkan semua jenis pengkhususan (‘Awnī, 1972: hlm. 88; al-Ṣa‘īdīy, 1973: hlm. 10). Partikel *lā* sesuai untuk semua jenis hakiki bagi kedua-dua kategori berikut iaitu :

- a) Sifat-mawṣūf, contohnya "زُهَيْرٌ شَاعِرٌ لَا غَيْرَ زُهَيْرٍ" yang bermaksud “Penyair itu ialah Zuhayr dan bukan selain daripada Zuhayr”.
- b) Mawṣūf-sifat, contohnya "زُهَيْرٌ شَاعِرٌ لَا غَيْرَ شَاعِرٍ" yang bermaksud “Zuhayr ialah penyair dan bukan selain daripada penyair”.

Partikel *lā* juga sesuai untuk jenis *iḍāfīy* bagi dua kategori berikut iaitu :

- a) Sifat-mawṣūf, contohnya "أَحْمَدُ طَبِيبٌ لَا إِبْرَاهِيمَ" yang bermaksud “Doktor itu ialah Ahmad, bukan Ibrahim”.
- b) Mawṣūf-sifat, contohnya "أَحْمَدُ مُهَنْدِسٌ لَا مُعَلِّمٌ" yang bermaksud “Ahmad ialah seorang jurutera bukan guru”.

Contoh ayat jenis *iḍāfīy* boleh menjadi jenis qalbi, *ifrād* atau penentuan mengikut sangkaan pendengar.

*Maqṣūr‘alayh* dalam ayat yang mengandungi partikel *lā* adalah perkataan yang berlawanan dengan perkataan yang terletak selepas partikel *lā* iaitu *ma‘tūf‘alayh*. Dalam ayat "أَحْمَدُ طَبِيبٌ لَا إِبْرَاهِيمَ", perkataan selepas partikel *lā* ialah "إِبْرَاهِيمَ", maka *maqṣūr‘alayh* ialah lawan baginya iaitu "أَحْمَدُ". Dalam ayat "أَحْمَدُ مُهَنْدِسٌ لَا مُعَلِّمٌ", perkataan selepas partikel *lā* ialah "مُعَلِّمٌ", maka *maqṣūr‘alayh* ialah lawan baginya iaitu "مُهَنْدِسٌ" (al-Rūbīy, 1962: hlm. 73; Basyūnī, 2008: hlm. 245). Jadual 2.3 menerangkan kedudukan *maqṣūr‘alayh* dalam ayat yang mengandungi partikel *lā*.

Jadual 2.3: Contoh ayat yang mengandungi partikel *lā* dan kedudukan *maqṣūr ‘alayh* serta jenis mengikut sifat dan *mawṣūf* (Lāsyīn, 1976: hlm. 242).

Ayat	<i>Maqṣūr</i>	<i>Maqṣūr ‘alayh</i>	Jenis
"زُهَيْرٌ شَاعِرٌ لَا غَيْرَ زُهَيْرٍ"	شَاعِرٌ (penyair)	زُهَيْرٌ (Zuhayr)	sifat- mawṣūf
"زُهَيْرٌ شَاعِرٌ لَا غَيْرَ شَاعِرٍ"	زُهَيْرٌ (Zuhayr)	شَاعِرٌ (penyair)	mawṣūf -sifat
"أَحْمَدٌ طَبِيبٌ لَا إِبرَاهِيمَ"	طَبِيبٌ (dokter)	أَحْمَدٌ (Ahmad)	sifat- mawṣūf
"أَحْمَدٌ مِهْنَدِسٌ لَا مَعْلَمٍ"	أَحْمَدٌ (Ahmad)	مِهْنَدِسٌ (jurutera)	mawṣūf-sifat

Sarjana nahu (al-Anṣārīy, 1985: hlm. 318) dan sarjana balaghah (al-Hāsyimīy, 1994: hlm. 157) meletakkan syarat bagi partikel *lā* untuk menjadi partikel *‘af*, antaranya:

- Ma ‘tūf* (perkataan selepas partikel *lā*) hendaklah dalam bentuk *mufrad* iaitu ungkapan yang bukan ayat seperti "قَامَ زَيْدٌ لَا خَالِدٌ" yang bermaksud “Zaydlah yang berdiri, bukan Khalid” dan "رَأَيْتُ زَيْدًا لَا خَالِدًا" yang bermaksud “Zaydlah yang kulihat, bukan Khalid”.
- Tiada makna penafian atau larangan sebelum partikel *lā* namun harus didahului oleh imperatif seperti "أَكْرِمِ زَيْدًا لَا مُحَمَّدًا" yang bermaksud “Muliakanlah Zayd, bukan Muḥammad”. Ayat yang dimulai dengan penafian selepas partikel *lā* tidak mengandungi pengkhususan seperti "مَا جَاءَ زَيْدٌ وَلَا أَحْمَدُ" yang bermaksud “Tidak datang Zayd dan Ahmad juga”.
- Ma ‘tūf* dan *ma ‘tūf ‘alayh* (perkataan sebelum partikel *lā*) hendaklah bertentangan antara satu dengan yang lain. Dalam erti kata lain *ma ‘tūf* tidak boleh termasuk dalam jenis atau golongan *ma ‘tūf ‘alayh*, contohnya "جَاءَنِي رَجُلٌ لَا زَيْدٌ" yang bermaksud “Seorang lelaki datang kepadaku, bukan Zayd”. Dalam ayat tersebut partikel *lā* bertujuan untuk mengesahkan bahawa nama lelaki yang datang itu bukan Zayd, bukan untuk menafikan sifat datang dari Zayd. Contoh bagi ayat yang betul ialah "جَاءَنِي"



رَجُلٌ لَا امْرَأَةٌ" yang bermaksud "Seorang lelaki yang mendatangiku, bukan seorang perempuan".

Terdapat beberapa sarjana yang menolak partikel *lā* sebagai salah satu tataqāṣar seperti al-Subkīy (2001: jld. 1, hlm. 490). al-Subkīy berhujah bahawa dalam ayat زَيْدٌ "شَاعِرٌ لَا كَاتِبٌ" yang bermaksud "Zayd ialah seorang penyair, bukan seorang penulis" hanya menafikan satu sifat sahaja iaitu sifat penulis, sedangkan sifat-sifat lain tidak dinafikan. Hal ini bersalahan dengan konsep pengkhususan yang menafikan semua sifat lain selain daripada sifat yang diinginkan. Abū Mūsā (1987: hlm. 101) turut menyokong pendapat al-Subkiy dengan berhujah bahawa al-Jurjānīy juga tidak memasukkan partikel *lā* dalam jenis tataqāṣar.

Penulis berpandangan bahawa perkara yang dinafikan iaitu *ma 'tūf* tidak semestinya sesuatu yang khusus bahkan sesuatu penafian mungkin bersifat umum. Oleh itu partikel *lā* boleh menghasilkan jenis hakiki atau *iḍāfiyy*. Berkenaan al-Jurjānīy mungkin beliau tidak membahaskan semua tataqāṣar kerana penulisan dalam ilmu balaghah tidak berkembang luas pada zaman beliau. Namun segala usaha dan pendapat sarjana selepas zaman beliau juga boleh dijadikan bahan rujukan.

#### b) Partikel *lākin*

Partikel *lākin* berfungsi dengan mengesahkan hukum yang berlaku pada perkataan sebelum partikel *lākin* lalu memperakukan lawan bagi hukum tersebut kepada perkataan yang terletak selepas partikel *lākin* (al-Maghribīy, t.t: jld. 2, hlm. 186). Contoh penggunaan partikel *lākin* adalah ayat "مَا قَامَ زَيْدٌ لَكِنْ عَمْرُو" yang bermaksud "Bukan yang berdiri itu Zayd tetapi 'Amr". Dalam ayat tadi berlaku penafian sifat berdiri dari Zayd lalu diperakukan yang berdiri ialah 'Amr.

Partikel *lākin* boleh mewujudkan jenis sifat-mawṣūf seperti "مَا أَحْمَدُ شَاعِرًا لَكِن كَاتِبًا" yang bermaksud "Ahmad bukan seorang penyair tetapi seorang penulis". Begitu juga jenis mawṣūf-sifat seperti "مَا قَامَ أَحْمَدُ لَكِن عَلِيٌّ" yang bermaksud "Bukan yang berdiri itu Ahmad tetapi Ali". Abū Mūsā (1987: hlm. 98) mengatakan bahawa partikel *lākin* digunakan untuk jenis qalbi sahaja dalam kalangan sarjana balaghah sedangkan sarjana nahu pula menggunakannya untuk jenis *ifrād* sahaja. Namun majoriti sarjana balaghah bersetuju bahawa partikel *lākin* boleh menghasilkan pengkhususan dalam jenis hakiki, jenis *iḍāfiyy* dan sub bahagiannya (al-Ṣa'īdiy, 1973: jld. 2, hlm. 10; al-Dusūqiy (2002: jld. 2, hlm. 344).

*Maqṣūr 'alayh* dalam ayat yang mengandungi partikel *lākin* ialah perkataan yang terletak selepas partikel *lākin*. Dalam ayat "مَا قَامَ زَيْدٌ لَكِن عَمْرٌو" yang bermaksud "Bukan yang berdiri itu Zayd tetapi 'Amr", *maqṣūr 'alayh* ialah perkataan عَمْرٌو ('Amr) (al-Maydāniy, 1996: jld. 1, hlm. 536).

Menurut al-Māliqiy (1974: hlm. 274) partikel *lākin* terbahagi kepada dua jenis iaitu jenis pertama berasal dari partikel "لَكِن" yang mengandungi *tasydīd* dan jenis kedua termasuk dalam partikel *'aḥf*. Partikel *lākin* yang ingin dibincangkan adalah jenis kedua dan terletak dalam tajuk "عَطْفُ النَّسَقِ" dalam perbincangan ilmu nahu Arab.

al-Anṣārīy (1985: hlm. 385) dan Ibn 'Aqīl (1990: jld. 2, hlm. 197) menjelaskan tiga syarat untuk menjadikan partikel *lākin* sebagai partikel *'aḥf* iaitu :

- a) *Ma'tūf* selepas partikel *lākin* hendaklah dalam bentuk *mufrad*, bukannya ayat, contohnya "لَا يَحْضُرُ عَلِيٌّ لَكِن زَيْدٌ" yang bermaksud "Bukan yang datang itu Ali tetapi Zayd".
- b) Partikel *lākin* hendaklah didahului oleh makna penafian atau larangan, contohnya "مَا ضَرَبْتُ زَيْدًا لَكِن عَمْرًا" yang bermaksud "Bukan yang kupukul itu Zayd tetapi

‘Amr’. Contoh ayat yang didahului oleh larangan ialah "لَا تَضْرِبْ زَيْدًا لَكِنَّ عَمْرًا" yang bermaksud “Jangan engkau pukul Zayd tetapi pukullah ‘Amr”.

- c) Tidak boleh digabungkan dengan partikel *wāw*, contohnya "مَا أَحْمَدُ شَاعِرًا لَكِنَّ كَاتِبًا" yang bermaksud “Aḥmad bukan seorang penyair tetapi seorang penulis”.

Kedua-dua syarat pertama adalah disepakati oleh majoriti sarjana nahu. Manakala syarat ketiga adalah pendapat al-Fārisīy dan mewakili kebanyakan sarjana.

Partikel *lākin* yang memenuhi ketiga-tiga syarat di atas menurut al-Rummānīy (1988: hlm. 182) membawa makna *istidrāk*<sup>1</sup> dan penegasan. Dalam erti kata lain partikel *lākin* telah menghasilkan makna pengkhususan. Partikel *lākin* yang tidak memenuhi ketiga-tiga syarat tersebut tidak mengandungi makna pengkhususan dan telah berubah menjadi partikel *ibtidā’* (al-Māliqīy, 1974: hlm. 276).

Dalam ayat "جَاءَنِي زَيْدٌ لَكِنَّ عَمْرٌو لَمْ يَأْتِ" yang bermaksud “Telah mendatangi Zayd tetapi ‘Amr tidak datang”, selepas partikel *lākin* ialah ayat namaan. Oleh itu partikel *lākin* telah menjadi partikel *ibtidā’*. Dalam situasi ini, partikel *lākin* tidak membawa makna pengkhususan tetapi membawa makna *iḍrāb*<sup>2</sup> (الإِضْرَابُ). al-Thabaytīy (2004: hlm. 53) menjelaskan yang ayat "جَاءَنِي زَيْدٌ لَكِنَّ عَمْرٌو لَمْ يَأْتِ" mengandungi unsur perakuan dan unsur penafian. Namun ayat tersebut tidak diiktiraf sebagai tataqāṣar yang sah kerana kedua-dua unsur terkandung dalam dua ayat. Ayat yang mengandungi pengkhususan hendaklah merangkumi kedua-dua unsur tersebut dalam satu ayat sahaja.

Namun para sarjana berselisih mengenai partikel *lākin* yang didahului oleh partikel *waw*. al-Fārisīy, Ibn Mālik dan Yūnus mengatakan partikel "وَلَكِنَّ" bukan partikel ‘*aff*. Ibn ‘Uṣfūr dan Ibn Kaysān pula mengatakan partikel "وَلَكِنَّ" adalah partikel ‘*aff* (al-Anṣārīy, 1985: hlm. 385). Namun al-Anṣārīy, Ibn ‘Aqīl, Ḥasan (1981: jld. 1, hlm. 597)

<sup>1</sup>) *istidrāk* bermaksud menyangkal keraguan yang timbul daripada ungkapan sebelumnya (Ishak Mohd. Rejab et al., 1996: hlm. 11).

<sup>2</sup>) *iḍrāb* bermaksud pemindahan daripada sesuatu tujuan kepada tujuan yang lain (Ishak Mohd. Rejab et al., 1996: hlm. 31).

dan majoriti penulis balaghah mengatakan partikel "وَلَكِنْ" bukan partikel 'af. Menurut pendapat pertama, partikel *lākin* dalam frasa {وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ} berikut bukan partikel 'af tetapi *ibtidā'* kerana digandingkan dengan partikel *wāw*. Firman Allah SWT dalam ayat ke-40 dalam surah al-Aḥzāb :

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ اللَّهِ ﷺ

Maksudnya: bukanlah Nabi Muḥammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi dia adalah Rasul Allah.

Makna keseluruhan ayat ialah "وَلَكِنْ كَانَ رَسُولَ اللَّهِ". Perkataan "رَسُولَ" adalah *manṣūb* kerana menjadi predikat bagi partikel "كَانَ" yang telah digugurkan dan bukannya menjadi *ma'tūf* kepada perkataan "أَبَا" (al-Ghalāyīniy, 1989: jld. 3, hlm. 249).

Walau bagaimana pun Abū Mūsā (1987: hlm. 97) dan Basyūnī (2008: hlm. 247) tidak menyetujui ulasan sarjana nahu bagi ayat tersebut. Kedua-duanya mengatakan ayat tersebut mengandungi pengkhususan jenis qalbi. Ayat tersebut bermaksud menafikan RasūlulLāh SAW sebagai bapa bagi anak angkatnya Zayd dan mengkhususkan baginda sebagai pesuruh Allah SWT. Hal ini menunjukkan Abū Mūsā dan Basyūnī memilih pendapat golongan yang mengatakan partikel "وَلَكِنْ" adalah partikel 'af.

Penulis menyokong pandangan majoriti sarjana nahu bahawa partikel "وَلَكِنْ" bukan partikel 'af. Penulis juga menyokong pandangan yang mensyaratkan tiga perkara untuk partikel *lākin* menjadi partikel 'af. Sarjana nahu lebih arif mengenai permasalahan 'af berbanding dengan sarjana balaghah. Malahan pendapat tersebut lebih masyhur dan dipilih oleh penulis moden kitab balaghah seperti al-Hāsyimīy, al-Maydānīy dan al-Thabaytīy.

c) Partikel *bal*

Sarjana balaghah bersetuju bahawa partikel *bal* boleh menghasilkan jenis *mawṣūf*-sifat seperti "مَا أَحْمَدُ مُهَنْدِسًا بَلْ تَاجِرًا" yang bermaksud "Ahmad bukan seorang jurutera bahkan seorang peniaga". Partikel *bal* juga digunakan dalam jenis sifat-*mawṣūf* seperti "مَا زَيْدٌ طَبِيبًا بَلْ عَلِيٌّ" yang bermaksud "Zayd bukan seorang doktor bahkan Ali" (al-Rūbīy, 1962: hlm. 73). Namun sekiranya *khavar* (طَبِيبًا) bagi partikel "مَا" didepankan dari *ism* (زَيْدٌ), maka *khavar* hendaklah dibaca dengan kasus akusatif, contohnya ayat "مَا طَبِيبٌ زَيْدٌ" yang bermaksud "Bukanlah doktor itu Zayd bahkan Ali". Hal ini berlaku kerana partikel "مَا" tidak berfungsi dan tidak memberi kesan fleksi kepada perkataan lain (al-Rājihīy, 1985: hlm. 130).

*Maqṣūr‘alayh* dalam ayat yang mengandungi partikel *bal* adalah perkataan yang terletak selepas partikel *bal*. Dalam ayat "مَا زَيْدٌ طَبِيبًا بَلْ عَلِيٌّ", *maqṣūr‘alayh* adalah perkataan "عَلِيٌّ" (Sulṭān, 1993: hlm. 251).

al-Anṣārīy (1985: hlm. 152) mengatakan partikel *bal* hendaklah memenuhi syarat berikut untuk menghasilkan pengkhususan iaitu :

- a) *Ma‘tūf* selepas partikel *bal* hendaklah perkataan *mufrad*, bukannya ayat, contohnya "لَا يَحْضُرُ عَلِيٌّ بَلْ زَيْدٌ" yang bermaksud "Bukan yang tidak hadir itu Ali bahkan Zayd".
- b) Partikel *bal* hendaklah didahului oleh makna penafian atau larangan, contohnya ayat "مَا قَامَ سَعِيدٌ بَلْ زَيْدٌ" yang bermaksud "Bukan yang berdiri itu Sa‘id bahkan Zayd". Contoh ayat yang didahului oleh larangan ialah "لَا يَذْهَبُ مُحَمَّدٌ بَلْ عُمَرُ" yang bermaksud "Janganlah pergi Muhammad bahkan Umar (yang sepatutnya pergi)".

Partikel *bal* yang menghasilkan pengkhususan berfungsi dengan mengesahkan hukum yang berlaku kepada perkataan sebelum partikel *bal*, lalu memperakukan hukum yang

berlawanan kepada perkataan selepas partikel *bal* (Ibn ‘Aqīl, 1990: jld. 2, hlm. 199). Dalam ayat "مَا قَامَ سَعِيدٌ بَلْ زَيْدٌ" yang bermaksud “Bukan yang berdiri itu Sa‘id bahkan Zayd”, Sa‘id dinafikan dari sifat berdiri lalu diperakukan bahawa Zaydlah yang berdiri. Partikel *bal* telah menjadi partikel pengkhususan dan membawa makna *istidrāk* seperti partikel *lākin*.

Sekiranya partikel *bal* didahului oleh partikel nafi dan larangan atau tidak, ia tetap dianggap sebagai partikel *‘af*. Namun makna ayat dalam dua situasi tersebut adalah berbeza (al-Zarkasyīy, 1958: hlm. 260). Perbezaan makna ayat yang mengandungi partikel nafi dengan ayat yang tidak mengandungi partikel nafi ialah :

- a) "مَا قَامَ سَعِيدٌ بَلْ زَيْدٌ" yang bermaksud “Bukan yang berdiri itu Sa‘id bahkan Zayd”– ayat ini membawa makna *istidrāk* dan pengkhususan. Sa‘id dinafikan dari berdiri dan Zaydlah yang diperakukan berdiri.
- b) "قَامَ سَعِيدٌ بَلْ زَيْدٌ" yang bermaksud “Sa‘id berdiri bahkan Zayd juga”– partikel *bal* berfungsi untuk membatalkan hukum pada “Sa‘id” dengan tidak menafikan atau diperakukan, seolah-olah didiamkan sahaja (مَسْكُوتٌ عَنْهُ). Hukum berdiri telah diperakukan kepada “Zayd”. al-Murādīy ( 1992: hlm. 235) mengatakan ayat ini membawa makna *iḍrāb* dan tidak mengandungi makna pengkhususan.

Dalam ayat yang mengandungi partikel nafi seperti "مَا قَامَ سَعِيدٌ بَلْ زَيْدٌ", al-Mubarrid berpendapat maksud ayat ini bukan sahaja menafikan Sa‘id yang berdiri tetapi turut menafikan Zayd juga berdiri. Makna ayat menjadi "مَا قَامَ سَعِيدٌ بَلْ زَيْدٌ لَمْ يَقُمْ" yang bermaksud “Sa‘id tidak berdiri bahkan Zayd juga tidak berdiri”. Berdasarkan pendapat al-Mubarrid, beliau telah menjadikan perkataan sebelum partikel *bal* berkongsi hukum penafian dengan perkataan selepas partikel *bal*.

al-Māliqīy (1974: hlm. 154) menyangkal pendapat al-Mubarrid dengan mengatakan partikel *bal* tidak menjadikan perkataan sebelumnya dan selepasnya berkongsi dari segi

makna. Hal ini adalah kerana sesuatu hukum itu diperakukan kepada perkataan selepas partikel *bal* dan dinafikan dari perkataan sebelumnya. Bahkan pendapat al-Mubarrid tidak selari dengan kebiasaan dalam percakapan Arab.

Berdasarkan syarat yang telah ditetapkan, sarjana balaghah memutuskan bahawa ayat yang tidak didahului oleh partikel nafi atau larangan seperti "قَامَ سَعِيدٌ بَلْ زَيْدٌ" tidak membawa makna pengkhususan dan pendapat al-Mubarrid adalah kurang tepat (Fāḍilī, 1986: hlm. 345).

Menurut Abū Mūsā (1987: hlm. 96) perselisihan sarjana mengenai partikel *bal* berlaku kerana penggunaannya kurang masyhur dalam percakapan Arab. Walau bagaimana pun penulis berpendapat bahawa partikel *bal* termasuk dalam tataqāṣar kerana ia adalah salah satu partikel 'af dalam kaedah nahu dan mengandungi makna pengkhususan seperti partikel *lā* dan *lākin*. Penulis juga turut bersetuju dengan syarat yang dikenakan oleh majoriti sarjana bagi partikel *bal* dan berpegang dengan pendapat tersebut dalam kajian ini.

#### 2.4.6.3 Partikel *innamā*

Partikel *innamā* dibincangkan secara mendalam oleh al-Jurjānīy bersama dengan penafian dengan pengecualian. Menurut al-Jurjānīy (1981: hlm. 259) partikel *innamā* sesuai digunakan untuk menyangkal dakwaan seseorang dan memberitahu maklumat yang betul. Keadaan ini adalah bagi jenis qalbi. Namun al-Qazwīnīy (1999: jld. 1, hlm. 229) mengatakan partikel *innamā* sesuai digunakan untuk semua jenis pengkhususan sama ada jenis mawṣūf-sifat atau sifat-mawṣūf serta jenis hakiki, *iḍāfīy* dan sub bahagiannya. Tambahan pula pandangan al-Jurjānīy ini tidak diberi perhatian oleh ilmuwan balaghah kerana kurang masyhur (Abū Mūsā, 1987: hlm. 141).

Kedudukan *maqṣūr‘alayh* dalam ayat yang mengandungi partikel *innamā* adalah perkataan atau komponen terakhir dalam ayat tersebut (‘Atīq, 2004: hlm. 128). Allah SWT berfirman dalam ayat ke-28 dalam surah Fāṭir :

إِنَّمَا تَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya: Orang yang takut (melanggar perintah) Allah SWT dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu.

*Maqṣūr* dalam ayat di atas adalah frasa "يَخْشَى اللَّهَ" (takutkan Allah SWT) dan *maqṣūr‘alayh* pula adalah perkataan "الْعُلَمَاءُ" (para sarjana).

Sarjana balaghah mengemukakan empat hujah bahawa partikel *innamā* salah satu tataqāṣar iaitu :

- a) Ahli tafsir al-Zajjāz mentafsirkan ayat berikut menyamai ayat yang mengandungi gaya penafian dan pengecualian, Allah SWT berfirman dalam ayat ke-173 dalam surah al-Baqaraṭ :

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai.

Menurut al-Jurjānīy (1981: hlm. 253) makna ayat tersebut menyamai ayat "مَا" "إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ إِلَّا الْمَيْتَةَ" yang bererti "Tidaklah Allah SWT mengharamkan kepada kamu kecuali memakan bangkai". Perkataan "الْمَيْتَةَ" yang dibaca dengan kasus nominatif menjadi objek bagi kata kerja "حَرَّمَ". Partikel *innamā* pula ialah tataqāṣar yang menghasilkan pengkhususan.

Terdapat *qirā‘at* lain bagi ayat tersebut iaitu {إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ}. Perkataan "الْمَيْتَةَ" menjadi predikat bagi partikel "إِنَّ", partikel "مَا" pula adalah



*ism mawṣūl* dan menjadi *ism* kepada partikel "إِنَّ". Makna ayat mengikut *qirā'at* kedua ialah "إِنَّ الَّذِي حَرَّمَهُ اللَّهُ عَلَيْكُمْ هُوَ الْمَيْتَةُ". Berdasarkan makna ayat bagi *qirā'at* kedua, berlaku pengkhususan melalui kaedah pengekhasan pesandar "هُوَ الْمَيْتَةُ". Justeru pengkhususan yang terhasil melalui kaedah pengekhasan pesandar dalam *qirā'at* kedua telah menguatkan pengkhususan melalui gaya penafian dengan pengecualian dalam *qirā'at* pertama (al-Jundiyy, 1962: hlm. 137). Namun *qirā'at* yang pertama "الْمَيْتَةُ" lebih tepat kerana bersesuaian dengan fungsi pengkhususan melalui partikel *innamā* ('Usayrīy, 2008: hlm. 141).

b) Majoriti sarjana nahu seperti Abū 'Alī al-Fārisīy, al-Zamakhsharīy dan Ibn Hisyām al-Anṣārīy mengakui bahawa partikel *innamā* menunjukkan pengkhususan dan mereka adalah pakar dalam bahasa Arab. 'Alī bin 'Īsā al-Rummānīy seorang sarjana nahu turut berkata : "partikel *innamā* adalah untuk mengkhususkan perkara yang disebut dengan sesuatu sifat, sedangkan partikel *inna* bukan untuk pengkhususan" (dipetik oleh al-Zarkasyīy, 1988: jld. 2, hlm. 326).

c) Diharuskan kata ganti diri dipisahkan dari kata kerja dalam ayat yang mengandungi partikel *innamā*. Mengikut kaedah ilmu nahu, kata ganti diri mesti bersambung dengan kata kerja, namun kedua-duanya boleh dipisahkan jika ayat tersebut diandaikan menyamai penafian dengan pengecualian. al-Jurjānīy (1981: hlm. 253) memetik kata-kata al-Fārisīy yang mengharuskan partikel *innamā* dipisahkan daripada kata ganti diri berdasarkan puisi penyair Farazdaq iaitu :

أَنَا الذَّائِدُ الْحَامِي الدِّمَارَ وَإِنَّمَا يُدَافِعُ عَنْ أَحْسَابِهِمْ أَنَا أَوْ مِثْلِي

Maksudnya : Akulah pelindung yang mempertahankan apa yang patut dilindungi, yang layak mempertahankan keturunan yang mulia hanyalah aku atau orang sepertiku.

Partikel *innamā* telah dipisahkan dari kata ganti diri "أَنَا" kerana makna puisi adalah menyamai ayat yang mengandungi gaya penafian dengan pengecualian iaitu "مَا يُدَافِعُ عَنْ أَحْسَابِهِمْ إِلَّا أَنَا". Partikel *innamā* dan kata ganti diri dipisahkan oleh partikel kecuali yang diandaikan wujud.

al-Marāghīy (2000: hlm. 187) menjelaskan sifat mempertahankan keturunan difokuskan kepada diri penyair, maka digunakan kata kerja "يُدَافِعُ" dan kata ganti diri "أَنَا" diletakkan di akhir ayat. Sekiranya penyair tidak berniat menyampaikan pengkhususan seharusnya dia berkata "أُدَافِعُ". Namun sekiranya dikatakan "إِنَّمَا" "أُدَافِعُ" tanpa memisahkan kata ganti diri, maka fokus pengkhususan ialah "keturunan mereka". Makna ayat ini tidak lagi bersesuaian dengan tujuan penyair yang mahu memuji keberaniannya sendiri dalam mempertahankan keturunannya. Namun disebabkan penyair ingin mengkhususkan sifat mempertahankan keturunan kepada dirinya, maka dipisahkan kata ganti diri dan diletakkan di akhir ayat.

- d) Kata-kata al-Subkiy (2001: jld. 1, hlm. 495) mengenai ayat ke-26 dalam surah al-Mulk, firman Allah SWT :

قُلْ إِنَّمَا أَلْغَلُمُ عِنْدَ اللَّهِ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muḥammad): "Sesungguhnya ilmu pengetahuan (tentang masa kedatangannya) hanya ada pada sisi Allah SWT".

Menurut al-Subkiy ayat tersebut adalah menepati ulasan berikut iaitu "Aku tidak mengetahui bila terjadinya hari Qiamat, hanya Allah SWT yang mengetahuinya". al-Subkiy juga mengatakan bahawa ayat ke-33 dalam surah Hūd mengandungi pengkhususan, Allah SWT berfirman :

قَالَ إِنَّمَا يَأْتِيكُمْ بِهِ اللَّهُ إِنْ شَاءَ

Maksudnya: Nabi Nūḥ AS menjawab: "Sesungguhnya Allah SWT jualah yang akan mendatangkan azabnya itu kepada kamu jika ia kehendaki".

Ayat tersebut pula menepati ulasan berikut “Bukan aku yang akan menimpakan azab kepada kalian, hanya Allah SWT yang berhak mendatangkannya”. Ulasan ayat-ayat tadi membuktikan bahawa partikel *innamā* menunjukkan makna pengkhususan.

Terdapat beberapa sarjana yang menolak partikel *innamā* sebagai tataqāṣar, contohnya Abū Ḥayyān. Beliau berpendapat bahawa makna pengkhususan tidak difahami melalui kewujudan partikel *innamā* itu sendiri, bahkan susunan perkataan dan konteks ayat yang menghasilkan makna pengkhususan. Abū Ḥayyān (1992: jld. 1, hlm. 100) berhujah sekiranya partikel *innamā* merupakan tataqāṣar, maka tentulah partikel "لَعَلَّ", "لَيْتَ" dan "كَأَنَّ" juga membawa makna pengkhususan. Oleh itu Abū Ḥayyān mengatakan tiada beza antara kedua-dua ayat ini : "إِنَّ زَيْدًا قَائِمٌ" yang bermaksud “Sesungguhnya Zayd berdiri” dan "إِنَّمَا زَيْدٌ قَائِمٌ" yang bermaksud “Zayd hanyalah berdiri” .

Hujah yang dikemukakan oleh Abū Ḥayyān adalah lemah. Walaupun partikel *innamā* berasal dari partikel "إِنَّ" namun membandingkannya dengan adik beradiknya dalam membuktikan makna pengkhususan adalah tidak tepat. Setiap adik beradik bagi partikel "إِنَّ" mempunyai maknanya sendiri (al-Ḥumṣiy, 2003: hlm. 220). Pandangan Abū Ḥayyān ini menyalahi pandangan majoriti sarjana balaghah dan nahu yang mengatakan partikel *innamā* adalah tataqāṣar.

Partikel *innamā* terdiri daripada partikel "إِنَّ" dan partikel "مَا". Partikel "إِنَّ" pada asalnya berfungsi untuk penegasan dan partikel "مَا" pula dinamakan "الْكَافَّةُ". Maksud "مَا الْكَافَّةُ" adalah menghentikan fungsi partikel "إِنَّ" yang mempengaruhi fleksi perkataan selepasnya (al-Anṣārīy, 1985: hlm. 406). al-Anṣārīy turut menolak dakwaan beberapa sarjana usul fiqh yang mendakwa partikel "إِنَّ" untuk memperakukan dan partikel "مَا"

untuk penafian<sup>3</sup>. al-Māliqīy (1974: hlm. 124) menambah bahawa partikel *innamā* juga dikenali sebagai partikel *ibtidā'*. Perkataan yang terletak selepas partikel *innamā* akan menjadi subjek dan predikat biasa, bahkan hukum fleksi ayat tersebut menyamai hukum fleksi dalam ayat laras kecuali tak fungsi. al-Māliqīy menjelaskan partikel *innamā* telah menjadi partikel pengkhususan yang boleh digunakan dalam ayat kerjaan atau ayat namaan.

Kesimpulannya, partikel *innamā* tidak memberi sebarang kesan fleksi kepada perkataan yang terletak selepasnya. Fleksi ayat yang mengandungi partikel *innamā* tidak berubah walaupun dengan kewujudan partikel *innamā*.

Menurut al-Sayūṭīy (1987: jld. 2, hlm. 799) ahli tafsir seperti al-Zamakhshariy, al-Bayḍawīy dan al-Tannūkhīy mengatakan partikel *annamā* adalah salah satu daripada tataqāṣar. Memandangkan partikel "أَنَّ" adalah salah satu daripada cabang partikel "إِنَّ", maka partikel *annamā* juga adalah tataqāṣar. Ketiga-tiga sarjana tersebut mengatakan terdapat dua tataqāṣar iaitu partikel *innamā* dan *annamā* dalam ayat ke-108 dalam surah al-Anbiyā', Allah SWT berfirman :

قُلْ إِنَّمَا يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهُهُ وَاحِدٌ ۗ

Maksudnya: Katakanlah: “Sesungguhnya yang diwahyukan kepadaku (mengenai ketuhanan ialah) bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang bersifat Esa”.

Sarjana nahu juga menyokong pendapat yang mengatakan partikel *annamā* adalah tataqāṣar. al-Anṣārīy (1985: hlm. 59) mengukuhkan pandangan ketiga-tiga sarjana tafsir di atas dengan ulasan bahawa pengkhususan yang dihasilkan melalui partikel *innamā* dalam ayat tadi adalah jenis sifat-mawṣūf, dan pengkhususan melalui partikel *annamā*

<sup>3</sup>) Golongan ini mengatakan partikel *innamā* terdiri gabungan partikel *inna* yang membawa makna perakuan dan partikel *mā* yang membawa makna penafian. Setelah kedua-dua partikel bergabung menjadi *innamā*, makna perakuan dan penafian dikekalkan. Justeru, partikel *innamā* berfungsi untuk memperakukan perkara yang disebut dan menafikan selain daripadanya. Fakh al-Dīn al-Rāzīy adalah antara golongan tersebut (al-Zarkasyiy, 1988: jld .2, hlm. 328; al-Ṭūfīy, 1998: jld .2, hlm .741).

adalah jenis *mawṣūf-sifat*. Di samping itu kebanyakan penulis balaghah seperti Basyūnī, al-Rūbīy dan Fādīlī juga menyetujui yang partikel *annamā* termasuk dalam tataqāṣar.

#### 2.4.6.4 Pendepanan komponen yang sepatutnya berada di akhir ayat

Susunan sesuatu perkataan dalam ayat bahasa Arab sama ada terletak di depan ayat atau akhirnya ditentukan mengikut keutamaan dalam ilmu nahu. Namun komponen akhir dalam ayat boleh didepankan jika penutur merasakan pendepanan lebih baik. Lāsyīn (1976: hlm. 242) menjelaskan komponen ayat didepankan kerana ia merupakan pokok perbincangan atau bagi menunjukkan makna pengkhususan.

Antara jenis pendepanan komponen yang sepatutnya berada di akhir ayat ialah pendepanan pesandar dan pendepanan pelengkap kata kerja. Manakala jenis pendepanan penyandar tidak termasuk dalam jenis tersebut kerana penyandar memang terletak di awal ayat.

Kaedah pendepanan sesuai digunakan untuk semua jenis pengkhususan iaitu sifat-*mawṣūf* dan *mawṣūf-sifat*, jenis hakiki, *iḍāfiyy* dan sub bahagiannya. Manakala kedudukan *maqṣūr* 'alayh dalam ayat yang mengandungi pendepanan ialah perkataan atau frasa yang didepankan. Dalam ayat { عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْتُ } yang bermaksud “Hanya kepada Allah SWT aku bertawakal”, partikel *jārr* dan *majrūr* didepankan dari kata kerja dan pelaku. *Maqṣūr* 'alayh ialah frasa "عَلَى اللَّهِ" (kepada Allah SWT) ('Abbās, 1989: hlm. 389).

Antara jenis pendepanan bagi tujuan pengkhususan ialah :

- a) Pendepanan pesandar (تَقْدِيمُ الْمَسْنَدِ).

Terdapat dua jenis pendepanan pesandar iaitu :

- i) Pendepanan partikel *jarr* dan *majrūr* dari subjek, contohnya ayat ke-158 dalam surah Āli ‘Imrān, Allah SWT berfirman :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ تَحْشُرُونَ ﴿١٥٨﴾

Maksudnya: sudah tentu kepada Allah jualah kamu akan dihimpunkan (untuk menerima balasan).

Dalam ayat tersebut perhimpunan manusia di padang Mahsyar dikhususkan menghadap Allah SWT. Partikel *jarr* dan *majrūr* telah didedpankan dari subjek kerana ayat yang tidak didedpankan berbunyi : "تَحْشُرُونَ إِلَى اللَّهِ".

Contoh kedua ialah firman Allah SWT dalam ayat ke-6 dalam surah al-Kāfirūn :

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

Maksudnya: "Bagi kamu ugama kamu dan bagiku ugamaku".

Frasa "لَكُمْ" (bagi kamu semua) telah didedpankan untuk mengkhususkan sifat memperolehi agama orang kafir kepada mereka sahaja dan menafikannya dari RasulalLāh SAW. Frasa "لِي" (bagiku) pula didedpankan untuk mengkhususkan agama Islam kepada RasulalLāh SAW sahaja. Pengkhususan dalam ayat ini adalah jenis *ifrād* (al-Syihāb, t.t.: jld. 8, hlm. 406).

Pengkhususan juga berlaku jika *jārr* dan *majrūr* yang didedpankan didahului oleh partikel nafi, seperti firman Allah SWT dalam ayat ke-47 dalam surah al-Şāffāt :

لَا فِيهَا غَوْلٌ ﴿٤٧﴾

Maksudnya: Tiada padanya (arak di dalam syurga) sesuatu yang membahayakan.

Sifat "غَوْلٌ" (membahayakan dan merosakkan akal) dikhususkan tidak terdapat pada arak di syurga padahal arak di dunia mengandungi mudarat (al-Maydānīy, 1996: jld. 1, hlm. 379).

ii) Pendepanan predikat dari subjek contohnya, ayat "عَرَبِيٌّ أَنَا" yang bermaksud "Berbangsa Arablah aku". Pengkhususan dalam ayat tersebut ialah jenis mawṣūf-sifat. Sekiranya ayat tersebut menafikan semua bangsa kecuali Arab sahaja maka ayat itu menjadi jenis hakiki. Namun jika ayat itu menafikan bangsa tertentu seperti Melayu dan Cina, maka pengkhususan itu adalah jenis *idāfiy* (al-Fīl, 1991: hlm. 233).

‘Awnī (1972: hlm. 89) mensyaratkan dalam pendepanan predikat, subjek yang dibelakangkan bukanlah subjek yang wajib dibuang alif-lam *al-ta’rif*. Ayat seperti "فِي الدَّارِ رَجُلٌ" yang bermaksud "Di dalam rumah itu ada seorang lelaki" tidak mengandungi pengkhususan. Subjek yang dibelakangkan iaitu "رَجُلٌ" adalah kata nama am. Sesuatu ayat menghasilkan pengkhususan jika subjek yang diakhirkan merupakan kata nama khas seperti "فِي الدَّارِ الرَّجُلُ" yang bermaksud "Di dalam rumahlah lelaki itu".

b) Pendepanan pelengkap kata kerja dari kata kerja (تَقْدِيمُ مُتَعَلِّقَاتِ الْفِعْلِ)

Dalam pendepanan pelengkap kata kerja, perkataan yang menjadi *maqṣūr‘alayh* ialah pelengkap kata kerja. Antara contoh pelengkap kata kerja ialah *jārr* dan *majrūr*, *ḥāl*, *tamyīz* dan objek. Pengubah fleksi seharusnya terletak sebelum perubah fleksi, namun terdapat pelengkap kata kerja atau perubah fleksi yang didepankan untuk menunjukkan makna pengkhususan seperti :

i) Pendepanan objek dari kata kerja, contohnya "مُحَمَّدًا أَكْرَمْتُ" yang bermaksud "Hanya Muhammad yang kumuliakan". Perkataan "مُحَمَّدًا" ialah *maqṣūr‘alayh*. Namun bagi ayat "مُحَمَّدًا أَكْرَمْتُهُ" yang telah ditambah kata ganti diri pada kata kerja maka ayat tersebut mengandungi dua tafsiran. Sekiranya ayat diandaikan mengandungi kata kerja yang digugurkan dan terletak selepas objek iaitu "مُحَمَّدًا أَكْرَمْتُ", maka ayat ini mengandungi pengkhususan. Namun jika kata kerja yang digugurkan diandaikan terletak sebelum objek iaitu "مُحَمَّدًا أَكْرَمْتُهُ أَكْرَمْتُ",

maka kata kerja yang didepankan menjadi penegasan sahaja (al-Rūbīy, 1962: hlm. 63).

Contoh lain bagi pendepanan objek ialah firman Allah SWT dalam ayat ke-5 dalam surah al-Fātiḥah :

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

Maksudnya: Engkau-lah sahaja (ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkau-lah sahaja kami memohon pertolongan.

Perkataan "نَعْبُدُ" (kami menyembah) dikhususkan kepada perkataan "إِيَّاكَ" (Engkau iaitu Allah SWT). Begitu juga perkataan "نَسْتَعِينُ" (kami meminta tolong) dikhususkan kepada Allah SWT semata-mata (al-Maydānīy, 1996: jld.1, hlm. 382). Kedua-dua pengkhususan ini adalah jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-mawṣūf.

ii) Pendepanan *ḥāl* dari empunya *ḥāl* seperti "مُبَكَّرًا خَرَجْتُ" yang bermaksud "Awal-awal pagi aku telah keluar". Perkataan "خَرَجْتُ" (aku keluar) dikhususkan kepada keadaan "مُبَكَّرًا" (awal-awal pagi) dan menafikan keadaan lain (al-Fīl, 1993: hlm. 234).

iii) Pendepanan *tamyīz* dari *mumayyaz* seperti "طَابَ نَفْسًا عَلَيَّ" yang bermaksud "Merasa senang jiwa Ali". Perkataan "نَفْسًا" (jiwa) didepankan untuk mengkhususkan Ali kepada jiwa yang senang (al-Fīl, 1993: hlm. 234).

iv) Pendepanan kata keterangan dari kata kerja seperti "يَوْمَ الْخَمِيسِ سَافَرْتُ" yang bermaksud "Pada hari Khamis aku telah bertolak" (Ḥasan, 1996: hlm. 218).

c) Pendepanan penyandar dari kata kerja (تَقْدِيمُ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ عَلَى الْخَبَرِ الْفِعْلِيِّ).

Sarjana balaghah lebih mengutamakan perbincangan penyandar yang didepankan dan selepasnya ialah kata kerja seperti "أَنَا قُمْتُ" yang bermaksud "Akulah yang telah



berdiri” dan juga "مُحَمَّدٌ يَتَقَوَّمُ" yang bermaksud “Muḥammadlah yang sedang berdiri” .

Terdapat beberapa perkara yang mesti diberi perhatian dalam topik ini antaranya :

- i. Penyandar yang didepankan kemungkinan adalah kata nama khas atau kata nama am. Kata nama khas pula terbahagi kepada nama khas seperti "مُحَمَّدٌ" dan kata ganti diri seperti "أَنَا".
- ii. Ayat tersebut mengandungi partikel nafi atau tidak.
- iii. Penyandar terletak selepas partikel nafi atau sebelumnya.

Kepelbagaian bentuk penyandar dan struktur ayat telah mencetuskan perbezaan pendapat antara al-Jurjānīy dengan al-Sakkākīy. Namun punca pertikaian mereka berdua berkisar sama ada sesuatu ayat itu membawa makna pengkhususan atau menunjukkan penegasan (Abū Mūsā, 1996: hlm. 229). al-Jurjānīy tidak meletakkan sebarang syarat dalam pendepanan penyandar supaya membawa makna pengkhususan. Namun al-Sakkākīy (2000: hlm. 232) meletakkan dua syarat iaitu :

- a) Harus dibelakangkan penyandar dalam ayat "أَنَا قُمْتُ" yang bermaksud “Akulah yang telah berdiri”, maka diandaikan menjadi "قُمْتُ أَنَا". Dalam ayat "قُمْتُ أَنَا" penyandar iaitu "أَنَا" adalah pelaku dari sudut makna kerana pelaku dari sudut lafaz ialah kata ganti diri "أَنَا".
- b) Penutur mesti meniatkan yang ayat asal ialah pesandar yang dibelakangkan yakni "قُمْتُ أَنَا".

Pendapat al-Jurjānīy (1981: hlm. 97) adalah berdasarkan kewujudan partikel nafi di depan penyandar. Semua ayat yang didahului oleh partikel nafi wajib menunjukkan makna pengkhususan iaitu "مَا أَنَا قُمْتُ", "مَا مُحَمَّدٌ قَامَ" dan "مَا رَجُلٌ قَامَ". Namun ayat lain yang tidak didahului oleh partikel nafi boleh bermaksud pengkhususan atau penegasan mengikut konteks ayat.

al-Sakkākīy pula tidak melihat kepada kewujudan partikel nafi kerana beliau mementingkan keadaan penyandar. Sekiranya penyandar ialah kata nama am seperti "رَجُلٌ" sama ada didahului oleh partikel nafi atau tidak, ayat itu mengandungi pengkhususan, contohnya "رَجُلٌ جَاءَنِي" dan "مَا رَجُلٌ جَاءَنِي". Sekiranya penyandar ialah kata ganti seperti "أَنَا", kemungkinan ayat itu bermaksud pengkhususan atau penegasan (al-Jundiyy, 1962: hlm. 141; Hasan, 1996: hlm. 135).

Pendapat al-Sakkākīy yang bersandarkan bahawa ayat "أَنَا قُمْتُ" berasal dari "قُمْتُ" menunjukkan kerumitan. Malahan menurut Abū Mūsā (1996: hlm. 230) seorang penutur tidak mungkin berfikir begitu sebelum bercakap. Cara pembentukan ayat bergantung kepada reaksi spontan yang melambangkan idea. Majoriti sarjana balaghah menolak pendapat al-Sakkākīy dan menyetujui pendapat al-Jurjānīy dalam bab pendepanan penyandar (Basyūnī, 1998: hlm. 71).

Penulis juga menyetujui pendapat al-Jurjānīy bahawa pengkhususan boleh terjadi dalam ayat namaan yang dimulai dengan kata nama am, kata nama khas dan kata ganti diri dengan syarat selepasnya ialah kata kerja, sama ada didahului oleh partikel nafi atau tidak.

Kesimpulannya, pendepanan penyandar yang didahului oleh partikel nafi menghasilkan pengkhususan, struktur ayat-ayat tersebut ialah :

- 1) Partikel nafi + kata nama khas + kata kerja : "مَا مُحَمَّدٌ قَامَ".
- 2) Partikel nafi + kata ganti diri + kata kerja : "مَا أَنَا قُمْتُ".
- 3) Partikel nafi + kata nama am + kata kerja : "مَا رَجُلٌ قَامَ".

Pendepanan penyandar yang kemungkinan boleh menghasilkan pengkhususan atau penegasan pula adalah struktur ayat berikut, iaitu :

- 1) Kata nama khas + kata kerja : "مُحَمَّدٌ قَامَ".
- 2) Kata nama am + kata kerja : "رَجُلٌ قَامَ".
- 3) Kata ganti diri + kata kerja : "أَنَا قُمْتُ".

4) Partikel nafi + kata ganti diri + kata terbitan : "مَا أَنْتَ بِقَائِمٍ"

Struktur terakhir di atas ditambah oleh al-Zamakhshariy yang mengatakan pendepanan penyandar yang didahului oleh partikel nafi dan selepasnya adalah kata terbitan seperti kata nama pelaku, kata nama penderita dan pola mubalaghah menghasilkan pengkhususan (Faḍl Ḥasan ‘Abbās, 1989: hlm. 216).

al-Zamakhshariy (1982: jld.2, hlm. 214) mengatakan ayat berikut mengandungi pengkhususan, firman Allah SWT dalam ayat ke-91 dalam surah Hūd :

وَمَا أَنْتَ عَلَيْنَا بِعَزِيزٍ ﴿٩١﴾

Maksudnya: dan engkau pula bukanlah orang yang dipandang mulia dalam kalangan kami!.

Penyandar yang merupakan kata terbitan "عَزِيزٍ" didahului oleh partikel nafi dan kata ganti diri. Pendepanan penyandar dalam ayat ini menafikan bahawa Nabi Syu‘ayb AS tidak dipandang mulia oleh kaumnya dan memperakukan bahawa keluarga Nabi Syu‘ayb AS yang dipandang mulia.

Sarjana balaghah telah menyenaraikan tiga jenis pendepanan yang mengandungi makna pengkhususan iaitu pendepanan pesandar, pendepanan penyandar dan pendepanan pelengkap kata kerja. Namun kaedah tersebut tidak sentiasa membawa makna pengkhususan dalam semua ayat. Menurut Abū Mūsā (1987: hlm. 172) jenis pendepanan yang membawa makna pengkhususan dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu :

- a) Pendepanan yang **wajib** menunjukkan makna pengkhususan, contohnya ayat berikut : { لَا فِيهَا غَوْلٌ }. Struktur ayat tersebut dapat dilambangkan seperti berikut : (partikel nafi + partikel *jārr* + *majrūr* yang didepankan).
- b) Pendepanan yang **kebiasaannya** menunjukkan pengkhususan namun dalam ayat

tertentu menunjukkan penegasan. Antara contoh pendepanan pesandar partikel *jarr* dan *majrūr* yang bermaksud pengkhususan ialah firman Allah SWT dalam ayat ke-25 dalam surah al-Ghāsyiyat:

إِنَّ إِلَيْنَا إِيَابَهُمْ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: Sesungguhnya kepada Kami-lah kembalinya mereka.

Contoh bagi pendepanan pesandar partikel *jarr* dan *majrūr* yang bermaksud sebagai penegasan adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-7 dalam surah al-Ḥujurat :

وَأَعْلَمُوا أَنَّ فِيكُمْ رَسُولَ اللَّهِ ﴿٧﴾

Maksudnya: Dan ketahuilah! bahawasanya dalam kalangan kamu ada RasūlulLāh SAW (maka janganlah kemahuan atau pendapat kamu mendahului pentadbirannya).

Pendepanan pesandar "فِيكُمْ" dalam ayat tersebut bermaksud penegasan, bukannya pengkhususan.

Seterusnya contoh pendepanan penyandar dari kata kerja yang didahului oleh partikel nafi yang menunjukkan pengkhususan ialah puisi al-Mutanabbī :

"وَمَا أَنَا أَسَقَمْتُ جِسْمِي بِهِ"

Maksudnya : “Bukanlah aku yang menyebabkan kesakitan pada tubuh badanku”.

Antara contoh pendepanan penyandar dari kata kerja yang didahului oleh partikel nafi yang menunjukkan penegasan adalah ayat ke-40 dalam surah al-Anbiyā‘, Allah SWT berfirman :

وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: dan mereka tidak akan diberi tempoh bertaubat.

Ayat tersebut menegaskan orang kafir tidak akan diberi penangguhan supaya mereka sempat bertaubat dan bukan mereka sahaja yang dikhususkan tidak diberi penangguhan, bahkan kepada semua manusia.

Pendepanan penyandar dari kata terbitan yang didahului oleh partikel nafi yang bermaksud pengkhususan pula adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-22 dalam surah al-Ghāsyiyat:

لَسْتَ عَلَيْهِمْ بِمُصِطِرٍ ﴿٢٢﴾

Maksudnya : Bukanlah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka (menerima ajaran Islam yang engkau sampaikan itu).

Allah SWT menjelaskan bahawa hanya Dia-lah yang berkuasa memaksa orang kafir beriman dan Nabi Muḥammad SAW dinafikan dari mempunyai keupayaan untuk memaksa orang kafir menerima ajaran Islam.

Antara contoh pendepanan penyandar dari kata terbitan yang didahului oleh partikel nafi yang menunjukkan penegasan ialah firman Allah SWT dalam ayat ke-2 dalam surah al-Qalam :

مَا أَنْتَ بِمَجْنُونٍ ﴿٢﴾


Maksudnya: Engkau (wahai Muḥammad) - dengan sebab nikmat pemberian Tuhanmu - bukanlah seorang gila (bahkan engkau adalah seorang yang bijaksana)

Kesimpulannya, pendepanan penyandar yang kebiasaannya menunjukkan pengkhususan ialah:

- a) Partikel *jārr* + *majrūr* yang didepankan + subjek.
- b) Partikel nafi + kata ganti diri + kata kerja.
- c) Partikel nafi + kata ganti diri + kata terbitan.

Berdasarkan perbincangan di atas didapati beberapa ayat yang tidak menepati kaedah yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, Basyūnī (2008: hlm. 122) menjelaskan bahawa sesuatu kaedah balaghah dibina mengikut kebanyakan situasi dan tidak semestinya terpakai dalam semua situasi. Jenis pendepanan yang sentiasa menunjukkan makna

pengkhususan dalam semua ayat dan jenis pendepanan yang kebiasaannya menunjukkan makna pengkhususan diringkaskan dalam Rajah 2.4 di bawah.



Rajah 2.4: Jenis pendepanan yang wajib menunjukkan makna pengkhususan dan pendepanan yang kebiasaannya menunjukkan makna pengkhususan (Abū Mūsā, 1987: hlm. 172).

Sarjana balaghah turut membincangkan penggunaan yang betul bagi pendepanan penyandar yang didahului partikel nafi. Ayat nafi yang mengandungi pendepanan bermaksud menafikan penyandar yang didepankan, contohnya "مَا أَنَا فَعَلْتُ هَذَا" yang bermaksud "Bukan aku yang melakukan perbuatan itu". Ayat tersebut mengkhususkan penafian penyandar "أَنَا" dan memperakukan perbuatan itu dilakukan oleh selain dari penyandar. al-Jurjānīy (1981: hlm. 96) mengatakan ayat "مَا أَنَا فَعَلْتُ هَذَا" dapat menjelaskan dua perkara berikut iaitu :

- a) Menafikan perbuatan itu dilakukan oleh penyandar "أَنَا" dan memperakukan bahawa pelakunya adalah orang lain.
- b) Kata kerja yang dinafikan itu telah pun berlaku.

Memandangkan ayat tersebut mengandungi perakuan dan penafian, maka ia hendaklah digandingkan dengan frasa yang betul. Sekiranya ayat nafi yang mengandungi pendepanan digandingkan dengan frasa yang salah, akan berlaku pertembungan makna antara awal ayat dengan akhirnya (al-Zawba'īy, 1997: hlm.135).

Ayat seperti "مَا أَنَا قُلْتُ هَذَا وَلَا قَالَ أَحَدٌ مِنَ النَّاسِ" yang bermaksud "Bukan aku yang mengatakan begini dan tiada sesiapa pun yang mengatakannya" adalah salah kerana berlaku pertentangan makna antara bahagian pertama ayat dengan bahagian kedua. Bahagian pertama ayat "مَا أَنَا قُلْتُ هَذَا" memperakukan bahawa sesuatu telah diperkatakan, sedangkan bahagian kedua pula "وَلَا قَالَ أَحَدٌ مِنَ النَّاسِ" menafikan sesuatu telah diperkatakan. Ayat tersebut boleh digabungkan dengan frasa yang betul seperti :

- a) "مَا أَنَا قُلْتُ هَذَا وَلَا زَيْدٌ" yang bermaksud "Bukan aku yang mengatakan begini dan Zayd juga tidak mengatakannya".
- b) "مَا أَنَا قُلْتُ هَذَا وَإِنَّمَا قَالَ فُلَانٌ" yang bermaksud "Bukan aku yang mengatakan begini dan hanya si polan yang mengatakannya".

- c) "مَا قُلْتُ هَذَا وَلَا قَالَ أَحَدٌ مِنَ النَّاسِ" yang bermaksud "Aku tidak mengatakan begini dan tiada sesiapa pun yang mengatakannya". Dalam ayat ini penyandar "أَنَا" tidak didepankan dan tidak berlaku pengkhususan, maka boleh digabungkan dengan penafian (al-Ja'īy, 1987: hlm. 120; Aḥmad Ḥasan, 1996: hlm. 218).

Pendepanan yang membawa makna pengkhususan tidak dibincangkan secara khusus dalam ilmu nahu. Dalam bab pendepanan predikat, Barakāt (2007: jld. 1, hlm. 130) mengatakan predikat harus didepankan dari subjek jika predikat dan subjek bukan jenis yang wajib didepankan. Diharuskan pendepanan predikat dari subjek jika predikat ialah partikel *jarr* dan *majrūr* serta subjek adalah kata nama khas seperti "فِي الْحُجْرَةِ أَخُوكَ" yang bermaksud "Di dalam bilik ada abang kamu".

Bagi pendepanan perubah fleksi dari pengubah fleksi, 'Abbās Ḥasan (1995: jld. 2, hlm. 384) memberi contoh pendepanan *ḥāl* dari empunya *ḥāl*. Diharuskan mendepankan *ḥāl* dari empunya *ḥāl* jika kata kerja itu adalah jenis berubah atau kata terbitan seperti "رَأَى زَيْدٌ جَاءَ زَيْدٌ" yang bermaksud "Dalam keadaan menunggang Zayd datang" atau ayat "مُسْرِعًا زَيْدٌ مُنْطَلِقٌ" yang bermaksud "Dalam keadaan bersegera Zayd bertolak pergi". (Barakāt, 2007: jld. 3, hlm. 303).

Dalam bab pendepanan penyandar dari kata kerja yang didahului oleh partikel nafi, perbincangan sarjana nahu tertumpu kepada partikel nafi *mā* yang terletak selepas kata nama zahir seperti "مَا مُسْلِمٌ خَائِنًا" yang bermaksud "Seorang muslim bukan pengkhianat". Partikel nafi *mā* yang terletak selepas kata kerja seperti "مَا أَنَا قَرَأْتُ الْكِتَابَ" atau "مَا قَرَأْتُ الْكِتَابَ" tidak dibincangkan langsung (Sulṭānī, 2000: hlm. 172). Kesimpulannya, pendepanan yang membawa makna pengkhususan tidak dibincangkan secara mendalam oleh sarjana nahu kerana pendepanan tidak memberi kesan fleksi kepada ayat.



#### 2.4.6.5 Pengekhasan pesandar dengan partikel alif-lam generik

Penyandar atau subjek dalam sesuatu ayat ialah kata nama khas, contohnya ayat "زَيْدٌ شَجَاعٌ" yang bermaksud "Zayd itu berani". Namun diharuskan pesandar atau predikat menjadi kata nama khas, iaitu dengan menambah partikel alif-lam generik di depannya, menjadikan ayat "زَيْدُ الشُّجَاعِ" yang bermaksud "Zaydlah yang berani". Antara tujuan pengekhasan pesandar (تَعْرِيفُ الْمُسْنَدِ بِأَلِ الْجِنْسِيَّةِ) ialah untuk menunjukkan makna pengkhususan. Menurut al-Jurjānīy (1981: hlm. 137) ayat "زَيْدٌ شَجَاعٌ" dan ayat "زَيْدُ الشُّجَاعِ" mempunyai makna yang berbeza. Ayat "زَيْدُ الشُّجَاعِ" diucapkan bagi pendengar yang sangsi, umpamanya siapakah yang berani antara Zayd atau Ali. Maka ayat ini diucapkan untuk mengkhususkan sifat berani kepada Zayd. al-Jurjānīy berhujah bahawa harus digabungkan ayat "زَيْدٌ شَجَاعٌ" dengan subjek kedua iaitu "زَيْدٌ شَجَاعٌ وَعَلِيٌّ" yang bermaksud "Zayd berani dan begitu juga Ali". Namun ayat "زَيْدُ الشُّجَاعِ وَعَلِيٌّ" adalah salah kerana sifat tersebut dimiliki oleh Zayd sahaja.

Kaedah pengekhasan pesandar sesuai digunakan dalam jenis sifat-mawṣūf seperti "هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ" yang bermaksud "Dia-lah yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang" atau mawṣūf-sifat seperti "الْحَرُّ مَنْ لَمْ يَكُنْ عَبْدًا نَفْسِهِ" yang bermaksud "Orang yang bebaslah yang tidak menjadi hamba kepada dirinya sendiri" (Fāḍilī, 1986: hlm. 168).

Ayat "هُوَ الْأَمِيرُ" yang bermaksud "Dialah seorang ketua" boleh menjadi pengkhususan jenis hakiki *taḥqīqīy* sekiranya tiada ketua lain kecuali dia. Pengkhususan jenis hakiki *iddi'āy* pula berlaku dalam ayat "زَيْدُ الشُّجَاعِ" yang bermaksud "Zaydlah yang berani". Zayd dikhususkan dengan keberanian yang sempurna hinggakan keberanian orang lain tidak dipedulikan dan dianggap tidak wujud. Ayat "مُحَمَّدٌ الْقَوِيُّ" yang bermaksud "Muḥammadlah yang kuat" pula boleh menjadi pengkhususan jenis

*idāfiy* sekiranya penutur ingin mengkhususkan sifat berani kepada Muḥammad dan menafikannya dari Ali dan Zayd (al-Marāghīy, 2000: hlm. 149).

Pesandar yang dimulakan dengan partikel alif-lam generik juga boleh dikhususkan dengan dibataskan kepada suatu masa atau keadaan, contohnya "هُوَ الْكَرِيمُ حِينَ يَبْخُلُ كُلُّ" "جَوَادٌ" yang bermaksud "Dialah yang pemurah ketika semua dermawan menjadi bakhil" (al-Jurjānīy, 1981: hlm. 138).


*Maqṣūr 'alayh* dalam ayat yang mengandungi pengekhasan pesandar adalah perkataan yang tiada alif-lam generik. *Maqṣūr* pula adalah perkataan yang mengandungi alif-lam generik, contohnya ayat "هُوَ الْأَمِيرُ", perkataan "هُوَ" adalah *maqṣūr 'alayh* dan perkataan "الْأَمِيرُ" adalah *maqṣūr*. Kaedah pengekhasan pesandar boleh menghasilkan pengkhususan dengan dua cara berikut :

a) Mengkhususkan pesandar kepada penyandar (predikat kepada subjek). Dalam ayat "زَيْدٌ الشُّجَاعُ", sifat berani (pesandar atau predikat) dikhususkan kepada Zayd (penyandar atau subjek). *Maqṣūr 'alayh* ialah perkataan "زَيْدٌ" dan *maqṣūr* ialah perkataan "الشُّجَاعُ". Dalam ayat "زَيْدٌ الشُّجَاعُ", predikat "الشُّجَاعُ" telah didepankan dan subjek "زَيْدٌ" telah diakhirkan. Walaupun pesandar telah didepankan namun ayat itu tetap mengkhususkan pesandar kepada penyandar. Dalam ayat "زَيْدٌ الشُّجَاعُ", *maqṣūr 'alayh* tidak berubah iaitu perkataan "زَيْدٌ" dan *maqṣūr* ialah perkataan "الشُّجَاعُ" (al-Thabaytīy, 2004: hlm. 88).

b) Mengkhususkan penyandar kepada pesandar (subjek kepada predikat). Hal ini terjadi jika kedua-dua subjek dan predikat mengandungi alif-lam generik, seperti "الْمُؤْمِنُ الشُّجَاعُ" yang bermaksud "Orang mukmin hanyalah orang yang berani". Dalam ayat tersebut "الْمُؤْمِنُ" (penyandar atau subjek) dikhususkan kepada "الشُّجَاعُ" (pesandar atau predikat). *Maqṣūr 'alayh* ialah perkataan "الشُّجَاعُ" dan

*maqṣūr* ialah perkataan "المؤمن". Orang mukmin dikhususkan bersifat berani, bukan pengecut (al-Hāsyimīy, 1994: hlm. 113).

Cara untuk menentukan *maqṣūr* dan *maqṣūr 'alayh* dalam ayat yang mengandungi pengekhasan pesandar ditunjukkan dalam Rajah 2.5.



Rajah 2.5: Penentuan *maqṣūr 'alayh* dalam ayat yang mengandungi pengekhasan pesandar (Basyūnī, 2008: hlm. 263).

Antara contoh pengkhususan penyandar kepada pesandar adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-197 dalam surah al-Baqarat :

فَابَّ حَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى

Maksudnya: Sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari dosa dan kejahatan).

Dalam ayat di atas penyandar iaitu perkataan {حَيْرَ الزَّادِ} (sebaik-baik bekal) telah dikhususkan kepada pesandar {التَّقْوَى} (taqwa). Orang Islam yang mahu mengerjakan Haji disarankan menyediakan bekalan makanan dan pakaian bagi perjalanan mereka,

namun bekalan terbaik adalah persediaan untuk hari Akhirat iaitu menjauhi kemungkar dan bertaqwa kepada Allah SWT (Ibn Kathīr, 1988: jld. 1, hlm. 246). Jenis pengkhususan dalam ayat tersebut adalah jenis sifat-mawṣūf dan hakkiki *iddi'ā'iy* kerana berdasarkan realiti sebenar ada berbagai jenis bekalan, namun bekalan yang menjadi keutamaan di sisi Allah SWT adalah taqwa hinggakan bekalan lain dianggap kurang penting.

al-Taftāzānīy (2013: hlm. 389) menegaskan pesandar yang mengandungi alif-lam generik tidak menghasilkan makna pengkhususan dalam semua ayat, contohnya puisi al-Khansā' yang meratapi kematian saudara lelakinya yang bernama Ṣakhr yang berbunyi :

إِذَا قُبِحَ الْبُكَاءُ عَلَى قَتِيلٍ      رَأَيْتُ بُكَاءَكَ الْحَسَنَ الْجَمِيلًا

Maksudnya: Jika menangisi orang yang mati itu dipandang buruk oleh orang ramai, namun aku lihat tangisanmu terhadap Ṣakhr adalah tangisan yang bagus dan elok.

Penyair tidak bermaksud mengkhususkan sifat "الحَسَنَ" (bagus) kepada tangisannya sahaja dengan menafikan tangisan orang lain. Namun penyair ingin menegaskan bahawa tangisannya terhadap saudaranya adalah tangisan yang bagus dan elok (Faḍl Ḥasan 'Abbās, 1989: hlm. 325).

Menurut pandangan al-Taftāzānīy tersebut kaedah pengekhasan pesandar tidak membawa makna pengkhususan dalam semua ayat. Oleh itu penentuan makna pengkhususan dalam sesuatu ayat bergantung kepada konteks ayat dan maksud yang ingin disampaikan oleh penutur.

Menurut sarjana nahu, antaranya al-Anṣārīy (1990: hlm. 114) alif-lam generik terbahagi kepada tiga jenis iaitu :

- a) Alif-lam untuk menunjukkan pengekhasan jenis sesuatu perkataan, contohnya ayat "الرَّجُلُ أَقْوَى مِنَ الْمَرْأَةِ" yang bermaksud "Lelaki lebih kuat daripada perempuan". Perkataan "الرَّجُلُ" dan "الْمَرْأَةِ" mengandungi alif-lam yang menerangkan bahawa jenis spesis lelaki mengikut hakikat kejadiannya adalah

lebih kuat daripada jenis spesis perempuan. Ayat ini tidak bermaksud jenis lelaki yang khusus atau jenis perempuan yang khusus tetapi jenis lelaki dan jenis perempuan.

- b) Alif-lam yang menunjukkan bahawa perkataan itu meliputi semua individu atau komponen yang terletak dalam jenis tersebut seperti ayat "الشَّجَرُ حَيٌّ" yang bermaksud "Pokok itu hidup". Perkataan "الشَّجَرُ" boleh digabungkan dengan lafaz "كُلُّ" (semua) tanpa mengubah makna ayat tersebut. Dalam situasi ini alif-lam bermaksud "semua" atau "keseluruhan" dalam jenis tersebut mengikut hakikat yang sebenar.
- c) Alif-lam yang menunjukkan perkataan itu meliputi salah satu sifat yang menonjol dalam golongan jenis tersebut seperti ayat "أَنْتَ الرَّجُلُ عِلْمًا" yang bermaksud "Engkaulah lelaki yang sempurna ilmunya". Perkataan "الرَّجُلُ" boleh digabungkan dengan lafaz "كُلُّ" tanpa mengubah makna ayat, menjadi: "أَنْتَ كُلُّ الرَّجَالِ مِنْ نَاحِيَةٍ : الْعِلْمِ" yang bermaksud "Engkau meliputi semua lelaki dari segi ilmu". Dalam ayat "أَنْتَ الرَّجُلُ عِلْمًا", sifat ilmu pada "أَنْتَ" seorang dianggap seakan-akan merangkumi semua ilmu yang ada pada semua jenis lelaki. Makna kesempurnaan dalam sesuatu sifat ini hanya berlaku secara *majāz* dan atas dasar kepalangan, bukan mengikut hakikat sebenar.

Alif-lam generik jenis kedua dan ketiga<sup>4</sup> di atas juga dinamakan sebagai alif-lam *al-istighrāq* (الاستغراق) yang bermaksud "melampau" ('Abbās Ḥasan, 1995: jld.1, hlm. 426). Manakala alif-lam *al-istighrāq* dalam ayat "أَنْتَ الرَّجُلُ عِلْمًا" mengikut pandangan sarjana balaghah menghasilkan makna pengkhususan malahan menjadi salah satu tataqāṣar.

<sup>4</sup>) Ketiga-tiga jenis alif-lam tersebut dinamakan "alif-lam generik". Partikel alif-lam generik terbahagi kepada tiga jenis iaitu pertama : alif-lam yang menunjukkan jenis (الجنس) seperti dalam (a), hlm. 150, kedua : alif-lam *al-istighrāq ḥaqīqīy* yang meliputi semua individu dan ketiga : alif-lam *al-istighrāq 'urfīy* yang meliputi salah satu sifat yang menonjol atas dasar *majāz* dan kepalangan (Faḍl Ḥasan 'Abbās, 1989: hlm. 316).

Kedudukan subjek hendaklah berada di awal ayat dan predikat pula terletak selepas subjek. Namun menurut Ibn ‘Aqīl (1990: jld.1, hlm. 199) predikat yang merupakan kata nama khas boleh didepankan dari subjek. Berdasarkan pandangan tersebut ayat seperti "الْمَنْطَلِقُ زَيْدٌ" adalah diharuskan walaupun predikat telah didepankan dari subjek. Barakāt (2007: jld.1, hlm. 113) menyokong pandangan tersebut bahawa pendepanan predikat dibenarkan untuk menunjukkan makna kepalingan dalam ilmu balaghah.

Sarjana nahu juga membincangkan penentuan subjek dan predikat dalam ayat seperti "أَنْتَ الرَّجُلُ". Memandangkan kedua-dua perkataan dalam ayat tersebut adalah kata nama khas maka perlu ditentukan kedudukan subjek dan predikat. Dalam hal ini Barakāt (2007: jld.1, hlm. 111) berpendapat bahawa perkataan yang pertama dalam ayat adalah subjek.

Kesimpulannya, partikel alif-lam generik secara amnya atau alif-lam *al-istighrāq* secara khususnya boleh menghasilkan makna kepalingan pada perkataan yang digabungkan dengannya dalam keadaan tertentu. Dalam kaedah balaghah makna kepalingan berlaku dalam jenis hakiki *iddi ‘ā’īy*.


#### 2.4.6.6 Kata ganti nama pemisah

Kata ganti nama pemisah (ضَمِيرِ الْفَصْلِ) turut membawa makna pengkhususan mengikut pandangan sarjana seperti al-Zamakhsharīy (1982: jld. 1, hlm. 146), al-Sakkākīy (2000: hlm. 286), al-Qazwīnīy (1990: jld. 1, hlm. 145) dan al-Subkīy (2001: jld. 2, hlm. 333). Perbincangan mengenainya kebiasaannya terletak dalam tajuk “keadaan penyandar” dalam perbincangan balaghah.

Kata ganti nama pemisah hendaklah diletak di antara subjek dengan predikat, seperti "زُهَيْرٌ هُوَ الشَّاعِرُ" yang bermaksud “Zuhayr dialah seorang penyair” dan "زَيْدٌ هُوَ يَقُومُ" yang

bermaksud “Zayd dialah yang sedang berdiri”. Kata ganti nama pemisah juga diletak di antara dua komponen yang berasal dari subjek dan predikat, seperti "كَانَ زُهَيْرٌ هُوَ الشَّاعِرُ" yang bermaksud “Sesungguhnya Zuhayr dialah seorang penyair” dan "عَلِمْتُ أَنَّ عَلِيًّا هُوَ الكَرِيمُ" yang bermaksud “Aku tahu bahawa Ali dialah yang pemurah” (al-Maydānīy, 1996: jld. 1, hlm. 542).

Majoriti sarjana balaghah bersetuju bahawa kata ganti nama pemisah berfungsi untuk mengkhususkan pesandar kepada penyandar iaitu predikat kepada subjek (al-Sakkākīy, 2000: hlm. 286; al-Qazwīnīy, 1999: jld. 1, hlm. 145). Dalam ayat "زُهَيْرٌ هُوَ الشَّاعِرُ", predikat "الشَّاعِرُ" (sifat penyair) dikhususkan kepada subjek "زُهَيْرٌ". Sifat sebagai penyair mencapai tahap kesempurnaan pada Zuhayr seorang, seolah-olah sifat sebagai penyair pada orang lain tidak diterima kerana kekurangan mereka. Ayat "زُهَيْرٌ هُوَ الشَّاعِرُ" adalah jenis sifat-mawṣūf, *maqṣūr ‘alayh* adalah subjek "زُهَيْرٌ" dan *maqṣūr* adalah predikat "الشَّاعِرُ". Cara menentukan *maqṣūr ‘alayh* dengan kata ganti nama pemisah ditunjukkan dalam Rajah 2.6.



Rajah 2.6: Penentuan *maqṣūr ‘alayh* dalam ayat yang mengandungi kata ganti nama pemisah (al-Thabaytīy, 2004: hlm. 92-94).

al-Zamakhshariy (1982: jld. 1, hlm. 146) mengatakan bahawa kata ganti nama pemisah berfungsi untuk pengkhususan, penegasan dan membuktikan yang perkataan

selepasnya adalah predikat, bukan sifat. al-Zamakhshariy mengatakan kata ganti nama pemisah berfungsi untuk mengkhususkan pesandar kepada penyandar ketika mentafsir ayat ke-5 dalam surah al-Baqarat, firman Allah SWT :

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya: dan mereka itu (orang yang bertaqwa) merekalah orang-orang yang berjaya.

Namun al-Subkiy (2001: jld.2, hlm. 335) berpendapat bahawa kata ganti nama pemisah mengkhususkan penyandar kepada pesandar (subjek kepada predikat). Di samping itu beliau juga tidak bersetuju dengan pendapat al-Sakkākiy dan al-Qazwīniy (1990: jld. 1, hlm. 145) yang mengatakan "هُوَ" adalah kata ganti nama pemisah dalam ayat "زَيْدٌ هُوَ يَقُومُ" yang bermaksud "Zayd dialah yang sedang berdiri". Menurut al-Subkiy, "هُوَ" bukan kata ganti nama pemisah kerana selepasnya adalah kata kerja.

Pandangan al-Subkiy bahawa kata ganti nama pemisah mengkhususkan penyandar kepada pesandar (subjek kepada predikat) menyalahi pandangan yang masyhur bagi majoriti sarjana balaghah dan sarjana tafsir yang mengatakan kata ganti nama pemisah menghasilkan pengkhususan pesandar kepada penyandar (predikat kepada subjek). al-Zamakhshariy mengatakan ayat ke-3 dalam surah al-Kawthar mengandungi kata ganti nama pemisah, firman Allah SWT :

إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿٣﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, dialah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diinginya).

al-Zamakhshariy (1982: jld. 4, hlm. 291) berkata : "Orang yang terputus (الْأَبْتَرُ) yakni dilupakan dan tidak akan dikenang adalah mereka yang memusuhi dan membencimu dan bukanlah engkau wahai Muḥammad, bahkan engkau akan disebut dan diingati sepanjang zaman". Ulasan al-Zamakhshariy menunjukkan bahawa pesandar (الْأَبْتَرُ) telah dikhususkan kepada penyandar (شَانِئَكَ) yakni orang yang memusuhi baginda. Jenis pengkhususan dalam ayat tersebut adalah jenis qalbi. Pendapat al-Zamakhshariy yang



mengatakan kata ganti nama pemisah mengkhususkan pesandar kepada penyandar turut disokong oleh al-Taftāzānīy (2013: hlm. 252) dan al-Sayyid al-Syarīf (2007: hlm. 139).

Manakala berkenaan pendapat al-Subkīy yang tidak bersetuju perkataan selepas kata ganti nama pemisah adalah kata kerja, al-Anṣārīy (1985: hlm. 642) mengatakan al-Jurjānīy, Abū al-Baqā' al-'Ukbarīy dan al-Suhaylīy mengharuskan penggunaan kata kerja masa depan selepas kata ganti nama pemisah. Makna kata kerja masa depan adalah sama dengan makna kata nama, misalnya makna "يُتَوَمُّ" (berdiri) hampir sama dengan makna "القَائِمُ" (orang yang berdiri). al-Anṣārīy tidak menolak pandangan tersebut dan hal ini membuktikan beliau mengharuskan kata kerja didatangkan selepas kata ganti nama pemisah. Oleh itu pendapat al-Subkīy yang tidak bersetuju kata kerja diletak selepas kata ganti nama pemisah boleh diabaikan.

Terdapat juga sarjana yang mengkaji corak penggunaan kata ganti nama pemisah dalam al-Qur'an al-Karim. al-Sayūṭīy, (1987: jld. 2, hlm. 800) misalnya menyebut bahawa al-Suhaylīy mendapati dalam beberapa ayat al-Qur'an al-Karim yang berurutan ada ayat yang mengandungi kata ganti nama pemisah dan ada ayat yang tidak mengandungi kata ganti nama pemisah. Allah SWT berfirman dalam ayat ke-43 hingga 45 dalam surah al-Najm :

وَأَنَّهُ هُوَ أَضْحَكَ وَأَبْكَى ﴿٤٣﴾ وَأَنَّهُ هُوَ أَمَاتَ وَأَحْيَا ﴿٤٤﴾ وَأَنَّهُ خَلَقَ الزَّوْجَيْنِ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya, Dia-lah yang menyebabkan (seseorang itu bergembira) tertawa, dan menyebabkan (seseorang itu berdukacita) menangis. Dan bahawa sesungguhnya, Dia-lah yang mematikan dan menghidupkan. Dan bahawa sesungguhnya, Dia yang menciptakan pasangan - lelaki dan perempuan.

Ayat ke-43 dan ke-44 mengandungi pengkhususan melalui kata ganti nama pemisah kerana menolak dakwaan orang kafir yang menyandarkan kegembiraan, kedukaan, menghidupkan dan mematikan kepada selain dari Allah SWT. Orang kafir *Jāhiliyyat* mendakwa masa dan alam yang menghidupkan dan mematikan manusia. Numrūdh pula

mendakwa dia boleh menghidupkan dan mematikan manusia. Sedangkan ayat ke-45 {وَأَنَّهُ خَلَقَ} tidak mengandungi kata ganti nama pemisah. Dalam hal ini Abū Ḥayyān (1992: jld. 10, hlm. 26) mengulas bahawa tidak mungkin timbul keraguan bahawa yang mencipta manusia, haiwan dan tumbuhan berpasangan adalah bukan Allah SWT. Oleh itu ayat ke-45 tidak mengandungi kata nama ganti pemisah kerana tidak bertujuan untuk menolak sebarang dakwaan atau keraguan mengenai penciptaan makhluk secara berpasangan.

Ada sarjana yang berpendapat bahawa kata ganti nama pemisah berfungsi untuk penegasan bukan pengkhususan. al-Taftāzānīy (2013: hlm. 252) menjelaskan hal itu terjadi sekiranya kata ganti nama pemisah digabungkan dengan pengekhasan pesandar, maka kata ganti nama pemisah menjadi penegasan sahaja. Makna pengkhususan dihasilkan oleh kaedah pengekhasan pesandar, contohnya dalam ayat ke-58 dalam surah al-Dhāriyāt, Allah SWT berfirman :

إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَمِينُ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah Dia-lah sahaja yang memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya).

Dalam ayat tersebut sifat memberi rezeki "الرَّزَّاقُ" dikhususkan kepada Allah SWT. *Maqṣūr 'alayh* ialah lafaz *jalālat* "الله" dan *maqṣūr* ialah perkataan "الرَّزَّاقُ". Kata ganti nama pemisah "هُوَ" bermaksud penegasan sahaja. Tataqāṣar yang menghasilkan pengkhususan ialah pengekhasan pesandar pada perkataan "الرَّزَّاقُ". Pengkhususan berlaku dengan mengkhususkan pesandar "الرَّزَّاقُ" kepada penyandar "الله".

Menurut pandangan al-Taftāzānīy, kata ganti nama pemisah berfungsi untuk pengkhususan jika perkataan selepasnya bukan kata nama yang mengandungi alif-lam generik, tetapi kata kerja atau *ism tafḍīl* dengan partikel "مِنْ". Contohnya ayat "زَيْدٌ هُوَ مِنْ أَفْضَلٍ مِنْ مُحَمَّدٍ" yang bermaksud "Zayd adalah yang lebih baik daripada Muḥammad" dan ayat "زَيْدٌ هُوَ يَقَاوِمُ الْعَدُوَّ" yang bermaksud "Zayd adalah yang menentang musuh".

Pandangan ini turut dipersetujui oleh beberapa sarjana balaghah seperti al-Dusūqīy, al-Sayyid al-Syarīf dan al-Maghribīy.

Namun al-Subkīy (2001: jld. 2, hlm. 333) berpendapat bahawa kata ganti nama pemisah menghasilkan pengkhususan walaupun diiringi dengan pengekhasan pesandar. Beliau mendatangkan contoh ayat yang membuktikan kata ganti nama pemisah berfungsi untuk mengkhususkan, firman Allah SWT dalam ayat ke-20 dalam surah al-Ḥasyr :

لَا يَسْتَوِي أَصْحَابُ النَّارِ وَأَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: Tidaklah sama ahli neraka dan ahli syurga; ahli syurga merekalah orang-orang yang beroleh kemenangan.

Dalam ayat tersebut disebutkan bahawa ahli neraka tidak sama dengan ahli syurga, maka untuk menunjukkan perbezaan antara kedua-dua golongan, perlu didatangkan kata ganti nama pemisah "هُمُ" untuk mengkhususkan ahli syurga sebagai orang yang menang, bukan untuk penegasan. Basyūnī (2008: hlm. 264) dan Ibn ‘Āsyūr turut menyokong pandangan al-Subkīy. Menurut al-Zamakhsharīy (1982: jld. 4, hlm. 21) dalam ayat { إِنَّ } { اللَّهُ هُوَ الرَّزَّاقُ } ayat ini mengandungi pengkhususan kerana hanya Allah SWT sahaja yang memberi rezeki.

Penulis turut menyetujui pandangan yang mengatakan kewujudan kata ganti nama pemisah dengan pengekhasan pesandar dalam satu ayat mengukuhkan lagi sesuatu pengkhususan. Sekiranya kata ganti nama pemisah menghasilkan pengkhususan dalam ayat seperti "زَيْدٌ هُوَ يَقُومُ" dan "زَيْدٌ هُوَ أَفْضَلُ مِنْ مُحَمَّدٍ", maka sudah tentulah fungsi pengkhususan dalam kata ganti nama pemisah tidak terhalang dengan kewujudan kaedah pengekhasan pesandar.

Kata ganti nama pemisah termasuk dalam perbahasan ilmu nahu. Oleh itu perlu dibincangkan syarat yang dikenakan padanya. Mazhab Basrah menamakan kata ganti nama pemisah sebagai "الفَصْلُ" (pemisah) kerana ia membezakan antara predikat dengan

sifat. Manakala mazhab Kufah menamakannya "العماد" (tonggak) kerana kata ganti nama pemisah mengukuhkan dan menguatkan makna sesuatu percakapan (al-Māliqīy, 1974: hlm. 128). Menurut al-Anṣārīy (1985: hlm. 641) kata ganti nama pemisah hendaklah menepati syarat-syarat berikut :

- i. Terdiri daripada salah satu daripada dua belas kata ganti pisah iaitu :

هُوَ - هِيَ - هُمَا - هُمْ - هُنَّ - أَنْتَ - أَنْتِ - أَنْتُمَا - أَنْتُمْ - أَنْتُنَّ - أَنَا - نَحْنُ

- ii. Kata ganti nama pemisah adalah dalam bentuk *marfū'* bukan *manṣūb*, maka ayat seperti "زَيْدٌ إِيَّاهُ الْعَالِمُ" yang bermaksud "Zayd dialah yang berilmu" tidak mengandungi kata ganti nama pemisah kerana perkataan "إِيَّاهُ" adalah kata ganti *manṣūb*.
- iii. Perkataan sebelum kata ganti nama pemisah adalah subjek atau berasal dari subjek.
- iv. Perkataan sebelum kata ganti nama pemisah adalah kata nama khas.
- v. Subjek mestilah selaras dengan kata ganti nama pemisah dari sudut jantina, bilangan dan nisbah pertuturan sama ada pihak pertama, kedua atau ketiga. Contohnya ayat "فَاطِمَةٌ هِيَ الْفَائِزَةُ" yang bermaksud "Fatimah dialah pemenang" atau ayat "الْعُلَمَاءُ هُمُ الْأَبْطَالُ" yang bermaksud "Sarjana merekalah pahlawan".
- vi. Subjek tidak boleh mengandungi penegasan (*tawkid*) lain seperti "زَيْدٌ نَفْسَهُ" "هُوَ الْعَالِمُ" yang bermaksud "Zayd dialah yang berilmu". Hal ini adalah menurut kebiasaan percakapan Arab yang tidak menggabungkan kata ganti nama pemisah dengan penegasan lain.
- vii. Perkataan selepas kata ganti nama pemisah merupakan kata nama khas atau hampir menyamai taraf kata nama khas iaitu gabungan *ism tafḍīl* dengan partikel "مِنْ", contohnya: "أَحْمَدٌ هُوَ أَفْضَلُ مِنْ غَيْرِهِ" yang bermaksud "Ahmad

dialah yang lebih baik daripada orang-orang lain”. Diharuskan juga kata kerja masa depan diletak selepas kata ganti nama pemisah kerana menyamai taraf kata nama, contohnya ayat ke-13 dalam surah al-Burūj, firman Allah SWT :

إِنَّهُ هُوَ يُبْدِي وَيُعِيدُ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Dia-lah yang menciptakan (sekalian makhluk) pada mulanya dan yang mengembalikannya (hidup semula sesudah mati).

Antara tujuan penggunaan kata ganti nama pemisah ialah untuk menghilangkan kekeliruan bahawa perkataan selepasnya adalah predikat, bukannya sifat atau *badal*. Dalam ayat "زَيْدٌ الْمُخْلِصُ" yang bermaksud "Zaydlah yang ikhlas", mungkin perkataan "المُخْلِصُ" dianggap sebagai sifat. Maka didatangkan kata ganti nama pemisah untuk mengelakkan kekeliruan, contohnya: "زَيْدٌ هُوَ الْمُخْلِصُ" yang bermaksud "Zayd dialah yang ikhlas" ('Abbās Ḥasan, 1995: jld. 1, hlm. 244).

Seterusnya 'Abbās Ḥasan (1995: jld. 1, hlm. 245) mengatakan bahawa kata ganti nama pemisah juga berfungsi sebagai pengkhususan mengikut kaedah balaghah, contohnya ayat ke-62 dalam surah Āli 'Imrān, firman Allah SWT :

إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ ﴿٦٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya inilah kisah-kisah yang benar.

Mazhab Basrah dan majoriti sarjana mengatakan kata ganti nama pemisah adalah partikel, bahkan 'Abbās Ḥasan (1995: jld. 1, hlm. 248) berpendapat sewajarnya ia dinamakan "partikel pemisah". Sekiranya kata ganti pemisah ialah partikel maka ia tidak memberi kesan fleksi kepada perkataan selepasnya dan kata ganti nama pemisah tidak berfungsi menurut ilmu nahu.

Kesimpulannya, sarjana nahu mengatakan kata ganti nama pemisah berfungsi untuk menghilangkan kekeliruan bahawa perkataan selepasnya adalah predikat, dan pengkhususan. Fungsi tersebut telah diadaptasi dalam perbahasan balaghah dan

dibincangkan secara lebih mendalam. Namun penulis mengulangi pendiriannya bahawa kata ganti nama pemisah berfungsi untuk pengkhususan bukan penegasan sama ada diiringi oleh kaedah pengekhasan pesandar atau tidak.

## 2.5 Ciri-ciri Setiap Tataqāṣar

Sarjana balaghah telah membuat rumusan mengenai ciri-ciri setiap tataqāṣar sama ada ciri persamaan atau ciri perbezaan antaranya. Ciri-ciri yang membezakan setiap tataqāṣar dengan yang lain terletak dalam perkara berikut :

### 2.5.1 Dalam menentukan kedudukan *maqṣūr ‘alayh*

Mengenal pasti *maqṣūr ‘alayh* amat penting kerana membantu seseorang menetapkan fokus pengkhususan. *Maqṣūr ‘alayh* hendaklah diletak pada kedudukan yang betul. Menurut al-Jurjānīy (1981: hlm. 262) jika fokus pengkhususan ialah pada pelaku, perkataan yang menjadi pelaku mesti diletak selepas partikel kecuali, contohnya "مَا شَرِبَ" yang bermaksud "Tidak meminum susu kecuali Muhammad". Namun jika fokus pengkhususan ialah objek, perkataan yang menjadi objek hendaklah diletak selepas partikel kecuali, contohnya "مَا شَرِبَ مُحَمَّدٌ إِلَّا اللَّبْنَ" yang bermaksud "Muhammad tidak minum kecuali susu".

Kedudukan *maqṣūr ‘alayh* dalam ayat adalah berbeza mengikut jenis tataqāṣar (al-Marāghīy, 2000: hlm. 186-188). *Maqṣūr ‘alayh* dalam penafian dengan pengecualian terletak selepas partikel kecuali sama ada *maqṣūr ‘alayh* di akhir ayat atau didepankan. Dalam ayat "مَا ضَرَبَ أَحْمَدٌ إِلَّا زَيْدًا" yang bermaksud "Aḥmad tidak memukul kecuali Zayd", *maqṣūr ‘alayh* ialah perkataan "زَيْدًا" kerana Zayd yang dipukul. Namun *maqṣūr ‘alayh* dan partikel kecuali harus didepankan dari *maqṣūr*, dengan syarat partikel kecuali

mesti mendahului *maqṣūr‘alayh* dan kedua-duanya tidak terpisah, contohnya "مَا ضَرَبَ إِلَّا زَيْدًا أَحْمَدُ" yang bermaksud “Aḥmad tidak memukul kecuali Zayd” (Lāsyīn, 1976: hlm. 238).

*Maqṣūr‘alayh* dalam ayat yang mengandungi partikel *innamā* ialah perkataan atau komponen akhir ayat tersebut, contohnya ialah ayat ke-28 dalam surah Fāṭir, Allah SWT berfirman :

إِنَّمَا تَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ ۗ

Maksudnya: Orang yang takut (melanggar perintah) Allah SWT dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu.

*Maqṣūr‘alayh* dalam ayat tersebut adalah perkataan "العلماء" (orang-orang yang berilmu).

*Maqṣūr‘alayh* dalam ayat yang mengandungi partikel *lākin* dan partikel *bal* ialah *ma‘tūf*, contohnya "لَا يَحْضُرُ عَلِيٌّ لَكِنْ زَيْدٌ" yang bermaksud “Bukan yang datang itu Ali tetapi Zayd”, perkataan "زَيْدٌ" (Zayd) ialah *maqṣūr‘alayh*. Dalam ayat yang mengandungi partikel *bal* seperti "مَا قَامَ سَعِيدٌ بَلْ أَحْمَدُ" yang bermaksud “Bukan yang berdiri itu Sa‘id bahkan Aḥmad”, perkataan "أَحْمَدُ" (Aḥmad) ialah *maqṣūr‘alayh*.

Dalam ayat yang mengandungi partikel *lā* seperti "خَالِدٌ مُهَنْدِسٌ لَا مُعَلِّمٌ" yang bermaksud “Khālīd ialah seorang jurutera bukan seorang guru”, *ma‘tūf* ialah perkataan "مُعَلِّمٌ" dan lawan bagi "مُعَلِّمٌ" adalah perkataan "مُهَنْدِسٌ". Oleh itu *maqṣūr‘alayh* ialah "مُهَنْدِسٌ" (jurutera). Manakala dalam ayat "إِبْرَاهِيمُ طَبِيبٌ لَا أَحْمَدُ" yang bermaksud “Doktor itu ialah Ibrāhīm bukan Aḥmad”, lawan bagi perkataan "أَحْمَدُ" adalah perkataan "إِبْرَاهِيمٌ". Oleh itu *maqṣūr‘alayh* ialah "إِبْرَاهِيمٌ" (Ibrāhīm) (‘Awnī: 1972: hlm. 88).

*Maqṣūr* ‘alayh dalam ayat yang mengalami pendepanan ialah perkataan di awal ayat iaitu perkataan yang didepankan, contohnya firman Allah SWT dalam ayat ke-40 dalam surah al-Baqarat :

وَإِنِّي فَأَرْهَبُونَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya : Hanya kepadaKu-lah kamu harus takut (tunduk).

*Maqṣūr* ‘alayh dalam ayat tersebut adalah objek yang didepankan iaitu "إِيَّايَ" (Aku yakni Allah SWT) (Qalqayalat, 1989: hlm. 243).

Dalam ayat yang mengandungi kaedah pengekhasan pesandar seperti "زَيْدٌ الشُّجَاعُ" yang bermaksud "Zaydlah yang berani" dan "الشُّجَاعُ زَيْدٌ" yang bermaksud "Zaydlah yang berani", *maqṣūr* ‘alayh ialah perkataan yang tidak mengandungi alif-lam generik iaitu "زَيْدٌ". Namun sekiranya kedua-dua subjek dan predikat mengandungi alif-lam generik seperti "الْمُؤْمِنُ الشُّجَاعُ" yang bermaksud "Orang mukmin ialah yang berani", *maqṣūr* ‘alayh ialah predikat iaitu "الشُّجَاعُ". Dalam ayat "الْمُؤْمِنُ الشُّجَاعُ", penyandar "الْمُؤْمِنُ" telah dikhususkan kepada pesandar "الشُّجَاعُ" (al-Hāsyimiy, 1994: hlm. 113).

*Maqṣūr* ‘alayh dalam ayat yang mengandungi kata ganti nama pemisah ialah penyandar kerana kata ganti nama pemisah mengkhususkan pesandar kepada penyandar (Basyūnī, 2008: hlm. 265). Contohnya ialah ayat ke-5 dalam surah al-Baqarat, firman Allah SWT :

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya: dan mereka itulah (orang yang bertaqwa) orang-orang yang berjaya.

*Maqṣūr* ‘alayh dalam ayat tersebut ialah penyandar (subjek) iaitu perkataan "أُولَئِكَ".

Kedudukan *maqṣūr* ‘alayh dalam pelbagai bentuk ayat ditunjukkan dalam Jadual 2.4.



Jadual 02.4: Kedudukan *maqṣūr ‘alayh* mengikut jenis tataqāṣar (Maṭlūb, 1980: hlm. 180).

Tataqāṣar	Ayat	<i>Maqṣūr ‘alayh</i>	Kedudukan <i>maqṣūr ‘alayh</i>
Penafian dengan pengecualian	{ مَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ }	رَسُولٌ	Selepas partikel kecuali
Partikel <i>innamā</i>	{ إِنَّمَا يَحْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ }	الْعُلَمَاءُ	Perkataan atau komponen terakhir
Partikel <i>lākin</i>	لَا يَحْضُر عَلِيٌّ لَكِن زَيْدٌ	زَيْدٌ	Selepas partikel <i>lākin</i>
Partikel <i>bal</i>	مَا قَامَ سَعِيدٌ بَلْ أَحْمَدٌ	أَحْمَدٌ	Selepas partikel <i>bal</i>
Partikel <i>lā</i>	إِبْرَاهِيمَ طَبِيبٌ لَا أَحْمَدٌ	إِبْرَاهِيمَ	Lawan bagi perkataan yang terletak selepas partikel <i>lā</i>
Pendepanan	{ إِيَّاكَ نَعْبُدُ }	إِيَّاكَ	Perkataan di awal ayat
Pengekhasan pesandar	زَيْدُ الشُّجَاعِ	زَيْدٌ	Perkataan yang tiada alif-lam generik
Kata ganti nama pemisah	{ وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْمَفْلِحُونَ }	أَوْلَئِكَ	Penyandar

### 2.5.2 Penggabungan dua tataqāṣar dalam satu ayat

Terdapat tataqāṣar yang boleh digabungkan bersama dalam satu ayat dan ada juga tataqāṣar yang tidak boleh digabungkan. Partikel *lā ‘aff*, contohnya tidak boleh digabungkan dengan penafian dengan pengecualian, contohnya "مَا جَاءَ إِلَّا زَيْدٌ لَا عَلِيٌّ" yang bermaksud "Tidak datang kecuali Zayd bukan Ali". Apabila dikatakan "مَا جَاءَ إِلَّا" , penafian sifat datang adalah umum meliputi semua orang selain daripada Zayd. Frasa "لَا عَلِيٌّ" pula menafikan Ali dari sifat datang. Hal ini menimbulkan pertentangan

makna kerana partikel *lā* tidak boleh digunakan untuk menafikan sesuatu yang telah dinafikan sebelumnya (al-Karmānīy, 2003: jld. 2, hlm. 507).

al-Jurjānīy (1981: hlm. 267) memberi hujah bahawa partikel *lā* hanya boleh menafikan sesuatu yang belum dinafikan lagi. Beliau memberi contoh "مَا جَاءَنِي أَحَدٌ لَا زَيْدٌ" yang bermaksud "Tidak mendatangiku sesiapa bukan Zayd" adalah salah. Ayat yang betul adalah kata kerja tidak didahului sebarang penafian seperti "جَاءَنِي أَحْمَدٌ لَا زَيْدٌ" yang bermaksud "Aku didatangi Ahmad bukan Zayd" atau "مَا جَاءَنِي أَحَدٌ وَلَا زَيْدٌ" yang bermaksud "Tidak mendatangiku sesiapa dan Zayd juga tidak mendatangiku". Namun dalam ayat "مَا جَاءَنِي أَحَدٌ وَلَا زَيْدٌ", partikel *lā* yang digabungkan dengan partikel *waw* tidak menjadi partikel 'af dan tidak membawa makna pengkhususan.

Manakala bagi tataqāsar lain seperti partikel *innamā*, pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah boleh digabungkan dengan partikel *lā* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.5.

Jadual 2.5: Tataqāṣar yang boleh bergabung dengan partikel *lā* dan yang tidak boleh bergabung dengannya.

Tataqāṣar yang boleh bergabung dengan partikel <i>lā</i>	Tataqāṣar yang tidak boleh bergabung dengan partikel <i>lā</i>
<p>1) Partikel <i>innamā</i> + partikel <i>lā</i> :</p> <p style="text-align: center;">إِنَّمَا زَيْدٌ كَرِيمٌ لَا شَجَاعٌ</p> <p>Maksudnya: “Zayd hanyalah pemurah, bukan berani”.</p>	<p>Penafian dengan pengecualian tidak boleh digabungkan dengan partikel <i>lā</i> :</p> <p style="text-align: center;">مَا جَاءَ إِلَّا زَيْدٌ لَا عَلِيٌّ</p> <p>Maksudnya: “Tidak datang kecuali Zayd, bukan Ali”.</p>
<p>2) Pendepanan + partikel <i>lā</i> :</p> <p style="text-align: center;">إِلَى اللَّهِ أَشْكُو لَا إِلَى النَّاسِ</p> <p>Maksudnya: “Hanya kepada Allah SWT aku mengadu, bukan kepada manusia”.</p>	
<p>3) Pengekhasan pesandar + partikel <i>lā</i> :</p> <p style="text-align: center;">زَيْدٌ الْكَرِيمُ لَا الْبَخِيلُ</p> <p>Maksudnya: “Zaydlah yang pemurah, bukan yang bakhil”.</p>	
<p>4) Kata ganti nama pemisah + partikel <i>lā</i> :</p> <p style="text-align: center;">مُحَمَّدٌ هُوَ الْجَوَادُ لَا الشُّجَاعُ</p> <p>Maksudnya: “Muhammadlah yang dermawan, bukan berani”.</p>	

Sekiranya dua tataqāṣar digabungkan dalam satu ayat, terdapat cara untuk menentukan kedudukan *maqṣūr‘alayh*. al-Jurjānīy (1981: hlm.265) mengatakan jika partikel *innamā* digabungkan dengan partikel *lā* seperti "إِنَّمَا هَذَا لَكَ لَا لِغَيْرِكَ" yang bermaksud “Hanya untukmu benda ini”, maka *maqṣūr‘alayh* ialah lawan kepada *ma‘tūf*. *Maqṣūr‘alayh* dalam ayat tadi ialah "لَكَ" (untukmu). Begitu juga dengan ayat "إِنَّمَا لَكَ" "إِنَّمَا لَكَ" yang bermaksud “Hanya benda ini untukmu bukan yang itu”. *Maqṣūr‘alayh* ialah lawan bagi *ma‘tūf* "ذَلِكَ" (itu) iaitu perkataan "هَذَا" (ini).

Namun Abū Mūsā (1987: hlm. 167) tidak menyetujui saranan al-Jurjānīy kerana ia bukan satu kaedah tetap yang sesuai untuk semua ayat dan tataqāsar lain. Kekeliruan mungkin timbul, contohnya ayat "إِنَّمَا لَكَ هَذَا لِغَيْرِكَ" yang bermaksud "Hanya benda ini untukmu bukan untuk orang lain". *Maqṣūr* 'alayh bagi partikel *innamā* pula ialah "هَذَا" (ini) dan *maqṣūr* 'alayh bagi partikel *lā* ialah "لَكَ" (untukmu). Kedudukan *maqṣūr* 'alayh bagi setiap tataqāsar adalah berbeza.

Dalam hal ini, Basyūnī (2008: hlm. 268) memberi saranan untuk membenarkan hanya satu tataqāsar yang berfungsi, manakala tataqāsar yang lain dibekukan. Contoh bagi gabungan partikel *innamā* dengan pendepanan ialah firman Allah SWT dalam ayat ke-40 dalam surah al-Ra'd :

فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلَاغُ وَعَلَيْنَا الْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Tanggungjawabmu hanyalah menyampaikan hukum-hukum yang Kami turunkan kepadamu dan urusan Kami menghitung dan membalas amal mereka.

Makna ayat tersebut adalah mengkhususkan tugas Nabi Muḥammad SAW dengan tugas penyampai risalah sahaja, bukan pemberi hidayah atau pemberi hukuman. Memandangkan makna ayat tersebut adalah "مَا عَلَيْكَ إِلَّا الْبَلَاغُ", maka *maqṣūr* 'alayh ialah "الْبَلَاغُ" (penyampai). Tataqāsar yang berfungsi ialah partikel *innamā* dan fungsi pendepanan telah dibekukan (Abū Mūsā, 1987: hlm. 168).

Contoh lain bagi gabungan partikel *innamā* dengan pendepanan ialah puisi al-Mutanabbī yang ditujukan kepada Sayf al-Dawlat :

أَجْزَنِي إِذَا أَنْشَدْتَ شِعْرًا فَإِنَّمَا      بِشِعْرِي أَتَاكَ الْمَادِحُونَ مُرَدِّدًا

Maksudnya: Izinkanlah aku sekiranya diperdengarkan padamu puisi, hanya ideaku dalam puisiku yang diulangi oleh para penyair lain ketika mereka ingin memujimu.

*Maqṣūr‘alayh* dalam puisi di atas ialah "بشعري" (dengan puisiku). Maksud puisi ialah para penyair akan mengulangi puisi al-Mutanabbī untuk memuji Sayf al-Dawlat kerana puisinya yang sempurna untuk tujuan memuji pembesar. Tataqāṣar yang berfungsi ialah pendepanan partikel *jarr* dan *majrūr* sedangkan partikel *innamā* tidak lagi berfungsi (Abū Mūsā, 1987: hlm. 167).

Cara terbaik untuk menentukan tataqāṣar yang berfungsi, menurut Basyūnī (2008: hlm. 269) adalah dengan memerhatikan ayat sebelum dan selepas ayat tersebut untuk memahami tujuan penggunaan pengkhususan dalam ayat tersebut.

### 2.5.3 Unsur perakuan dan unsur penafian

Unsur perakuan dan unsur penafian disebut dengan jelas dalam partikel *‘aff* sahaja seperti "شوقِي شاعرٌ لا خطيبٌ" yang bermaksud "Syawqi ialah penyair bukan pemedato". Sedangkan dalam semua tataqāṣar yang lain, hanya unsur perakuan yang disebut dengan jelas manakala unsur penafian adalah tersembunyi dan tersirat (Lāsyīn, 1976: hlm. 246; al-Hāsyimīy, 1994: hlm. 158). Menurut al-Taftāzānīy (2013: hlm. 394) dalam ayat penafian dengan pengecualian, hanya perkara yang diperakukan disebut dengan jelas, contohnya "مَا زَيْدٌ إِلَّا قَائِمٌ" yang bermaksud "Bukanlah Zayd kecuali berdiri". Perkara yang ingin diperakukan iaitu "sifat berdiri" (قَائِمٌ) adalah jelas sedangkan sifat lain yang ingin dinafikan seperti duduk misalnya adalah tersirat. Begitu juga pengkhususan dengan partikel *innamā*, pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah hanya menonjolkan unsur perakuan sedangkan unsur penafian adalah tersirat.

#### 2.5.4 Makna pengkhususan dihasilkan oleh tataqāṣar atau melalui struktur ayat

Menurut Lāsyīn (1976: hlm. 245) pengkhususan melalui pendepanan hanya dapat difahami (الفَحْوَى) setelah memerhatikan susunan perkataan dalam ayat. Seorang pengkaji mesti mempunyai citarasa yang tinggi terhadap keindahan bahasa bagi memahami jenis pendepanan. Manakala dalam gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā* dan partikel ‘*af*’ makna pengkhususan dihasilkan melalui kewujudan partikel itu sendiri (الْوَضْعُ). Ketiga-tiga partikel tersebut secara dasarnya mengandungi makna pengkhususan dalam semua jenis ayat dengan memerhatikan partikel tersebut. Namun bagi ayat yang mengandungi kaedah pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah, makna pengkhususan hanya dapat dikesan melalui pemahaman struktur ayat tersebut (Ibrāhīm al-Ḥanafīy, 2001: jld. 1, hlm. 551).

#### 2.5.5 Keistimewaan partikel *innamā* berbanding partikel ‘*af*’

Menurut ‘Awnī (1972: hlm. 92) antara keistimewaan partikel *innamā* ialah unsur perakuan dan penafian dapat dikesan sekaligus. Contohnya ayat "إِنَّمَا خَالِدٌ شُجَاعٌ" yang bermaksud “Khalid itu hanyalah berani” bermakna memperakukan Khalid dengan sifat berani dan menafikannya dari sifat yang lain pada masa yang sama. Namun bagi partikel ‘*af*’ unsur perakuan dan penafian dapat difahami melalui dua peringkat. Dalam ayat "خَالِدٌ" "شُجَاعٌ لَا جَبَانٌ" yang bermaksud “Khalid itu berani bukan pengecut”, unsur perakuan iaitu "خَالِدٌ شُجَاعٌ" (Khalid yang berani) difahami dahulu, kemudian difahami pula unsur penafian iaitu "لَا جَبَانٌ" (bukan pengecut). Partikel *innamā* lebih kuat menunjukkan makna pengkhususan kerana makna pengkhususan dapat dikesan dari awal ayat lagi. Sedangkan bagi partikel ‘*af*’ mungkin membawa maksud lain sekiranya ayat tidak disebut dengan lengkap.

### **2.5.6 Situasi yang sesuai untuk penggunaan partikel *innamā* penafian dengan pengecualian dan kata ganti nama pemisah**

Sarjana yang memulakan perbincangan mengenai situasi yang sesuai bagi penggunaan gaya penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā* adalah al-Jurjānīy. Partikel *innamā* dikatakan sesuai digunakan dalam situasi pendengar telah mengetahui sesuatu perkara, atau diandaikan mengetahui, untuk makna kepalingan dan untuk memberi bayangan terhadap makna lain. Gaya penafian dengan pengecualian pula sesuai digunakan dalam situasi pendengar yang ingkar, atau diandaikan ingkar dan pendengar yang tidak mengetahui sesuatu perkara.

Kata ganti nama pemisah pula digunakan dalam al-Qur'an al-Karim sekiranya terdapat dakwaan sesuatu perkara itu disandarkan kepada bukan Allah SWT.

Terdapat pandangan bahawa partikel *innamā* sering didatangkan sebagai jawapan kepada soalan sebelumnya.

Gaya penafian dengan pengecualian juga dikatakan boleh digunakan untuk menegaskan sesuatu maklumat dan menegaskan luahan perasaan penutur.

#### **2.5.6.1 Situasi yang sesuai untuk penggunaan partikel *innamā***

Kebiasaannya gaya penafian dengan pengecualian bersesuaian dengan perkara yang diingkari oleh pendengar sedangkan partikel *innamā* kebiasaannya bersesuaian dengan perkara yang telah diketahui oleh pendengar. Sarjana balaghah menyenaraikan situasi yang sesuai untuk partikel *innamā* iaitu :

a) Perkara yang telah diketahui oleh pendengar dan perkara itu diakui kebenarannya oleh pendengar, contohnya puisi al-Mutanabbī yang ditujukan kepada Kāfūr iaitu :

إِنَّمَا أَنْتَ وَالِدٌ وَالْأَبُ الْقَا طِعُ أَحْسَى مِنْ وَأَصِلِ الْأَبْنََاءِ

Maksudnya: Hanya engkaulah seorang ayah dan ayah yang memutuskan hubungan lebih disayangi dari ayah yang menyambung silaturrahim dengan anak-anaknya.

Puisi tersebut bukan bermaksud memberitahu Kāfūr bahawa dia adalah bapa kepada anaknya tetapi untuk mengingatkannya tentang tanggungjawabnya terhadap anaknya dan hak anaknya agar disayangi (Abū Mūsā, 1987: hlm. 149).

Contoh lain pula adalah ayat ke-2 dalam surah al-Anfāl, firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah SWT gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.

Ayat tersebut menjelaskan hanya mukmin sebenar akan meningkat keimanannya setelah membaca ayat al-Qur'an al-Karim dan mereka bertawakkal kepada Allah SWT (al-Zawba'iy, 1997: hlm. 389). Perkara tersebut adalah jelas dan diakui kebenarannya. Dalam situasi seperti ini, partikel *innamā* berfungsi untuk mengingatkan dan menarik perhatian pendengar.

b) Perkara yang diandaikan atau dianggap telah diketahui oleh pendengar dan diakui kebenarannya (يُنزَلُ الْمَجْهُولُ مَنْزِلَةَ الْمَعْلُومِ). Dalam erti kata lain partikel *innamā* digunakan pada situasi yang asalnya sesuai untuk gaya penafian dengan pengecualian iaitu perkara yang diingkari oleh pendengar. Dalam keadaan tersebut perkara yang diingkari itu diandaikan sama taraf dengan perkara yang telah diketahui oleh



pendengar. Contoh situasi itu adalah puisi ‘Abdullah bin Qays ketika memuji Muṣ‘ab  
iaitu :

إِنَّمَا مُصْعَبٌ شَهَابٌ مِنَ اللَّهِ — تَجَلَّتْ عَنْ وَجْهِهِ الظُّلَمَاءُ

Maksudnya: Muṣ‘ab hanyalah seperti bintang bersinar yang dikirim oleh Allah  
SWT yang menampakkannya wajahnya ketika malam yang gelap.

Penyair menggunakan partikel *innamā* kerana mengandaikan Muṣ‘ab layak  
memiliki sifat “sebagai kilat daripada Allah SWT”. al-Jurjānīy (1981: hlm. 255)  
menjelaskan menjadi kebiasaan penyair mendakwa orang yang dipuji masyhur dengan  
sesuatu sifat bahkan penyair akan berkhayal yang sifat itu diketahui umum dan mendakwa  
yang pujiannya adalah benar.

Contoh seterusnya adalah dalam ayat ke-11 dalam surah al-Baqarat, firman Allah  
SWT :

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya : Mereka menjawab: " Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya  
membuat kebaikan".

Apabila orang-orang Yahudi diperintahkan supaya tidak membuat kerosakan di  
dunia ini mereka menjawab: “Kami dikhususkan dengan sifat membuat kebaikan”.  
Partikel *innamā* digunakan kerana mereka mengandaikan diri mereka terkenal dengan  
sifat suka membuat kebaikan. Partikel *innamā* yang digunakan dalam situasi yang  
menyalahi kaedah asalnya telah berfungsi untuk menunjukkan makna kepalangan (al-  
Taftāzānīy, 2013: hlm. 399).

c) Untuk memberi bayangan atau isyarat secara tidak langsung terhadap makna yang  
sepatutnya difahami oleh pendengar, bukan makna zahir ayat. Makna sebenar ayat  
tersebut difahami mengikut konteks ayat. Penggunaan ayat dengan cara memberi  
bayangan terhadap makna lain ini dinamakan "التعريض" dalam ilmu balaghah (al-

Dusūqīy, 2002: jld. 2, hlm. 387). Perkataan "التَّعْرِيزُ" berasal dari kata kerja - عَرَضَ "عَرَضَ - يَعْرِضُ". Ayat "عَرَضَ لَهُ بِالْقَوْلِ" bermaksud "Tidak menjelaskan dan tidak berterus terang dalam percakapannya" (Anīs, Muntaṣir, al-Ṣawāliḥiy & Aḥmad, 1972: hlm. 623). Penggunaan "التَّعْرِيزُ" bukan bertujuan untuk memberitahu pendengar makna zahir ayat tetapi menegur pendengar secara halus dan sinis. Bagi seseorang yang malas mengulangkaji pelajarannya dikatakan kepadanya: "إِنَّمَا يَنَالُ الْعُلَا مَنِ اجْتَهَدَ" yang bermaksud "Hanya orang bersungguh-sungguh akan mencapai kegemilangan". Partikel *innamā* digunakan untuk memberi bayangan kepada pendengar mengenai sikapnya yang mengabaikan pelajaran dan menyedarkannya bahawa kejayaan tidak akan tercapai kecuali dengan kesungguhan.

Antara contoh memberi bayangan makna lain dari makna zahir ayat dengan penggunaan partikel *innamā* adalah ayat ke-19 dalam surah al-Ra'd, firman Allah SWT :

إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿١٩﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang mahu memikirkan hal itu hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Maksud ayat ini bukanlah untuk mengesahkan bahawa hanya orang yang berakal sahaja mahu berfikir. Namun ayat ini bertujuan untuk mencela orang-orang kafir yang berdegil untuk menerima kebenaran Islam dan tidak mahu berfikir untuk mencari kebenaran. Sikap mereka yang enggan berfikir menjadikan mereka seperti tidak mempunyai akal fikiran iaitu seperti haiwan (al-Taftāzānīy, 2013: hlm. 400).

Contoh seterusnya adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-45 dalam surah al-Nāzi'āt :

إِنَّمَا أَنْتَ مُنذِرٌ مَّن تَحْشَاهَا ﴿٤٥﴾

Maksudnya: Tugasmu hanyalah memberi amaran kepada orang yang takut akan huru-hara hari Qiamat itu.

Orang yang beriman dengan hari Qiamat akan merasa takut terhadap azab Allah SWT dan boleh diberi peringatan. Namun orang yang tidak mempercayai hari Qiamat tidak takut kepada azab Allah SWT dan tidak dapat memanfaatkan peringatan yang diberi kepada mereka. Berdakwah kepada orang yang sedemikian tidak berfaedah kerana keadaan mereka tetap serupa sama ada diberi peringatan atau tidak (al-Jurjānīy, 1981: hlm. 272).

d) Lāsyīn (1976: hlm. 256) menambah bahawa partikel *innamā* dalam al-Qur'an al-Karim kebiasaannya didatangkan sebagai jawapan kepada soalan sebelumnya, contohnya firman Allah SWT dalam ayat ke-187 dalam surah al-A'rāf :

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَلُهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي لَا يُجِيبُهَا لِوَقْتِهَا إِلَّا هُوَ ثَقُلَتْ فِي  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا تَأْتِيكُمْ إِلَّا بَغْتَةً ۗ يَسْأَلُونَكَ كَأَنَّكَ كَافٌّ عَنْهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ  
وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨٧﴾

Maksudnya: Mereka bertanya kepadamu (wahai Muḥammad) tentang hari Qiamat : "Bilakah masa datangnya?" katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada di sisi Tuhanku, tidak ada sesiapa pun yang dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan Dia. (huru-hara) hari Qiamat itu amatlah berat (menggerunkan makhluk-makhluk yang ada) di langit dan di bumi; ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mengejut", mereka bertanya kepadamu seolah-olah engkau sedia mengetahuinya, katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan mengenai hari Qiamat itu adalah di sisi Allah SWT, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".

### 2.5.6.2 Situasi yang sesuai untuk penggunaan gaya penafian dengan pengecualian

Sarjana balaghah berpendapat bahawa gaya penafian dengan pengecualian sesuai digunakan dalam situasi berikut :

- a) Membalas dakwaan pendengar terhadap perkara yang diingkari dan ditentangnya atau diragui kebenarannya (al-Jurjānīy, 1981: hlm. 256). Antara contoh situasi itu ialah firman Allah SWT dalam ayat ke-25 dalam surah al-An‘ām :

إِنَّ هَذَا إِلَّا أَسْطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: "Ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu".

Orang-orang kafir tidak mempercayai kandungan ayat al-Qur'an al-Karim dan menganggapnya sebagai cerita dongeng sahaja (Abū Mūsā, 1987: hlm. 104). Oleh itu gaya penafian dengan pengecualian digunakan bagi menunjukkan penentangan mereka.

Begitu juga firman Allah dalam ayat ke-26 dalam surah al-An‘ām :

وَإِنْ يُهْلِكُونَ إِلَّا أَنْفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: Padahal mereka hanyalah membinasakan diri sendiri (dengan azab yang disediakan untuk mereka di dunia dan di hari Akhirat), sedang mereka tidak menyedarinya.

Orang kafir enggan mendengar ayat-ayat al-Qur'an al-Karim bahkan menghalang orang ramai dari mendengarnya. Mereka menyangka tindakan itu dapat menghancurkan agama Islam. Gaya penafian dengan pengecualian berfungsi untuk menolak sekeras-kerasnya sangkaan mereka dan mengkhususkan bahawa kedegilan mereka hanya akan menghancurkan diri mereka sendiri (Basyūnī, 2008: hlm. 270).

b) Perkara yang telah diketahui dan diakui kebenarannya tetapi diandaikan yang pendengar tidak mengetahuinya dan menentangnya (يُنزِلُ الْمَعْلُومَ مِنْزِلَةَ الْمَجْهُولِ). Gaya penafian dengan pengecualian mungkin digunakan untuk situasi yang lebih sesuai untuk partikel *innamā*. Jika keadaan ini berlaku penafian dengan pengecualian mesti ditafsirkan mengikut ciri asalnya, iaitu pendengar menentang perkara tersebut (al-Karmānīy, 2003: jld. 2, hlm. 511). Contoh situasi ini adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-144 dalam surah Āli ‘Imrān :

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ ﴿١٤٤﴾

Maksudnya: Dan Muḥammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudah pun didahului oleh beberapa orang Rasul (yang telah mati atau terbunuh).

Para sahabat mengetahui bahawa RasūlalLāh SAW akan wafat seperti Rasul lain. Namun kewafatan baginda memberi tamparan hebat kepada para sahabat hinggakan mereka berada dalam situasi orang yang tidak mengetahui bahawa baginda hanyalah manusia yang tidak terlepas dari kematian. Para sahabat terlalu menyayangi baginda hinggakan mereka sukar mempercayai yang baginda telah wafat (al-Dusūqīy, 2002: jld. 2, hlm. 237).

Contoh seterusnya adalah firman Allah SWT dalam ayat ke-22 dan 23 dalam surah Fāṭir :

وَمَا أَنْتَ بِمُسْمِعٍ مَن فِي الْقُبُورِ ﴿٢٢﴾ إِنَّ أَنْتَ إِلَّا نَذِيرٌ ﴿٢٣﴾

Maksudnya: dan (engkau wahai Muḥammad) tidak dapat menjadikan orang-orang yang di dalam kubur mendengar (dan menerimanya). Engkau tidak lain hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran.

Kenyataan bahawa baginda adalah seorang utusan Allah SWT telah pun dimaklumi namun ayat ini mengingatkan baginda bahawa keupayaannya terhad sebagai seorang utusan Allah SWT sahaja. Allah SWT menegaskan hakikat tersebut kerana baginda terlalu membebankan diri dengan berdakwah kepada orang kafir yang terang-terangan menolak seruannya. Nabi Muḥammad SAW diandaikan berada dalam situasi yang menyamai orang yang menyangka mampu memberi hidayah kepada orang yang diserunya (al-Jurjānīy, 1981: 257).

- c) Menegaskan luahan perasaan penutur seperti yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah al-Anbiyā' dalam ayat ke-87 :

أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٧﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolonglah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri".

Munajat Nabi Yūnus AS kepada Allah SWT ini lahir dari jiwa yang terlalu menghayati dan menjiwai konsep *ulūhiyyat*. Bahkan pengkhususan tersebut menggambarkan luahan perasaan penutur yang mendalam terhadap sesuatu makna atau pegangan. Pengkhususan ini tidak bertujuan untuk menyangkal sebarang dakwaan pendengar tetapi menggambarkan keadaan penutur (Abū Mūsā, 1987: hlm. 207).

- d) Penegasan atau pengukuhan sesuatu maklumat. Situasi ini tidak berkaitan dengan keadaan pendengar atau keadaan penutur, contohnya ialah firman Allah dalam ayat ke-106 dalam surah al-An'ām :

اتَّبِعْ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: Ikutlah apa yang telah diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia.

Pengkhususan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan konsep tauhid kepada Rasulullah SAW dan orang-orang Islam (Abū Mūsā, 1987: hlm. 109).

Contoh lain juga ialah ḥadīth yang diriwayatkan oleh Muslim<sup>5</sup> (1991: jld.1, hlm. 204):

{ لَا تُقْبَلُ صَلَاةٌ بِغَيْرِ طَهْوَرٍ }


Maksudnya: “Tidak diterima solat kecuali dalam keadaan suci”.

Ḥadīth ini ingin menegaskan bahawa keadaan bersuci adalah salah satu syarat sah solat. Syarat ini difokuskan dalam ḥadīth kerana kepentingannya dan keutamaannya berbanding dengan syarat lain.

Segala contoh situasi yang disebutkan sebelum ini adalah berdasarkan kepada contoh yang khusus mengikut tafsiran konteks ayat tersebut. Abū Mūsā (1987: hlm. 148) telah memberi perbezaan yang terperinci dalam penggunaan penafian dengan pengecualian dengan partikel *innamā* yang meliputi semua contoh secara am dalam Rajah 2.7 di bawah.

---

<sup>5</sup>) Ḥadīth riwayat ‘Abdullah bin ‘Umar ini didapati dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, kitab al-Ṭahārat, ḥadīth no. 224.



Rajah 2.7: Perbezaan penggunaan gaya penafian dengan pengecualian dengan partikel

*innamā*.

### 2.5.7 Pengkhususan dalam semua ayat atau kebanyakan ayat

Gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā* dan partikel *‘aff* menunjukkan makna pengkhususan dalam semua ayat. Sedangkan kaedah pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah menunjukkan makna pengkhususan dalam kebanyakan ayat, bukan semua ayat.

Kaedah pendepanan yang tidak bertujuan untuk pengkhususan kemungkinan bertujuan untuk menegaskan, menarik minat, penghormatan dan sebagainya (al-Hāsyimīy, 1994: hlm. 129). Pengekhasan pesandar yang tidak bertujuan untuk pengkhususan pula kemungkinan bertujuan untuk menunjukkan jenis, semua, satu individu secara rawak dan sebagainya (al-Hāsyimīy, 1994: hlm. 112). Kata ganti nama pemisah yang tidak bertujuan untuk pengkhususan pula digunakan untuk membezakan antara predikat dengan sifat (al-Hāsyimīy, 1994: hlm. 137).



### 2.5.8 Perubahan pada kata ganti sambung

Sekiranya *maqṣūr‘alayh* adalah kata ganti sambung, maka ia hendaklah dipisahkan dari pengubah fleksinya (‘Abbās Ḥasan, 1995: jld. 1, hlm. 277). Syarat ini dikenakan kepada penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, partikel *lā* dan pendepanan. Namun syarat ini tidak dikenakan kepada tataqāṣar yang lain.

Ayat yang mengandung kata kerja dan kata ganti sambung adalah seperti "أُحِبُّكَ" yang bermaksud "Saya menyayangi awak". Sekiranya *maqṣūr‘alayh* adalah kata ganti sambung "كَ", maka ia hendaklah dipisahkan dari kata kerja dan diubah kepada kata ganti *manṣūb* "إِيَّاكَ". Penggunaan "إِيَّاكَ" dalam ayat yang mengandung penafian dengan pengecualian, partikel *innamā* dan partikel *lā* seperti berikut : "إِنَّمَا أُحِبُّ لَّا أُحِبُّ إِلَّا إِيَّاكَ" "أُحِبُّ إِيَّاكَ" dan "أُحِبُّ إِيَّاكَ لَا غَيْرَكَ"; ketiga-tiga ayat tersebut bermaksud "Hanya awaklah yang saya sayangi".

Contoh seterusnya adalah ayat "إِنَّا الْأَبْرَارُ" yang bermaksud " Sesungguhnya kami adalah pahlawan". Sekiranya perkataan " الْأَبْرَارُ " didepankan, ayat tersebut menjadi : "إِنَّا الْأَبْرَارُ نَحْنُ" yang bermaksud " Sesungguhnya kamilah pahlawan". Kata ganti sambung "نَا" hendaklah dipisahkan dari partikel *inna* dan diubah kepada kata ganti sambung iaitu "نَحْنُ".

### 2.6 Bentuk Struktur Ayat Yang Boleh Mewujudkan Pengkhususan

Gaya bahasa pengkhususan dapat dihasilkan dalam ayat namaan ataupun ayat kerjaan. Bentuk struktur ayat yang boleh mewujudkan pengkhususan ditentukan melalui kata tugas nahu. al-Sakkākiy (2000: hlm. 408) menjelaskan bahawa pengkhususan boleh berlaku antara subjek dengan predikat, antara pelaku dengan objek dan dalam pelengkap kata kerja. Sesuatu ayat yang mengandung pengkhususan hendaklah

mengkhususkan *maqṣūr* dengan *maqṣūr ‘alayh*. Dalam erti kata lain *maqṣūr* dan *maqṣūr ‘alayh* kebiasaannya terdiri daripada dua komponen berikut :

- a) Subjek dengan predikat seperti : " مَا زَيْدٌ إِلَّا قَائِمٌ " yang bermaksud “Bukanlah Zayd kecuali sedang berdiri”.
- b) Kata kerja dengan pelaku seperti : " لَا يَفُوزُ إِلَّا الْمُجِدُّ " yang bermaksud “Tidak akan berjaya kecuali orang yang berusaha”.
- c) Pelaku dengan objek seperti : " مَا أَكْرَمَ زَيْدٌ إِلَّا الْمُجِدُّ " yang bermaksud “Zayd tidak memuliakan kecuali orang yang berusaha”.
- d) Objek dengan pelaku seperti : " مَا أَكْرَمَ الْمُجِدُّ إِلَّا زَيْدٌ " yang bermaksud “ Tidak dimuliakan orang yang berusaha kecuali Zaydlah yang memuliakannya”.
- e) Objek pertama dengan objek kedua seperti : " مَا كَسَوْتُ زَيْدًا إِلَّا جُبَّةً " yang bermaksud “ Aku tidak memakaikan Zayd kecuali sehelai jubah”.
- f) Objek kedua dengan objek pertama seperti : " مَا كَسَوْتُ جُبَّةً إِلَّا زَيْدًا " yang bermaksud “Tidak kupakaikan jubah itu kecuali kepada Zayd”.
- g) Empunya *ḥāl* dengan *ḥāl* seperti : " مَا جَاءَ زَيْدٌ إِلَّا رَاكِبًا " yang bermaksud “Tidak datang Zayd kecuali dalam keadaan menunggang”.
- h) *Ḥāl* dengan empunya *ḥāl* seperti : " مَا جَاءَ رَاكِبًا إِلَّا زَيْدٌ " yang bermaksud “Tiada yang datang dalam keadaan menunggang kecuali Zayd”.
- i) Pelaku dengan *jārr* dan *majrūr* seperti : " مَا نَظَرَ الطَّالِبُ إِلَّا إِلَى السُّبُورَةِ " yang bermaksud “Tidak memandang pelajar itu kecuali ke arah papan hitam”.
- j) *Badal* dengan *mubdal minh* seperti : " مَا حَفِظْتُ الدَّرْسَ إِلَّا مُقَدِّمَتَهُ " yang bermaksud “Aku tidak menghafal pelajaranku kecuali permulaannya”.

- k) *Ism inna* dengan *khavar inna* atau *ism kāna* dengan *khavar kāna* seperti : **إِنَّ** **زَيْدًا هُوَ الْكَرِيمُ** yang bermaksud “Sesungguhnya Zayd dialah yang mulia”.

Struktur ayat yang tidak boleh mewujudkan pengkhususan adalah antara kata nama penguat dengan kata kerja dan antara kata nama pengiring dengan kata kerja, maka tidak boleh dikatakan misalnya : **مَا ضَرَبْتُ إِلَّا ضَرْبًا** atau **مَا سِرْتُ إِلَّا وَالنَّيْلَ** (Lāsyīn, 1976: hlm. 257; al-Jundīy, 1962: hlm. 128).

## 2.7 Cara Penggunaan Pengkhususan Yang Betul

Dalam usaha untuk menggunakan pengkhususan dengan betul dalam sesuatu ayat, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian iaitu :

### 2.7.1 Menentukan fokus pengkhususan

Fokus pengkhususan (*maqṣūr‘alayh*) perlu ditentukan terlebih dahulu sebelum membina ayat. Misalnya jika orang yang menerima anugerah ingin difokuskan kepada Fatimah, maka dalam ayat yang mengandungi gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā* dan partikel ‘*af*, perkataan “Fatimah” hendaklah diletak di akhir ayat (Faḍl Ḥasan ‘Abbās, 1989: hlm. 381). Penggunaan gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā* dan partikel ‘*af* dalam ayat yang betul adalah :

- a) **لَا تَنَالُ الْجَائِزَةَ إِلَّا فَاطِمَةٌ** yang bermaksud “Tidak menerima anugerah itu kecuali Fatimah”.
- b) **إِنَّمَا تَنَالُ الْجَائِزَةَ فَاطِمَةٌ** yang bermaksud “Hanya Fatimah yang menerima anugerah itu”.

c) لَا تَنَالُ الْجَائِزَةَ زَيْنَبُ لَكِنْ فَاطِمَةٌ " yang bermaksud “Bukan Zaynab yang menerima anugerah itu tetapi Fatimah”.

Namun ketika menggunakan kaedah pendepanan, pengekahasan pesandar dan kata ganti nama pemisah, perkataan “Fatimah” hendaklah diletak di awal ayat. Contoh penggunaan yang betul bagi kaedah tersebut ialah :

a) فَاطِمَةٌ تَنَالُ الْجَائِزَةَ " yang bermaksud “Fatimahlah yang menerima anugerah itu”.

b) فَاطِمَةٌ هِيَ النَّائِلَةُ بِالْجَائِزَةِ " yang bermaksud “ Fatimah dialah yang menerima anugerah itu”.

### 2.7.2 Memilih tataqashar yang sesuai

Kesesuaian pemilihan tataqashar adalah mengikut jenis sesuatu ayat. Gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, partikel ‘*atf* dan pendepanan adalah fleksibel dengan semua jenis ayat kerjaan dan ayat namaan. Satu contoh bagi ayat kerjaan ialah " يُعْرِفُ الصَّدِيقُ عِنْدَ الْبَلَاءِ " yang bermaksud “Kawan sejati dapat dikenali ketika dalam kesusahan”. Ayat tersebut boleh menggunakan keempat-empat jenis tataqashar tersebut, misalnya :

a) لَا يُعْرِفُ الصَّدِيقُ إِلَّا عِنْدَ الْبَلَاءِ " yang bermaksud “Tidak dikenali kawan sejati kecuali ketika dalam kesusahan”.

b) إِنَّمَا يُعْرِفُ الصَّدِيقُ عِنْدَ الْبَلَاءِ " yang bermaksud “Hanya ketika dalam kesusahan dapat dikenali kawan sejati”.

c) يُعْرِفُ الصَّدِيقُ عِنْدَ الْبَلَاءِ لَا عِنْدَ الرَّخَاءِ " yang bermaksud “Kawan sejati dapat dikenali ketika dalam kesusahan, bukan ketika dalam kesenangan”.

- d) "عِنْدَ الْبَلَاءِ يُعْرِفُ الصَّدِيقَ" yang bermaksud "Ketika dalam kesusahanlah dapat dikenali kawan sejati".

Walau bagaimana pun ayat tersebut tidak sesuai digunakan dengan kaedah pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah kerana akan menghasilkan struktur ayat yang bercanggah dengan kaedah ilmu nahu. Kebiasaannya kata ganti nama pemisah diletak antara subjek dengan predikat. Alif-lam generik pula selalunya digabungkan dengan pesandar yang merupakan predikat. Contoh penggunaan kaedah pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah dalam ayat namaan ialah seperti "فَاطِمَةُ هِيَ تَنَالُ الْجَائِزَةَ" yang bermaksud "Fatimah dialah yang menerima anugerah" atau "اللَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ" yang bermaksud "Allah SWT Dia-lah jua yang Maha Mengetahui perkara ghaib".

Satu contoh ayat namaan adalah "فَاطِمَةُ فِي الْحُجْرَةِ" yang bermaksud "Fatimahlah di dalam bilik". Ayat tersebut boleh dikhususkan dengan gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, partikel 'af dan pendepanan seperti ayat berikut :

- a) "لَيْسَتْ فَاطِمَةُ إِلَّا فِي الْحُجْرَةِ" yang bermaksud "Tidaklah Fatimah kecuali (berada) di dalam bilik".
- b) "إِنَّمَا فَاطِمَةُ فِي الْحُجْرَةِ" yang bermaksud "Fatimah hanya berada di dalam bilik".
- c) "فَاطِمَةُ فِي الْحُجْرَةِ لَا فِي الْمَطْبَخِ" yang bermaksud "Fatimah di dalam bilik, bukan di dapur".
- d) "فِي الْحُجْرَةِ فَاطِمَةُ" yang bermaksud "Di dalam biliklah Fatimah".

Kaedah pendepanan pula sesuai digunakan dalam ayat namaan, seperti "أَنْتَ نَجَحْتَ" yang bermaksud "Engkaulah yang telah berjaya" dan "قَائِمٌ زَيْدٌ" yang bermaksud "Sedang berdirilah Zayd". Kaedah pendepanan juga sesuai digunakan dalam ayat kerjaan sebelum sebahagian komponen ayat tersebut didepankan. Antara contoh ayat kerjaan yang mengalami pendepanan ialah :

- a) "تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ" yang bermaksud "Aku bertawakkal kepada Allah SWT". Jika *jārr* dan *majrūr* dalam ayat tersebut didepankan, maka ayat akan menjadi "عَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْتُ" yang bermaksud "Hanya kepada Allah SWT jua aku bertawakkal".
- b) "أَكْرَمْتُ الْمُجْتَهِدَ" yang bermaksud "Aku memuliakan orang yang rajin". Jika objek dalam ayat tersebut didepankan, maka ayat akan menjadi: "الْمُجْتَهِدَ أَكْرَمْتُ" yang bermaksud "Orang yang rajinlah aku muliakan".
- c) "يَعْلَمُ اللَّهُ الْغَيْبَ" yang bermaksud "Allah SWT mengetahui perkara ghaib". Jika pelaku yang merupakan pesandar dalam ayat tersebut didepankan, maka ayat akan menjadi "اللَّهُ يَعْلَمُ الْغَيْبَ" yang bermaksud "Hanya Allah SWT jua yang mengetahui perkara ghaib".

Kesimpulannya, gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, partikel 'af dan pendepanan sesuai digunakan dalam semua jenis ayat bahasa Arab sedangkan kaedah pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah sesuai digunakan dalam ayat namaan sahaja.

### 2.7.3 Menepati kaedah ilmu nahu

Sesuatu ayat dianggap betul jika memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh ilmu nahu bagi setiap tataqāṣar. Antara contoh kaedah yang perlu diikuti ialah memisahkan kata ganti diri dari kata kerja dalam ayat yang mengandungi partikel *innamā* seperti "إِنَّمَا يُدَافِعُ عَنْ أَحْسَابِهِمْ أَنَا". Contoh lain pula ialah tidak dibenarkan menggabungkan partikel *lā* dengan gaya penafian dengan pengecualian kerana berlaku penafian sebanyak dua kali seperti "مَا زَيْدٌ إِلَّا قَائِمٌ لَا قَاعِدٌ". Kegagalan menepati kaedah ilmu nahu ini akan menghasilkan ayat pengkhususan yang pincang dan salah.

Penghasilan ayat pengkhususan yang baik bergantung kepada makna yang ingin disampaikan oleh penutur melalui pengkhususan itu, pemilihan tataqāṣar yang sesuai dan mematuhi kaedah ilmu nahu dalam membina ayat. Aspek makna adalah aspek yang berkaitan dengan ilmu balaghah manakala aspek tataqāṣar dan membina ayat yang betul adalah aspek yang berkaitan dengan ilmu nahu.

## 2.8 Tujuan Penggunaan Pengkhususan

‘Abdul-Raof (2006: hlm. 175) dan al-Hāsyimīy (1994: hlm. 159) menyenaraikan beberapa tujuan penggunaan pengkhususan dalam percakapan, contohnya :

- a) Mengesahkan sesuatu idea dan mengukuhkannya dalam minda pendengar yang menentang idea tersebut seperti dalam ayat "مَا زَيْدٌ إِلَّا مُصِيبٌ" yang bermaksud “Tidaklah Zayd itu kecuali betul”. Sedangkan ayat yang tidak mengandungi pengkhususan seperti "زَيْدٌ مُصِيبٌ" yang bermaksud “Zayd itu betul” tidak dapat memberi pengesahan tentang sifat Zayd kepada pendengar yang mengingkari idea itu.
- b) Menunjukkan makna kepalingan seperti puisi yang berbunyi :

لَا سَيْفٌ إِلَّا ذُو الْفِقَارِ      وَلَا فَتَىٰ إِلَّا عَلِيٌّ

Maksudnya: Tiada pedang yang hebat kecuali pedang *Dhūlfiqār* dan tiada yang layak digelar pemuda kecuali Ali.

- c) Memberi bayangan terhadap makna lain atau memaklumkan sesuatu perkara secara kiasan kepada pendengar (التعريض) seperti ayat "إِنَّمَا الصَّادِقُ عِنْدَ الضَّيِّقِ" yang bermaksud “Kawan sebenar hanyalah yang membantu ketika kesusahan”. Penggunaan partikel *innamā* dalam ayat itu membayangkan kepada pendengar bahawa dia bukanlah kawan yang sebenar.

- d) Menyampaikan sesuatu idea secara ringkas dan jelas. Contohnya ayat "مَا أَتَّصَرَ إِلَّا الْقَوِيُّ" yang bermaksud "Hanya yang kuat akan menang" adalah lebih padat dan berkesan berbanding ayat biasa "أَتَّصَرَ الْقَوِيُّ وَلَمْ يَتَّصِرِ الضَّعِيفُ" yang bermaksud "Yang kuat telah menang dan yang lemah tidak menang".

## 2.9 Penutup

Dalam bab ini didapati definisi pengkhususan menurut bahasa adalah berkait rapat dengan definisi dari sudut istilah iaitu bermaksud menghadkan dan membataskan. Istilah *al-qaṣr*, *al-ḥaṣr* dan *al-ikhtisāṣ* membawa maksud yang sama dalam ilmu balaghah iaitu pengkhususan. Tiada perbezaan makna antara ketiga-tiga istilah tersebut.

Perbincangan mengenai gaya bahasa pengkhususan telah dibincangkan oleh sarjana nahu secara ringkas dan umum. Seterusnya sarjana balaghah telah mengembangkan perbincangan tersebut dengan lebih mendalam.

Komponen asas pengkhususan pula terdiri daripada *maqṣūr* dan *maqṣūr 'alayh*. Pengkhususan boleh berlaku antara subjek dengan predikat, pelaku dengan objek serta dalam pelengkap kata kerja.

Pembahagian pengkhususan terbahagi kepada tiga kategori. Jenis pengkhususan yang menafikan semua perkara adalah hakiki dan yang menafikan perkara yang khusus adalah *idāfīy*. Jenis hakiki pula terbahagi kepada *taḥqīqīy* dan *iddi 'ā'īy*. Pengkhususan mengikut tahap penerimaan pendengar terbahagi kepada *qalbi*, *ifrād* dan penentuan. Pengkhususan mengikut keadaan *maqṣūr* dan *maqṣūr 'alayh* dapat dibahagikan kepada sifat-mawṣūf atau mawṣūf-sifat.



Terdapat enam jenis tataqashar iaitu gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, partikel *'af*, pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah.

Penggunaan pengkhususan yang betul perlulah mengambil berat tiga perkara iaitu menentukan kedudukan *maqshūr 'alayh* yang betul, memilih tataqashar yang sesuai dengan struktur ayat dan membentuk ayat yang menepati kaedah nahu.

Perbezaan setiap tataqashar dengan yang lain adalah pada kedudukan *maqshūr 'alayh*, unsur perakuan dan unsur penafian yang tersirat atau tersurat, gabungan antara dua tataqashar, situasi penggunaannya, makna pengkhususan dihasilkan oleh partikel atau pemahaman ayat, pengkhususan dalam semua ayat atau kebanyakan ayat dan perubahan yang berlaku pada kata ganti sambung.

Manakala tujuan penggunaan pengkhususan ialah untuk mengesahkan, kepalingan, memberi bayangan terhadap makna lain dan meringkaskan idea.

## BAB 3

### PENGENALAN SURAH HŪD SERTA KONSEP SITUASI DAN TUJUAN

#### 3.0 Pendahuluan

Bab tiga mengandungi pengenalan surah Hūd, kebanyakannya, perbincangan konsep situasi dan tujuan dalam bahasa Arab, penggunaan istilah situasi dan tujuan dalam kajian ini dan penerangan analisis surah Hūd kepada jenis hakiki dan jenis *iḍāfīy*.

#### 3.1 Pengenalan Surah Hūd

Surah Hūd merupakan surah ke-11 dalam al-Qur'an al-Karim dan mengandungi 123 ayat. Surah ini diturunkan selepas surah Yūnus dan al-Isrā'. Menurut Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 118) surah ini adalah *Makkīyyat* kecuali ayat ke-12, 17 dan 114 yang diturunkan di Madinah. Namun Sayyid Quṭb (1988: jld. 4, hlm. 1839) berpendapat bahawa ketiga-tiga ayat tersebut adalah *Makkīyyat* kerana berkisar tentang isu aqidah yang memang sinonim dengan surah *Makkīyyat*. Surah ini diturunkan semasa RasūlulLāh SAW bersedih dengan kehilangan orang yang dikasihinya iaitu isterinya Khadijah (r.a.) dan bapa saudaranya Abū Ṭālib. Setelah kematian Abū Ṭālib, orang kafir Quraisy semakin berani menunjukkan penentangan mereka terhadap RasūlulLāh SAW dan mula menyakiti baginda secara mental dan fizikal. Dalam tempoh itu gerakan dakwah baginda berdepan dengan pelbagai tohmahan dan penindasan. Surah Hūd diturunkan dalam suasana yang sukar dan tertekan buat baginda dan kaum muslimin.

Kesinambungan surah ini dengan surah sebelumnya iaitu Yūnus terletak kepada kisah Nabi Nūḥ AS yang diceritakan secara ringkas dalam surah Yūnus, maka lanjutan

kisah tersebut diperincikan dalam surah Hūd. Kisah Nabi Nūḥ AS dalam surah Hūd tidak menyerupai kisah yang terkandung dalam surah al-A‘rāf dan Nūḥ. Permulaan surah Hūd juga agak sinonim dengan permulaan surah Yūnus (al-Alūsīy, 1994: jld. 11, hlm. 297), firman Allah SWT dalam ayat pertama dalam surah Yūnus :

الرَّ تِلْكَ ءَايَاتُ الْكِتَابِ الْحَكِيمِ ﴿١﴾

Maksudnya: Alif laam raa. Inilah ayat-ayat al-Qur’an al-Karim yang mengandungi hikmah.

Seterusnya firman Allah SWT dalam ayat pertama dalam surah Hūd :

الرَّ كِتَابٌ أَحْكَمْتُ ءَايَاتُهُ ﴿١﴾

Maksudnya: Alif laam raa. (Inilah) suatu kitab yang ayat-ayat-Nya disusun dengan rapi serta dijelaskan secara terperinci.

Secara amnya kandungan utama surah ini ialah memaparkan sejarah perjuangan menegakkan aqidah Islam semenjak dari zaman Nabi Nūḥ AS hinggalah ke zaman RasūlulLāh SAW. Menurut Sayyid Quṭb (1988: jld. 4, hlm. 1844) paparan sejarah perjuangan para Rasul itu adalah melalui medium kisah, dan paparan tersebut berteraskan kepada tiga perkara berikut :

- a) Konsep ‘*ubūdīyyat* kepada Allah SWT dengan tunduk dan menyerah diri kepada-Nya dalam segala urusan kehidupan. Dakwah yang disampaikan oleh semua Rasul adalah berpaksikan asas yang sama iaitu mengabdikan diri kepada Allah SWT. Konsep ‘*ubūdīyyat* itu pula hanya boleh difahami melalui perantaraan para Rasul yang menyampaikannya kepada manusia.
- b) Proses menyemai konsep ‘*ubūdīyyat* dalam jiwa manusia. Surah Hūd mengandungi gesaan berbuat kebaikan dan ancaman dengan azab neraka, reaksi orang kafir yang

mencabar disegerakan azab, gambaran kejadian hari Qiamat. Malahan keluasan ilmu Allah SWT yang mengetahui niat tersembunyi orang kafir serta reaksi para Nabi yang bersabar dengan kaum mereka turut dipaparkan.

Ulasan terhadap kisah umat terdahulu yang memaklumkan RasūlulLāh SAW bahawa walaupun baginda ditentang dengan hebat namun baginda akan memperolehi kemenangan. Malah baginda dikehendaki menjauhkan diri dari orang kafir seperti yang dilakukan oleh Rasul-rasul sebelumnya. Kisah umat terdahulu juga menunjukkan bahawa Allah SWT tidak menzalimi manusia namun mereka yang memilih kesesatan menyebabkan mereka dimusnahkan dengan azab di dunia ini.

Surah ini mengandungi kisah para Nabi yang berhadapan dengan penentangan dengan kaum mereka seperti Nabi Nūḥ AS, Nabi Hūd AS, Nabi Ṣāliḥ AS, Nabi Lūṭ AS, Nabi Syu‘ayb dan sedikit kisah Nabi Mūsā AS dengan Fir’aun. Antara objektif surah ini ialah :

- a) Memantapkan pegangan RasūlulLāh SAW dan sahabatnya dengan kebenaran Islam.
- b) Menghiburkan hati baginda.

### **3.2 Kelebihan Surah Hūd**

Antara keistimewaan surah Hūd ialah kandungan surah tersebut yang amat memberi kesan kepada jiwa RasūlulLāh SAW. Dalam ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū Bakr al-Ṣiddīq (r.a.) beliau melihat RasūlulLāh SAW mula beruban, lalu bertanya apakah yang membuatkan baginda beruban, maka RasūlulLāh SAW bersabda sebuah Ḥadīth (al-Tirmidhīy, 2009: jld. 5, hlm. 489) :

{شَيْبَتِي هُودَ وَالْوَاقِعَةَ وَعَمَّ يَتَسَاءَلُونَ وَإِذَا الشَّمْسُ كُوِّرَتْ<sup>6</sup>}

Maksudnya: Surah Hūd, al-Wāqī‘at, al-Naba’ dan al-Syams menjadikan aku beruban.

al-Qurṭubīy (1993: jld. 9, hlm. 3) menceritakan bahawa ayat yang memberi kesan kepada jiwa baginda ialah ayat ke-112, firman Allah SWT :

فَأَسْتَقِمَّ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطَّغَوْا<sup>7</sup>

Maksudnya: Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muḥammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutmu berbuat demikian; dan janganlah kamu melampaui batas (hukum-hukum Allah) SWT.

al-Bayḍāwīy (1988: jld. 1, hlm. 474) turut menceritakan ganjaran bagi orang yang membaca surah ini berdasarkan sebuah ḥadīth, sabda RasūlulLāh SAW<sup>7</sup> :

{مَنْ قَرَأَ سُورَةَ هُودٍ أُعْطِيَ مِنَ الْأَجْرِ عَشْرَ حَسَنَاتٍ بَعْدَ مَنْ صَدَّقَ بِهُودٍ وَكَذَّبَ بِهِ وَنُوحٍ وَشُعَيْبٍ وَصَالِحٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَكَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عِنْدَ اللَّهِ مِنَ السَّعْدَاءِ}

Maksudnya: Sesiapa yang membaca surah Hūd akan diberi pahala sepuluh kebaikan mengikut bilangan orang yang beriman dengan Nabi Hūd dan orang yang menentangnya, begitu jugalah dengan Nabi Nūḥ, Ṣāliḥ, Syu‘ayb dan Ibrāhīm AS. Orang yang membaca surah itu termasuk dalam golongan orang bahagia di sisi Allah SWT pada hari Qiamat nanti.

<sup>6</sup>) Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās, bab “Abwāb Tafsīr al-Qur’ān”, no. 3581.

<sup>7</sup>) Ḥadīth ini juga didapati dalam kitab “al-Amālī” karangan al-Syajarīy (1983: jld. 1, hlm. 94).

### 3.3 Situasi Pengujaran dan Tujuan Pengkhususan Dalam Surah Hūd

Maksud bagi istilah “situasi” dan “tujuan” yang digunakan dalam menganalisis surah Hūd perlu diperjelaskan memandangkan penggunaan kedua-duanya dengan makna yang hampir sama dalam kalangan sarjana balaghah silam. Penulis juga perlu menerangkan panduan yang menjadi rujukan penulis dalam menentukan kategori situasi pengujaran dan tujuan pengkhususan dalam bahagian analisis.

#### 3.3.1 Definisi situasi dan tujuan dari sudut bahasa

Perkataan “situasi” menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud “keadaan, kedudukan atau suasana sesuatu perkara” (Noresah Baharom et al., 2007 : hlm. 1508). Perkataan “tujuan” bermaksud “arah, hala, haluan, maksud, matlamat atau tuntutan” (Noresah Baharom et al., 2007 : hlm. 1724).

Perkataan “situasi” dalam bahasa Arab dikenali sebagai "المَقَامُ", "الحَالُ" dan "السِّيَاقُ". Perkataan "المَقَامُ" berasal dari kata kerja "قَامَ" yang bermaksud berdiri, menjadi saksama, tetap, melaksanakan dan sebagainya. Antara maksud "المَقَامُ" ialah tempat letak dua tapak kaki, majlis dan sekumpulan manusia (Anīs, Muntaṣir, al-Ṣawālīḥīy & Aḥmad, 1972: hlm. 803).

Perkataan "الحَالُ" berasal dari kata kerja "حَالَ - يَحُولُ" yang berkisar mengenai bergerak, tempoh setahun, bertukar dan melompat. Dalam istilah balaghah "الحَالُ" bermaksud perkara tertentu yang mencetuskan pengucapan sesuatu ungkapan (Anīs, Muntaṣir, al-Ṣawālīḥīy & Aḥmad, 1972: hlm. 230).

Perkataan "السِّيَاقُ" berasal dari kata kerja "سَاقَ - يَسُوقُ" yang bermaksud memacu haiwan tunggangan, memandu, mengirim dan yang mempunyai betis yang besar (Aḥmad b. Fāris, 1994: hlm. 498).

Perkataan "الغَرَضُ" yang merupakan "tujuan" dalam bahasa Melayu berasal dari kata kerja "أَغْرَضَ - يُغْرِضُ الرَّجُلُ" yang bermaksud seorang lelaki itu menjadikan kata-katanya dan perbuatannya mempunyai tujuan tertentu (Anīs, Muntaṣir, al-Ṣawālīhiy & Aḥmad, 1972: hlm. 681).

### 3.3.2 Konsep situasi dan tujuan dalam bahasa Arab

Perkataan "situasi" digunakan dalam bahasa Arab khususnya dalam ilmu balaghah untuk istilah berikut iaitu "المَقَامُ" (situasi), "الحَالُ" (keadaan), "مُقْتَضَى الحَالِ" (mengikut keperluan keadaan), "خِلَافُ مُقْتَضَى الظَّاهِرِ" (penyimpangan dari situasi zahir) dan "الحَالُ" "المُشَاهَدَةُ" (keadaan peristiwa). Semua istilah tersebut digunakan oleh sarjana balaghah terawal untuk menggambarkan makna "السِّيَاقُ" yang bermaksud "konteks" menurut perspektif ilmu semantik (Za'tūt, 2011: hlm. 165).

Konsep situasi dan konteks sesuatu ayat telah lama mendapat perhatian sarjana balaghah, antaranya al-Jāḥiẓ (1995: jld. 1, hlm. 93) yang mendapati bahawa setiap percakapan mengandungi makna yang berbeza dan sesuatu perkataan boleh menghasilkan berbagai makna. Malahan al-Jāḥiẓ menerangkan kepentingan untuk mempertimbangkan situasi, kedudukan dan persekitaran pendengar ketika berkomunikasi.

al-Qazwīnīy (1999: jld. 1, hlm. 86) pula menggunakan istilah "المَقَامُ" ketika menjelaskan bahawa situasi setiap pengucapan adalah berbeza, contohnya situasi penggunaan pendepanan berlainan dari situasi pengakhiran, dan situasi *al-ġāz* berlainan

dari situasi *al-Iṭnāb*. al-Sakkākīy (2000: hlm. 168) pula menamakan pengucapan yang selaras dengan sesuatu situasi sebagai "مُقْتَضَى الْحَالِ".

al-Taftāzānīy (2013: hlm. 169) pula menggunakan istilah "الْحَالُ" yang membawa maksud "situasi". al-Taftāzānīy menjelaskan bahawa keadaan pendengar yang mengingkari sesuatu perkara adalah satu contoh "الْحَالُ", maka ungkapan yang diperlukan menurut keadaan tersebut atau "مُقْتَضَى الْحَالِ" adalah penegasan. Perbahasan ilmu *ma'ānī*, contohnya, haruslah mempertimbangkan penutur, pendengar dan situasi untuk memahami jenis ayat dan maksud tersirat yang terdapat padanya (Mohd. Zaki & Che Radiah, 2013: hlm. 4).

Perbahasan mengenai situasi dalam kalangan sarjana balaghah adalah secara umum dan dapat dikenal pasti melalui perkara berikut iaitu :

- a) Pendengar yang mengetahui sesuatu, atau tidak mengetahui atau ragu-ragu.
- b) Penutur telah mengenali pendengar.
- c) Tujuan penutur.
- d) Isyarat dan riak muka (Ḥamām, 2007: hlm. 133).

Perkataan "situasi" juga dikenali sebagai "السِّيَاقُ" (konteks) dalam bahasa Arab. Perkataan "السِّيَاقُ" dalam ilmu semantik bermaksud "cara penggunaan sesuatu perkataan dalam sesuatu bahasa" (Umar, 1993: hlm. 68). Umar juga memetik pandangan ahli bahasa terkenal Firth yang mengatakan bahawa proses menentukan makna perkataan hendaklah dilakukan dengan menganalisis keadaan dan konteks pengujaran tersebut sama ada menyentuh aspek bahasa atau bukan bahasa. Terdapat empat jenis konteks iaitu konteks bahasa (السِّيَاقُ اللُّغَوِيُّ), konteks emosi (السِّيَاقُ العَاطِفِيُّ), konteks keadaan (السِّيَاقُ الحَالِيُّ) dan konteks sosial (السِّيَاقُ الثَّقَافِيُّ) أو المَوْقِفِيُّ أو الحَالِيُّ).



Kajian penulis khususnya analisis surah Hūd banyak melibatkan perbincangan konteks keadaan. Hal ini memerlukan penerangan maksud konteks keadaan dengan lebih lanjut. Secara amnya konteks keadaan adalah “suasana dan keadaan yang membantu memahami maksud sebenar kata-kata” (Ishak Mohd. Rejab et al., 1996: hlm. 108).

Konteks keadaan juga dinamakan sebagai "المَقَامُ" oleh Tammām Ḥasan (1994: hlm. 351) dan beliau mengatakan ia merangkumi penutur, pendengar, semua yang terlibat dalam percakapan, persekitaran mereka dan hubungan sosial, masa dan tempat berlakunya percakapan.

Za‘tūt (2011: hlm. 166) pula memetik pandangan Firth yang mengatakan konteks keadaan terdiri daripada penutur, pendengar, tahap pengetahuan mereka, faktor sosial seperti senario politik, cuaca dan tempat serta kesan percakapan itu kepada orang yang terlibat.

Perkataan “tujuan” dalam balaghah Arab diterjemahkan kepada perkataan "الغَرَضُ" dan "الغَايَةُ". Namun dalam dalam karya balaghah terawal, adakalanya perkataan "الغَرَضُ" digunakan untuk maksud “konteks” dan “keadaan” (Ḥamām, 2007: hlm. 126). Antara sarjana tersebut adalah Ibn Rasyīq al-Qayrawānīy (2000: jld. 1, hlm. 199) yang menjelaskan prasyarat bagi seorang penyair ketika mencipta puisi dengan berkata : "وَلَتَكُنْ غَايَتُهُ مَعْرِفَةَ أَغْرَاضِ الْمُحَاطَبِ" yang bermaksud “Seorang penyair hendaklah mengutamakan tujuan (keadaan) pendengar”. Perkataan "أَغْرَاضٍ" dalam nas tersebut bermaksud keadaan yang bersesuaian dengan pendengar (Jāballāh, t.t. : hlm. 15).

### 3.3.3 Penggunaan istilah situasi dan tujuan dalam kajian ini

Istilah “situasi” yang digunakan dalam analisis surah Hūd digunakan dengan maksud yang difahami oleh sarjana balaghah untuk istilah bahasa Arab "المَقَامُ" dan "الحَالُ".

Unsur-unsur yang terkandung dalam aspek situasi kemudiannya telah disebut dengan lebih jelas oleh sarjana ilmu semantik yang menamakannya sebagai “konteks” (السِّيَاقُ). Oleh itu penggunaan istilah “situasi” dalam kajian ini adalah merujuk kepada garis panduan yang diasaskan oleh sarjana balaghah dan sarjana semantik, khususnya konteks keadaan.

Sarjana pertama yang membahaskan situasi pengunaan bagi gaya penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā* adalah al-Jurjānīy tetapi beliau tidak menggunakan istilah “situasi”. al-Jurjānīy (1981: hlm. 255) berkata : *الْخَبْرُ بِالنَّفْيِ وَالْإِثْبَاتِ يَكُونُ* "الْخَبْرُ بِالنَّفْيِ وَالْإِثْبَاتِ يَكُونُ : "Gaya penafian dengan pengecualian digunakan bagi perkara yang diingkari oleh pendengar dan perkara yang diraguinya". Namun sarjana selepas al-Jurjānīy telah menggunakan istilah "الحَال" dan "المَقَامُ" untuk perkataan situasi.

Dalam perbahasan pengkhususan, al-Jurjānīy menerangkan tentang situasi dan tujuan penggunaan partikel *innamā* dalam sebuah puisi iaitu :

أَنَا لَمْ أَرْزُقْ مَحَبَّتَهَا      إِنَّمَا لِلْعَبْدِ مَا رَزَقَا

yang bermaksud “Aku tidak dikurniakan rezeki untuk mencintainya, seorang hamba itu hanya memperolehi apa yang dikurniakan kepadanya sahaja”.

al-Jurjānīy (1981: hlm. 272) berkata : *الْغَرَضُ أَنْ يُفْهِمَكَ مِنْ طَرِيقِ التَّعْرِيفِ أَنَّهُ قَدْ صَارَ* "الْغَرَضُ أَنْ يُفْهِمَكَ مِنْ طَرِيقِ التَّعْرِيفِ أَنَّهُ قَدْ صَارَ : "Tujuan (penggunaan partikel *innamā*) melalui *al-ta'riḍ* bermaksud bahawa penyair mententeramkan hatinya dan mengakui bahawa dia tidak boleh lagi menjalin hubungan dengan perempuan tersebut”. Berdasarkan ulasan tersebut, dapat difahami bahawa partikel *innamā* digunakan dalam situasi *al-ta'riḍ* dengan tujuan untuk memutuskan harapan penyair dari mencintai perempuan tersebut.

Di samping itu tujuan pengkhususan telah dijadikan sebagai satu sub topik oleh al-Hāsyimīy (1994: hlm. 158) yang menamakannya "الغَايَةُ مِنَ الْقَصْرِ". Justeru penulis telah mengikuti cara al-Jurjānīy dan al-Hāsyimīy dengan menganalisis situasi pengujaran dan tujuan pengkhususan dalam surah Hūd.

Pembahagian kategori situasi pengujaran pengkhususan dibuat mengikut pembahagian yang diutarakan oleh al-Jurjānīy (1981: hlm. 2254-258) dan Abū Mūsā (1987: hlm. 104-115). Kedua-duanya hanya membincangkan situasi yang sesuai untuk penggunaan gaya penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā*. Antara situasi tersebut adalah pendengar mengingkari sesuatu perkara, pendengar diandaikan mengingkari, pendengar tidak mengetahui sesuatu, pendengar ragu-ragu, pendengar telah mengetahui sesuatu, memberi bayangan terhadap makna lain (*al-ta'riḍ*), luahan perasaan penutur dan penegasan. Namun sarjana balaghah tidak pernah mencadangkan situasi yang sesuai untuk penggunaan pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah, maka penulis telah mengadaptasi semua situasi yang disebutkan tadi bagi ayat yang mengandungi ketiga-tiga tataqāṣar tersebut.

Sarjana balaghah mengatakan bahawa partikel *innamā* sesuai untuk pendengar yang telah mengetahui sesuatu perkara. Namun penulis telah menemui ayat dengan partikel *innamā* yang digunakan dalam situasi pendengar yang ingkar, contohnya ayat ke-14 dalam surah Hūd, firman Allah SWT:

فَالْمَرَّيْسَتَجِيبُوا لَكُمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أُنزِلَ بِعِلْمِ اللَّهِ

Maksudnya: Oleh itu jika penolong-penolong kamu tidak dapat melaksanakan permintaan kamu (untuk membuat surah-surah yang sebanding dengan al-Qur'an al-Karim), maka ketahuilah bahawa al-Qur'an al-Karim itu diturunkan hanyalah menurut pengetahuan Allah SWT.

Ayat sebelumnya mengandung laras tanya ingkar iaitu : {أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ} yang bermaksud “Patutkah orang kafir menuduh Nabi Muḥammad SAW berdusta tentang al-Qur’an al-Karim?”. Bahkan mereka juga meminta baginda memberi bukti lain atas kebenarannya seperti dikurniakan harta atau diturunkan malaikat. Oleh itu mereka dicabar untuk mencipta sepuluh buah surah yang menyerupai surah al-Qur’an al-Karim. Namun mereka gagal memenuhi cabaran tersebut lantas terbuktilah bahawa tuduhan mereka adalah salah.

al-Jurjānīy (1981: hlm. 255) menyarankan sekiranya didapati partikel *innamā* digunakan bagi perkara yang diingkari oleh pendengar, maka hendaklah diandaikan pendengar menerima perkara tersebut. Namun penulis berpendapat situasi yang mendapat tentangan seperti ayat ke-14 dalam surah Hūd tadi tidak sesuai diletakkan dalam kategori pendengar diandaikan menerima perkara tersebut. Memandangkan perkara yang diingkari itu telah dibidas dengan mendatangkan bukti-bukti yang kukuh, maka penulis menamakan situasi tersebut “pendengar mengingkari perkara yang telah terbukti benar”.

Proses menentukan tujuan pengkhususan dalam surah Hūd pula dibuat dengan meneliti maksud sesuatu ayat dengan berpandukan kepada tafsiran yang dihuraikan sarjana tafsir.

#### **3.3.4 Analisis pengkhususan jenis hakiki dan jenis *iḍāfīy***

Sepertimana yang dibincangkan, pengkhususan terbahagi kepada beberapa jenis mengikut tujuan penutur menggunakannya dan mengikut keadaan pendengar. Sekiranya penutur bertujuan menggunakan gaya bahasa pengkhususan untuk menafikan secara umum atau khusus, maka terbentuklah jenis hakiki dan jenis *iḍāfīy*. Gaya bahasa pengkhususan yang diucapkan mengikut tahap penerimaan pendengar pula menghasilkan

jenis qalbi, “*ifrād*” dan penentuan (Basyūnī, 2008: hlm. 229). Memandangkan analisis surah Hūd memfokuskan kepada situasi dan konteks yang terdiri daripada keadaan penutur dan pendengar, penulis mengelaskan ayat-ayat yang mengandungi gaya bahasa pengkhususan kepada jenis hakiki dan jenis *iḍāfiyy*.

### 3.4 Penutup

Surah Hūd diturunkan di Mekah dan mengandungi 123 ayat. Kandungan utama surah ini mengenai sejarah perjuangan menegakkan aqidah Islam semenjak dari zaman Nabi Nūḥ AS hingga ke zaman RasūlulLāh SAW.

Tujuan surah Hūd diturunkan untuk memantapkan keimanan RasūlulLāh SAW dan sahabatnya dan menghiburkan baginda.

Kelebihan surah Hūd ialah kandungannya yang boleh menjadikan RasūlulLāh SAW beruban, yang bermaksud baginda perlu menggalas tugas dakwah yang diberikan kepadanya.

Sarjana balaghah menggunakan istilah berikut bagi maksud “situasi” iaitu “المَقَامُ” (situasi), “الحَالُ” (keadaan), “مُقْتَضَى الحَالِ” (mengikut keperluan keadaan) dan sebagainya. Pertimbangan terhadap “situasi” dan “keadaan” telah diberi perhatian oleh sarjana balaghah terawal. Perbincangan mengenai “situasi” diperhatikan melalui perbincangan tentang penutur, pendengar, tujuan sesuatu pengucapan dan riak muka.

Perkataan “situasi” juga dikenali sebagai “السِّيَاقُ” (konteks). Analisis surah Hūd banyak membincangkan “konteks keadaan” yang dinamakan “المَقَامُ”. Kesimpulannya, menganalisis “situasi” dan “konteks keadaan” mengandungi persamaan kerana kedua-

duanya mengkaji perkara berikut iaitu penutur, pendengar, tujuan, riak muka, tempat, masa, faktor sosial, faktor emosi, bahasa dan fonetik.

Perkataan “tujuan” dalam ilmu balaghah diterjemahkan kepada perkataan "العَرَضُ" dan bermaksud tujuan sesuatu pengucapan dilakukan.

Istilah “situasi” yang digunakan dalam analisis surah Hūd adalah yang dimaksudkan oleh sarjana balaghah bagi istilah bahasa Arab "المَقَامُ" dan "الحَالُ".

al-Jurjānīy membahaskan situasi penggunaan bagi gaya penafian dengan pengecualian dan partikel *innamā* tetapi beliau tidak menggunakan istilah “situasi”.

Pembahagian kategori situasi pengujaran pengkhususan dalam surah Hūd dibuat mengikut pembahagian yang diutarakan oleh al-Jurjānīy dan Abū Mūsā.

Analisis ayat yang mengandungi pengkhususan dibahagikan kepada jenis hakiki dan jenis *iḍāfīy*, bersesuaian dengan perbincangan yang lebih menjurus kepada keadaan penutur dan pendengar.

## BAB 4

### ANALISIS PENGGUNAAN PENGKHUSUSAN JENIS HAKIKI DALAM SURAH HŪD

#### 4.0 Pendahuluan

Bab empat ini mengandungi analisis ayat-ayat yang mengandungi pengkhususan jenis hakiki dalam surah Hūd. Ayat yang mengandungi pengkhususan dikelaskan kepada jenis hakiki *taḥqīqīy* dan hakiki *iddi‘ā’īy*. Perkara yang dianalisis ialah jenis tataqāsar, jenis pengkhususan, situasi dan tujuan pengkhususan.

#### 4.1 Pengkhususan Jenis Hakiki

Ayat yang mengandungi pengkhususan jenis hakiki adalah seperti berikut :

##### 4.1.1 Ayat 2

أَلَّا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ ... ﴿٢﴾

Maksudnya: supaya janganlah kamu menyembah sesuatu pun melainkan Allah SWT....

Dalam permulaan surah Allah SWT menerangkan bahawa al-Qur’an al-Karim disusun dengan rapi oleh Allah yang Maha Bijaksana dan diperincikan oleh-Nya Yang Maha Mengetahui. Dalam frasa { مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ } yang bermaksud “(Kitab) yang diturunkan dari sisi (Allah SWT) yang Maha Bijaksana lagi Maha Tahu”, penggunaan kata nama am dan *iḍāfat* yang menggantikan kata kerja yang disandarkan kepada pelaku bertujuan menunjukkan kehebatan al-Qur’an al-Karim dan ketinggian zat Allah SWT.

Ayat tersebut dalam bentuk yang biasa diandaikan berbunyi : *أَحْكَمَ آيَاتِهِ حَكِيمٌ وَفَصَّلَهَا* "أَحْكَمَ آيَاتِهِ حَكِيمٌ وَفَصَّلَهَا" (Abū al-Su‘ūd, 2001: jld. 4, hlm. 4).

Partikel "أَنَّ" berfungsi untuk menjelaskan dan mentafsirkan perkara "yang disusun" (*أُحْكِمَتْ*) dan "diperincikan" (*فُصِّلَتْ*) iaitu konsep *'ubūdīyyat*. Dalam ayat ini Nabi Muḥammad SAW diperintahkan supaya menyuruh kaumnya menyembah Allah SWT sahaja dan meninggalkan semua bentuk sembah lain (Abū Ḥayyān ,1992: jld. 6, hlm. 140). Perintah tersebut dijelaskan dengan frasa seterusnya iaitu *{إِنِّي لَكُمْ مِنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ}* yang bermaksud "Sesungguhnya aku diutus oleh Allah SWT sebagai pemberi amaran dan pembawa berita gembira". Perkataan "نَذِيرٌ" (pemberi amaran) didepankan dari "بَشِيرٌ" (pembawa berita gembira) kerana tugas tersebut menjadi keutamaan (al-Syihāb, t.t. : jld. 6, hlm. 69).

*Maqṣūr* ialah "تَعْبُدُوا" (kalian menyembah) dan *maqṣūr 'alayh* ialah lafaz *jalālat* "الله". Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai pelaku dan *maqṣūr 'alayh* sebagai objek. Sifat sembah dikhususkan kepada *mawṣūf* iaitu Allah SWT dengan menafikan semua perkara lain, dan pengkhususan tersebut adalah menepati realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *lā* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah orang yang tidak beriman kepada Allah SWT. Situasi pendengar adalah mengingkari perintah supaya menyembah Allah SWT, berdasarkan kepada pendapat Ibn ‘Āsyūr (1997: jld. 12, hlm. 316) yang mengatakan bahawa ayat ini ditujukan kepada orang yang enggan beriman dengan Allah SWT. Pandangan ini



dikukuhkan lagi dengan pendepanan perkataan “pemberi amaran” dari “pembawa berita gembira” yang menunjukkan kesesuaiannya dengan pendengar yang ingkar.

- Nabi Muḥammad SAW menggunakan pengkhususan untuk menggesa orang kafir supaya menyembah Allah SWT.

#### 4.1.2 Ayat 4

إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ ... ﴿٤﴾

Maksudnya: Kepada Allah SWT jualah kembalinya kamu ....

al-Qurtubīy (1993: jld. 9, hlm. 5) menjelaskan makna ayat ini ialah semua makhluk akan dikembalikan kepada Allah SWT setelah mati. al-Rāzīy (1994: jld. 17, hlm. 191) pula menambah bahawa hanya Allah SWT jua yang mentadbir di hari Akhirat lalu membalas segala kebaikan dan kejahatan yang dilakukan oleh hamba-Nya.

Sebelum ayat ini Allah SWT memerintahkan Nabi Muḥammad SAW supaya menyuruh orang kafir memohon ampun, bertaubat dan beribadat dengan ikhlas serta mengugut mereka yang menolak berbuat demikian bahawa mereka akan ditimpa azab yang berat di hari Akhirat nanti atau akan dikalahkan pada Perang Badar (al-Syawkānīy, 1993: jld. 2, hlm. 672). Ayat ini merupakan antara perkara yang diperintahkan kepada baginda supaya menyampaikannya kepada orang kafir. Namun golongan kafir Quraisy berdegil dengan menentang teguran baginda serta enggan mempercayai bahawa mereka akan mati dan dibangkitkan semula untuk menerima pembalasan di atas kejahatan yang telah mereka lakukan pada hari Akhirat nanti.

*Maqṣūr* ialah "مَرْجِعُكُمْ" (tempat kembali kamu) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "إِلَى اللَّهِ" (kepada Allah SWT). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek yang

diakhirkan dan *maqṣūr* 'alayh sebagai predikat yang didepankan. Sifat kematian dan penentuan nasib manusia dikhususkan kepada tadbiran Allah SWT (*mawṣūf*) dengan menafikan semua perkara, dan pengkhususan tersebut menepati realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah pendepanan *jārr* dan *majrūr*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan pendepanan.
- Pendengar ialah orang kafir Quraisy. Mereka berada dalam situasi mengingkari bahawa mereka akan menghadap Allah SWT setelah mati nanti dan Allah SWT akan membalas segala kejahatan mereka. Pendengar berada dalam situasi mengingkari sesuatu perkara.
- Nabi Muḥammad SAW menggunakan pengkhususan untuk mengancam orang kafir Quraisy dengan kematian dan pembalasan di hari Akhirat.

#### 4.1.3 Ayat 6

﴿ وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا ... ﴾

Maksudnya: Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah SWT jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan ....

Menurut al-Ṭabarīy (1992: jld. 7, hlm. 3) ayat tersebut bermaksud hanya Allah SWT yang bertanggungjawab menyediakan rezeki dan memudahkan segala makhluk untuk mencari rezeki di bumi ini. Dia-lah yang mengetahui tempat berlindung (مُسْتَقَرَّهَا) dan perihal kematian dan keadaan semasa di dalam rahim (مُسْتَوْدَعَهَا) bagi setiap makhluk.

Ayat {عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا} juga mengandung *isti'ārat tab'īyat*<sup>8</sup>, iaitu perkataan "عَلَى" telah dipinjamkan dari lafaz “wajib atau bertanggungjawab” (al-Alūsīy 1994: jld. 11, hlm. 5).

Dalam hal ini al-Qurṭubīy (1993: jld. 9, hlm. 6) menjelaskan bahawa Allah SWT tidak diwajibkan memberi rezeki kepada makhluk bahkan Dia memberinya sebagai satu bentuk pemberian, rahmat dan membuktikan Dia mengotakan janji-Nya. Oleh itu ayat ini diandaikan berbunyi "مَا جَاءَهَا مِنْ رِزْقٍ فَمِنْ اللَّهِ" yang bermaksud “segala rezeki yang didapati oleh makhluk datangnya daripada Allah SWT”. Manakala partikel "مِنْ" yang merupakan partikel tambahan menunjukkan makna penafian itu meliputi semua jenis makhluk.

Selepas ayat ini diceritakan mengenai keadaan orang kafir yang menyangka dapat menyembunyikan kebencian dan permusuhan mereka terhadap orang Islam dari pengetahuan Allah SWT. Pengkhususan Allah SWT sebagai pemberi rezeki dan mengetahui perihal semua makhluk adalah bersesuaian dengan konteks ayat selepasnya. Namun ayat ini tidak ditujukan kepada sebarang pendengar yang ingkar. Ayat ini didatangkan sebagai penegasan kepada kandungan ayat selepasnya yang mengatakan Allah SWT yang mengetahui tempat tinggal dan kematian serta Dia-lah yang menjadikan langit dan bumi ini.

*Maqṣūr* ialah "رِزْقُهَا" (rezeki setiap makhluk) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "عَلَى اللَّهِ" (ke atas Allah SWT). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek yang diakhirkan dan *maqṣūr 'alayh* sebagai predikat yang didepankan. Sifat memberi rezeki kepada makhluk dikhususkan kepada Allah SWT (*mawṣūf*) dengan menafikan semua perkara,

---

<sup>8</sup>) *Isti'ārat tab'īyat* ialah *musyabbah bih* pada *isti'ārat* itu yang terdiri daripada kata nama terbitan atau kata kerja atau partikel, contohnya ayat ke-5 dari surah al-Baqarat: {أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ}, lafaz “عَلَىٰ هُدًى” mengandungi *isti'ārat tab'īyat* yang bermaksud “mereka telah memperoleh petunjuk yang sempurna daripada Tuhan mereka (al-Hāsyimīy, 1994: hlm. 271).

dan pengkhususan tersebut menepati realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah pendepanan *jārr* dan *majrūr*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan pendepanan.
- Pengkhususan dalam ayat ini digunakan untuk situasi penegasan.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk menegaskan bahawa Dia-lah yang memberi rezeki kepada semua makhluk.

#### 4.1.4 Ayat 34

... هُوَ رَبُّكُمْ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: ... Dia-lah Tuhan kamu dan kepada-Nya kamu semua akan kembali.

Dalam perdebatan terakhir antara Nabi Nūḥ AS dengan kaumnya, mereka mencabar agar dipercepatkan azab yang dijanjikan buat mereka. Baginda merasa kecewa dengan kedegilan kaumnya lantas berkata : “Sekiranya Allah SWT menghendaki untuk membinasakan kalian maka tiadalah gunanya nasihatku kepada kalian”. Kata-kata tersebut menunjukkan bahawa Nabi Nūḥ AS hanya mampu menasihati mereka namun Allah SWT yang menghendaki mereka memanfaatkannya atau tidak. Seterusnya baginda mengingatkan mereka bahawa Allah SWT adalah tuhan mereka yang sebenar dan setelah mati nanti mereka akan menghadap-Nya (al-Rāzīy, 1994: jld.17, hlm. 227).

Ayat ini merupakan dialog antara Nabi Nūḥ AS dengan kaumnya yang menentang untuk menerima dakwahnya, firman Allah SWT dalam ayat ke-32 {قَدْ جَادَلْتَنَا فَأَكْثَرْتَ جِدَالَنَا} yang bermaksud “Sesungguhnya kamu telah berbantah dengan kami, dan kamu telah memanjangkan bantahanmu terhadap kami”. Mereka tidak menyedari bahawa

kesesatan mereka akan dibalas di Akhirat kelak serta Allah SWT berkuasa untuk membinasakan atau menyelamatkan mereka.

*Maqṣūr* ialah "تُرْجَعُونَ" (kamu akan kembali) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "إِلَيْهِ" (kepadanya). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *jārr* dan *majrūr* yang didepankan dan *maqṣūr 'alayh* sebagai kata kerja. Sifat kembali yakni kematian dan dibangkitkan semula dikhususkan ke hadrat Allah SWT (*mawṣūf*) dengan menafikan semua perkara, dan pengkhususan tersebut menepati realiti sebenar. Tataqāsar yang digunakan ialah pendepanan *jārr* dan *majrūr*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan pendepanan.
- Pendengar ialah kaum Nabi Nūḥ AS yang kafir. Mereka berada dalam situasi mengingkari ajarannya supaya menyembah Allah SWT dan mengingkari bahawa mereka akan berdepan dengan pembalasan Allah SWT di hari Akhirat kelak. Pendengar berada dalam situasi mengingkari sesuatu perkara.
- Nabi Nūḥ AS menggunakan pengkhususan untuk mengancam kaumnya dengan pembalasan di hari Akhirat (al-Qurṭubīy, 1993: jld. 9, hlm. 21).

#### 4.1.5 Ayat 36

وَأَوْحِيَ إِلَىٰ نُوحٍ أَنَّهُ لَنْ يُؤْمِنَ مِنْ قَوْمِكَ إِلَّا مَن قَدَّ ءَأَمَنَ ... ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Dan (setelah itu) diwahyukan kepada Nabi Nūḥ AS: “Sesungguhnya tidak akan beriman lagi dari kaummu melainkan orang-orang yang telah sedia beriman ....”

Nabi Nūḥ AS telah banyak berdebat dengan kaumnya namun semakin banyak hujah yang dikemukakan oleh baginda semakin kuat penentangan kaumnya. Menurut al-

Uramiy (2001: jld. 13, hlm. 88) baginda pernah dipukul oleh kaumnya dan dicekik hingga pangsang. Baginda merasa kecewa dengan sikap kaumnya. Setelah Allah SWT mewahyukan bahawa kaumnya yang kafir itu tidak akan beriman kecuali yang telah beriman, baginda mendoakan kehancuran mereka dalam ayat ke-26 dari surah Nūḥ, firman Allah SWT :

وَقَالَ نُوحٌ رَبِّ لَا تَذَرْ عَلَيَّ الْأَرْضَ مِنَ الْكَافِرِينَ دَيَّارًا ﴿٢٦﴾

Maksudnya: "Nabi Nūḥ AS berkata : Wahai Tuhanku! janganlah Engkau biarkan seorang pun dari orang-orang kafir itu hidup di atas muka bumi!

Ayat ini mengkhususkan sifat beriman kepada golongan yang telah beriman dengan baginda sebelum ini dan menafikan golongan yang kafir akan beriman. Hal ini diakui oleh al-Bayḍāwīy (1988: jld. 1, hlm. 456) bahawa ayat ini bermaksud untuk memutuskan harapan Nabi Nūḥ AS agar kaumnya akan beriman dan mengesahkan bahawa mereka akan kekal dalam kekufuran. Maksud ayat ini bersesuaian dengan penggunaan partikel nafi "لَنْ" yang menafikan buat selama-lamanya serta partikel "قَدْ" yang mengukuhkan sifat beriman kepada golongan yang diyakini keimanan mereka. Menurut Ibn 'Āsyūr (1997: jld. 12, hlm. 65) kata ganti nama *al-sya'n* "أَنَّهُ" digunakan untuk menarik perhatian dan menunjukkan bahawa perkara selepasnya adalah perkara penting. Memandangkan berita tersebut sukar diterima oleh baginda, maka Allah SWT memintanya supaya tidak bersedih dalam firman-Nya : { فَلاَ تَبْتَئِسْ بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ } yang bermaksud "Janganlah kamu bersedih hati tentang apa yang mereka lakukan".

Sebelum ayat ini berlaku perdebatan antara Nabi Nūḥ AS dengan kaumnya yang menunjukkan bahawa baginda telah bertungkus lumus menasihati mereka namun mereka sedikit pun tidak memanfaatkannya. Nabi Nūḥ AS juga pernah mengingatkan akan azab Allah SWT yang akan menimpa sekiranya mereka berdegil, namun mereka mengejeknya

supaya mempercepat azab itu. Lantas Allah SWT memaklumkan bahawa telah tiba masa untuk membalas segala perbuatan jahat kaumnya. Gaya penafian dengan pengecualian sesuai digunakan dalam situasi ini kerana Nabi Nūḥ AS tidak mengetahui masa dan bentuk azab yang akan menimpa kaumnya.

*Maqṣūr* ialah "يُؤْمِنُ" (beriman) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "مَنْ قَدْ آمَنَ" (orang yang telah beriman). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai kata kerja dan *maqṣūr 'alayh* sebagai pelaku. Sifat beriman dikhususkan kepada pengikut Nabi Nūḥ AS yang telah pun beriman (*mawṣūf*) dengan menafikan semua orang, dan pengkhususan tersebut berlaku dalam realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *lan* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-*mawṣūf* yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah Nabi Nūḥ AS. Situasi pendengar berada dalam keadaan tidak mengetahui tentang ketibaan azab Allah SWT.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk memaklumkan Nabi Nūḥ AS bahawa azab Allah SWT akan menimpa kaumnya dan baginda dikehendaki membina sebuah kapal (al-Qurtubīy, 1993: jld. 9, hlm. 21).

#### 4.1.6 Ayat 40

... قُلْنَا أَحْمِلْ فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ وَأَهْلَكَ إِلَّا مَنْ سَبَقَ عَلَيْهِ الْقَوْلُ وَمَنْ ءَامَنَ وَمَا ءَامَنَ  
مَعَهُ إِلَّا قَلِيلٌ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: Kami berfirman kepada Nabi Nūḥ AS: "Bawalah dalam bahtera itu dua dari tiap-tiap sejenis haiwan (jantan dan betina), dan bawalah ahlimu kecuali orang yang telah

ditetapkan hukuman azab atasnya (disebabkan kekufurannya), juga bawalah orang-orang beriman", dan tidak ada orang-orang yang beriman yang turut bersama-samanya, melainkan sedikit sahaja.

Ketika air mula memenuhi muka bumi Nabi Nūḥ AS diperintahkan supaya membawa bersamanya dalam kapalnya jenis haiwan yang berfaedah bagi manusia dan pasangannya, kaum keluarganya dan pengikutnya yang beriman. Namun isterinya dan anaknya yang kufur tidak boleh menaiki kapal dan ditakdirkan akan tenggelam (al-Bayḍāwīy, 1988: jld. 1, hlm. 456). Penggunaan perkataan "أَهْلَكَ" adalah untuk menunjukkan kepentingan keluarga baginda atau menunjukkan pengecualian, yakni keluarganya yang tidak beriman tidak boleh dibawa bersama (al-Syawkānīy, 1993: jld. 2, hlm. 700). Kata kerja *mufrad* dalam frasa "مَنْ آمَنَ" pula menegaskan makna sedikit, iaitu pengikut Nabi Nūḥ AS hanyalah sedikit. Partikel "مَعَ" dalam frasa "beriman dengannya" bermaksud golongan tersebut akan bersama baginda ke tempat yang selamat (Abū al-Su'ūd, 2001: jld. 4, hlm. 42).

Terdapat pelbagai riwayat yang menceritakan bilangan pengikut baginda. Antara bilangan pengikutnya ialah lapan atau sepuluh atau tujuh puluh sembilan atau lapan puluh. Antara keluarganya yang beriman ialah seorang lagi isterinya, anak-anaknya Sām, Ḥām dan Yāfith serta isteri-isteri mereka (al-Ṭabarīy, 1992: jld. 7, hlm. 42).

*Maqṣūr* ialah "آمَنَ" (beriman) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "قَلِيلٌ" (sedikit). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai kata kerja dan *maqṣūr 'alayh* sebagai pelaku. Sifat beriman dikhususkan kepada golongan tertentu yang dirahsiakan bilangannya oleh Allah SWT (*mawṣūf*) dengan menafikan semua orang, dan bilangan pengikut yang sedikit menepati realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *mā* dan partikel *illā*.



Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Ayat ini tidak ditujukan kepada pendengar yang ingkar atau diandaikan ingkar. Pengkhususan dalam ayat ini digunakan untuk situasi penegasan.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk menegaskan bahawa pengikut Nabi Nūḥ AS amat sedikit padahal baginda bersama kaumnya selama 950 tahun.

#### 4.1.7 Ayat 66

... إِنَّ رَبَّكَ هُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ ﴿٦٦﴾

Maksudnya:... sesungguhnya Tuhanmu, Dia-lah Yang Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

Setelah kaum Thamūd membunuh unta yang menjadi mukjizat kepada Nabi Ṣāliḥ AS mereka diberi tempoh selama tiga hari sebelum ditimpa azab. Pada hari yang keempat datanglah azab dalam bentuk jeritan yang kuat dari langit atau dari semua makhluk di bumi lalu mereka mati bergelimpangan (al-Ṭabariy,1992: jld. 7, hlm. 65).

Menurut Abū al-Su‘ūd (2001: jld. 4, hlm. 61) Allah SWT menerangkan kepada Nabi Muḥammad SAW bahawa hanya Dia-lah yang berkuasa menyelamatkan orang yang beriman dan menghancurkan orang kafir. Setelah Allah SWT menceritakan tentang azab yang menimpa kaum Thamūd dan keadaan Nabi Salih AS dan orang beriman yang terselamat dengan rahmat-Nya, Allah SWT menerangkan kepada Nabi Muḥammad SAW akan kekuasaan-Nya dan kehebatan-Nya. Ayat ini ditujukan kepada baginda dan baginda

bukan dalam keadaan mengingkari atau boleh menerima perkara yang disampaikan. Ayat ini berbentuk ulasan atau bimbingan kepada baginda yang lazimnya mengiringi setiap kisah dalam al-Qur'an al-Karim. Menurut Ibn 'Āsyūr (1997: jld. 12, hlm. 114) ayat ini adalah ungkapan sisip yang berfungsi untuk pengukuhan makna. Oleh itu pengkhususan dalam ayat ini didatangkan dalam situasi penegasan. Tambahan pula ayat ini mengandungi tiga jenis penegasan iatu partikel "إِنَّ", kata ganti pemisah "هُوَ" dan alif-lam generik pada perkataan "الْقَوِي" dan "الْعَزِيْز".

*Maqṣūr* ialah kata ganti diri dalam "الْقَوِي الْعَزِيْز" (kuat dan berkuasa) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "رَبِّكَ" (tuhanmu). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *khbar inna* dan *maqṣūr 'alayh* sebagai *ism inna*. Sifat kuat dan berkuasa dikhususkan kepada Allah SWT (*mawṣūf*) dengan menafikan semua pihak, dan pengkhususan tersebut menepati realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah pengekhasan pesandar pada perkataan "الْقَوِي" dan "الْعَزِيْز" dan kata ganti nama pemisah "هُوَ".

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan kaedah pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah.
- Pengkhususan dalam ayat ini digunakan untuk situasi penegasan.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk menegaskan kekuasaannya untuk menimpakan azab kepada kaum Quraisy seperti mana Allah SWT telah membinasakan kaum Thamūd. Di samping itu ayat ini juga bertujuan untuk menghiburkan RasūlulLāh SAW yang berdukacita dengan penentangan kaum Quraisy (al-Uramīy, 2001: jld. 13, hlm. 141).

#### 4.1.8 Ayat 81

... فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِّنَ اللَّيْلِ وَلَا يَلْتَفِتْ مِنْكُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَمْرَاتَكَ عَلَيْهِ إِنَّهُ مُصِيبُهَا مَا أَصَابَهُمْ

Maksudnya: ... Oleh itu, pergilah berundur dari sini bersama-sama dengan keluargamu pada tengah malam dan janganlah seorang pun di antara kamu menoleh ke belakang. Kecuali isterimu, sesungguhnya dia akan ditimpa azab yang akan menimpa mereka (kerana dia memihak kepada mereka) ....

Setelah para malaikat memberitahu Nabi Lūṭ AS tentang kedatangan azab yang akan menimpa kaumnya, Allah SWT memerintahkan baginda supaya membawa keluarganya keluar dari kampung halaman mereka serta mereka dilarang dari menoleh ke belakang. Tujuan larangan tersebut ialah supaya mereka tidak melengahkan perjalanan dan tidak terkejut melihat azab lalu mereka merasa simpati pada kaum yang kafir (al-Syawkānīy, 1993: jld. 2, hlm. 718).

Menurut Ibn Kathīr (1988: jld. 2, hlm. 470) kebanyakan sarjana *qirā'at* mengatakan frasa {إِلَّا أَمْرَاتَكَ} wajib dibaca dengan kasus nominatif. Namun Ibn Kathīr, Abu 'Amr dan beberapa sarjana nahu mengatakan boleh dibaca dengan kasus nominatif atau akusatif. Sekiranya dibaca dengan kasus nominatif, maka perkataan "أَمْرَاتَكَ" dikecualikan dari frasa {فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ}. Makna ayat tersebut ialah "فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ إِلَّا أَمْرَاتَكَ" yang bermaksud "Bawalah keluargamu keluar dari kampungmu kecuali isterimu jangan dibawa bersama". Dalam bacaan dengan kasus nominatif, ayat ini ialah laras kecuali sempurna bukan nafi.

Namun bagi sarjana yang menganggap harus dibaca dengan kasus nominatif atau akusatif maka ayat ini adalah laras sempurna nafi. Menurut pandangan ini perkataan "أَمْرَاتَكَ" dikecualikan dari frasa {لَا يَلْتَفِتْ مِنْكُمْ أَحَدٌ}. Menurut al-Qurṭubīy (1993: jld. 9,

hlm. 54) makna ayat tersebut ialah “Laranglah mereka, jangan ada seorang pun yang menoleh kecuali isterimu dia menoleh dan akan dibinasakan”. Hal ini bersesuaian dengan riwayat yang disebut oleh al-Zamakhshariy (1982: jld. 2, hlm. 284) bahawa isteri Nabi Lūṭ AS keluar bersama baginda, namun ketika terdengar bunyi yang keras dari arah kampungnya, dia menoleh dan merasa simpati lalu dia terkena seketul batu yang besar dan mati.

Sekiranya ayat ini dibaca dengan kasus nominatif iaitu { لَا يَلْتَفِتُ مِنْكُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَمْرَاتُكَ } maka ayat ini mengandungi pengecualian. Manakala dalam bacaan kasus akusatif iaitu { لَا يَلْتَفِتُ مِنْكُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَمْرَاتُكَ } perkataan "أَمْرَاتُكَ" adalah *badal* bagi perkataan "أَحَدٌ". Ayat yang dibaca dengan bacaan akusatif mengandungi pengkhususan. Oleh itu penulis memilih tafsiran tersebut untuk kajian ini. Pengkhususan ayat ini bermaksud hanya isteri baginda yang berpaling sedangkan orang lain tidak berpaling.

Walau bagaimana pun Abū Ḥayyān, al-Anṣārīy dan al-Alūsīy berpendapat bahawa ayat ini tidak mengandungi pengkhususan kerana partikel "إِلَّا" membawa makna "لَكِنْ", iaitu ayat ini mengandungi laras kecuali tak sejenis. Menurut Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 190) isteri baginda tidak diarahkan ditinggalkan di kampungnya atau dilarang dari menoleh. Ayat ini diandaikan bermakna "لَا يَلْتَفِتُ مِنْكُمْ أَحَدٌ لَكِنْ أَمْرَاتُكَ" yang bermaksud “Janganlah sesiapa pun berpaling, akan tetapi isterimu ....”.

*Maqṣūr* ialah "أَحَدٌ" (sesiapa) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "أَمْرَاتُكَ" (isterimu). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *mubdal minh* dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai *badal*. Sifat berpaling dikhususkan kepada isteri Nabi Lūṭ AS sahaja (*mawṣūf*) denagan semua orang, dan hanya dia sahaja yang berpaling dalam realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *lā* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Ayat ini ditujukan kepada Nabi Lut AS dan digunakan untuk menegaskan sesuatu maklumat. Pengkhususan ini digunakan dalam situasi penegasan.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk menegaskan kepada Nabi Lūṭ AS bahawa isterinya bukan dari golongan yang beriman. Hal ini disokong oleh ayat seterusnya yang mengatakan dia akan ditimpa azab seperti kaumnya iatu firman Allah SWT { إِنَّهُ مُصِيبُهَا مَا أَصَابَهُمْ } yang bermaksud “Dia akan ditimpa azab yang akan menimpa mereka”.

#### 4.1.9 Ayat 88

... وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ ...

Maksudnya: ... dan tiadalah aku akan beroleh *tawfiq* untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah SWT ....

Setelah Nabi Syu‘ayb AS menjelaskan tujuan baginda berdakwah hanyalah untuk kebaikan kaumnya, baginda mengatakan bahawa dia tidak akan memperoleh *tawfiq* dalam usahanya memperbaiki kaumnya kecuali dengan pertolongan dan sokongan dari Allah SWT. Perkataan *tawfiq* bermaksud kemudahan untuk melakukan ketaatan dan kebaikan kerana Allah SWT. Dakwah baginda kepada kaumnya supaya menyembah Allah SWT dan berlaku adil dalam timbangan dinamakan *tawfiq* (al-Khāzin, 1995: jld. 2, hlm. 499).

Ayat ini termasuk dalam dialog antara Nabi Syu‘ayb AS dengan kaumnya yang kafir. Setelah memberi hujah bahawa baginda telah dilantik sebagai Nabi dan memperolehi rezeki yang banyak, maka selayaknya baginda menjalankan tugasnya dan baginda tidak

boleh membiarkan kaumnya dalam kesesatan. Tambahan pula segala perintah dan larangannya kepada kaumnya turut dikenakan ke atas diri baginda sendiri. Tujuan baginda berdakwah hanyalah untuk memperbaiki keadaan kaumnya dan baginda bimbang mereka akan ditimpa azab Allah SWT.

Walau bagaimana pun penulis berpendapat bahawa pengkhususan dalam ayat ini tidak ditujukan kepada kaum yang kafir tersebut tetapi merupakan doa baginda kepada Allah SWT. Hal ini disokong oleh kenyataan al-Zamakhsharīy (1982: jld. 2, hlm. 288) dan al-Bayḍāwīy (1988: jld. 2, hlm. 467) bahawa ayat ini merupakan permohonan baginda kepada Allah SWT supaya mengurniaknya *tawfiq*. Kata-kata ini lahir dari sanubari baginda yang mengharap kekuatan dari Allah SWT supaya mampu menjadi pembimbing kepada kaumnya yang keras kepala dan menolak segala tegurannya.

*Maqṣūr* ialah "تَوْفِيقِي" (usahaku) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "بِاللَّهِ" (dengan kehendak Allah SWT). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek dan *maqṣūr 'alayh* sebagai predikat. Usaha Nabi Syu'ayb memperbaiki kaumnya (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat berhasil dengan bantuan dari Allah SWT dengan menafikan semua pihak lain, dan pengkhususan tersebut berlaku dalam realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *mā* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Penutur dalam ayat ini ialah Nabi Syu'ayb AS. Pengkhususan dalam ayat ini digunakan dalam situasi yang menggambarkan luahan perasaan penutur yang mendalam terhadap sesuatu makna iaitu ingin memohon sokongan dari Allah SWT.

- Nabi Syu‘ayb AS menggunakan pengkhususan untuk mengesahkan hanya Allah SWT yang mengurniakan *tawfiq* kepada hamba-Nya.

#### 4.1.10 Ayat 88

... عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ ...

Maksudnya: ... kepada-Nya (Allah SWT) jualah aku berserah diri ....

Dalam ayat sebelum ini Nabi Syu‘ayb AS menjelaskan dia bukan sengaja ingin mencari kesalahan kaumnya dengan menyuruh mereka berlaku adil dalam timbangan tetapi baginda hanya ingin memperbaiki keadaan mereka. Setelah baginda memohon *tawfiq* daripada Allah SWT dalam usahanya, baginda menegaskan dia hanya menyerahkan dirinya dan segala amalannya kepada Allah SWT. al-Bayḍāwīy (1988: jld. 1, hlm. 467) menjelaskan ayat ini menerangkan tentang konsep tauhid dan menunjukkan bahawa orang yang bertawakkal kepada Allah SWT tidak terjejas dengan sikap permusuhan orang kafir. Menurut Abū al-Su‘ūd (2001: jld. 4, hlm. 77) pula kata kerja "تَوَكَّلْتُ" menggunakan bentuk masa lampau untuk menghidupkan gambaran sesuatu suasana dan membawa maksud berterusan dalam bertawakkal.

Ayat ini tidak ditujukan kepada pendengar yang ingkar. Nabi Syu‘ayb AS mengucapkan kata-kata ini untuk menegaskan pergantungan dirinya kepada Allah SWT setelah dia berusaha sedaya upayanya menasihati kaumnya.

*Maqṣūr* ialah "تَوَكَّلْتُ" (aku bertawakkal) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "عَلَيْهِ" (kepada-Nya). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *jārr* dan *majrūr* yang didepankan dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai kata kerja. Sifat bertawakkal kepada dikhususkan kepada

Allah SWT (*mawṣūf*) dengan menafikan semua orang, dan pengkhususan tersebut menepati realiti sebenar. Tataqāsar yang digunakan ialah pendepanan *jārr* dan *majrūr*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy*, jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan pendepanan.
- Pengkhususan dalam ayat ini digunakan untuk situasi penegasan.
- Nabi Syu‘ayb AS menggunakan pengkhususan untuk menegaskan pergantungan dirinya kepada Allah SWT.

#### 4.1.11 Ayat 88

... وَإِلَيْهِ أُتِيبُ ...

Maksudnya: ... dan kepada-Nyalah aku kembali.

Dalam ayat ini Nabi Syu‘ayb AS mengkhususkan segala urusan kehidupannya kepada Allah SWT dan menyerahkan nasib dirinya mengikut *qaḍā’* dan *qadr* yang telah ditetapkan olehNya (al-Uramīy, 2001: jld. 13, hlm. 210). Penggunaan perkataan "أُتِيبُ" yang dalam bentuk masa depan (الاسْتِقْبَالُ) adalah bermaksud untuk mengesahkan kebenaran dan kejadian perkara tersebut (Abū al-Su‘ūd, 2001: jld. 4, hlm. 77).

Ayat ini merupakan sambungan kepada ayat ke-88 iaitu {عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ} yang menegaskan sifat tawakkal baginda hanya kepada Allah SWT. Oleh itu ayat ini juga bukan bertujuan menyangkal dakwaan pendengar yang ingkar tetapi untuk penegasan. Dalam ayat sebelumnya baginda menerangkan tujuan baginda berdakwah hanyalah untuk memperbaiki keadaan kaumnya, setelah memohon *tawfiq* dalam pekerjaannya, baginda menegaskan penyerahan diri dan nasibnya kepada Allah SWT sahaja.



*Maqṣūr* ialah "أُنَيْبٌ" (aku kembali) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "إِلَيْهِ" (kepada-Nya). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *jārr* dan *majrūr* yang didepankan dan *maqṣūr 'alayh* sebagai kata kerja. Sifat kembali dan berserah diri dikhususkan kepada Allah SWT (*mawṣūf*) dengan menafikan semua orang, dan pengkhususan tersebut berlaku dalam realiti sebenar. Tataqāsar yang digunakan ialah pendepanan *jārr* dan *majrūr*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan pendepanan.
- Pengkhususan dalam ayat ini digunakan untuk situasi penegasan. Nabi Syu‘ayb AS menggunakan pengkhususan untuk menegaskan penyerahan nasibnya kepada Allah SWT. Manakala Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 199) berpandangan bahawa ayat ini bertujuan untuk melemahkan hasrat orang kafir yang ingin menyakiti Nabi Syu‘ayb AS.

#### 4.1.12 Ayat 104

وَمَا نُؤَخِّرُهُ إِلَّا لِأَجَلٍ مَّعْدُودٍ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: Dan tiadalah Kami lambatkan hari Qiamat itu melainkan untuk suatu tempoh yang tertentu.

Segala kisah umat yang telah dibinasakan menjadi iktibar supaya manusia mengingati hari Akhirat yang lebih dahsyat. Walaupun Allah SWT berkuasa untuk mempercepatkan kejadian hari Akhirat namun Allah SWT menanggukannya kecuali dengan berakhir suatu tempoh tertentu yang hanya diketahui oleh-Nya. Penangguhan hari Akhirat dikhususkan dengan sifat berakhirnya tempoh tersebut. Menurut al-Bayḍāwīy (1988: jld. 2, hlm. 470) makna ayat ini ialah : "إِلَّا لَا نَتَّهَاءُ مُدَّةً مَّعْدُودَةً مُتَّهَاءَةً" yang

bermaksud “Kecuali setelah tamat tempoh yang telah ditentukan” tetapi *muḍāf* iaitu "أَنْتِهَاءٍ" telah digugurkan. al-Alūsīy (1994: jld. 11, hlm. 207) menambah perkataan "مَعْدُودَةٌ" yang bermaksud “Yang boleh dibilang” adalah kiasan bagi sesuatu yang sedikit atau yang telah dihadkan.

*Maqṣūr* ialah kata ganti "هُ" dalam "نُؤَخِرُهُ" (Kami menangguhkannya) dan *maqṣūr* ‘*alayh* ialah "لَأَجَلٍ مَّعْدُودٍ" (tempoh yang tertentu). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai objek dan *maqṣūr* ‘*alayh* sebagai *jārr* dan *majrūr*. Penangguhan hari Akhirat (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat berakhir tempoh yang ditetapkan oleh Allah SWT dengan menafikan sifat lain, dan pengkhususan tersebut menepati realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *mā* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pengkhususan dalam ayat ini tidak ditujukan kepada pendengar tertentu dan digunakan untuk situasi penegasan.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk menegaskan kejadian hari Akhirat pada masa yang ditetapkan oleh Allah SWT.

#### 4.1.13 Ayat 105

يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلِّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۗ فَمِنْهُمْ شَقِيٌّ وَسَعِيدٌ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: (pada) masa datangnya (hari Qiamat itu), tiadalah seorang pun dapat berkata-kata (untuk membela dirinya atau memohon pertolongan) melainkan dengan izin Allah SWT, maka di antara mereka ada yang celaka, dan ada pula yang berbahagia.

Menurut Ibn al-Anbārīy (1983: jld.2, hlm.28) frasa { لَا تَكَلَّمُوا } adalah sifat bagi "يَوْمَ", dan frasa "بِإِذْنِهِ" pula adalah *ḥāl* bagi kata kerja "تَكَلَّمُوا". Maksud ayat ini ialah ketika datangnya hari Akhirat tiada suatu makhluk pun boleh bercakap untuk memberi syafaat kepada orang lain atau mengemukakan alasan kecuali jika diizinkan oleh Allah SWT. Penggunaan kata nama am "نَفْسٌ" pula meliputi semua jenis makhluk sama ada yang baik atau jahat tidak boleh bercakap sesuka hati.

Sekiranya tiada siapa boleh bercakap kecuali orang yang dibenarkan oleh Allah SWT pada hari tersebut, maka tentulah ayat ini bertentangan dengan ayat lain yang mengatakan berlaku perdebatan, firman Allah SWT dalam ayat ke-111 dari surah al-Nahl :

﴿ يَوْمَ تَأْتِي كُلُّ نَفْسٍ تُجَادِلُ عَنْ نَفْسِهَا ﴾

Maksudnya: (pada) hari (Qiamat) tiap-tiap diri datang membela dirinya semata-mata.

al-Zajjāj (1994: jld. 3, hlm. 79) menerangkan hari Akhirat memakan masa yang panjang bahkan terdapat pelbagai suasana. Antara suasana tersebut ada yang dilarang bercakap dan ada yang diizinkan bercakap untuk penghujahan dan sebagainya.

*Maqṣūr* ialah "نَفْسٌ" (sesiapa) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "بِإِذْنِهِ" (dengan izin Allah SWT). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *jārr* dan *majrūr* yang didepankan dan *maqṣūr 'alayh* sebagai kata kerja. Sesiapa yang ingin bercakap di hari Akhirat (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat mendapat keizinan dari Allah SWT dengan menafikan semua sifat lain, dan pengkhususan tersebut menepati realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *lā* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.

- Pengkhususan dalam ayat ini digunakan untuk situasi penegasan.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk menegaskan gambaran suasana gerun di hari Akhirat (Abū Ḥayyān, 1992: jld. 6, hlm. 209).

#### 4.1.14 Ayat 116

فَلَوْلَا كَانَ مِنَ الْقُرُونِ مِنْ قَبْلِكُمْ أُولُوا بَقِيَّةَ يَهُودَ عَنْ الْفَسَادِ فِي الْأَرْضِ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّنْ أَنْجَيْنَا مِنْهُمْ ..... ﴿١١٦﴾

Maksudnya: Maka sepatutnya ada di antara umat yang telah dibinasakan dahulu daripada kamu itu, orang-orang yang berkelebihan akal fikiran yang melarang kaumnya dari perbuatan-perbuatan jahat di muka bumi tetapi sayang! Tidak ada yang melarang melainkan sedikit sahaja, iaitu orang-orang yang Kami telah selamatkan di antara mereka ....

Setelah diceritakan tentang umat terdahulu yang telah dibinasakan Allah SWT menegaskan bahawa sebab mereka dihancurkan adalah kerana mereka tidak menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. al-Samīn al-Ḥalabīy (t.t.: jld. 6, hlm. 422) menjelaskan bahawa majoriti sarjana tafsir bersetuju bahawa ayat ini adalah laras kecuali tak sejenis yang menjadikan partikel kecuali bermakna “tetapi”. Menurut Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 224) partikel "لَوْلَا" digunakan untuk gesaan yang disertai dengan unsur sakit hati dan simpati. Makna ayat ini adalah “Sepatutnya ada dalam kalangan umat terdahulu itu golongan yang taat dan mencegah kemungkaran, tetapi sedikit yang Kami selamatkan dari kaum tersebut”.

Namun al-Zamakhshariy (1982: jld. 3, hlm. 298) berpendapat ayat ini boleh diandaikan menjadi laras kecuali sempurna nafi. Pendapat ini turut disokong oleh Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 225) dengan syarat partikel "لَوْلَا" berfungsi untuk penafian,

bukannya gesaan. Maksud ayat ini mengikut pandangan kedua ialah “tidak ada dalam kalangan umat terdahulu golongan yang taat dan mencegah kemungkaran kecuali sedikit”. al-Samīn al-Ḥalabīy (t.t.: jld. 6, hlm. 423) menguatkan pandangan partikel "لَوْلَا" bermaksud penafian dengan bacaan Zayd bin ‘Alī yang membaca dengan kasus nominatif frasa "إِلَّا قَلِيلًا". Menurut bacaan ini, perkataan "قَلِيلًا" menjadi *badal* dan dibaca dengan kasus nominatif. Penulis memilih pandangan al-Zamakhshariy yang mentafsirkan ayat ini bermaksud penafian dan seterusnya mengandungi pengkhususan.

Selepas ayat ini Allah SWT mengulas sikap orang yang tidak mencegah kemungkaran kerana mereka terikut-ikut dengan perbuatan orang yang zalim. Di samping itu mereka tidak menghalang kemungkaran kerana terpedaya dengan nikmat dan kemewahan di dunia. Sikap orang kafir yang ingkar untuk berbuat kebaikan telah menyebabkan mereka ditimpa azab Allah SWT.

*Maqṣūr* ialah kata ganti dalam "أُولُو بَقِيَّةٍ" (orang-orang yang taat) dan *maqṣūr* ‘*alayh* ialah "قَلِيلًا" (sedikit). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *mubdal minh* dan *maqṣūr* ‘*alayh* sebagai *badal*. Sifat mencegah kemungkaran dikhususkan kepada golongan yang sedikit iaitu para Nabi dan pengikut mereka (*mawṣūf*) yang menafikan semua orang, dan pengkhususan tersebut bertepatan dengan realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *law lā* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-*mawṣūf* yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah orang kafir dalam kalangan umat terdahulu. Mereka berada dalam situasi mengingkari perintah Allah SWT yang mahukan manusia mencegah kemungkaran dan melakukan kebaikan.

- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk mencela orang kafir. Ayat ini juga bertujuan untuk memberi dorongan kepada orang lain supaya melakukan kebaikan dan mengugut orang yang melakukan kemungkaran (al-Biqā‘īy, 1975: jld. 9, hlm. 399).

#### 4.1.15 Ayat 123

وَاللَّهُ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ....

Maksudnya: Dan Allah SWT jualah yang mengetahui rahsia langit dan bumi .....

al-Biqā‘īy (1975: jld. 9, hlm. 406) mengatakan maksud ayat ini ialah Allah SWT Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan oleh orang kafir kepada orang Islam, bahkan segala perkara yang zahir dan ghaib di langit mahu pun di bumi tidak terlepas dari pengetahuan-Nya. Menurut al-Qurṭubīy (1993: jld. 9, hlm. 78) ayat ini diandaikan berbunyi "عِلْمُ مَا غَابَ فِيهِمَا". Perkataan "غَيْبٌ" menjadi *muḍāf* kepada perkataan "langit dan bumi" untuk membawa maksud keluasan ilmu Allah SWT.

Dalam ayat sebelum ini Allah SWT memerintahkan RasūlulLāh SAW berkata kepada orang kafir : "Teruskanlah perbuatan kalian dan kami orang Islam akan meneruskan amalan kami dan kalian tunggulah balasan atas segala kejahatan kalian". Ayat tersebut menurut al-Rāzīy (1994: jld. 18, hlm. 82) merupakan ugutan kepada orang kafir Quraisy dan penegasan bahawa orang Islam tidak gentar dengan tipu daya orang kafir walaupun mereka menghalang perjuangan Islam. Oeh itu ayat ini masih termasuk dalam dialog antara orang Islam dengan orang kafir Quraisy. Kaum Quraisy menentang bahawa segala muslihat mereka untuk menjatuhkan Islam tidak dapat disembunyikan daripada pengetahuan Allah SWT.

*Maqṣūr* ialah "غَيْبُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ" (rahsia di langit dan bumi) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "لِلَّهِ" (kepada-Nya). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek yang diakhirkan dan *maqṣūr 'alayh* sebagai predikat yang didepankan. Sifat mengetahui segala perkara yang berlaku di langit dan di bumi dikhususkan kepada Allah SWT (*mawṣūf*) dengan menafikan semua pihak, dan pengkhususan tersebut bertepatan dengan realiti sebenar. Tataqashar yang digunakan ialah pendepanan jār dan *majrūr*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-*mawṣūf* yang menggunakan pendepanan.
- Pendengar ialah orang kafir Quraisy. Mereka berada dalam situasi mengingkari kesempurnaan ilmu Allah SWT yang mengetahui segala kejahatan yang mereka kerjakan. Pendengar berada dalam situasi mengingkari sesuatu perkara.
- Nabi Muḥammad SAW dan orang Islam menggunakan pengkhususan untuk mengancam orang kafir Quraisy tentang kesempurnaan ilmu Allah SWT (al-Biqā'īy, 1975: jld. 9, hlm. 406).

#### 4.1.16 Ayat 123

... وَإِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأَمْرُ كُلُّهُ ...

Maksudnya: ... dan kepadaNya-lah dikembalikan segala urusan ....

Allah SWT menjelaskan bahawa hanya Dia yang mengetahui semua perkara yang berlaku di langit dan bumi, bahkan hanya Dia-lah yang berhak mentadbir urusan orang Islam dan orang kafir termasuklah dalam memberi kemenangan atau kekalahan. Oleh itu, perkataan "الْأَمْرُ" didatangkan dalam bentuk kata nama khas untuk menunjukkan maksud umum iaitu semua perkara (Ibn 'Āsyūr, 1997: jld. 12, hlm. 195).

Setelah Allah SWT menjelaskan kekuasaan-Nya, maka Rasulullah SAW diperintahkan supaya terus beramal dan bertawakkal kepada-Nya kerana Allah SWT mengetahui segala yang dilakukan oleh orang mukmin dan orang kafir. Allah SWT juga berkuasa untuk menghukum setiap makhluk di hari Akhirat dan membalas segala pekerjaan mereka. Ayat terakhir dari surah Hūd ini juga adalah penutup bagi kitab *Tawrāt* (al-Ṭabarīy, 1992: jld. 7, hlm. 145).

Ayat ini merupakan sambungan kepada ayat {وَلِلَّهِ غَيْبُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ} yang bermaksud “Dan Allah SWT jualah yang mengetahui rahsia di langit dan di bumi” dan ia ditujukan kepada orang kafir Quraisy yang ingkar. Dalam ayat ini pula mereka mengingkari bahawa Allah SWT berkuasa penuh untuk mentadbir segala urusan manusia. Sebelum ayat ini Allah SWT mengulas tentang kisah umat terdahulu yang sepatutnya menjadi pengajaran kepada orang kafir Quraisy. Nabi Muhammad SAW diperintahkan supaya berkata kepada orang musyrikin : {وَأَنْتَظِرُوا إِنَّا مُنْتَظِرُونَ} (ayat 122) yang bermaksud “Dan tunggulah (akibat perbuatan kalian); sesungguhnya kami pun menunggu (pula)”. Ayat ini berbentuk ancaman dan ugutan kepada orang kafir yang masih menentang Islam (Ibn ‘Āsyūr, 1997: jld. 12, hlm. 194).

*Maqṣūr* ialah "يُرْجَعُ الْأَمْرُ" (dikembalikan urusan) dan *maqṣūr* ‘alayh ialah "إِلَيْهِ" (kepada-Nya). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *jārr* dan *majrūr* yang didepankan dan *maqṣūr* ‘alayh sebagai kata kerja. Sifat mentadbir dan mengatur semua perkara dikhususkan kepada Allah SWT (*mawṣūf*) dengan menafikan semua pihak, dan pengkhususan tersebut menepati realiti sebenar. Tataqāṣar yang digunakan ialah pendepanan *jārr* dan *majrūr*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *taḥqīqīy* dan jenis sifat-*mawṣūf* yang menggunakan pendepanan.



- Pendengar ialah orang kafir Quraisy. Mereka berada dalam situasi mengingkari kekuasaan Allah SWT dalam mentadbir segala urusan manusia. Pendengar berada dalam situasi mengingkari sesuatu perkara.
- Nabi Muḥammad SAW dan orang Islam menggunakan pengkhususan untuk mengancam orang kafir Quraisy tentang kekuasaan Allah SWT (al-Biqā'īy, 1975: jld. 9, hlm. 407).

#### 4.1.17 Ayat 17

... فَلَا تَكُ فِي مِرْيَةٍ مِّنْهُ إِنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ ... ﴿١٧﴾

Maksudnya: ... oleh itu, janganlah engkau (wahai Muḥammad) menaruh perasaan ragu-ragu terhadap al-Qur'an al-Karim, kerana sesungguhnya al-Qur'an al-Karim itu adalah perkara yang benar dari Tuhanmu ....

Sebelum ayat ini Allah SWT mengesahkan kebenaran Nabi Muḥammad SAW yang diteguhkan dengan penurunan al-Qur'an al-Karim, bahkan dalam kitab *Tawrāt* juga telah diceritakan tentang baginda, Allah SWT berfirman dalam ayat ke-17 :

أَفَمَنْ كَانَ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّهِ وَيَتْلُوهُ شَاهِدٌ مِّنْهُ ﴿١٧﴾

Maksudnya: Jika demikian adakah sama mereka itu dengan orang-orang yang keadaannya sentiasa berlandaskan bukti yang benar dari Tuhannya, dan diikuti oleh kitab suci al-Qur'an al-Karim sebagai saksi dari pihak Tuhan meneguhkan bukti tersebut.

Perkataan "بَيِّنَةٍ" dan "شَاهِدٌ" didatangkan dalam bentuk kata nama am untuk menunjukkan ketinggian darjat pada "bukti" dan "al-Qur'an al-Karim" (Abū al-Su'ūd, 2001: jld. 4, hlm. 23). Allah SWT membandingkan sikap orang beriman yang mempercayai kandungan al-Qur'an al-Karim dengan sikap orang yang menolaknya dan

mereka akan menjadi ahli neraka. Oleh itu Nabi Muḥammad SAW diperintahkan supaya tidak meragui al-Qur'an al-Karim adalah wahyu daripada Allah SWT. Namun al-Qurṭubīy (1993: jld. 9, hlm. 14) menambah kemungkinan juga Nabi Muḥammad SAW diarahkan tidak meragui bahawa nasib orang kafir adalah menjadi ahli neraka.

Abū al-Su'ūd mengatakan tafsiran pertama adalah lebih baik. Dalam ayat ini Nabi Muḥammad SAW seolah-olah disifatkan meragui al-Qur'an al-Karim sedangkan baginda terpelihara dari bersikap demikian. Dalam hal ini al-Syawkānīy (1993: jld. 2, hlm. 683) menjelaskan walaupun zahir ayat ini ditujukan kepada baginda tetapi ia memberi bayangan terhadap makna lain, iaitu ditujukan kepada orang kafir yang meragui al-Qur'an al-Karim. Pendapat ini turut disokong oleh al-Alūsīy (1994: jld. 11, hlm. 43) yang berhujah dengan ayat selepasnya. Dalam ayat ke-17, Allah SWT telah menempelak golongan yang tidak mahu meneliti kandungan al-Qur'an al-Karim iaitu kaum kafir Quraisy, firman Allah SWT :

وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: tetapi kebanyakan manusia tidak percaya kepadanya (al-Qur'an al-Karim).

*Ism inna* ialah kata ganti diri pada perkataan "إِنَّهُ" dan *khavar inna* ialah perkataan "الْحَقُّ". Perkataan "الْحَقُّ" sepatutnya didatangkan dalam bentuk kata nama am tetapi didatangkan dalam bentuk kata nama khas, iaitu dengan penambahan partikel alif-lam untuk tujuan pengkhususan. Pengkhususan ini juga mengukuhkan sifat kepalingan dalam kebenaran al-Qur'an al-Karim (Ibn Āsyūr, 1997: jld. 12, hlm. 31).

Seandainya pesandar tidak ditambah dengan partikel alif-lam maka ayat akan menjadi "إِنَّهُ حَقٌّ". Ayat seperti ini hanya memberitahu tentang kebenaran al-Qur'an al-Karim sedangkan ayat { إِنَّهُ الْحَقُّ } mengkhususkannya sebagai benar dan menafikan selain dari al-Qur'an al-Karim. Pengekhasan perkataan "الْحَقُّ" menunjukkan kesempurnaan

jenis “benar” yang dikhususkan kepada al-Qur’an al-Karim. Ayat { إِنَّهُ الْحَقُّ } juga lebih tegas untuk menyangkal kedegilan pendengar yang ingkar untuk mempercayai al-Qur’an al-Karim.

*Maqṣūr* ialah kata ganti diri pada perkataan "إِنَّهُ" (ia) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "الْحَقُّ" (benar). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *khbar inna* dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai *ism inna*. Sifat benar dikhususkan kepada al-Qur’an al-Karim (*mawṣūf*) dengan menafikan semua perkara, dan pengkhususan tersebut adalah atas dasar kepalingan hinggakan perkara lain yang benar tidak diberi perhatian. Tataqāṣar yang digunakan ialah pengekhasan pesandar pada perkataan "الْحَقُّ".

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah:

- Jenis hakiki *iddi ‘ā’iy* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan kaedah pengekhasan pesandar.
- Pengkhususan dalam ayat ini digunakan dalam situasi memberi bayangan terhadap makna lain. Nabi Muḥammad SAW diperintahkan supaya tidak meragui al-Qur’an al-Karim namun ia memberi bayangan terhadap orang lain iaitu orang kafir yang tidak mempercayai al-Qur’an al-Karim diturunkan oleh Allah SWT.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk mencela orang kafir yang menolak al-Qur’an al-Karim sedangkan al-Qur’an al-Karim adalah benar.

#### 4.1.18 Ayat 16

أُولَئِكَ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ ... ﴿١٦﴾

Maksudnya: Merekalah orang-orang yang tidak ada baginya pada hari Akhirat kelak selain daripada azab neraka ....

Ayat ini menerangkan bahawa orang yang inginkan kesenangan hidup di dunia akan disempurnakan balasan amalan mereka di dunia, namun di hari Akhirat kelak mereka akan dimasukkan ke dalam neraka. Frasa {نُوفٍ إِلَيْهِمْ} yang bermaksud “Kami akan menyampaikan hasil amalan mereka” dan frasa {لَا يِيْخْسُوْنَ} yang bermaksud “Hak mereka tidak akan dikurangi” digunakan bagi menunjukkan makna kepalingan dalam menafikan ketidakadilan dalam pembalasan amalan kebaikan mereka. Malah Allah SWT menjanjikan buat mereka rezeki, kesihatan dan segala kenikmatan dunia setimpal dengan kebaikan yang mereka kerjakan. Perkataan "أُولَئِكَ" ialah kata nama petunjuk untuk sesuatu yang jauh. Menurut Abū al-Su‘ūd (2001: jld. 4, hlm. 20) kata nama petunjuk bagi perkara yang jauh bersesuaian dengan keadaan buruk yang menanti mereka iaitu api neraka dan membawa maksud kehinaan.

Sarjana tafsir berbeza pandangan mengenai golongan yang inginkan kesenangan dunia. Menurut al-Zamakhshariy (1982: jld. 2, hlm. 264) mereka ialah orang kafir atau orang yang melakukan kebaikan kerana riak sama ada orang kafir atau Islam atau orang munafik yang berperang bersama RasūlulLāh SAW. Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 133) mengatakan orang kafir lebih tepat kerana golongan itu dikhususkan kekal di dalam neraka. Di samping itu segala amal kebaikan mereka di dunia menjadi sia-sia dan tidak dapat melindungi mereka dari api neraka.

Sebelum ayat ini Allah SWT mencabar orang kafir Quraisy supaya membuat sepuluh buah surah untuk menandingi kehebatan al-Qur’an al-Karim sekiranya mereka mendakwa bahawa al-Qur’an al-Karim itu hanyalah rekaan Nabi Muḥammad SAW. Namun kegagalan mereka menyahut cabaran tersebut membuktikan kebenaran al-Qur’an al-Karim. Sepatutnya orang kafir mengakui kebenaran Islam dan beriman dengan baginda. Namun mereka tetap berdegil maka Allah SWT menjelaskan mereka tetap akan memperolehi balasan hasil dari kebaikan yang mereka kerjakan di dunia. Walaupun

begitu di hari Akhirat kelak mereka akan dimasukkan ke dalam neraka kerana segala kebaikan mereka di dunia dahulu tidak diberi pahala. Pendengar adalah orang kafir Quraisy yang menentang RasūlulLāh SAW kerana mereka lebih mengutamakan kekayaan di dunia.

*Maqṣūr* ialah kata ganti dalam "لَهُمْ" (bagi mereka) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "النَّارُ" (neraka). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai predikat yang didepankan dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai subjek yang diakhirkan. Orang kafir (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat berada dalam neraka dengan menafikan semua orang, dan pengkhususan tersebut berlaku atas dasar kepalingan. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *laysa* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah:

- Jenis hakiki *iddi ‘ā’īy* dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah kaum kafir Quraisy. Situasi pendengar adalah mengingkari perintah supaya beriman dengan Nabi Muḥammad SAW dan al-Qur’an al-Karim. Pendengar berada dalam situasi mengingkari sesuatu perkara.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk mengancam kaum kafir Quraisy yang enggan beriman dengan balasan api neraka.

#### 4.1.19 Ayat 22

لا جرمَ أَنَّهُمْ فِي الآخِرَةِ هُمُ الْآخِسْرُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: Tidak syak lagi, bahawa sesungguhnya merekalah yang paling rugi, pada hari Akhirat kelak.

Menurut al-Rāzīy (1993: jld. 17, hlm. 213) Allah SWT mencemuh kedegilan orang kafir dan menyebut ciri-ciri kedegilan mereka dalam ayat ke-18 hingga ke-21 iaitu :

- a) Mereka melakukan pendustaan terhadap Allah SWT bahawa berhala mereka juga boleh memberi syafaat di samping Allah SWT.
- b) Amalan mereka akan dibentang di Akhirat dalam keadaan yang memalukan.
- c) Mereka mendapat penghinaan dan dilaknat oleh Allah SWT.
- d) Mereka menolak kebenaran Islam dan selalu berusaha menyelewengkan kebenaran.
- e) Mereka tidak mempercayai kejadian hari Akhirat namun mereka tidak akan terlepas dari azab Allah SWT.
- f) Tiada sesiapa dapat melindungi mereka dari azab dan siksaan mereka akan digandakan.
- g) Mereka menjadi seperti orang yang tidak boleh mendengar dan melihat.
- h) Perbuatan jahat mereka hanya merugikan diri mereka dan segala amalan mereka di dunia dahulu menjadi sia-sia sahaja.

Manakala frasa "لاجرم" menurut al-Darwīsy (1988: jld. 4, hlm. 327) mengandungi tiga tafsiran iaitu :

- a) Sībawayh mengatakan frasa tersebut bermakna "حقّ وثبتّ", makna ayat tersebut menjadi "Memang benar dan patutlah mereka memperolehi kerugian".
- b) al-Zajjāj mengatakan partikel "لا" berfungsi untuk penafian dan kata kerja "جرم" bermaksud "memperolehi". Makna ayat tersebut ialah "Kekufuran tidak memberi manfaat kepada mereka, mereka hanya mendapat kerugian".
- c) al-Fārisīy mengatakan frasa tersebut bermaksud "mesti" atau "tidak syak lagi".

Persamaan antara ketiga-tiga tafsiran di atas ialah kesemuanya mengesahkan orang kafir dalam kerugian. Kedegilan orang kafir menyebabkan mereka patut dicemuh dan

menjadikan mereka orang yang paling rugi antara orang yang rugi kerana perkataan "الْأَخْسَرُونَ" didatangkan dalam bentuk *ism tafdl̄l*. Pengekhasan pesandar "الْأَخْسَرُونَ" dan kewujudan kata ganti nama pemisah "هُم" telah menghasilkan pengkhususan yang menunjukkan maksud kepalingan dan kesempurnaan dalam sifat rugi (Abū al-Su'ūd, 2001: jld. 4, hlm. 24).

Ayat ini mengandungi tiga bentuk penegasan iaitu partikel "إِنَّ", kata ganti nama pemisah dan alif-lam generik. Sekiranya ayat ini didatangkan dalam bentuk yang biasa seperti "أَنْهُمْ أَخْسَرُونَ", sudah tentulah maksud kesempurnaan dan penafian golongan lain sebagai rugi tidak dapat ditonjolkan.

Dalam ayat sebelumnya iaitu ayat ke-18 Allah SWT mempersoalkan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang berbohong terhadap-Nya, firman Allah SWT:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا ۗ

Maksudnya: Dan tidak ada yang lebih zalim daripada orang-orang yang mereka-reka perkara-perkara dusta terhadap Allah!.

Kata tanya "مَنْ" di atas menurut al-Syawkānīy (1993: jld. 2, hlm. 684) adalah berbentuk laras tanya ingkar yang bertujuan untuk mencela. Ayat ini juga membuktikan bahawa perkara yang paling zalim ialah menuduh Allah SWT mempunyai anak dan berhala itu mampu mendekatkan manusia kepada-Nya serta mendakwa al-Qur'an al-Karim bukan diturunkan oleh Allah SWT. Orang yang paling rugi dalam ayat ke-22 merujuk kepada golongan tersebut (al-Khāzin, 1995: jld. 5, hlm. 478). Segala tuduhan dan perbuatan orang kafir tersebut menunjukkan mereka amat kuat menentang dan mengingkari perintah Allah SWT. Penentangan mereka itu pula dibalas dengan celaan dari Allah SWT seperti yang telah dinyatakan dalam ayat 18 hingga 21.

*Maqṣūr* ialah perkataan "الْأَخْسَرُونَ" (orang yang paling rugi) dan *maqṣūr 'alayh* ialah kata ganti dalam "أَنَّهُمْ" (mereka). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai predikat yang didepankan dan *maqṣūr 'alayh* sebagai subjek yang diakhirkan. Sifat kerugian di Akhirat dikhususkan kepada orang kafir (*mawṣūf*) dengan menafikan semua orang, dan pengkhususan tersebut berlaku atas dasar kepalingan. Tataqāṣar yang digunakan ialah pengekhasan pesandar pada perkataan "الْأَخْسَرُونَ" dan kata ganti nama pemisah "هُم".

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah:

- Jenis hakiki *iddi 'ā'īy* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan kaedah pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah.
- Pendengar ialah orang-orang kafir. Mereka berada dalam situasi mengingkari perintah Allah SWT dengan menyekutukan Allah SWT dan mendakwa al-Qur'an al-Karim bukan diturunkan oleh Allah SWT. Pendengar berada dalam situasi mengingkari sesuatu perkara.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk mencela orang kafir sebagai orang yang paling rugi.

#### 4.1.20 Ayat 50

... إِنَّ أَنْتُمْ إِلَّا مُفْتَرُونَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya: ... kamu hanyalah orang-orang yang mengada-adakan perkara-perkara yang dusta (terhadap Allah SWT).

Menurut al-Ṭabarīy (1992: jld. 7, hlm. 57) kaum 'Ād mensyirikkan Allah SWT dengan berhala rekaan mereka bahkan mereka mengatakan yang Allah SWT memerintahkan mereka supaya menyembah berhala itu. Perbuatan syirik mereka dan



dakwaan mereka terdapat tuhan lain selain daripada Allah SWT adalah satu pembohongan yang dicipta untuk memburuk-burukkan Allah SWT.

Kaum 'Ād menentang konsep *ulūhīyyat* Allah SWT dan konsep tauhid yang disampaikan oleh Nabi Hūd AS. Dalam ayat sebelumnya Nabi Hūd AS memerintahkan mereka supaya tidak menyekutukan Allah SWT kerana Dia-lah satu-satunya tuhan. Nabi Hūd AS seterusnya mengatakan bahawa penyembahan berhala adalah pembohongan terbesar mengenai hakikat ketuhanan. Dalam ayat ini mereka dikhususkan dengan sifat sengaja berdusta, seolah-olah sifat lain tidak diambil kira.

*Maqṣūr* ialah "أَنْتُمْ" (kalian) iaitu *mawṣūf* dan *maqṣūr* 'alayh ialah "مُفْتَرُونَ" (berbohong) iaitu sifat. Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek dan *maqṣūr* 'alayh sebagai predikat. Kaum 'Ād dikhususkan dengan sifat mereka pembohongan terhadap Allah SWT dengan menafikan sifat lain, dan pengkhususan tersebut berlaku atas dasar kepalingan. Tataqaṣar yang digunakan ialah partikel *īn* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *iddi 'ā'iy* dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah kaum 'Ād iaitu kaum Nabi Hūd AS yang kafir. Mereka berada dalam situasi mengingkari suruhan supaya menyembah Allah SWT, bahkan mereka telah melakukan pendustaan apabila menyembah selain daripada Allah SWT. Pendengar berada dalam situasi mengingkari sesuatu perkara.
- Nabi Hūd AS menggunakan pengkhususan untuk mencela dan mengingkari pendustaan kaum 'Ād (Ibn 'Āsyūr, 1997: jld. 12, hlm. 95).

#### 4.1.21 Ayat 54

﴿٥٤﴾ ... إِنَّ نَقُولُ إِلَّا أَعْتَرْنَاكَ بَعْضُ ءِالِهَتِنَا بِسُوءٍ

Maksudnya: "Kami hanya boleh berkata bahawa setengah dari tuhan-tuhan kami telah mengenakanmu sesuatu penyakit gila (disebabkan engkau selalu mencaci penyembahan kami itu)"....

Nabi Hūd AS menyeru kaumnya supaya menyembah Allah SWT, namun mereka enggan meninggalkan berhala mereka kerana baginda dituduh tidak mendatangkan bukti kukuh mengenai kerasulannya. Baginda dituduh menyeleweng dari agama mereka akibat terkena sumpahan sebahagian berhala yang menjadikan baginda meracau dan bercakap perkara yang tidak masuk akal. Hal itu berlaku kerana baginda telah menghina berhala itu dan menafikan kekuasaannya (al-Khāzin, 1995: jld. 2, hlm. 489).

Menurut Ṭanṭāwī (2007: jld.7, hlm.224) frasa {بَعْضُ ءِالِهَتِنَا} yang bermaksud “sebahagian dari tuhan kami” digunakan, dan bukan “semua” adalah untuk mengancam baginda bahawa jika semua berhala itu marah, maka tentulah baginda akan binasa. Abū al-Su‘ūd (2001: jld. 4, hlm. 54) menjelaskan ayat ini bermaksud “Kami rasa kata-katamu wahai Hūd tidak boleh dinilai betul atau salah kerana engkau meracau disebabkan penyakit gilamu, lalu bagaimana kami boleh mempercayai kata-katamu dan mengikutimu?”.

Menurut al-Zamakhsyarīy (1982: jld. 2, hlm. 176) tuduhan kaum ‘Ād itu menunjukkan mereka mempercayai bahawa berhala itu berkuasa mendatangkan kebaikan dan kecelakaan kepada orang lain. Mereka menganggap baginda mengingkari dan menentang keupayaan berhala mereka, maka gaya penafian dengan pengecualian sesuai

digunakan. Sebelum ayat ini mereka berkeras tidak mahu meninggalkan penyembahan berhala, firman Allah SWT dalam ayat ke-53 :

وَمَا نَحْنُ بِتَارِكِي آلِهَتِنَا عَنْ قَوْلِكَ وَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾

Maksudnya: dan kami sekali-kali tidak akan meninggalkan sembahhan-sembahhan kami kerana perkataanmu, dan kami sekali-kali tidak akan mempercayai kamu.

Nabi Hūd AS menentang dan mengingkari kaumnya apabila mengajak mereka menyembah Allah SWT. *Maqṣūr* ialah kata ganti dalam "نَقُولُ" (kami berkata) dan *maqṣūr* 'alayh ialah "اعْتَرَاكَ بَعْضُ آلِهَتِنَا" (kamu disumpah berhala kami). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai pelaku dan *maqṣūr* 'alayh sebagai objek. Kata-kata kaum 'Ād (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat bahawa Nabi Hūd AS terkena sumpahan berhala mereka dengan menafikan sifat lain, dan pengkhususan tersebut berlaku mengikut andaian penutur sahaja. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *īn* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *iddi 'ā'iy* dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah Nabi Hūd AS. Baginda berada dalam situasi sebagai pendengar yang mengingkari keupayaan berhala kaumnya untuk mendatangkan kemudharatan kepada dirinya. Pendengar berada dalam situasi mengingkari sesuatu perkara.
- Kaum 'Ād menggunakan pengkhususan untuk menuduh Nabi Hūd AS merepek dalam percakapannya.

#### 4.1.22 Ayat 63

... فَمَا تَزِيدُونَنِي غَيْرَ تَحْسِيرٍ ﴿٦٣﴾

Maksudnya: ... oleh itu, kamu tidak menambah sesuatu kebaikan pun bagiku selain daripada perkara yang merugikan.

Kaum Thamūd pernah berharap agar Nabi Ṣāliḥ AS menjadi pemimpin mereka, namun apabila baginda melarang mereka menyembah berhala, mereka berubah fikiran. Mereka menuduh dakwah baginda sebagai pembohongan. Baginda menjawab: “Kalian andaikan bahawa aku berkata benar dan telah menerima wahyu daripada Allah SWT, maka tiada siapa akan menolongku jika aku mengabaikan perintah Allah SWT supaya menyeru kalian menyembah-Nya”.

Menurut al-Rāzīy (1994: jld. 18, hlm. 20) baginda menambah “Jika aku menuruti kehendak kalian supaya membiarkan kalian dalam kekufuran dan mengabaikan tugas dakwah ini, tentulah hal itu akan menyebabkan aku menjadi orang yang rugi dan mengundang kemarahan Allah SWT”. al-Khāzin (1995: jld. 2, hlm. 491) berkata ayat ini bukan bermaksud bahawa baginda telah kerugian dan jika baginda menuruti kehendak kaumnya baginda akan bertambah rugi. Malahan penggunaan gaya bahasa tersebut bersesuaian untuk menolak hujah pendengar yang degil serta menunjukkan makna kepalingan.

Kaum Thamūd memang meragui kebenaran dakwah yang disampaikan oleh baginda berdasarkan ayat ke-62, firman Allah SWT :

وَإِنَّا لَفِي شَكٍّ مِّمَّا تَدْعُونَا إِلَيْهِ مُرِيبٍ ﴿٦٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya kami berada dalam keadaan ragu-ragu yang merunsingkan tentang apa yang engkau serukan kami kepadanya.

Mereka meragui seruan Nabi Ṣāliḥ AS supaya meninggalkan sembah berhala yang telah diamalkan sejak turun temurun, firman Allah SWT dalam ayat ke-62 :  $\{ \text{أَتَنهَانَا أَنْ } \}$   $\{ \text{نَعْبُدُ مَا يَعْبُدُ آبَاؤُنَا } \}$  yang bermaksud “Apakah kamu melarang kami untuk menyembah apa yang disembah oleh bapa-bapa kami ?”

*Maqṣūr* ialah kata ganti "ي" dalam "تَزِيدُونِي" (menambahkanku) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "تَحْسِيرًا" (kerugian). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai objek pertama dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai objek kedua. Sikap menuruti kehendak orang kafir (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat memperoleh kerugian pada diri Nabi Ṣāliḥ AS dengan menafikan sifat lain, dan pengkhususan tersebut berlaku mengikut andaian penutur sahaja. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *mā* dan partikel *ghayr*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *iddi ‘ā’īy* dan jenis *mawṣūf-sifat* yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah kaum Nabi Ṣāliḥ AS. Mereka berada dalam situasi meragui kebenaran dakwah yang disampaikan oleh baginda. Pendengar berada dalam situasi meragui sesuatu perkara.
- Nabi Ṣāliḥ AS menggunakan pengkhususan untuk mengesahkan pendiriannya bahawa baginda berada di pihak yang benar.

#### 4.1.23 Ayat 87

... إِنَّكَ لَأَنْتَ الْحَلِيمُ الرَّشِيدُ

Maksudnya: ... sesungguhnya engkau (wahai Syu‘ayb) adalah orang yang penyabar, lagi bijak berakal.

Nabi Syu‘ayb AS menyuruh kaumnya meninggalkan sembah berhala dan menyempurnakan timbangan dalam urusan jualbeli. Nabi Syu‘ayb AS juga rajin mendirikan solat dan kaumnya selalu mentertawakannya ketika baginda mengerjakan solat (al-Zamakhsyariy, 1982: jld. 2, hlm. 286), firman Allah SWT dalam ayat ke-87 :

قَالُوا يَشْعِبُ أَصْلَوْتُكَ تَأْمُرُكَ أَنْ نَتْرِكَ مَا يَعْبُدُ آبَاؤُنَا

Maksudnya: Mereka berkata: "Wahai Syu‘ayb! Adakah solatmu menyuruh engkau perintahkan kami supaya meninggalkan apa yang disembah oleh datuk nenek kami?"

Kata tanya dalam "أَصْلَوَاتُكَ" adalah laras tanya ingkar yang bertujuan untuk mengejek dan mencemuh (al-Syawkāniy, 1993 : jld. 2, hlm. 723). Kaum Nabi Syu‘ayb AS menganggap baginda cuba untuk menentang mereka kerana baginda menyuruh mereka meninggalkan agama yang mereka warisi turun temurun dan kebiasaan mereka yang mengurangi timbangan. Mereka amat memusuhi baginda hinggakan mereka mengugut untuk membunuhnya, firman Allah SWT dalam ayat ke-91 :

وَلَوْلَا رَهْطُكَ لَرَجَمْنَاكَ

Maksudnya : dan kalau tidaklah kerana kaum keluargamu, tentulah kami telah melemparmu (dengan batu hingga mati).

Hal ini membuktikan kaum Nabi Syu‘ayb AS menganggap baginda menentang dan mengingkari mereka.

Ayat {إِنَّكَ لَأَنْتَ الْحَلِيمُ الرَّشِيدُ} bukan bertujuan untuk memuji baginda, bahkan maksud mereka adalah lawan bagi sifat tersebut iaitu baginda bodoh dan sesat (al-Ṭabariy, 1992: jld. 7, hlm. 101). Pendapat ini disokong oleh al-Uramiyy (2001: jld. 13, hlm. 207) bahawa ayat ini mengandungi *isti‘ārat tab‘īyyat*, perkataan "الْحَلِيمُ" (lembut hati) dan "الرُّشْدُ" (bijak) dipinjamkan untuk menunjukkan maksud bodoh dan sesat.

Namun al-Alūsīy (1994: jld. 11, hlm. 177) berpendapat kemungkinan mereka berniat untuk menyifatkan baginda dengan sifat tersebut. Makna ayat ini diandaikan berbunyi “Engkau memang masyhur dalam kalangan kaum kita dengan berlembut hati dan bijak, maka kami merasa hairan bagaimana orang yang mempunyai sikap seperti itu menyuruh kami meninggalkan agama nenek moyang kami?”. Penulis berpendapat bahawa tujuan untuk mempersendakan lebih tepat kerana bersesuaian dengan kenyataan sebelumnya yang juga bertujuan untuk mempersendakan baginda.

Ayat ini mengandungi empat jenis penegasan iaitu partikel "إِنَّ", "الْمُرْحَلَّة", "لَا", kata ganti nama pemisah "أَنْتَ" dan alif-lam generik. Sifat lembut hati dan bijak dikhususkan kepada baginda iaitu *mawṣūf* hingga diandaikan orang lain yang bersifat sedemikian tidak wujud. *Ism inna* adalah kata ganti diri pada perkataan "إِنَّكَ" dan *khavar inna* adalah perkataan "الْحَلِيم". Pengkhususan berlaku antara *ism inna* dan *khavar inna*.

*Maqṣūr* ialah kata ganti diri dalam "إِنَّكَ" (kamu) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "الْحَلِيم" (bodoh dan sesat). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *khavar inna* dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai *ism inna*. Sifat bodoh dan sesat dikhususkan kepada Nabi Syu‘ayb AS (*mawṣūf*) dengan menafikan semua orang dan pengkhususan tersebut berlaku mengikut andaian penutur sahaja. Tataqāṣar yang digunakan ialah pengekhasan pesandar pada perkataan "الْحَلِيم" dan "الرَّشِيد" dan kata ganti nama pemisah "أَنْتَ".

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *iddi ‘ā’iy* dan jenis sifat-*mawṣūf* yang menggunakan kaedah pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah.
- Pendengar ialah Nabi Syu‘ayb AS. Baginda dianggap oleh kaumnya sebagai mengingkari agama nenek moyang mereka dan adat mereka. Pendengar berada dalam situasi mengingkari sesuatu perkara.

- Kaum Nabi Syu‘ayb AS menggunakan pengkhususan untuk mempersendakan dan mengejek Nabi Syu‘ayb AS.

#### 4.1.24 Ayat 101

... فَمَا أَغْنَتْ عَنْهُمْ آلِهَتُهُمُ الَّتِي يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ لَمَّا جَاءَ أَمْرُ رَبِّكَ وَمَا زَادُوهُمْ غَيْرَ تَتْبِيبٍ ﴿١٠١﴾

Maksudnya: ... maka berhala-berhala yang mereka sembah selain dari Allah SWT itu tidak dapat menolong mereka sedikit pun pada masa datangnya azab Tuhanmu; dan penyembahan yang mereka lakukan itu hanya menambahkan kerugian sahaja kepada mereka.

Setelah Allah SWT menceritakan kisah para Nabi dan balasan yang menimpa kaum mereka, Allah SWT menjelaskan bahawa Dia tidak menzalimi mereka itu, bahkan perbuatan mereka menyebabkan mereka layak dibinasakan. Menurut Ṭanṭāwī (2007: jld. 7, hlm. 271) frasa {مِنْ شَيْءٍ} telah mengukuhkan penafian bahawa berhala yang disembah oleh orang kafir tidak boleh memberi manfaat kepada mereka. Frasa ini pula {جَاءَ أَمْرُ رَبِّكَ} mengandungi kiasan tentang kedatangan azab Allah SWT (Salāmat, 2002: hlm. 133).

Abu al-Su‘ūd (2001: jld. 4, hlm. 74) menambah kata kerja "يَدْعُونَ" menggunakan bentuk masa kini, sedangkan maksud ayat merujuk kepada masa lampau untuk menunjukkan orang kafir itu berterusan menyembah berhala. Kata ganti nama *waw* dalam kata kerja "زَادُوهُمْ" yang sepatutnya digunakan bagi orang yang berakal tetapi digunakan bagi berhala-berhala kerana orang kafir itu mengandaikan berhala mereka berakal hingga mampu memberi manfaat atau mudarat kepada orang lain (Abū Ḥayyān, 1992: jld. 6, hlm. 206).



*Maqṣūr* ialah kata ganti dalam "زَادُوهُمْ" (menambahkan mereka) dan *maqṣūr* 'alayh ialah "تَتَيْب" (kerugian). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai objek pertama dan *maqṣūr* 'alayh sebagai objek kedua. Orang yang menyembah berhala (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat mendapat kerugian dengan menafikan semua sifat, dan pengkhususan tersebut berlaku atas dasar kepalingan seakan-akan tiada sifat lain yang layak untuk mereka. Tataqasar yang digunakan ialah partikel *mā* dan partikel *ghayr*.

Sebelum ayat ini Allah SWT menampelak kaum Madyan dan Thamūd yang telah dibinasakan. Kisah Firaun yang memimpin kaumnya untuk menentang Nabi Mūsā AS juga diceritakan. Firaun dan pengikutnya mendapat laknat dari Allah SWT dengan ditenggelamkan di dunia. Bahkan di Akhirat nanti mereka akan dilaknat dengan menjadi ahli neraka. Konteks ayat ini dan ayat sebelumnya tertumpu kepada penentangan dan pengingkaran orang kafir yang menyembah berhala.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *iddi 'ā'iy* dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah orang kafir yang menyembah berhala dalam kalangan umat terdahulu. Mereka berada dalam situasi mengingkari perintah supaya menyembah Allah SWT. Pendengar berada dalam situasi mengingkari sesuatu perkara.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk mencela perbuatan menyembah berhala yang hanya merugikan orang kafir.

#### 4.1.25 Ayat 109

... مَا يَعْبُدُونَ إِلَّا كَمَا يَعْبُدُ آبَاؤُهُمْ مِّن قَبْلُ ...

Maksudnya: ... mereka tidak menyembah melainkan sama seperti yang disembah oleh datuk nenek mereka yang musyrik dahulu.

Setelah Allah SWT menceritakan kisah umat-umat terdahulu yang menyembah berhala serta nasib orang yang bahagia dan orang yang menderita di hari Akhirat, Allah SWT menerangkan keadaan orang kafir Quraisy. Menurut al-Zamakhshariy (1982: jld. 2, hlm. 293) ayat ini bertujuan untuk menghiburkan RasūlulLāh SAW supaya merasa yakin bahawa orang kafir itu adalah sesat. Frasa {مَا يَعْبُدُونَ إِلَّا كَمَا يَعْبُدُ آبَاؤُهُمْ} menjelaskan bahawa cara sembah mereka menyerupai sembah nenek moyang mereka. Mereka akan menerima nasib yang sama seperti nenek moyang mereka yang telah dihancurkan.

Oleh itu ayat ini mengandungi simile, manakala ciri setara antara sembah mereka dengan sembah nenek moyang mereka ialah kedua-duanya menyesatkan dan dilakukan secara membabi buta.

Frasa {كَمَا يَعْبُدُ} menggunakan kata kerja masa depan, sedangkan frasa itu sepatutnya bermaksud masa lampau kerana ingin menerangkan sifat mereka yang berterusan menyembah berhala sejak dari zaman dahulu hinggalah ke zaman generasi seterusnya (Ṭanṭāwī, 2007: jld. 1, hlm. 281). Dalam ayat ini keadaan sembah mereka dikhususkan menyerupai sifat sembah nenek moyang mereka sehinggakan keadaan lain tidak dipedulikan. Menurut Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 216) pada zahir ayat ini ditujukan kepada RasūlulLāh SAW namun ia disasarkan kepada orang yang menaruh syak supaya jangan meragui bahawa sembah orang kafir adalah menyesatkan. Gaya penafian dengan pengecualian dalam ayat ini bersesuaian dengan situasi pendengar yang ragu-ragu. Ayat ini diandaikan bermaksud "مَا يَعْبُدُونَ عِبَادَةَ إِلَّا كَعِبَادَةِ آبَائِهِمْ", perkataan "عِبَادَةَ" yang pertama adalah kata nama penguat yang diandaikan wujud (al-Alūsīy, 1994, jld. 11, hlm. 221).

*Maqṣūr* ialah "يَعْبُدُونَ عِبَادَةً" (cara ibadat orang kafir) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "كَمَا يَعْْبُدُ آبَاؤُهُمْ" (menyerupai cara datuk nenek mereka). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai kata kerja dan *maqṣūr 'alayh* sebagai kata nama penguat. Cara ibadat orang kafir (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat meniru perbuatan datuk nenek mereka dengan menafikan sifat lain, dan pengkhususan tersebut berlaku atas dasar kepalingan. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *mā* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis hakiki *iddi 'ā'īy* dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar dalam ayat ini ialah orang yang meragui bahawa sembah orang kafir adalah menyesatkan. Pendengar berada dalam situasi meragui perkara tersebut.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk mengesahkan bahawa orang kafir menuruti nenek moyang mereka tanpa berfikir.

## 4.2 Penutup

Terdapat 17 ayat yang mengandungi pengkhususan jenis hakiki *taḥqīqīy* dan 11 ayat yang mengandungi jenis hakiki *iddi 'ā'īy*. Semua ayat tersebut menggunakan gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah.

Pengkhususan jenis hakiki digunakan dalam situasi pendengar mengingkari sesuatu perkara, tidak mengetahui sesuatu perkara, meragui sesuatu perkara, penegasan, luahan perasaan penutur dan memberi bayangan terhadap makna lain.

Tujuan penggunaan pengkhususan jenis hakiki adalah untuk menggesa, menegaskan, memaklumkan, mengancam, mencela, mengejek, menuduh, mengesahkan dan mempersendakan.

Terdapat tiga ayat yang merupakan laras kecuai tak sejenis tetapi ditafsirkan oleh sebahagian sarjana sebagai laras kecuai sempurna nafi yang dianggap mengandungi gaya bahasa pengkhususan. Ayat-ayat tersebut ialah :

- { لَا عَاصِمَ الْيَوْمَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِلَّا مَنْ رَحِمَ } ayat 43.
- { لَا يَلْتَفِتْ مِنْكُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَمْرَاتِكَ } ayat 81.
- { فَلَوْلَا كَانَ مِنَ الْقُرُونِ مِنْ قَبْلِكُمْ أُولُو بَقِيَّةٍ يَنْهَوْنَ عَنِ الْفَسَادِ إِلَّا قَلِيلًا } ayat 116.

Penulis menemui mengandungi tiga ayat yang mengandungi tujuan pengkhususan yang berlainan kerana perbezaan pandangan sarjana tafsir. Dalam keadaan tersebut penulis memilih tujuan yang paling hampir dengan konteks ayat, iaitu :

- { فَلَوْلَا كَانَ مِنَ الْقُرُونِ مِنْ قَبْلِكُمْ أُولُو بَقِيَّةٍ يَنْهَوْنَ عَنِ الْفَسَادِ إِلَّا قَلِيلًا } (ayat 116) : Ayat ini bertujuan untuk mencela orang kafir yang tidak mencegah kemungkaran atau mendorong orang lain supaya melakukan kebaikan.
- { وَإِلَيْهِ أُنِيبُ } (ayat 88) : Ayat ini bertujuan untuk menegaskan penyerahan nasib kepada Allah SWT atau melemahkan hasrat orang kafir yang ingin menyakiti Nabi Syu'ayb AS.
- { إِنَّ رَبَّكَ هُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ } (ayat 66) : Ayat ini bertujuan untuk menegaskan kekuasaan Allah SWT untuk menimpakan azab kepada kaum Quraisy seperti mana Allah SWT membinasakan kaum Thamūd atau menghiburkan RasūlalLāh SAW yang berdukacita dengan penentangan kaumnya.

Dalam ketiga-tiga ayat tersebut penulis telah memilih tujuan yang pertama.

## BAB 5

### ANALISIS PENGGUNAAN PENGKHUSUSAN JENIS *IDĀFĪY* DALAM SURAH HŪD

#### 5.0 Pendahuluan

Bab lima ini mengandungi analisis ayat-ayat yang mengandungi pengkhususan jenis *iḍāfīy* dalam surah Hūd. Ayat yang mengandungi pengkhususan dikelaskan kepada jenis qalbi dan *ifrād*. Perkara yang dianalisis ialah jenis tataqāṣar, jenis pengkhususan, situasi dan tujuan pengkhususan.

#### 5.1 Jenis Qalbi

Ayat yang mengandungi pengkhususan jenis qalbi adalah seperti berikut :

##### 5.1.1 Ayat 7

... إِنَّ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: ... tentulah orang-orang yang ingkar akan berkata: "Ini tidak lain, hanyalah seperti sihir yang nyata (tipuannya)".

Menurut al-Zamakhsharīy (1982: jld. 2, hlm. 259) Nabi Muḥammad SAW disuruh supaya memberi hujah kepada orang kafir bahawa jika Allah SWT yang menjadikan langit dan bumi, maka tentulah Dia yang berkuasa membangkitkan manusia selepas mati untuk menyempurnakan pembalasan amalan mereka. Jenis pengkhususan dalam ayat ini ialah *iḍāfīy* kerana orang kafir enggan mempercayai kejadian kebangkitan semula

walaupun RasūlulLāh SAW mengatakan ia akan berlaku. Mereka mendakwa kebangkitan semula adalah satu penipuan seperti mana sihir yang berbentuk penipuan. Oleh itu ayat ini mengandungi simile, dan ciri setara antara *musyabbah* dengan *musyabbah bih* ialah menipu dan tidak boleh dipercayai. Kejadian kebangkitan semula yang menjadi *mawṣūf* dikhususkan dengan sifat penipuan.

Menurut al-Rāzīy (1994: jld. 17, hlm. 196) perkataan "هَذَا" (ini) dalam ayat tersebut ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran antaranya :

- a) Kata-kata RasūlulLāh SAW mengenai kewujudan kebangkitan semula yang merupakan helah ciptaan baginda.
- b) Hari kebangkitan semula.
- c) al-Qur'an al-Karim yang menceritakan tentang hari kebangkitan semula.
- d) Nabi Muḥammad SAW dan ilmu sihir, kedua-duanya berunsurkan penipuan.

Selepas ayat ini diterangkan sikap orang kafir yang mengejek hari kebangkitan semula dengan memintanya dipercepatkan, firman Allah SWT dalam ayat ke-8 :

وَلَيْنَ أَخْرَجْنَا عَنْهُمُ الْعَذَابَ إِلَىٰ أُمَّةٍ مَّعْدُودَةٍ لِّيَقُولُوا ۚ مَا نَحْنُ بِمُحْسَبِيهِ

Maksudnya: Dan sesungguhnya jika Kami tangguhkan azab dari mereka sampai kepada suatu waktu yang ditentukan niscaya mereka akan berkata: "Apakah yang menghalanginya?"

*Maqṣūr* ialah "هَذَا" (ini) dan *maqṣūr* 'alayh ialah "سِحْرٌ" (sihir). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek dan *maqṣūr* 'alayh sebagai predikat. Kejadian kebangkitan semula (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat seperti sihir dengan menafikan pandangan RasūlulLāh SAW yang mengatakannya benar dan akan berlaku.

Pengkhususan didatangkan untuk mengesahkan perkara sebaliknya, iaitu kebangkitan semula adalah penipuan. Tataqashar yang digunakan ialah partikel *in* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis mawṣūf-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar dalam ayat ini ialah RasūlulLāh SAW yang dianggap oleh kaum Quraisy sebagai menentang dan mengingkari kerana mempercayai kejadian kebangkitan semula. Situasi pendengar adalah mengingkari pandangan kaum kafir Quraisy.
- Orang kafir Quraisy menggunakan pengkhususan untuk mempersendakan kejadian kebangkitan semula.

### 5.1.2 Ayat 12

... إِنَّمَا أَنْتَ نَذِيرٌ ... ﴿١٢﴾

Maksudnya: ... sesungguhnya engkau hanyalah seorang Rasul pemberi amaran kepada orang-orang yang ingkar ....

Orang kafir Quraisy enggan mengakui al-Qur'an al-Karim sebagai wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT. Malah mereka menuntut supaya baginda dikukuhkan dengan dua bukti lain iaitu dikurniakan harta yang banyak dan diutuskan malaikat bersamanya. Menurut al-Qurṭubīy (1993: jld. 9, hlm. 10) mereka mahukan RasūlulLāh SAW mendatangkan kitab lain yang tidak mengandungi cercaan terhadap berhala mereka, jika tidak mereka tidak akan menuruti baginda. RasūlulLāh SAW merasa berat untuk

menyampaikan perkara yang menjadi bahan tertawa dan tidak disukai oleh kaumnya. Oleh itu Allah SWT mengingatkannya supaya meneruskan tugasnya.

Baginda SAW tidak mengingkari tugasnya untuk menyampaikan risalah Allah SWT malah baginda telah pun mengetahui kewajibannya. Hal ini dikukuhkan lagi dengan kata-kata al-Rāzīy (1994: jld. 17, hlm. 200) bahawa ayat sebelumnya iaitu  $\{فَلَعَلَّكَ تَارِكٌ بَعْضٌ\}$  {مَا يُوحَىٰ إِلَيْكَ} yang bermaksud “Jangan-jangan engkau akan meninggalkan sebahagian dari yang diwahyukan kepadamu” bertujuan memberi galakan kepada baginda. Oleh itu Allah SWT melarang baginda dari menuruti kehendak orang kafir itu atau mempedulikan kebodohan dan keangkuhan mereka (al-Zamakhsharīy, 1982: jld. 2, hlm. 288). Nabi Muḥammad SAW ditugaskan untuk memberi amaran dan tidak sampai ke tahap dapat memaksa mereka menerima Islam (al-Biqā’īy, 1975: jld. 9, hlm. 246).

*Maqṣūr* ialah "أَنْتَ" (kamu) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "نَذِيرٌ" (pemberi amaran). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai predikat. Nabi Muḥammad SAW (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat sebagai utusan Allah SWT dengan menafikan tanggungjawabnya untuk memastikan kaumnya menerima seruannya atau melarangnya dari mempedulikan ejekan mereka. Hal ini dikukuhkan oleh ayat selepasnya yang mengatakan Allah SWT yang bertanggungjawab menguruskan semua perkara termasuk menghukum orang kafir, firman Allah SWT dalam ayat ke-12 :  $\{وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ\}$  yang bermaksud: “Allah SWT jualah Pentadbir yang menguruskan tiap-tiap sesuatu”. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *innamā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan partikel *innamā*.
- Pendengar ialah Nabi Muḥammad SAW. Baginda berada dalam situasi telah mengetahui bahawa dirinya adalah utusan Allah SWT untuk memberi amaran



kepada orang yang ingkar. Pendengar berada dalam situasi telah mengetahui sesuatu perkara.

- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk memuliakan dan menyokong Nabi Muḥammad SAW (al-Rāzīy, 1994: jld. 17, hlm. 201).

### 5.1.3 Ayat 14

فَالَّذِينَ يَسْتَجِيبُوا لَكُمْ فَاعْلَمُوا أَنَّمَا أُنزِلَ بِعِلْمِ اللَّهِ .... ﴿١٤﴾

Maksudnya: Oleh itu, jika mereka (penolong-penolong kamu) tidak dapat melaksanakan permintaan kamu (untuk membuat surah-surah yang sebanding dengan al-Qur'an al-Karim), maka ketahuilah bahawa al-Qur'an al-Karim itu diturunkan hanyalah menurut pengetahuan Allah SWT ....

Orang kafir Quraisy mendakwa al-Qur'an al-Karim bukan diturunkan oleh Allah SWT tetapi rekaan Nabi Muḥammad SAW dan baginda berbohong bahawa al-Qur'an al-Karim adalah wahyu Allah SWT. Maka baginda disuruh supaya mencabar mereka untuk membuat sepuluh buah surah yang setanding dengan al-Qur'an al-Karim dari sudut bahasa dan susunannya. Mereka juga disuruh meminta tolong dari berhala yang mereka sembah untuk membuat surah itu.

Menurut al-Syawkānīy (1993: jld. 2, hlm. 680) kata ganti "لَكُمْ" dalam ayat ini mungkin ditujukan kepada RasūlulLāh SAW dan orang Islam atau ditujukan kepada orang kafir. Sekiranya ditujukan kepada baginda dan orang Islam, maka ayat itu bermaksud "Jika orang kafir itu gagal menyahut cabaran tersebut, yakinlah wahai Muḥammad dan kaum muslimin bahawa hanya Allah SWT yang mengetahui susunan al-Qur'an al-Karim". Sekiranya ditujukan kepada orang kafir, maka ayat itu bermaksud "Jika penolong yang kamu seru tidak dapat menyiapkan surah itu, yakinlah hanya Allah

SWT yang mengetahui susunan al-Qur'an al-Karim dan tiada sesiapa dapat menirunya". Menurut al-Syawkānīy dan Ṭanṭāwī (2007: jld. 7, hlm. 176) pandangan kedua bahawa ayat ini ditujukan kepada orang kafir adalah lebih tepat kerana ayat sebelumnya memang menceritakan perihal orang kafir.

al-Rāzīy mengatakan (1994: jld. 17, hlm. 205) frasa {أُنزِلَ بِعِلْمِ اللَّهِ} yang bermaksud "Diturunkan menurut pengetahuan Allah SWT" adalah kiasan bahawa al-Qur'an al-Karim diturunkan oleh Allah SWT. Sebelum ayat ini orang kafir mengingkari al-Qur'an al-Karim sebagai wahyu Allah SWT, lalu tentangan mereka ditempelak dengan sinis oleh Allah SWT dengan penggunaan partikel "أَمْ", firmanNya dalam ayat ke-13:

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ ... ﴿١٣﴾

Maksudnya: bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: "Muḥammad yang mereka-reka al-Qur'an itu!".

Begitu juga penggunaan perkataan "فَاعْلَمُوا" yang bermaksud "sadarlah" mengandungi unsur sindiran dan menunjukkan kecekan akal fikiran orang kafir (Abū al-Su'ūd, 2001: jld. 4, hlm. 18). Semua ungkapan tersebut menunjukkan pengingkaran dan tentangan. Segala tentangan tersebut dibalas oleh Allah SWT bahawa Nabi Muḥammad SAW hanyalah seorang Rasul yang menerima wahyu daripada Allah SWT dan tidak lebih dari itu.

Antara bukti kebenaran al-Qur'an al-Karim juga ialah kegagalan orang kafir menandinginya. Sekiranya al-Qur'an al-Karim bukan diturunkan oleh Allah SWT dan dicipta oleh manusia maka tentulah ayatnya boleh ditiru. Namun tatkala mereka gagal menghasilkan walau sebuah surah pun, maka hal itu membuktikan al-Qur'an al-Karim adalah *kalām* Allah SWT yang begitu sempurna (al-Rāzīy, 1994: jld. 17, hlm. 205).

Banyak bukti telah dikemukakan kepada orang kafir tentang kebenaran al-Qur'an al-Karim namun mereka tetap menolaknya.

*Maqṣūr* ialah "أُنزِلَ" (diturunkan) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "بِعِلْمِ اللَّهِ" (dengan pengetahuan Allah SWT). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *nā'ib al-fā'il* dan *maqṣūr 'alayh* sebagai *jārr* dan *majrūr*. Penurunan al-Qur'an al-Karim (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat diturunkan dengan ilmu Allah SWT, bukannya dicipta oleh Nabi Muḥammad SAW bahkan baginda tidak mampu untuk menciptanya. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *annamā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan partikel *annamā*.
- Pendengar ialah orang kafir Quraisy. Situasi pendengar adalah dalam keadaan mengingkari al-Qur'an al-Karim yang terbukti benar dari Allah SWT, terutamanya apabila mereka gagal menghasilkan walau sebuah surah pun yang menyerupai al-Qur'an al-Karim. Pendengar berada dalam situasi mengingkari perkara yang telah terbukti benar.
- Nabi Muḥammad SAW menggunakan pengkhususan dengan tujuan untuk mengesahkan Allah SWT yang mengetahui susun atur al-Qur'an al-Karim.

#### 5.1.4 Ayat 14

... وَأَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ...

Maksudnya : ... (ketahuilah) bahawa tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah SWT ....

Sebelum ayat ini Allah SWT menempelak orang kafir Quraisy dan berhala mereka yang gagal mencipta sepuluh buah surah yang setanding dengan al-Qur'an al-Karim. Sebab utama kegagalan mereka adalah kerana hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui susunan dan reka bentuk al-Qur'an al-Karim. Ketidakupayaan berhala yang mereka sembah untuk membantu mereka membuktikan bahawa menandingi al-Qur'an al-Karim adalah di luar kemampuan manusia dan berhala itu tidak berkuasa dan tidak layak digelar tuhan. Tuhan yang patut disembah ialah Allah SWT, bukan berhala yang mereka adakan (Abū al-Su'ūd, 2001: jld. 4, hlm. 14). Setelah diberikan segala bukti, mereka disuruh menerima Islam melalui firman Allah SWT { فَهَلْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ } yang bermaksud "Maka mahukah kalian berserah diri (kepada Allah)?. Kata tanya "هَلْ" bermakna teguran yang mengandungi ajakan dan suruhan bagi orang kafir (al-Uramiyy, 2001: jld. 13, hlm. 25).

Dapat disimpulkan bahawa pengkhususan ini adalah jenis qalbi. *Maqṣūr* iaitu sifat sebagai tuhan yang sebenar "إِلَهٍ" dikhususkan kepada *maqṣūr 'alayh* yang merupakan *mawṣūf* iaitu Allah SWT. Pengkhususan ini menafikan berhala yang disembah oleh orang kafir. Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *mubdal minh* dan *maqṣūr 'alayh* sebagai *badal*.

Orang kafir Quraisy menentang untuk menyembah Allah SWT malah mereka menuduh Nabi Muḥammad SAW mencipta al-Qur'an al-Karim lalu mendakwa ia diturunkan oleh Allah SWT. Mereka menganggap berhala sebagai tuhan dan mampu membantu mereka. Justeru, pendengar berada dalam situasi mengingkari perkara tersebut. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *an* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.

- Pendengar ialah kaum musyrikin Mekah yang enggan menerima al-Qur'an al-Karim sebagai bukti kerasulan Nabi Muḥammad SAW. Situasi pendengar adalah mengingkari perintah supaya beriman dengan Allah SWT dan al-Qur'an al-Karim.
- Nabi Muḥammad SAW menggunakan pengkhususan untuk mengesahkan Allah SWT sebagai Tuhan yang sebenar.

### 5.1.5 Ayat 27

فَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَوْمِهِ مَا نَزَّلَكَ إِلَّا بَشَرًا مِثْلَنَا ... ﴿٢٧﴾

Maksudnya: Maka berkatalah ketua-ketua yang kafir dari kaumnya: “Kami tidak memandangkanmu (wahai Nūḥ) melainkan sebagai seorang manusia seperti kami”.

Nabi Nūḥ AS memberitahu kaumnya bahawa baginda adalah seorang Rasul dan menyeru mereka supaya menyembah Allah SWT namun pemimpin kaumnya menolak dengan mendakwanya sebagai manusia biasa yang tidak mempunyai sebarang kelebihan. Menurut Ibn ‘Āsyūr (1997: jld. 12, hlm. 48) kata kerja "نَزَّلَكَ" adalah pandangan mata kerana kaum Nabi Nūḥ AS mengutamakan ciri-ciri zahir seperti kekuatan fizikal, kekayaan dan kemuliaan keturunan untuk melayakkan baginda menjadi seorang Rasul. Manakala al-Khāzin (1995: jld. 2, hlm. 481) mengatakan kemungkinan mereka mengandaikan yang seorang Rasul sepatutnya adalah manusia yang memiliki kuasa luar biasa atau malaikat.

Pemimpin yang jahil tersebut menyangka manusia biasa tidak layak menjadi Rasul. Mereka mengabaikan aspek mental dan rohani sebagai ciri penting bagi seorang Rasul. Oleh itu tanggapan terhadap baginda dikhususkan dengan sifat sebagai manusia biasa dan

dinafikan berkelayakan untuk menjadi Rasul. Jenis pengkhususan dalam ayat ini ialah qalbi (Basyūnī, 2008: hlm. 272).

Gaya penafian dengan pengecualian digunakan walaupun perkara yang disampaikan itu telah diketahui oleh pendengar. Nabi Nūḥ AS telah pun memaklumi bahawa dirinya adalah manusia biasa. Pemimpin tersebut beranggapan bahawa baginda mengingkari hakikat dirinya sebagai manusia kerana orang yang mendakwa dirinya sebagai Rasul telah mengingkari sifatnya sebagai manusia. Mereka menganggap Nabi Nūḥ AS menentang suatu perkara iaitu seorang manusia biasa tidak boleh menjadi Rasul (Abū Mūsā, 1987: hlm. 11).

*Maqṣūr* ialah kata ganti dalam "نَرَاكَ" (kami melihat kamu) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "بَشَرًا" (manusia). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *empunya ḥāl* dan *maqṣūr 'alayh* sebagai *ḥāl*. Pandangan pemimpin kaum Nabi Nūḥ AS (*mawṣūf*) dikhususkan kepada sifat Nabi Nūḥ AS sebagai manusia biasa dengan menafikan manusia boleh menjadi Rasul. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *mā* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis mawṣūf-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah Nabi Nūḥ AS. Baginda berada dalam situasi yang diandaikan oleh kaumnya mengingkari hakikat bahawa seorang manusia tidak boleh menjadi Rasul. Pendengar berada dalam situasi diandaikan mengingkari sesuatu perkara.
- Pemimpin kaum Nabi Nūḥ AS menggunakan pengkhususan untuk menunjukkan rasa hairan dan pelik dengan pelantikan manusia biasa sebagai Rasul. al-Zamakhsyarīy (1982: jld. 2, hlm. 265) berpendapat bahawa pemimpin kaum Nabi Nūḥ AS memberi bayangan kepada baginda terhadap makna lain iaitu merekalah

yang lebih layak menjadi Rasul berbanding dengan baginda yang tiada sebarang kelebihan. Namun penulis tidak menyetujui pendapat al-Zamakhshariy kerana konteks ayat ini tidak menyokong pendapat beliau.

### 5.1.6 Ayat 27

... وَمَا نَزَّلَكَ آتْبَعَكَ إِلَّا الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا بِادِي الرَّأْيِ وَمَا نَرَى لَكُمْ عَلَيْنَا مِنْ فَضْلٍ بَلْ نَظُنُّكُمْ كَاذِبِينَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: ... kami tidak nampak golongan yang mengikutmu melainkan orang-orang kami yang miskin hina, lagi berfikiran singkat; dan kami juga tidak memandang kamu (semua) mempunyai sebarang kelebihan yang mengatasi kami ....

Antara dalih yang diberi oleh kaum Nabi Nūḥ AS untuk menolak dakwah baginda ialah baginda hanyalah manusia biasa dan pengikutnya dari golongan miskin seperti tukang jahit dan tukang bekam. Pengikut baginda juga dikecam sebagai golongan yang berfikiran cetek {بَادِي الرَّأْيِ} kerana menurutinya tanpa berfikir panjang. Sekiranya berfikir dengan teliti tentulah mereka sedar bahawa baginda tidak wajar dipercayai (al-Alūsīy, 1994: jld. 11, hlm. 56). Hal ini diperjelaskan dalam ayat ke-27, firman Allah SWT : {بَلْ نَظُنُّكُمْ كَاذِبِينَ} yang bermaksud “Bahkan kami mengira kamu semua pembohong (mengenai kerasulan Nabi Nūḥ AS)”.

Penggunaan *ism mawṣūl* "الَّذِينَ" dan *iḍāfat* dalam perkataan "أَرَادُوا" bersesuaian dengan kemasyhuran pengikut baginda sebagai golongan berdarjat rendah di tempat mereka (Ibn ‘Āsyūr, 1997: jld. 12, hlm. 48).

*Maqṣūr* ialah "آتْبَعَكَ" (kamu diikuti) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا" (orang yang miskin). Sifat orang yang menuruti Nabi Nūḥ AS dikhususkan kepada pengikut yang

miskin dan hina (*mawṣūf*), bukannya orang yang kaya dan berpengaruh. Jenis pengkhususan dalam ayat ini adalah qalbi. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *mā* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pengkhususan dalam ayat ini digunakan dalam situasi memberi bayangan terhadap makna lain. Pemimpin kaum Nabi Nūḥ AS mengatakan bahawa pengikut baginda adalah orang yang miskin namun sebenarnya mereka mahu memberi bayangan kepada Nabi Nūḥ AS bahawa mereka tidak akan menurutinya kecuali setelah baginda menghalau pengikutnya yang miskin (Abū al-Su‘ūd, 2001: jld. 4, hlm. 33).
- Pemimpin yang kafir dan angkuh tersebut menggunakan pengkhususan untuk menghina pengikut Nabi Nūḥ AS (al-Zamakhshariy, 1982: jld. 2, hlm. 265).

### 5.1.7 Ayat 33

قَالَ إِنَّمَا يَأْتِيكُمْ بِهِ اللَّهُ إِنْ شَاءَ .... ﴿٣٣﴾

Maksudnya: Nabi Nūḥ AS menjawab: “Sesungguhnya Allah SWT jualah yang akan mendatangkan azabnya itu kepada kamu jika Dia menghendakinya ....”.

Kaum Nabi Nūḥ AS memang suka berdolak dalih apabila diajak beriman dengan Allah SWT. Mereka cuba mematahkan hujah baginda dengan mencabarnya supaya mempercepatkan kedatangan azab yang dijanjikan baginda sekiranya mengingkari suruhan Allah SWT. Namun Nabi Nūḥ AS menjawab dengan mengkhususkan sifat



mempercepatkan atau menangguhkan azab itu kepada kehendak Allah SWT, bukan terletak di tangannya (al-Ṭabarīy, 1992: jld. 7, hlm. 32). Desakan golongan kafir itu hanyalah bertujuan untuk memperolok-olokkan baginda dan sebagai percubaan untuk menghentikan dakwah baginda (al-Uramīy, 2001: jld. 13, hlm. 84).

Golongan kafir tersebut menentang dan mengingkari suruhan baginda supaya menyembah Allah SWT dan meninggalkan berhala mereka. Mereka memberi alasan yang baginda hanyalah manusia biasa yang tiada harta dan hanya dituruti oleh orang yang hina dan miskin. Baginda menolak alasan mereka dengan mengemukakan berbagai hujah dan bukti. Antaranya baginda menerangkan tujuannya berdakwah bukan untuk meminta upah dan pengikutnya adalah orang yang beruntung di sisi Allah SWT kerana Allah SWT tidak menilai manusia melalui harta dan pekerjaannya. Baginda juga menjelaskan dia adalah pesuruh Allah bukannya orang berharta, bukannya malaikat dan tidak memiliki ilmu ghaib.

Walaupun telah ditunjukkan bukti-bukti yang kukuh, orang kafir itu tetap berdegil, lalu sebagai usaha terakhir mereka mencabar Nabi Nūḥ AS supaya mendatangkan azab ke atas mereka. Baginda menjawab dia tidak berkuasa untuk mendatangkan bencana kepada mereka. Oleh itu baginda menyimpulkan bahawa kedegilan mereka menyebabkan nasihatnya sia-sia, malahan mereka tidak akan insaf kerana Allah SWT hendak menghancurkan mereka. Walaupun telah didatangkan bukti bahawa Nabi Nūḥ AS adalah seorang Nabi yang menyampaikan risalah Allah SWT, namun orang kafir tetap menentangnya.

*Maqṣūr* ialah "يَأْتِيكُمْ بِهِ" (mendatangkan azab) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "اللَّهُ" (Allah SWT). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai objek dan *maqṣūr 'alayh* sebagai pelaku. Sifat ketibaan azab yang diminta oleh kaum Nabi Nūḥ AS dikhususkan dengan

masa yang dikehendaki oleh Allah SWT (*mawṣūf*) dan menafikan kemampuan Nabi Nūḥ AS untuk mendatangkannya. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *innamā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan partikel *innamā*.
- Pendengar ialah kaum Nabi Nūḥ AS yang kafir. Situasi pendengar adalah mengingkari bahawa Nabi Nūḥ AS adalah seorang Rasul yang diutuskan oleh Allah SWT walaupun telah dikemukakan pelbagai bukti. Nabi Nūḥ AS berhujah bahawa dia berdakwah bukan untuk mengejar kekayaan, orang yang menurutinya akan mendapat keuntungan dan dia adalah manusia biasa yang tiada kuasa luar biasa tetapi telah dipilih menjadi Rasul. Pendengar berada dalam situasi mengingkari perkara yang telah terbukti benar.
- Nabi Nūḥ AS menggunakan pengkhususan untuk mengancam kaumnya yang kafir dengan azab Allah SWT.

### 5.1.8 Ayat 29 dan 51

وَيَقَوْمٍ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مَالًا ۖ إِنِ اجْتَرَىٰ إِلَّا عَلَى اللَّهِ تَجَاهُلُونَ ۖ

Maksudnya: Wahai kaumku! Aku tidak meminta kepada kamu sebarang harta benda sebagai upah menyampaikan agama Allah SWT itu, tiadalah aku harapkan upahku melainkan dari Allah SWT semata-mata ....

وَيَقَوْمٍ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا ۖ إِنِ اجْتَرَىٰ إِلَّا عَلَى الَّذِي فَطَرَنِي ۖ

Maksudnya: Wahai kaumku! tiadalah aku meminta sebarang upah daripada kamu (tentang ajaran yang aku sampaikan). Upahku hanyalah dari Allah SWT yang menciptakan daku ....

Menurut Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 145) panggilan { يَا قَوْمَ } mengandungi nada lembut untuk memujuk kaum tersebut supaya mereka mendengar penjelasan Rasul mereka. Kata ganti nama dalam "عَلَيْهِ" kembali kepada amaran para Rasul supaya kaum mereka menyembah Allah SWT. Nabi Nūḥ dan Nabi Hūd AS menegaskan bahawa mereka berdakwah kepada kaumnya yang miskin dan kaya secara sama rata. Kaum yang kafir itu menyangka para Rasul akan meminta habuan dari harta mereka jika mereka mengikuti para Rasul. Menurut Ibn Kathīr (1988: jld. 2, hlm. 465) pengkhususan ini menegaskan bahawa para Rasul hanya mahukan pahala dari Allah SWT yang telah mencipta mereka, bukan kekayaan kaum mereka.

al-Uramīy (2001: jld. 13, hlm. 125) menjelaskan dalam kisah Nabi Nūḥ AS perkataan "مَالًا" (harta) digunakan kerana bersesuaian dengan perkataan "الْخَزَائِنُ" (kekayaan) yang didatangkan selepasnya. Manakala perkataan "أَجْرًا" (upah) digunakan dalam kisah Nabi Hūd AS untuk menunjukkan kepelbagaian lafaz.

Kaum Nabi Nūḥ dan Nabi Hūd AS yang kafir tidak mempercayai niat para Rasul berdakwah untuk memperolehi pahala di sisi Allah SWT, malah mereka mengesyaki yang para Rasul inginkan kesenangan dunia. Sebelum ayat ini Nabi Nuh AS mengatakan bahawa paksaan ke atas kaumnya tidak berfaedah, firman Allah SWT dalam ayat ke-28 : { أَنْزَلْنَاهُمْ مَكُومًا وَأَنْتُمْ كَارِهِونَ } yang bermaksud “apa akan kami paksakankah kamu menerimanya, padahal kamu tiada menyukainya?”. Memandangkan kaum tersebut mempersoalkan Nabi Nūḥ AS yang tiada kelebihan dari sudut material dan keadaan pengikutnya yang miskin, kemungkinan mereka mengesyaki tujuannya berdakwah. Justeru baginda mengajak mereka berfikir bahawa baginda hanya mengharapkan pahala dari Allah SWT, maka mereka perlu mempercayainya dan mengikutinya.

*Maqṣūr* ialah "أَجْرِيَّ" (upahku) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "عَلَى اللَّهِ" (dari Allah SWT). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek dan *maqṣūr 'alayh* sebagai predikat. Upah para Rasul (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat mengharap pahala, bukannya mencari kekayaan. Hal ini dijelaskan dalam ayat sebelumnya: { لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ } { مَا لًا yang bermaksud "Aku tidak meminta kepada kamu sebarang harta benda". Tataqasār yang digunakan ialah partikel *in* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah kaum Nabi Nūḥ dan Nabi Hūd AS yang kafir. Situasi mereka adalah dalam keadaan meragui tujuan para Nabi berdakwah. Pendengar berada dalam situasi meragui sesuatu perkara.
- Nabi Nūḥ AS dan Nabi Hūd AS menggunakan pengkhususan untuk mengelakkan dari tohmahan bahawa mereka berdakwah kerana mahukan kekayaan (al-Syawkānīy, 1993: jld. 2, hlm. 690).

### 5.1.9 Ayat 35

... قُلْ إِنْ أَفْتَرَيْتُهُ فَعَلَىٰ إِجْرَامِي ... ﴿٣٥﴾

Maksudnya: ... Nabi Nūḥ AS menjawab dengan berkata: "Kalau aku yang mereka-reka wahyu itu maka akulah yang akan menanggung dosa perbuatanku itu ....".

Kebanyakan sarjana tafsir mengatakan ayat ini adalah mengenai Nabi Nūḥ AS. Sebahagian sarjana pula mengatakan ayat ini mengisahkan tentang Nabi Muḥammad SAW. Menurut al-Syawkānīy (1993: jld. 2, hlm. 693) pandangan pertama adalah lebih

tepat kerana ayat sebelumnya dan selepasnya menceritakan tentang Nabi Nūḥ AS. Baginda diperintahkan supaya membela dirinya bahawa jika baginda berbohong yang dirinya adalah seorang Nabi, maka bagindalah yang akan menerima balasan atas pembohongannya, bukannya kaumnya. Frasa selepasnya iaitu {وَأَنَا بَرِيءٌ مِّمَّا تُجْرِمُونَ} yang bermaksud “Aku bersih dari dosa tuduhan kalian” telah mengukuhkan pengkhususan sebelumnya. Ibn ‘Āsyūr (1997: jld. 12, hlm. 64) dan Mohd. Said (1971: jld. 2, hlm. 213) mendedahkan ayat ini mengandungi pengkhususan.

Menurut al-Uramīy (2001: jld.13, hlm.120) terdapat pengguguran ayat selepas frasa {فَعَلَيَّْ إِجْرَامِيَّ}, maka ayat itu diandaikan bermaksud “Jika aku berbohong maka hanya akulah yang akan menerima balasannya, tetapi jika aku berkata benar maka kalianlah yang akan menerima balasan akibat pembohongan kalian”. Di samping itu ayat ini juga mengandungi *majāz* kerana perkataan "عُقُوبَةٌ" telah digugurkan, maka ayat tersebut diandaikan berbunyi "فَعَلَيَّْ عُقُوبَةٌ إِجْرَامِيَّ" yang bermaksud “Akulah yang menerima balasan kejahatanku” (Salāmat, 2002: hlm. 133).

Kaum Nabi Nūḥ AS menolak dengan keras suruhan baginda agar beriman dengan Allah SWT dan meninggalkan berhala mereka bahkan mereka menuduhnya memalsukan wahyu Allah SWT. Sebelum ayat ini diceritakan bahawa mereka mempermain-mainkan baginda dengan menyuruhnya menyegerakan kedatangan azab.

*Maqṣūr* ialah "إِجْرَامِيَّ" (dosaku) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "عَلَيَّْ" (ke atas diriku). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek yang diakhirkan dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai predikat yang didepankan. Sifat menanggung balasan dosa berbohong dikhususkan kepada Nabi Nūḥ AS (*mawṣūf*), dan dinafikan dari kaumnya. Tataqaṣar yang digunakan ialah pendepanan *jārr* dan *majrūr*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan pendepanan.
- Pendengar ialah kaum Nabi Nūḥ AS yang kafir. Mereka berada dalam situasi mengingkari risalah yang disampaikan oleh baginda dengan menuduh baginda membuat rekaan bahawa dia adalah utusan Allah SAW. Pendengar berada dalam situasi mengingkari perkara tersebut.
- Nabi Nūḥ AS menggunakan pengkhususan untuk mempertahankan dirinya dari tuduhan menipu bahawa dia adalah seorang Rasul.

#### 5.1.10 Ayat 49

تَلَّكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْغَيْبِ نُوحِيهَا إِلَيْكَ ۗ مَا كُنْتَ تَعْلَمُهَا أَنْتَ وَلَا قَوْمُكَ مِنْ قَبْلِ هَذَا ... ﴿٤٩﴾

Maksudnya: (kisah Nabi Nūḥ AS) itu adalah dari perkara-perkara yang ghaib yang Kami wahyukan kepadamu (wahai Muḥammad), hanya engkau tidak mengetahuinya dan begitu juga kaummu tidak mengetahuinya sebelum ini ....

Kisah Nabi Nūḥ AS adalah antara perkara ghaib yang disampaikan oleh Allah SWT kepada Nabi Muḥammad SAW melalui wahyu. Menurut Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 165) maksud ayat { مَا كُنْتَ تَعْلَمُهَا } ialah “Engkau tidak mengetahuinya secara terperinci”. al-Alūsīy (1994: jld. 11, hlm. 111) pula mengatakan bahawa pendepanan partikel nafi "مَا" adalah untuk menunjukkan baginda SAW tidak mengetahuinya daripada pendeta atau mempelajarinya daripada orang lain.

Oleh itu penulis berpendapat bahawa pendepanan partikel nafi dan kata ganti pada "كُنْتَ" yang diiringi dengan kata kerja mengandungi pengkhususan. Tambahan pula ganti kata ganti "أَنْتَ" yang menjadi *tawkīd lafzīy* telah mengukuhkan makna pengkhususan

dalam ayat ini. Pandangan ini disokong dengan ulasan Ibn Kathīr (1988: jld.2, hlm. 465) bahawa hanya Allah SWT yang lebih mengetahui kisah itu, Nabi Muḥammad SAW dan kaumnya tidak mengetahuinya.

al-Bayḍāwīy (1988: jld. 1, hlm. 489) pula menjelaskan bahawa penafian kaum Quraisy tidak mengetahui kisah itu membuktikan bahawa baginda tidak mempelajarinya daripada mereka kerana ada di antara kaum Quraisy yang bergaul dengan Ahli Kitab dan membaca kitab mereka. Allah SWT meminta Nabi Muḥammad SAW supaya bersabar dalam menghadapi tentangan kaumnya sepertimana Nabi Nūḥ AS. Allah SWT juga menjanjikan kemenangan buat orang Islam dan orang kafir akan dikalahkan. Ayat ini mengandungi bimbingan yang dapat menghiburkan hati baginda.

Ayat ini ditujukan kepada RasūlulLāh SAW. Baginda tidak mengingkari perkara yang disampaikan kepadanya. Oleh itu pengkhususan dalam ayat ini diucapkan sebagai penegasan.

*Maqṣūr* ialah "تَعْلَمُهَا" (kamu mengetahuinya) dan *maqṣūr 'alayh* ialah kata ganti dalam "كُنْتَ" (kamu). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai kata kerja dan *maqṣūr 'alayh* sebagai kata ganti. Penafian sifat mengetahui kisah umat terdahulu secara mendalam dikhususkan kepada Nabi Muḥammad SAW (*mawṣūf*) kerana Allah SWT yang lebih mengetahuinya. Tataqasār yang digunakan ialah pendepanan partikel nafi yang diiringi dengan kata ganti diri.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan pendepanan.
- Pengkhususan dalam ayat ini digunakan untuk situasi penegasan.
- Allah SWT melafazkan kata-kata yang mulia ini untuk menegaskan kebenaran Nabi Muḥammad SAW.

### 5.1.11 Ayat 56

... مَا مِنْ دَابَّةٍ إِلَّا هُوَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا ... ﴿٥٦﴾

Maksudnya: ... tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di muka bumi melainkan Allah SWT jualah yang menguasainya ....

Sebagai menjawab kepada penolakannya kaumnya supaya beriman, Nabi Hūd AS menegaskan bahawa kaum 'Ād dan berhala mereka tidak dapat memudaratkannya kerana baginda berserah diri kepada Allah SWT. Nabi Hūd AS tidak takut menghadapi penentangan mereka melalui kata-katanya dalam ayat ke-55 : {فَكِيدُونِي جَمِيعًا ثُمَّ لَا تُنظِرُون} yang bermaksud “Jalankan semua tipu dayamu terhadapku dan janganlah kamu memberi tangguh kepadaku” (Abū al-Su‘ūd, 2001: jld. 4, hlm. 55) . Kaum 'Ād menyangka berhala itu berkuasa mendatangkan kebaikan dan keburukan kepada orang lain. Baginda menafikan keupayaan berhala itu lalu menerangkan kekuasaan Allah SWT melalui satu perumpamaan. Menurut al-Uramīy (2001: jld. 13, hlm.157) perumpamaan itu adalah kiasan atau *isti'ārat tamthīliyyat* yang bermakna hanya Allah SWT yang mampu dan berkuasa melakukan apa sahaja kepada makhluk-Nya.

Menurut Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 168) sekiranya seseorang ingin menghina orang lain maka diucapkan “ubun-ubun si polan berada dalam tangan si polan”. Dalam ayat ini kekuasaan Allah SWT terhadap makhluk-Nya diumpamakan dengan seorang pemilik yang dapat memacu kudanya dengan memegang ubun-ubunnya. Kepercayaan sesat kaum 'Ād bahawa berhala mereka telah menyebabkan Nabi Hūd AS menjadi gila menjadikan mereka menolak kekuasaan Allah SWT dalam memberi manfaat dan mudarat kepada setiap makhluk.



*Maqṣūr* ialah kata ganti dalam "دَابَّةٌ" (makhluk) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "هُوَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا" (Allah SWT memegang ubun-ubunnya). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai predikat. Setiap makhluk (*mawṣūf*) dikhususkan dengan sifat tertakluk di bawah kekuasaan Allah SWT, dan menafikan berhala dapat menguasai makhluk. Tataqāsar yang digunakan ialah partikel *mā* dan partikel *illā*.

Kaum ‘Ād mengingkari perintah Nabi Hud AS supaya menyembah Allah SWT, menuduhnya gila dan tidak mempercayainya. Kedegilan mereka ditunjukkan dalam ayat ke-53: { مَا نَحْنُ بِتَارِكِي آلِهَتِنَا عَنْ قَوْلِكَ وَمَا نَحْنُ لَكَ بِمُؤْمِنِينَ } yang bermaksud “Kami sekali-kali tidak akan meninggalkan sembah kami kerana perkataanmu dan kami sekali-kali tidak akan mempercayai kamu”. Penggunaan partikel nafi dengan kata ganti "نَحْنُ" dan memulakan dengan ayat namaan mengukuhkan penafian perkara tersebut (al-Biqā‘īy, 1975, jld. 9, hlm. 309).

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah kaum Nabi Hūd AS yang kafir. Mereka berada dalam situasi mengingkari bahawa Allah SWT berkuasa terhadap semua makhluk. Pendengar berada dalam situasi mengingkari perkara tersebut.
- Nabi Hūd AS menggunakan pengkhususan untuk mengesahkan Allah SWT yang memberi manfaat dan mudarat.

### 5.1.12 Ayat 78

... قَالَ يَنْقَوْمَ هُنُلَاءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تَحْزُونِ فِي صَيْفِي أَلَيْسَ مِنْكُمْ رَجُلٌ

رَشِيدٌ

Maksudnya: ... Nabi Lūṭ AS berkata: "Wahai kaumku! Ini adalah anak-anak perempuanku mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah dengan mereka), oleh itu takutlah kamu kepada Allah SWT, dan janganlah kamu memberi malu kepadaku mengenai tetamu-tetamuku, tidakkah ada di antara kamu seorang lelaki yang bijak berakal (yang dapat memberi nasihat)?" .

Semasa para malaikat berada di rumah Nabi Lūṭ AS untuk memberitahunya tentang kedatangan azab Allah SWT, kaumnya bersegera ke rumah baginda. Kaum Nabi Lūṭ AS adalah golongan homoseksual yang mengamalkan seks luar tabi'i sesama golongan lelaki. Apabila mereka mengetahui Nabi Lūṭ AS didatangi sekumpulan lelaki kacak mereka menuju ke rumah baginda. Setelah berjaya memasuki rumah baginda mereka cuba untuk mengganggu tetamu baginda bagi memuaskan nafsu jahat mereka (al-Ṭabariy, 1992: jld. 7, hlm. 83).

Nabi Lūṭ AS cuba menolak permintaan mereka secara baik dengan menawarkan dua orang anak perempuannya untuk dikahwini. Namun ada pandangan mengatakan baginda menawarkan golongan perempuan dari kaumnya kerana *iḍāfat* dalam frasa "هُنَّ بَنَاتِي" yang bermaksud "Mereka adalah anak-anak perempuanku" adalah secara *majāz* memandangkan seorang Nabi adalah bagaikan bapa kepada umatnya. Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 187), al-Rāzīy (1994: jld.18, hlm. 34) dan Abū al-Su'ūd (2001: jld. 4, hlm. 68) berpendapat bahawa pandangan yang mengatakan maksud "anak-anak perempuanku" ialah golongan perempuan dari kaumnya adalah pandangan yang lebih tepat. Oleh itu frasa {هُنَّ بَنَاتِي} mengandungi *tasybīh balīgh* kerana Nabi Lūṭ AS menyamakan orang

perempuan dari kaumnya dengan anak perempuannya sendiri (Ibn ‘Āsyūr, 1997: jld. 12, hlm. 127).

Ayat { هُوَلَاءَ بَنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ } mengandung dua jenis fleksi iaitu :

- a) { هُوَلَاءَ بَنَاتِي } adalah ayat yang terdiri daripada subjek dan *badal* serta ayat { هُنَّ } { أَطْهَرُ } pula adalah ayat lain yang terdiri daripada subjek dan predikat. Dalam fleksi jenis ini, perkataan "هُنَّ" tidak berfungsi sebagai kata ganti nama pemisah.
- b) Perkataan "هُوَلَاءَ" adalah subjek dan "بَنَاتِي" adalah *badal*. Perkataan "هُنَّ" adalah kata ganti nama pemisah dan "أَطْهَرُ" adalah predikat bagi "هُوَلَاءَ" (Ibn al-Anbārīy, 1983: jld. 2, hlm. 24; al-Samīn al-Ḥalabīy, t.t.: jld. 6, hlm. 362). Berdasarkan fleksi jenis ini, perkataan "هُنَّ" berfungsi sebagai kata ganti nama pemisah dan menunjukkan makna pengkhususan.

Penulis memilih fleksi jenis kedua yang menganggap kata ganti nama pemisah "هُنَّ" yang memisahkan antara perkataan "هُوَلَاءَ" dengan "أَطْهَرُ". Para sarjana tafsir tidak mengatakan bahawa ayat ini mengandungi pengkhususan. Namun ulasan al-Ṭabarīy (1992: jld. 7, hlm. 83) bahawa “anak-anak perempuanku adalah lebih halal untuk kamu berbanding dengan perbuatan kamu yang mendatangi kaum lelaki” dan ulasan Muḥammad Rasyīd Riḍā (1935: jld. 12, hlm. 134) bahawa “menikmati persetubuhan halal dengan anak-anak perempuanku melalui perkahwinan adalah lebih baik daripada terjebak dengan dosa meliwat” menunjukkan ayat ini mengkhususkan “pernikahan dengan anak-anak perempuanku” dengan sifat “lebih bersih atau lebih baik”. Dalam hal ini, perbuatan meliwat golongan lelaki dinafikan dari sifat “lebih bersih”. Justeru jenis pengkhususan ayat ini adalah jenis qalbi.

Perkataan "أَطْهَرُ" yang merupakan *ism tafḍīl* bukanlah bermaksud untuk mengesahkan bahawa perbuatan meliwat kaum lelaki adalah perbuatan yang bersih, manakala perkahwinan dengan kaum perempuan pula adalah lebih bersih daripadanya

(al-Qurṭubīy, 1993: jld. 9, hlm. 51). Penggunaan *ism tafḍīl* dalam ayat ini bukan perbandingan menurut erti kata sebenar namun diucapkan berdasarkan tanggapan kaum Nabi Lūṭ AS yang menyangka perbuatan meliwat adalah perbuatan yang bersih, maka diberikan suatu perbandingan mengikut tanggapan mereka (al-Khāzin, 1995: jld. 2, hlm. 496).

Nabi Lūṭ AS menawarkan kaumnya mengahwini anak perempuannya bertujuan untuk melindungi tetamu-tetamunya, bahkan perkara tersebut menunjukkan kemuliaan hati baginda. Justeru baginda menggunakan nada panggilan yang lembut { يَا قَوْمِ } untuk menyampaikan rasa tidak puas hati baginda terhadap tindakan kaumnya tetapi dalam masa yang sama baginda ingin memberi tunjuk ajar kepada kaumnya. Nabi Lūṭ AS berbuat demikian dengan harapan mereka akan berlembut hati dan berasa malu lantas meninggalkan para tetamunya (Abū al-Su‘ūd, 2001: jld. 4, hlm. 68).

Walaupun Nabi Lūṭ AS yakin bahawa kaumnya itu tidak akan menerima tawarannya namun baginda tetap melakukannya untuk mempamerkan keprihatinannya dalam memelihara tetamunya. Tambahan pula baginda ingin menunaikan kewajipannya sebagai penyampai risalah untuk mencegah kemungkaran, maka baginda perlu mempertahankan tetamunya dari diganggu (al-Zamakhshariy, 1982: jld. 2, hlm. 283). Hal ini dikukuhkan lagi melalui kata-kata Nabi Lūṭ AS yang meminta kaumnya supaya tidak memalukannya di hadapan para tetamunya.

Kaum Nabi Lūṭ AS telah lama mengamalkan budaya songsang tersebut sebelum kedatangan para nabi atau sebelum kedatangan Nabi Lūṭ AS hinggakan menjadi tradisi hidup mereka. Justeru mereka tidak merasakan perbuatan mereka sebagai kesalahan hinggakan mereka tidak segan silu meluru ke rumah Nabi Lūṭ AS untuk mendapatkan tetamunya.

*Maqṣūr* ialah perkataan "أَطْهَرُ" (lebih bersih) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "هُؤُلَاءِ بَنَاتِي" (anak-anak perempuanku ini). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai predikat dan *maqṣūr 'alayh* sebagai subjek. Sifat lebih bersih dan halal dikhususkan kepada anak-anak perempuan Nabi Lūṭ AS (*mawṣūf*) dengan menafikan keinginan kepada kaum lelaki. Tataqāṣar yang digunakan ialah kata ganti nama pemisah "هُنَّ".

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan kata ganti nama pemisah.
- Pendengar ialah kaum Nabi Lūṭ AS yang merupakan golongan homoseksual. Mereka berada dalam situasi tidak mengetahui bahawa tindakan mereka mengganggu tetamu Nabi Lūṭ AS tidak disenangi oleh baginda, tambahan pula mereka juga tidak mengetahui yang tetamu itu adalah malaikat, bukan manusia. Pendengar berada dalam situasi tidak mengetahui sesuatu perkara.
- Nabi Lūṭ AS menggunakan pengkhususan untuk melindungi para tetamunya dari gangguan kaumnya.

### 5.1.13 Ayat 88

... وَمَا أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفَكُمْ إِلَىٰ مَا أَنْتَهُكُمْ عَنْهُ ۚ إِنَّ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ ۚ ...

Maksudnya: ... tujuanku bukan hendak melakukan sesuatu yang aku larang kamu daripada melakukannya. Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku ....

Nabi Syu‘ayb AS mengemukakan hujah kepada kaumnya dengan berkata : “Sekiranya aku telah diberi hidayah, dipilih menjadi Nabi dan aku dikurniakan nikmat yang banyak, maka patutkah aku mengabaikan perintah Allah SWT supaya menyampaikan dakwah-Nya?”. Baginda mengatakan tegurannya supaya mereka

menyempurnakan timbangan, bukan bermaksud sengaja mencari kesalahan mereka. Menurut Abū Ḥayyān (1992: jld. 6, hlm. 198) berdasarkan makna tersebut, perkataan "أُخَالِفُكُمْ" (menyalahi kalian) menjelaskan perkara yang tidak dikehendaki baginda. al-Qurṭubīy (1993: jld. 9, hlm. 60) menerangkan apabila baginda melarang kaumnya melakukan kemungkaran, baginda sendiri turut dilarang melakukannya.

Nabi Syu‘ayb AS ingin memperbaiki keadaan kaumnya, bukannya ingin berbalah atau bermusuhan dengan mereka. Namun kaumnya meragui tujuannya berdakwah, malahan baginda dapat merasakan mereka akan menentangnya dengan mengesyaki bahawa dia berdakwah supaya mereka mengikuti telunjuknya (Ibn ‘Āsyūr, 1997: jld. 12, hlm. 145). Gaya penafian dengan pengecualian digunakan kerana pendengar meragui perkara tersebut.

*Maqṣūr* ialah kata ganti "أ" dalam "أُرِيدُ" (aku bertujuan) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "إِلَّا صَلَاحَ" (memperbaiki). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai predikat. Motif dakwah Nabi Syu‘ayb AS (*mawṣūf*) dikhususkan kepada sifat memperbaiki kaumnya, bukannya untuk mencari kesalahan mereka; berdasarkan frasa {وَمَا أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفَكُمْ}. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *in* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis *mawṣūf*-sifat yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah kaum Nabi Syu‘ayb AS yang kafir. Mereka berada dalam situasi meragui motif dakwah baginda dengan mengganggapnya sengaja mencari kesalahan mereka atau kerana ingin menguasai mereka. Pendengar berada dalam situasi meragui perkara tersebut.

- Nabi Syu‘ayb AS menggunakan pengkhususan untuk menerangkan tujuannya berdakwah.

#### 5.1.14 Ayat 91

... وَلَوْلَا رَهْطُكَ لَرَجَمْنَاكَ وَمَا أَنْتَ عَلَيْنَا بَعِزٌّ

Maksudnya: “... dan kalau tidaklah kerana kaum keluargamu, tentulah kami telah melemparmu (dengan batu hingga mati), dan engkau pula bukanlah orang yang dipandang mulia dalam kalangan kami!”.

Nabi Syu‘ayb AS menyeru kaumnya supaya menyembah Allah SWT dan menyempurnakan timbangan ketika berjual beli namun mereka enggan memperdulikan bimbingan baginda dan mengatakan mereka tidak memahami maksud kata-katanya. Kaum Thamūd menolak nasihatnya kerana mereka menganggap baginda lemah dari sudut mental dan fizikal untuk melawan mereka. Menurut al-Zamakhshariy (1982: jld. 2, hlm. 214) ayat ini mengandungi pengkhususan, iaitu menafikan pelaku "أَنْتَ" dari sifat "عَزِيزٌ". Baginda dikhususkan dengan penafian sifat mulia atau kuat. Ayat seterusnya {أَرَهْطِيْ أَعَزُّ} yang bermaksud “Adakah kaum keluargaku lebih mulia pada kalian berbanding dengan Allah SWT?” membuktikan bahawa baginda dinafikan bersifat kuat atau mulia, bahkan keluarganya yang bersifat demikian.

Pendapat al-Zamakhshariy telah disokong oleh Abū al-Su‘ūd (2001: jld. 4, hlm. 79), al-Syawkāniy (1993: jld. 2, hlm. 725) dan al-Uramiyy (2001: jld. 13, hlm. 214). Malahan Abū al-Su‘ūd mengatakan maksud ayat ini ialah “Engkau bukanlah orang yang terhormat dan kuat untuk mengalahkan kami, bahkan kami tidak membunuhmu kerana kami menghormati perasaan keluargamu yang setia dengan agama kami”.

Nabi Syu‘ayb AS dianggap menentang kaumnya kerana membawa ajaran baru yang menyalahi agama dan adat yang telah diwarisi sejak turun temurun. Kaum Nabi Syu‘ayb AS telah lama menyembah berhala dan mengurangkan timbangan. Nabi Syu‘ayb AS yang menentang mereka dianggap sebagai orang yang lemah dan hina serta perlu ditakut-takutkan supaya berhenti berdakwah kepada mereka.

*Maqṣūr* ialah "بَعِزٍ" (mulia) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "أَنْتَ" (kamu). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai *khavar mā* dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai *ism mā*. Pengkhususan ini bermaksud menafikan sifat kemuliaan dari Nabi Syu‘ayb AS (*mawṣūf*), bahkan keluarga bagindalah yang mulia. Tataqāṣar yang digunakan ialah pendepanan partikel nafi yang diiringi oleh kata ganti diri.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis qalbi dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan pendepanan.
- Pendengar ialah Nabi Syu‘ayb AS. Baginda berada dalam keadaan mengingkari dan menentang agama dan adat yang diwarisi oleh kaumnya sejak turun temurun. Pendengar berada dalam situasi mengingkari perkara tersebut.
- Kaum Nabi Syu‘ayb AS menggunakan pengkhususan untuk menghina dan memperlekehkan Nabi Syu‘ayb AS. Kemungkinan juga untuk mengancamnya supaya berhenti menentang agama nenek moyang mereka (al-Syawkānīy, 1993: jld. 2, hlm. 725).

### 5.1.15 Ayat 26

أَنْ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ ... ﴿٢٦﴾

Maksudnya: "Iaitu janganlah kamu menyembah melainkan Allah SWT..."



Setelah diterangkan tentang kerasulan Nabi Muḥammad SAW yang dikukuhkan dengan bukti penurunan al-Qur'an al-Karim maka diceritakan kisah Nabi-nabi sebelum baginda. Tujuannya adalah untuk membuktikan bahawa baginda tidak berbohong dan baginda diperintahkan untuk menyembah Allah SWT dan beriman dengan hari Akhirat sama seperti Nabi-nabi sebelumnya. Nabi Nūḥ AS ialah Nabi pertama yang diutus kepada penduduk bumi dan menjelaskan kepada kaumnya yang baginda ingin memberi amaran supaya mereka menyembah Allah SWT dan meninggalkan sembah berhala (al-Uramīy, 2001: jld. 13, hlm. 48).

Frasa {أَنْ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ} ialah *badal* yang menerangkan kata kerja "أَرْسَلْنَا" dalam ayat sebelumnya iaitu {لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ} yang bermaksud "Kami telah mengutus Nabi Nūḥ AS kepada kaumnya". Partikel "أَنْ" mentafsirkan kata kerja "أَرْسَلْنَا", maksud ayat ialah "Kami utuskan Nabi Nūḥ AS dan dia berkata bahawa dia adalah pemberi amaran, iaitu supaya mereka menyembah Allah SWT" (al-Syihāb, t.t.: jld. 5, hlm. 89). Frasa {عَذَابَ يَوْمٍ أَلِيمٍ} mengandungi *majāz* 'aqlīy kerana sifat "أَلِيمٍ" (sakit) dinisbahkan kepada perkataan "يَوْمٍ" (hari). Kesakitan seharusnya dinisbahkan kepada orang yang diazab namun ia dinisbahkan kepada masa berlakunya azab. Penggunaan partikel "لَقَدْ" dalam ayat sebelumnya bersesuaian dengan keadaan orang kafir yang menentang Rasulullah SAW, maka diceritakan kisah Nabi Nūḥ AS.

Abū Ḥayyān mengatakan (1992: jld. 6, hlm. 140) bahawa Nabi Nūḥ AS menyeru kaumnya supaya tidak mensyirikkan Allah SWT. Jenis pengkhususan adalah *ifrād*. *Maqṣūr* ialah "تَعْبُدُوا" (kalian menyembah) dan *maqṣūr* 'alayh ialah lafaz *jalālat* "اللَّهِ". Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat ialah sebagai pelaku dan *maqṣūr* 'alayh sebagai objek. Sifat sembah dikhususkan kepada *mawṣūf* iaitu Allah SWT sahaja kerana pendengar menyembah Allah SWT dan berhala-berhala. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *lā* dan partikel *illā*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis *ifrād* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah kaum Nabi Nūḥ AS yang menyekutukan Allah SWT dengan berhala mereka. Situasi pendengar adalah mengingkari perintah supaya beriman dengan Allah SWT.
- Nabi Nūḥ AS menggunakan pengkhususan untuk menggesa kaumnya supaya menyembah Allah SWT sahaja.

#### 5.1.16 Ayat 50, 61 dan 84

... قَالَ يَنْقَوْمِ أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ ۗ ... ﴿٥٠﴾

Maksudnya: ... Nabi Hūd AS berkata : "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah SWT! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya ....

Ayat ini didatangkan sebagai permulaan kisah Nabi Hūd, Ṣāliḥ dan Syu‘ayb AS. Ketiga-tiga Rasul memulakan dakwah mereka dengan suruhan agar menyembah Allah SWT dan melarang dari melakukan syirik terhadap-Nya. Panggilan { يَا قَوْمِ } digunakan untuk melembutkan hati kaum tersebut supaya menuruti perintah Rasul. Partikel " مِنْ " tambahan dalam ayat ini merupakan partikel penegasan yang berfungsi untuk menafikan semua bentuk sembahhan (Ṭanṭāwī, 2007: jld. 7, hlm. 222). Ayat { مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ } adalah *ḥāl* bagi kata kerja dalam frasa { أَعْبُدُوا اللَّهَ } yang bermaksud “Sembahlah Allah SWT”. Ayat ini bermaksud menolak perbuatan syirik yang diamalkan oleh kaum-kaum tersebut kerana tuhan yang berhak disembah hanyalah Allah SWT. Perkataan " غَيْرُهُ " adalah sifat bagi perkataan " إِلَهٍ " (Abū al-Su‘ūd, 2001: jld. 4, hlm. 53).

Umat-umat terdahulu menyekutukan Allah SWT dengan berhala yang diperbuat daripada batu (al-Khāzin, 1995: jld. 2, hlm. 489), maka didatangkan pengkhususan sifat sebagai tuhan kepada *mawṣūf* iaitu Allah SWT. *Maqṣūr* ialah "إِلَه" (tuhan) dan *maqṣūr* 'alayh ialah kata ganti dalam "غَيْرُهُ". Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek yang diakhirkan dan *maqṣūr* 'alayh sebagai sifat. Sifat sebagai Tuhan dikhususkan kepada *mawṣūf* iaitu Allah SWT sahaja kerana pendengar menganggap Allah SWT dan berhala mereka sebagai tuhan. Tataqāṣar yang digunakan ialah partikel *mā* dan partikel *ghayr*.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis *ifrād* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan gaya penafian dengan pengecualian.
- Pendengar ialah kaum 'Ād, kaum Thamūd dan kaum Madyan yang menyekutukan Allah SWT. Situasi pendengar adalah mengingkari suruhan supaya beriman dengan Allah SWT.
- Nabi Hūd AS, Nabi Ṣāliḥ AS dan Syu'ayb AS menggunakan pengkhususan untuk menggesa kaum mereka supaya tidak melakukan syirik terhadap Allah SWT.

### 5.1.17 Ayat 61

﴿... هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَأَسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا ...﴾

Maksudnya: Dia-lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya ....

Nabi Ṣāliḥ AS mengajak kaumnya supaya menyembah dan mentauhidkan Allah SWT kerana sifat memulakan penciptaan Nabi Ādam AS dari tanah dikhususkan kepada

Allah SWT. Menurut al-Rāzīy (1994: jld. 18, hlm. 18) penciptaan Nabi Ādam AS adalah asas kepada kejadian segala zuriatnya yang dijadikan daripada air mani. Manakala air mani itu berasal dari darah. Seterusnya darah pula dihasilkan dari makanan yang diperolehi melalui sumber alam yang juga berasal dari tanah.

Abū al-Su‘ūd (2001: jld. 4, hlm. 58) mengatakan pengkhususan dalam ayat ini adalah jenis qalbi sekiranya kaum Thamūd menyangka berhala yang mereka sembah mencipta manusia, bukan Allah SWT. Kemungkinan juga jenis *ifrād* sekiranya mereka menyekutukan Allah SWT dengan berhala dalam penciptaan manusia. Penulis memilih jenis *ifrād* kerana sebelum ayat ini terdapat pengkhususan lain dari jenis *ifrād*, firman Allah dalam ayat ke-61:

﴿ قَالَ يَنْقُومِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ ﴾

Maksudnya: Nabi Şāliḥ AS berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya.

Kaum Thamūd menyembah berhala dan menganggap berhala itu juga menjadikan manusia dan memberi rezeki. Oleh itu mereka berada dalam situasi orang yang ingkar.

*Maqṣūr* ialah "أَنْشَأَكُمْ" (mencipta kamu semua) dan *maqṣūr ‘alayh* ialah "هُوَ" (Dia). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek dan *maqṣūr ‘alayh* sebagai predikat. Sifat penciptaan manusia dikhususkan kepada Allah SWT (*mawṣūf*) sahaja kerana pendengar mempercayai Allah SWT dan berhala yang menjadikan manusia. Tataqāsar yang digunakan ialah pendepanan kata ganti diri yang diiringi oleh kata kerja.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis *ifrād* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan pendepanan.

- Pendengar ialah kaum Nabi Ṣāliḥ AS yang kafir. Mereka berada dalam situasi mengingkari bahawa Allah SWT yang mencipta manusia kerana menganggap berhala mereka yang menjadikan manusia. Pendengar berada dalam situasi mengingkari perkara tersebut.
- Nabi Ṣāliḥ AS menggunakan pengkhususan untuk mengesahkan bahawa Allah SWT yang mencipta manusia.

### 5.1.18 Ayat 61

... وَأَسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا ... ﴿٦١﴾

Maksudnya: Dia-lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya ....

Menurut al-Alūsīy (1994: jld. 11, hlm. 131) dan Ibn ‘Āsyūr (1997: jld. 12, hlm. 108) kata kerja "أَسْتَعْمَرَكُمْ" adalah *ma‘tūf* bagi frasa {هُوَ أَنْشَأَكُمْ}. Oleh itu *ma‘tūf* juga mengandungi pengkhususan yang bermaksud “Hanya Dia-lah yang menjadikan kamu penduduk bumi lalu kamu menetap di bumi beberapa ketika dan kamu tinggalkan tempat menetap kamu untuk generasi seterusnya”. Nabi Ṣāliḥ AS memberi hujah mengapa kaumnya mesti menyembah Allah SWT, kerana Allah-lah yang memberi nikmat kepada mereka hingga mampu memahat gunung-ganang untuk dijadikan rumah dan membina istana di muka bumi.

Kaum Thamūd menyembah berhala berdasarkan kepada tafsiran al-Biqā‘īy (1975, jld. 9, hlm. 318) yang berkata : “Allah SWT yang memudahkan kamu mengurus bumi sedangkan berhala-berhala itu tidak mampu melakukannya, maka hendaklah kamu mengingati nikmat tersebut dengan menyembah tuhan yang sebenar”.

*Maqṣūr* ialah "استعمركم" (kamu memakmurkan bumi) dan *maqṣūr 'alayh* ialah "هو" (Dia). Kedudukan *maqṣūr* dalam ayat adalah sebagai subjek dan *maqṣūr 'alayh* sebagai predikat. Sifat memberi kemudahan untuk memakmurkan bumi ini dikhususkan kepada Allah SWT (*mawṣūf*) sahaja kerana pendengar mempercayai Allah SWT dan berhala yang melakukannya. Tataqāṣar yang digunakan ialah pendepanan kata ganti diri yang diiringi oleh kata kerja.

Jenis pengkhususan, situasinya dan tujuannya dalam ayat tersebut ialah :

- Jenis *ifrād* dan jenis sifat-mawṣūf yang menggunakan pendepanan.
- Pendengar ialah kaum Nabi Ṣāliḥ AS yang kafir. Mereka berada dalam situasi mengingkari bahawa Allah SWT yang memudahkan urusan kehidupan mereka. Pendengar berada dalam situasi mengingkari sesuatu perkara.
- Nabi Ṣāliḥ AS menggunakan pengkhususan untuk mengesahkan bahawa Allah SWT yang memberi kemudahan kepada manusia untuk membangunkan bumi.

## 5.2 Penutup

Surah Hūd mengandungi 22 pengkhususan jenis *iḍāfīy*. Terdapat 16 ayat yang mengandungi pengkhususan jenis qalbi dan 6 ayat yang mengandungi jenis *ifrād*. Semua ayat tersebut menggunakan gaya penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, partikel *annamā*, pendepanan dan kata ganti nama pemisah.

Pengkhususan jenis *iḍāfīy* digunakan dalam situasi pendengar mengingkari sesuatu perkara, pendengar mengetahui sesuatu perkara, pendengar mengingkari perkara yang terbukti benar, pendengar diandaikan mengingkari sesuatu, memberi bayangan terhadap makna lain, pendengar meragui sesuatu perkara dan penegasan.

Tujuan penggunaan pengkhususan jenis *idāfiy* adalah untuk mempersendakan, memuliakan, mengesahkan, menunjukkan rasa hairan, menghina, mengancam, menerangkan, melindungi, mengelak dari tohmahan, mempertahankan diri, menggesa dan menegaskan.

Penulis menemui mengandungi dua ayat yang mengandungi tujuan pengkhususan yang berlainan kerana perbezaan pandangan sarjana tafsir. Dalam keadaan tersebut penulis memilih tujuan yang paling hampir dengan konteks ayat, iaitu :

-{مَا نَرَاكَ إِلَّا بَشَرًا مِّثْلَنَا}- (ayat 27) : Ayat ini bertujuan untuk menunjukkan rasa hairan dengan pelantikan manusia sebagai Rasul atau kaum Nabi Nūḥ AS menyindir baginda sebagai orang yang tiada kelebihan.

-{وَمَا أَنْتَ عَلَيْنَا بِعَزِيزٍ}- (ayat 91) : Ayat ini bertujuan untuk menghina Nabi Syu‘ayb AS atau mengancamnya supaya berhenti menentang agama nenek moyang mereka.

Penulis memilih tujuan yang pertama bagi kedua-dua ayat tersebut.

## BAB 6

### KESIMPULAN

#### 6.0 Pendahuluan

Bab ini mengandungi kesimpulan bagi semua bab dalam kajian ini. Penulis juga mengemukakan beberapa cadangan dan saranan yang diharapkan dapat menjadi panduan kepada pengkaji lain. Penulis berharap kesimpulan dan dapatan dari kajian ini dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan dan menjawab soalan kajian.

#### 6.1 Kesimpulan

Antara kesimpulan yang diperolehi dari kajian ini adalah seperti berikut :

- **Objektif pertama**

- 1) Gaya bahasa pengkhususan mula muncul dalam karya sarjana sintaksis terawal lagi tetapi perbincangan mengenainya adalah secara umum dan ringkas. Seorang sarjana balaghah iaitu al-Jurjānīy telah mengambil idea asas mengenai pengkhususan dan mengembangkannya dengan menambah dapatan baru hingga menjadi perbincangan yang lebih mendalam, bersistematik dan tersendiri. Perkembangan gaya bahasa pengkhususan dimulakan oleh al-Jurjānīy dan dilanjutkan oleh al-Zamakhshariy, al-Sakkākiy, al-Qazwīnīy dan al-Taftāzānīy. Sarjana balaghah telah memperkenalkan istilah yang digunakan hingga ke hari ini dan menyusun kaedahnya menjadi perbincangan yang lengkap. Gaya bahasa pengkhususan membincangkan tentang unsur-unsur dalam pengkhususan, jenis, bentuk tataqāṣar, ciri setiap tataqāṣar, struktur ayat yang mewujudkan pengkhususan, situasi penggunaannya dan tujuannya.



- **Objektif kedua dan ketiga**

Kesimpulan dari surah Hūd boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kesimpulan secara khusus dan kesimpulan secara umum.

I. Kesimpulan secara khusus.

Kesimpulan secara khusus pula dibahagikan kepada kategori berikut :

- **Jenis tataqashar, kekerapan penggunaan setiap tataqashar dan topik perbincangan**

1) Daripada enam jenis tataqashar dalam bahasa Arab, surah Hūd mengandungi lima jenis tataqashar sahaja iaitu penafian dengan pengecualian, partikel *innamā*, pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah. Partikel '*af*' tidak ditemui langsung dalam surah ini. Dalam surah ini sebanyak 50 tataqashar telah ditemui. Jenis tataqashar dan bilangannya ditunjukkan dalam Jadual 6.1.

Jadual 6.1: Jenis tataqashar dan bilangannya dalam surah Hūd.

Tataqashar	Bentuk/bilangan						Jumlah
Penafian dengan pengecualian	<i>mā + illā</i>	<i>lā + illā</i>	<i>in + illā</i>	<i>laysa + illā</i>	<i>lan + illā</i>	<i>mā + ghayr</i>	27
	7	7	6	1	1	5	
Pendepanan	<i>jārr + majrūr</i>		partikel nafi + kata ganti diri		kata ganti diri + kata kerja		12
	8		2		2		
Kata ganti nama pemisah	<i>anta</i>		<i>huwa</i>	<i>hum</i>		<i>hunna</i>	4
	1		1	1		1	
Pengekhasan pesandar	4						4
Partikel <i>innamā</i> / <i>annamā</i>	3						3
							50

- 2) Tataqāṣar yang paling kerap digunakan ialah gaya penafian dengan pengecualian iaitu sebanyak 27 kali. Bentuk yang paling kerap digunakan adalah gabungan : " مَا + إِلَّا " dan " لَا + إِلَّا ". Ayat yang mengandungi gaya penafian dengan pengecualian paling banyak digunakan mengenai prinsip asas ajaran Islam dan mengenai perkara yang tidak disenangi oleh pendengar atau penutur.
- 3) Pengkhususan melalui gaya penafian dengan pengecualian juga didapati mengandungi komponen ilmu *bayān* seperti :
- *tasybīh balīgh* dalam ayat 7 { إِنَّ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ } , ayat 78 { هَؤُلَاءِ بَنَاتِي } dan ayat 109 { مَا يَعْبُدُونَ إِلَّا كَمَا يَعْبُدُ آبَاؤُهُمْ مِنْ قَبْلُ }.
  - kiasan dalam ayat 56 { مَا مِنْ دَابَّةٍ إِلَّا هُوَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا } dan ayat 104 { وَمَا نُؤَخِّرُهُ إِلَّا لِأَجَلٍ مُّعَدُّودٍ }.
  - *majāz 'aqlīy* dalam ayat 43 { لَا عَاصِمَ الْيَوْمَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِلَّا مَنْ رَحِمَ }.
  - *majāz* dalam ayat 35 { فَعَلَيَّْ إِجْرَامِي }.
- 4) Tataqāṣar yang kedua kerap digunakan ialah pendepanan iaitu sebanyak 12 kali. Bentuk yang paling kerap digunakan adalah pendepanan *jārr* dan *majrūr*. Pengkhususan melalui pendepanan didapati mengandungi *isti'ārat tab'īyyat*, iaitu dalam ayat 6 { مَا مِنْ دَابَّةٍ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا }. Ayat yang mengandungi pendepanan paling banyak digunakan untuk perkara yang dikhususkan sebagai hak Allah SWT sahaja.
- 5) Partikel *innamā* ditemui sebanyak dua kali dalam surah Hūd dan partikel *annamā* ditemui sekali sahaja. Pengkhususan melalui partikel *annamā* didapati mengandungi kiasan iaitu dalam ayat 14 { فَاعْلَمُوا أَنَّمَا أَنْزَلَ بِعِلْمِ اللَّهِ }. Ayat yang mengandungi partikel *innamā* digunakan dalam perkara yang bertujuan untuk memberi peringatan dan menarik perhatian.
- 6) Penggunaan pengekhasan pesandar yang digabungkan dengan kata ganti nama pemisah ditemui sebanyak tiga kali. Kedua-dua kaedah diiringi oleh partikel penegas

dan bilangan kata penegas tersebut adakalanya mencecah hingga empat jenis dalam satu ayat. Pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah yang digunakan secara sendirian pula ditemui sebanyak sekali. Ayat yang mengandungi pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah digunakan untuk memaparkan konflik dengan orang kafir.

- **Struktur ayat yang mengandungi pengkhususan**

1) Struktur ayat yang mengandungi pengkhususan ditentukan melalui kedudukan *maqṣūr* dan *maqṣūr ‘alayh* dalam ayat. Struktur ayat yang terdiri daripada dua komponen berikut mengikut jenis tataqāṣar adalah :

-Penafian dengan pengecualian :

- a) Pelaku / objek.
- b) Subjek / predikat.
- c) Subjek yang diakhirkan / sifat.
- d) Objek pertama / objek kedua.
- e) Objek / *jārr* dan *majrūr*.
- f) Kata kerja / pelaku.
- g) *Mubdal minh* / *badal*.
- h) *Hāl* / empunya *hāl*.
- i) Kata kerja / kata nama penguat yang menerangkan jenis.

-Partikel *innamā* :

- a) Subjek / predikat.
- b) *Nā'ib al-fā'il* / *jārr* dan *majrūr*.
- c) Objek / pelaku.

-Pendepanan :

- a) Predikat yang didiepankan / subjek yang diakhirkan.

b) Subjek / predikat.

c) Predikat yang didahului partikel nafi / kata kerja.

-Pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah :

a) *Ism inna / khabar inna*.

b) Subjek / predikat.

- 2) Pengkhususan melalui gaya penafian dengan pengecualian mempunyai paling banyak struktur ayat berbanding dengan tataqashar lain. Pengkhususan melalui tiga tataqashar iaitu penafian dengan pengecualian, partikel *innamā* dan pendepanan berlaku dalam ayat kerjaan dan ayat namaan. Namun pengkhususan melalui pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah berlaku dalam ayat namaan sahaja.

• **Jenis pengkhususan**


- 1) Terdapat 28 ayat (56%) merupakan jenis hakiki dan 22 ayat (44%) merupakan jenis *iḍāfīy*. Bilangan jenis hakiki adalah lebih banyak daripada jenis *iḍāfīy*. Pengkhususan jenis hakiki adalah kaedah primer dan lebih kerap berlaku dan jenis *iḍāfīy* pula adalah kaedah sekunder.
- 2) Jenis pengkhususan yang paling banyak dalam surah Hūd adalah hakiki *taḥqīqīy* iaitu sebanyak 17 ayat (34%). Jenis qalbi sebanyak 16 ayat (32%), jenis hakiki *iddi 'ā'īy* sebanyak 11 ayat (22%) dan jenis *ifrād* sebanyak 6 ayat (12%). Jenis penentuan tidak ditemui dalam surah ini. Bilangan jenis pengkhususan dalam surah Hūd ditunjukkan dalam Jadual 6.2.

Jadual 6.2: Bilangan jenis hakiki, *iḍāfīy*, sifat-mawṣūf dan mawṣūf-sifat dalam surah


Hūd.

Hakiki		<i>Iḍāfīy</i>			Sifat-mawṣūf	Mawṣūf-sifat
<i>Taḥqīqīy</i>	<i>Iddi 'ā'īy</i>	Qalbi	<i>Ifrād</i>	Penentuan		
17	11	16	6	-	33	17

- 3) Jenis sifat-mawṣūf adalah lebih banyak daripada mawṣūf-sifat. Hal ini menepati realiti sebenar bahawa sesuatu empunya sifat yang memiliki pelbagai sifat sering ditemui, namun sesuatu empunya sifat yang memiliki sifat tertentu jarang ditemui.
- 4) Peratusan pengkhususan kategori hakiki dan *iḍāfīy* dipaparkan dalam Rajah 6.1. Peratusan pengkhususan kategori sifat dan mawṣūf ditunjukkan dalam Rajah 6.2.



Rajah 6.1: Peratusan pengkhususan jenis hakiki dan *iḍāfīy* dalam surah Hūd.



Rajah 6.2: Peratusan pengkhususan jenis mawṣūf-sifat dan sifat-mawṣūf dalam surah Hūd.

- **Tujuan penggunaan pengkhususan**

- 1) Tujuan penggunaan pengkhususan dapat diketahui setelah memahami maksud sebenar ayat tersebut. Jumlah keseluruhan tujuan pengkhususan dalam surah Hūd mengikut jenis tataqāsar ditunjukkan dalam Jadual 6.3.

Jadual 6.3: Jumlah keseluruhan bilangan tujuan pengkhususan dalam surah Hūd mengikut jenis tataqāsar.

Tujuan pengkhususan	Penafian dengan pengecualian	<i>Innamā</i>	Pendepanan	Pengekhasan pesandar	Kata ganti nama pemisah	Jumlah
menegaskan	4	-	4	1	1	10
mengesahkan	5	1	2	-	-	8
mengancam	2	1	4	-	-	7
mencela	3	-	-	2	1	6
menggesa	5	-	-	-	-	5
mempersendakan	1	-	-	1	1	3
menghina	1	-	1	-	-	2
mengelakkan dari tohmahan	2	-	-	-	-	2
menuduh	1	-	-	-	-	1
memuliakan	-	1	-	-	-	1
mempertahan diri	-	-	1	-	-	1
melindungi	-	-	-	-	1	1
menerangkan	1	-	-	-	-	1
memaklumkan	1	-	-	-	-	1
menunjukkan rasa hairan	1	-	-	-	-	1

- 2) Pengkhususan dalam surah Hūd telah digunakan untuk empat belas tujuan berikut seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.4.

Jadual 6.4: Tujuan penggunaan pengkhususan dan bilangannya dalam surah Hūd.

Tujuan /bilangan	Ayat
Menegaskan (10)	<p>{وَمَا آمَنَ مَعَهُ إِلَّا قَلِيلٌ} ayat 40</p> <p>{لَا يَلْتَفِتُ مِنْكُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَمْرَاتِكَ} ayat 81</p> <p>{وَمَا نُؤَخِّرُهُ إِلَّا لِأَجَلٍ مُّعَدُّودٍ} ayat 104</p> <p>{لَا تَكَلِّمُنَّ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ} ayat 105</p> <p>{وَمَا مِنْ دَابَّةٍ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا} ayat 6</p> <p>{مَا كُنْتَ تَعْلَمُهَا أَنْتَ وَلَا قَوْمُكَ مِنْ قَبْلِ هَذَا} ayat 17</p> <p>{عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ} ayat 88</p> <p>{وَالِيهِ أُنِيبُ} ayat 88</p> <p>{إِنَّ رَبَّكَ هُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ} ayat 66</p>
Mengesahkan (8)	<p>{وَأَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ} ayat 2</p> <p>{مَا مِنْ دَابَّةٍ إِلَّا هُوَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا} ayat 27</p> <p>{فَمَا تَزِيدُونَنِي غَيْرَ تَخْسِيرٍ} ayat 63</p> <p>{مَا يَعْبُدُونَ إِلَّا كَمَا يَعْبُدُ آبَاؤُهُمْ مِنْ قَبْلُ} ayat 109</p> <p>{وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ} ayat 88</p> <p>{فَاعْلَمُوا أَنَّمَا أَنْزَلَ بِعِلْمِ اللَّهِ} ayat 14</p> <p>{هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ} ayat 61</p> <p>{وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا} ayat 61</p>
Mengancam (7)	<p>{أُولَئِكَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ} ayat 16</p> <p>{لَا عَاصِمَ الْيَوْمَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِلَّا مَنْ رَحِمَ} ayat 43</p> <p>{إِنَّمَا يَأْتِيكُمْ بِهِ اللَّهُ} ayat 33</p>

Tujuan /bilangan	Ayat
	{إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ} ayat 4 {وإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ} ayat 34 {لِلَّهِ غَيْبُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ} ayat 123 {وإِلَيْهِ يُرْجَعُ الْأُمُورُ كُلُّهُ} ayat 123
Mencela (6)	{إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا مُفْتَرُونَ} ayat 50 {وَمَا زَادُوهُمْ غَيْرَ تَتْبِيبٍ} ayat 101 {فَلَوْلَا كَانَ مِنَ الْقُرُونِ مِنْ قَبْلِكُمْ أُولُو بَقِيَّةٍ يَنْهَوْنَ عَنِ الْفَسَادِ إِلَّا قَلِيلًا} ayat 116 {إِنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ} ayat 17 {لَا جَرَمَ أَنْهُمْ فِي الْآخِرَةِ هُمْ الْآخِسُونَ} ayat 22
Menggesa (5)	{أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ} ayat 2 {أَنْ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ} ayat 26 {مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ} ayat 50,61 dan 84
Mempersendakan (3)	{إِنْ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُبِينٌ} ayat 7 {إِنَّكَ لَا أَنْتَ الْحَلِيمُ الرَّشِيدُ} ayat 87
Menghina (2)	{وَمَا نَرَاكَ اتَّبَعَكَ إِلَّا الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا أَنْ يُكْفَرُوا بِمَا هُمْ كَاذِبُونَ} ayat 27 {وَمَا أَنْتَ عَلَيْنَا بَعِيزٌ} ayat 91
Mengelakkan dari tohmahan (2)	{إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى اللَّهِ} ayat 29 {إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى الَّذِي فَطَرَنِي} ayat 51
Menuduh (1)	{إِنْ نَقُولُ إِلَّا اعْتَرَاكَ بَعْضُ آلِهَتِنَا بِسُوءٍ} ayat 54
Memuliakan (1)	{إِنَّمَا أَنْتَ نَذِيرٌ} ayat 12
Mempertahankan diri (1)	{قُلْ إِنْ افْتَرَيْتَهُ فَعَلِيَّ إِجْرَامِي} ayat 35
Melindungi (1)	{هَؤُلَاءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ} ayat 78



Tujuan /bilangan	Ayat
Menerangkan (1)	{إِنْ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ} ayat 88
Memaklumkan (1)	{لَنْ يُؤْمِنَ مِنْ قَوْمِكَ إِلَّا مَنْ قَدْ آمَنَ} ayat 36
Menunjukkan rasa hairan (1)	{مَا نَرَاكَ إِلَّا بَشَرًا مِثْلَنَا} ayat 27

- **Jenis pengkhususan tidak mempengaruhi penentuan tujuan pengkhususan**

- 1) Jenis pengkhususan ditentukan dengan melihat bentuk penafian dalam pengkhususan, jika yang dinafikan adalah semua perkara, maka ia adalah jenis hakiki. Namun jika yang dinafikan adalah perkara yang khusus, maka ia adalah jenis *iḍāfiyy*. Tujuan pengkhususan pula menerangkan sebab penggunaannya dalam ayat tersebut atau makna sebenar ayat yang mengandungi pengkhususan itu.
- 2) Dalam surah Hūd, jenis hakiki *taḥqīqīyy* contohnya, didapati bertujuan untuk menggesa, mengancam, mencela, menegaskan dan mengesahkan. Namun pengkhususan jenis lain juga didapati bertujuan untuk mengancam, mencela dan sebagainya. Begitu juga dengan tujuan menegaskan, bukan sahaja ditemui dalam jenis hakiki *taḥqīqīyy* malahan dalam jenis lain juga.
- 3) Hal tersebut membuktikan jenis pengkhususan tertentu tidak digunakan untuk tujuan tertentu dan sesuatu tujuan juga tidak dihadkan kepada jenis tertentu. Namun pengkhususan yang digunakan untuk menegaskan sesuatu perkara paling kerap ditemui dalam jenis hakiki iaitu sembilan ayat dan ditemui dalam satu ayat dalam jenis *iḍāfiyy*. Kesimpulannya, jenis pengkhususan tidak mempengaruhi penentuan tujuan pengkhususan dalam surah Hūd.

- **Situasi pengujaran pengkhususan dan kekerapannya mengikut jenis tataqāṣar**

- 1) Gaya bahasa pengkhususan dalam surah Hūd telah digunakan dalam sembilan situasi, Jadual 6.5 di bawah menerangkan situasi pengujaran pengkhususan mengikut jenis tataqāṣar dan kekerapannya.

Jadual 6.5: Jadual situasi pengujaran pengkhususan mengikut jenis tataqāṣar dalam surah Hūd dan kekerapannya.

Tataqāṣar	Penafian + pengecualian	<i>Innamā</i>	Pendepanan	Pengekhasan pesandar	Kata ganti nama pemisah
Situasi					
Pendengar mengingkari sesuatu	14	-	8	2	2
Penegasan	4	-	4	1	1
Pendengar ragu-ragu	5	-	-	-	-
Memberi bayangan terhadap makna lain ( <i>al-ta'riḍ</i> )	1	-	-	1	-
Pendengar tidak mengetahui sesuatu perkara	1	-	-	-	1
Pendengar mengingkari perkara yang terbukti benar	-	2	-	-	-
Pendengar telah mengetahui sesuatu perkara	-	1	-	-	-
Pendengar diandaikan mengingkari	1	-	-	-	-
Luahan perasaan penutur	1	-	-	-	-

- 2) Situasi yang paling kerap adalah pendengar yang mengingkari sebanyak 26 kali (52%). Situasi seterusnya adalah situasi penegasan sebanyak 10 kali (20%), diikuti oleh situasi pendengar yang ragu-ragu sebanyak 5 kali (10%), situasi memberi bayangan terhadap makna lain (*al-ta'riḍ*), pendengar tidak mengetahui sesuatu

perkara dan pendengar mengingkari perkara yang terbukti benar, ketiga-tiganya sebanyak 2 kali (4%).

- 3) Situasi yang paling sedikit adalah pendengar telah mengetahui sesuatu perkara, pendengar diandaikan mengingkari dan luahan perasaan penutur, iaitu sebanyak sekali (2%).
- 4) Gaya penafian dengan pengecualian paling kerap didatangkan dalam situasi pendengar yang mengingkari, situasi penegasan dan pendengar yang ragu-ragu. Hal ini bersesuaian dengan pandangan sarjana balaghah bahawa ia sesuai untuk perkara yang diingkari oleh pendengar. Pendepanan pula paling kerap digunakan dalam situasi pendengar yang mengingkari dan situasi penegasan. Bagi partikel *innamā*, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah, penetapan situasi yang lebih kerap tidak dapat ditentukan.
- 5) Situasi pendengar yang mengingkari bukanlah khusus dengan penggunaan gaya penafian dengan pengecualian kerana ia juga digunakan dalam pendepanan, pengekhasan pesandar dan kata ganti nama pemisah.
- 6) Situasi memberi bayangan terhadap makna lain (*al-ta 'rīḍ*) bukanlah khusus dengan penggunaan partikel *innamā* kerana ia juga digunakan dalam gaya penafian dengan pengecualian dan pengekhasan pesandar.
- 7) Tataqāṣar dalam surah Hūd telah digunakan dalam situasi berikut :
  - Penafian dengan pengecualian : tujuh situasi iaitu pendengar mengingkari, pendengar diandaikan mengingkari, pendengar ragu-ragu, pendengar tidak mengetahui sesuatu perkara, penegasan, memberi bayangan terhadap makna lain (*al-ta 'rīḍ*) dan luahan perasaan penutur.
  - Partikel *innamā*: dua situasi iaitu pendengar telah mengetahui sesuatu maklumat dan pendengar mengingkari perkara yang terbukti benar.
  - Pendepanan : dua situasi iaitu pendengar mengingkari dan penegasan.

- Pengekhasan pesandar : tiga situasi iaitu pendengar mengingkari, penegasan dan memberi bayangan terhadap makna lain.
  - Kata ganti nama pemisah : tiga situasi iaitu pendengar mengingkari, penegasan dan pendengar tidak mengetahui sesuatu.
- 8) Secara keseluruhannya, pengkhususan dalam surah Hūd didatangkan paling kerap dalam situasi pendengar yang mengingkari dan situasi penegasan. Hal tersebut bertepatan dengan cirinya yang berupaya menyangkal dakwaan pendengar dan mengukuhkan sesuatu maklumat dalam minda pendengar.
  - 9) Setiap tataqāsar boleh digunakan dalam pelbagai situasi dan tidak dikhususkan untuk situasi tertentu. Penetapan sarjana balaghah bahawa gaya penafian dengan pengecualian sesuai untuk situasi pendengar yang mengingkari serta partikel *innamā* sesuai untuk pendengar yang telah mengetahui sesuatu maklumat hanyalah atas dasar kebiasaan. Penetapan tersebut bukan suatu kaedah yang tetap dan bersesuaian untuk semua ayat tetapi sebagai satu panduan umum.
  - 10) Kesimpulannya, situasi pengujaran merupakan salah satu faktor dalam memilih tataqāsar yang sesuai bagi sesuatu ayat. Namun faktor terpenting adalah memilih tataqāsar yang sesuai dengan struktur ayat tersebut, sama ada ayat itu adalah ayat namaan atau ayat kerjaan.

- **Penemuan baru**

Kajian ini telah menemui penemuan baru iaitu :

Partikel *innamā* adakalanya digunakan dalam situasi pendengar yang mengingkari namun penentangannya telah dibidas dengan mendatangkan bukti-bukti yang kukuh. Penulis menamakan situasi ini sebagai “pendengar mengingkari perkara yang terbukti benar”.

- **Kesesuaian tujuan pengkhususan dengan situasi pengujarannya**

- 1) Berdasarkan situasi pengujaraan pengkhususan, terdapat pelbagai tahap pendengar, antaranya pendengar yang tidak mengetahui sesuatu maklumat, atau telah mengetahuinya, atau ragu-ragu, atau mengingkari, atau diandaikan mengingkari.
- 2) Bagi pendengar yang ingkar, pengkhususan digunakan untuk mengancam, mencela dan sebagainya. Contohnya kaum kafir Quraisy yang mengingkari untuk beriman dengan Allah SWT, maka pengkhususan bertujuan untuk mengancam mereka dengan balasan api neraka seperti dalam ayat 16 : {أُولَئِكَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ}.
- 3) Sedangkan bagi pendengar yang ragu-ragu, contohnya kaum Nabi Syu'ayb AS meragui tujuan baginda berdakwah, maka pengkhususan digunakan untuk menerangkan tujuannya berdakwah iaitu memperbaiki keadaan kaumnya, firman Allah SWT dalam ayat 88 : {إِنْ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ}.
- 4) Bagi pendengar yang tidak mengetahui sesuatu perkara, contohnya Nabi Nūḥ AS yang tidak mengetahui tentang kedatangan azab, maka pengkhususan bertujuan untuk memaklumkan bahawa kaumnya yang kafir tidak akan beriman dan azab Allah SWT akan menimpa kaumnya dalam ayat 36 : {لَنْ يُؤْمِنَ مِنْ قَوْمِكَ إِلَّا مَنْ قَدْ آمَنَ}.  
Kesimpulannya, tujuan penggunaan pengkhususan dalam surah Hūd adalah bersesuaian dengan situasi pengujaran.

## II. Kesimpulan secara umum

- 1) Kebanyakan gaya bahasa pengkhususan diucapkan mengikut keperluan dan keadaan pendengar namun ada pengkhususan yang tidak ditujukan kepada pendengar tertentu seperti dalam situasi luahan perasaan penutur dan situasi penegasan.
- 2) Penentuan jenis, situasi dan tujuan pengkhususan amat bergantung kepada ungkapan tunjuk (*qarīmat*) yang terkandung dalam konteks ayat al-Qur'an al-Karim.

- 3) Aspek keindahan dalam gaya bahasa pengkhususan masih dapat diperlihatkan walaupun dengan menggunakan ungkapan yang ringkas dan padat.
- 4) Pemilihan perkataan dalam ayat yang mengandungi gaya bahasa pengkhususan bersesuaian dengan maksud yang ingin disampaikan dan berjaya memberi kesan kepada jiwa pendengar.
- 5) Para sarjana mengatakan tataqāṣar yang paling kuat dalam menegaskan maksud adalah gaya penafian dengan pengecualian. Penulis menyokong pandangan tersebut kerana gaya penafian dengan pengecualian paling kerap ditemui dalam al-Qur'an al-Karim, perbincangannya mengenai prinsip asas ajaran Islam, dan kesesuaiannya dengan semua jenis ayat bahasa Arab, sama ada ayat namaan atau ayat kerjaan. Tataqāṣar ini juga mempunyai kepelbagaian bentuk partikel nafi (seperti *mā*, *in*, *laysa* dan *lam*) dan bentuk partikel kecuai (seperti *illā* dan *ghayr*).

## 6.2 Cadangan

Berdasarkan hasil dapatan dan kesimpulan dari kajian ini, penulis ingin memberikan berberapa saranan iaitu :

- 1) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memasukkan tajuk pengkhususan dalam sukatan pelajaran bahasa Arab tingkatan lima di sekolah menengah pada tahun 2003 (Mohd. Nasrudin, Jefridin & Abd. Razak, 2003: hlm. 76). Namun tajuk tersebut dimansuhkan dari sukatan pelajaran pada tahun 2011 (Nur Aina Sabariah, Zawiyah & Irma Martini, 2011: hlm. iv). Memandangkan kepentingan dan faedah penggunaannya penulis menyarankan tajuk pengkhususan diajar kepada pelajar peringkat menengah atas yang mengambil bahasa Arab di sekolah yang dikendalikan oleh KPM.

- 2) Penulis mencadangkan para pendidik bahasa Arab menulis sebuah buku yang berbentuk nota ringkas bagi semua tajuk dalam ilmu balaghah yang ditulis dalam bahasa Melayu. Persembahan buku itu haruslah mengutamakan penerangan melalui grafik yang jelas dan ringkas seperti peta minda, rajah dan carta aliran. Kebanyakan buku balaghah di pasaran adalah dalam bahasa Arab dan mengandungi penerangan yang sukar difahami oleh pelajar peringkat sekolah dan universiti.
- 3) Penulis mencadangkan pengkaji seterusnya mengkaji perkara berikut iaitu :
- a) Perterjemahan gaya bahasa pengkhususan ke bahasa Melayu dalam kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* atau kitab ḥadīth lain yang telah dialih bahasa.
  - b) Tahap penguasaan pelajar dalam tajuk pengkhususan.
  - c) Gaya bahasa *al-syarḥ* menurut perspektif ilmu balaghah dan ilmu nahu.
  - d) Analisis semua aspek ilmu *ma'ānī* dalam salah satu khutbah atau ucapan para sahabat.
  - e) Analisis perbahasan ilmu *ma'ānī* dalam tafsir al-Fakhr al-Rāziy atau tafsir Ibn Āsyūr.

## RUJUKAN

al-Qur‘an al-Karim.

‘Abdul-Raof, Hussein. (2006). *Arabic Rhetoric A Pragmatic Analysis* (1st ed.). Oxon, Great Britain: Routledge.

Abū Ḥayyān, Muḥammad b. Yūsuf b. ‘Alī b. Ḥayyān Abū ‘AbdulLāh al-Andalusīy al-Jayyānīy al-Garnāṭīy. (1992). *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī al-Tafsīr*. (Şidqī Muḥammad Jamīl, Ed.). Beirut: Dār al-Fikr.

Abū Mūsā, Muḥammad Muḥammad. (1987). *Dilālāt al-Tarākīb Dirāsāt Balāghīyyat* (2nd ed.). Kaherah, Mesir: Dār al-Taḍāmun.

Abū Mūsā, Muḥammad Muḥammad. (1996). *Khaṣā’iṣ al-Tarākīb* (4th ed.). Kaherah, Mesir.

Abū al-Su‘ūd, Muḥammad b. Muḥammad b. Muṣṭafā al-‘Imādīy al-Ḥanafīy. (2001). *Tafsīr Abī al-Su‘ūd Irsyād al-‘Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm*. (Muḥammad Şubḥī Ḥasan Ḥallāq, Ed.) (1st ed.). Beirut: Dār al-Fikr.

Aḥmad bin Fāris, Abū al-Ḥusayn. (1994). *Mu‘jam al-Maqāyīs fī al-Lughat*. (Syihāb al-Dīn Abū‘Amr, Ed.) (1st ed.). Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.

Aḥmad bin Fāris, Abū al-Ḥusayn. (1997). *al-Şāḥibīy fī al-Lughat al-‘Arabīyyat wa Masā’ilihā wa Sunan al-‘Arab fī Kalāmihā*. (Aḥmad Ḥasan Basaj, Ed.). Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyat.

Ahmad Fathoni. (2010). Strategi Pengajaran Ilmu Ma‘ānī. *Progresiva*, 4(1), 105–114.



Aḥmad, Samīr Muḥsin Muthannā. (2008). *al-Ḥaṣr wa al-Qaṣr fī al-Qur‘ān al-Karīm Dirāsah Balāghiyah*. Universiti al-Īmān, Yaman.

al-Alūsīy, Abū al-Faḍl Syihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Baghdādīy. (1994). *Rūḥ al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur‘ān al-Karīm al-‘Aẓīm wa al-Sab‘ al-Mathānī*. (Muḥammad Ḥusayn al-‘Arab, Ed.). Beirut: Dār al-Fikr.

‘Amayirah, Ismā‘īl. (1992). *al-Mustasyriqūn wa al-Manāhij al-Lughawīy* (2nd ed.). ‘Ammān, Jordan: Dār Ḥanīn.

al-Āmidīy, ‘Alī bin Muḥammad. (2003). *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*. (‘Abd al-Razzāq ‘Afīfī, Ed.) (1st ed.). Riyadh: Dār al-Ṣamī‘īy.

Anīs Ibrāhīm, Muntaṣir ‘Abd al-Ḥalīm, al-Ṣawālīḥīy ‘Aṭīyyah & Aḥmad Muḥammad KhalafulLāh. (1972). *al-Mu‘jam al-Wasīṭ* (2nd ed.). Mesir: Majma‘ al-Lughah al-‘Arabīyyah.

al-‘Askariy, Abū Hilāl. (1986). *al-Ṣinā‘atayn al-Kitābah wa al-Syi‘r*. (‘Alī Muḥammad al-Bijāwīy & Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm, Eds.). Beirut, Lubnan: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.

‘Atīq, ‘Abd al-‘Azīz. (2004). *‘Ilm al-Ma‘ānī*. Kaherah, Mesir: Dar al-Āfāq al-‘Arabīyyah.

‘Awḍ, Muḥammad Hassān. (2008). Mafhūm al-Mukhālafah wa Atharuh fī Ikhtilāf al-Fuqahā’. *Jurnal Ilmu Ekonomi Dan Undang-Undang, Universiti Damsyik*, 24(1), 579–614.

‘Awnī, Ḥāmid. (1972). *al-Minhāj al-Wāḍiḥ li al-Balāghah*. Mesir: Maktabah al-Jāmi‘ah al-Azhariyyah.

al-‘Az‘azīy, Aḥmad‘Abduh Mukrid Aḥmad. (2006). *Asālib al-Qaṣr fī Syi‘r al-Mutanabbī bayna al-Naḥw wa al-Balāghah*. Universiti ‘Adn, Yaman.

- Azhar bin Muhammad. (2005). Beberapa Keunikan dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa al-Qur'an. *Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia*, 42(E)(Jun), 61–76.
- Azhar bin Muhammad et al. (2006). *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*. Johor.
- Azlina bt Abdullah Hasim. (2008). Istithnā' Dalam Bahasa Arab : Satu Analisis Dalam Surah Hūd. Universiti Malaya.
- Barakāt, Ibrāhīm Ibrāhīm. (2007). *al-Naḥw al-'Arabīy* (1st ed.). Kaherah, Mesir: Dār al-Nasyr li al-Jāmi'āt.
- Basmeih, Abdullah. (Ed.). (n.d.). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- al-Bayḍāwīy, Nāṣir al-Dīn 'Abdullāh b. 'Umar b. Muḥammad al-Syīrāzīy. (1988). *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl Tafsīr al-Bayḍāwīy* (1st ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- al-Biqā'īy, Burhān al-Dīn Abū al-Ḥasan bin Ibrāhīm b. 'Umar .(1975). *Naẓm al-Durar fī Tanāsub al-Āyāt wa al-Suwar*. (Muḥammad 'Imrān al-Aghṭas al-'Umarīy, Ed.). Kaherah, Mesir: Dār al-Kitāb al-Islāmīy.
- Brown, Gillian & Yule, George. (1983). *Discourse Analysis. Cambridge textbooks in linguistics* (1st ed.). Cambridge: University of Cambridge.
- Creswell, John. (2003). *Research design: qualitative, quantitative, and mixed method approaches*. Thousand Oaks Calif (Vol. 2nd). doi:10.2307/3152153
- Darrāz, Ṣabbāḥ 'Abīd. (1986). *Asālīb al-Qaṣr fī al-Qur'ān al-Karīm wa Asrāruhā al-Balāghīyyat* (1st ed., p. 261). Mesir: Maṭba'at al-Amānat.

- al-Darwīsy, Muḥyī al-Dīn. (1988). *I'rāb al-Qur'ān al-Karīm wa Bayānuh*. Homs, Syria: Dār al-Irsyād.
- Dhīf, Syawqī. (1965). *al-Balāghat Taṭawwur wa Tārīkh* (9th ed.). Kaherah, Mesir: Dār al-Ma'ārif.
- al-Dusūqīy. (2002). *Hāsyiyat al-Dusūqīy*. (Khalīl Ibrāhīm Khalīl, Ed.) (1st ed.). Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Faḍl Ḥasan 'Abbās. (1989). *al-Balāghat Funūnuhā wa Afnānuhā 'Ilm Ma'ānī* (2nd ed.). 'Ammān, Jordan: Dār al-Furqān.
- al-Fārisīy, Abū 'Alī al-Ḥasan b. Aḥmad b. 'Abd al-Ghaffār. (2004). *al-Masā'il al-Syīrāzīyyat*. (Ḥasan b. Maḥmūd Hindāwī, Ed.) (1st ed.). Riyadh: Kunūz Isybīliyyā li al-Nasyr wa al-Tawzī'.
- al-Fayrūzābādhiy, Majd al-Dīn Muḥammad b. Ya'qūb. (1990). *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* (1st ed.). Beirut, Lubnan: Mu'assasat al-Nūriyy.
- Fayyūd, Basyūnī 'Abd al-Fattāḥ. (1998). *Dirāsāt Balāghīyyat* (1st ed.). Kaherah, Mesir: Mu'assasat al-Mukhtār.
- Fayyūd, Basyūnī 'Abd al-Fattāḥ. (2008). *'Ilm al-Ma'ānī Dirāsāt Balāghīyyat wa Naqdīyyat li Masā'il al-Ma'ānī* (2nd ed.). Kaherah, Mesir: Mu'assasat al-Mukhtār.
- al-Fīl, Tawfīq (1991). *Balāghat al-Tarākīb Dirāsāt fī 'Ilm al-Ma'ānī*. Kaherah, Mesir: Maktabat al-Ādāb.
- al-Ghalāyīniy, al-Syaykh Muṣṭafā. (1989). *Jāmi' al-Durūs al-'Arabīyyat* (22nd ed.). Beirut, Lubnan: al-Maktabat al-'Aṣriyyat.

- al-Ghazālīy, Muḥammad b. Muḥammad Abū Ḥāmid. (1994). *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*. (Ibrāhīm Muḥammad Ramaḍān, Ed.). Beirut: Dār al-Arqam b. Abī al-Arqam.
- al-Habīl, 'Abd al-Raḥīm Muḥammad. (2011). Tajallīyyat al-Jamāl fī Uslūb al-Qaṣr. *Jurnal Universiti Islam Gaza (Pengajian Kemanusiaan)*, 19(2), 973–990.
- Ḥamām, Balqāsīm. (2007). Fikraṭ al-Maqām fī al-Naḥw al-'Arabīy. *Jurnal Kemanusiaan, Universiti Muḥammad Khayḍar, Biskarat, Algeria*, 11, 125–136.
- Ḥamidī, 'Abd al-Nūr. (2006). *Uslūb al-Qaṣr bayna Sībawayh wa 'Abd al-Qāhir al-Jurjānīy*. Universiti Abū Bakr Balqāyid, Algeria.
- Ḥamdān, Ibtisām & Sabī'iy, Ibrāhīm. (2014). Ṭuruq al-Qaṣr wa Tajalliyātuh fī al-Tarkīb al-Lughawīy. *Tishreen University Journal for Research and Scientific Studies, Syria*, 36(3), 187–204.
- Ḥasan, 'Abbās. (1995). *al-Naḥw al-Wāfī* (7th ed.). Mesir: Dār al-Ma'ārif.
- Ḥasan, Aḥmad Ibrāhīm. (1996). *Dirāsāt fī Balāghat al-Ma'ānī fī Daw' al-Nuzum al-'Arabīy*. Zaqaḥziq, Mesir: al-Maktabat al-'Ilmiyyat.
- Ḥassān, Tammām. (1994). *al-Lughat al-'Arabīyyat Ma'nāhā wa Mabnāhā*. al-Dār al-Bayḍa', Maghribi: Dār al-Thaqāfat.
- al-Hāsyimīy, Aḥmad. (1994). *Jawāhir al-Balāghat fī al-Ma'ānī wa al-Bayān wa al-Badī'*. Beirut, Lubnan: Dār al-Fikr.
- al-Hudhud, Ibrāhīm Ṣalāḥ. (2004). *Madkhal ilā al-Baḥth al-Balāghīy* (1st ed.). Kaherah, Mesir.
- al-Ḥumṣīy, Muḥammad Ṭāhir. (2003). *Min Naḥw al-Mabānī ilā Naḥw al-Ma'ānī* (1st ed.). Damsyik: Dār Sa'd al-Dīn.

Ḥusayn, ‘Abd al-Qādir. (1998). *Athar al-Nuḥāt fī al-Baḥth al-Balāghīy*. Kaherah, Mesir: Dār Gharīb li al-Ṭibā‘at wa al-Nasyr wa al-Tawzī‘.

Ibn al-Anbārīy, Kamāl al-Dīn Abū al-Barakāt b. al-Anbārīy ‘Abd al-Raḥmān b. Muḥammad b. ‘UbaydilLāh b. Muṣ‘ab. (1983). *al-Bayān fī Ḥarīb I‘rāb al-Qur‘ān*. (Ṭaha ‘Abd al-Ḥamīd Ṭaha & Muḥammad al-Saqā, Ed.). Qum, Iran: Intisyārāt al-Hijrat.

Ibn ‘Āsyūr, Muḥammad al-Ṭāhir. (1997). *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dār Saḥnūn.

Ibn ‘Aqīl, Bahā’ al-Dīn ‘AbdulLāh al-‘Uqaylīy al-Hamadānīy al-Miṣrīy. (1990). *Syarh Ibn ‘Aqīl ‘alā Alfīyyat Ibn Mālik*. (Muḥammad Muḥyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, Ed.) (1st ed.). Damsyik: Dār al-Khayr.

Ibn Hisyām, Abū Muḥammad ‘Abd. al-Malik b. Hisyām b. Ayyūb al-Ḥimyarīy al-Mu‘āfirīy. (2009). *al-Sīrat al-Nabawīyyat* (2nd ed.). Beirut, Lubnan: Dār Ibn Ḥazm.

Ibn Hisyām al-Anṣārīy, Abū Muḥammad ‘AbdulLāh Jamāl al-Dīn b. Yūsuf Ibn Aḥmad b. ‘AbdulLāh b. Hisyām al-Miṣrīy. (1989). *Awḍaḥ al-Masālik ilā Alfīyyat Ibn Mālik*. (al-Fākhūrīy, Ed.) (1st ed.). Beirut: Dār al-Jīl.

Ibn Hisyām al-Anṣārīy, Abū Muḥammad ‘AbdulLāh Jamāl al-Dīn b. Yūsuf Ibn Aḥmad b. ‘AbdulLāh b. Hisyām al-Miṣrīy. (1985). *Mughnī al-Labīb ‘an Kutub al-‘Aārīb*. (Māzin al-Mubāarak & Muḥammad ‘Alī ḤamdulLāh., Ed.) (6th ed.). Beirut: Dār al-Fikr.

Ibn Hisyām al-Anṣārīy, Abū Muḥammad ‘AbdulLāh Jamāl al-Dīn b. Yūsuf Ibn Aḥmad b. ‘AbdulLāh b. Hisyām al-Miṣrīy. (1990). *Syarḥ Qaṭr al-Nadā wa Ball al-Ṣadā* (1st ed.). Beirut, Lubnan: Dār al-Khayr.

Ibn Khaldūn. (1984). *al-Muqaddimat al-‘Allāmat Ibn Khaldūn*. al-Dār al-Tūnisīyyat li al-Nasyr.

Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā’īl b. ‘Umar b. Kathīr al-Qursyīy al-Dimasyqīy. (1988). *al-Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. (Yūsuf ‘Abd al-Raḥmān al-Mar‘asyaliy, Ed.) (2nd ed.). Beirut: Dār al-Ma‘rifat.

Ibn Manẓūr al-Afriqīy, Jamāl al-Dīn. (n.d.). *Lisān al-‘Arab*. Beirut, Lubnan: Dār Ṣādir.

Ibn Rasyīq al-Qayrawānīy, Abū ‘Alī al-Ḥasan. (2000). *al-‘Umdat fī Ṣinā‘at al-Syi‘r wa Naqdih*. (al-Nabawīy, ‘Abd al-Wāḥid Sya‘lān, Ed.) (1st ed.). Kaherah, Mesir: Maktabat al-Khanjī.

Ibrāhīm al-Ḥanafīy, Ibrāhīm b. Muḥammad b. ‘Arbasyat ‘Iṣām al-Dīn. (2001). *al-Aḥwal Syarḥ Talkhīṣ Miftāḥ al-‘Ulūm*. (‘Abd al-Ḥamīd Hindāwī, Ed.) (1st ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.

Ibrāhīm, Mikā’īl. (2000). *Mā Yufīdu al-Takhṣīṣ min Asālīb al-‘Arabīyyat*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Ishak Mohd. Rejab et al. (1996). *Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab: bahasa Arab - huraian - bahasa Melayu*. (1st ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Jabālīy, Muḥammad Rajā’ī Aḥmad. (2008). *al-Qaṣr bi al-Adawāt fī al-Qur’ān al-Karīm Dirāsāt Iḥṣā’iyyat Balāghīyyat Tafsīriyyat*. Universiti Malaya.

al-Jabālīy, Muḥammad Rajā’ī Aḥmad. (2016). *al-Qaṣr bi Ḍamīr al-Faṣl fī al-Qur’ān al-Karīm*. Mesir. Retrieved May 26, 2016, from [http://vb.tafsir.net/tafsir42838/#.V0Z65\\_197IU](http://vb.tafsir.net/tafsir42838/#.V0Z65_197IU)

JābalLāh, Usamat ‘Abd al-‘Azīz. (n.d.). *al-Siyāq fī al-Dirāsāt al-Balāghīyyat wa al-‘Uṣūliyyat*. Retrieved December 29, 2016, from [www.kfs.edu.eg/](http://www.kfs.edu.eg/)

al-Jāhīz, Abū ‘Uthmān ‘Amr b. Baḥr. (1990). *al-Bayān wa al-Tabyīn*. (‘Abd al-Sallām Muḥammad Hārūn, Ed.). Beirut, Lubnan: Dār al-Jīl.

- al-Ja'liyy, Ibrāhīm Ṭāha. (1987). *Fuṣūl min Balāghat al-'Arabīyyat*. Kaherah, Mesir: Universiti al-Azhar.
- al-Jurjānīy, 'Abd al-Qāhir Abū Bakr b. 'Abd al-Raḥmān b. Muḥammad. (1981). *Dalā'il al-I'jāz*. (Muḥammad Rasyīd Riḍā, Ed.) (2nd ed.). Beirut, Lubnan: Dār al-Ma'rifaṭ.
- al-Jundīy, Darwīsy. (1962). *'Ilm al-Ma'ānī*. Kaherah, Mesir: Dār Nahḍat Miṣr.
- al-Kafawīy, Abū al-Baqā' Ayyūb b. Mūsā al-Ḥusaynīy. (1992). *al-Kullīyyat Mu'jam fī al-Muṣṭalahāt wa al-Furūq al-Lughawīyyat*. ('Adnān Darwīsy & Muḥammad al-Miṣrīy, Ed.) (1st ed.). Beirut, Lubnan: Mu'assasaṭ al-Risālat.
- al-Karmānīy, Syams al-Dīn Muḥammad b. Yūsuf. (2003). *Taḥqīq al-Fawā'id al-Ghiyāthīyyat*. ('Alī b. DakhīlulLāh al-'Awfīy, Ed.). Madinah: Universiti Islam Madinah Munawwarah.
- Kāzim, 'Imād Jabbār. (2009). al-Mukawwin al-Qaṣrīy al-Ākhar Ḍamīr al-Faṣl Dirasaṭ Taḥlīliyyat fī al-Ṣaḥīfaṭ al-Sajjādīyat. *Jurnal Fakulti Pendidikan, Universiti Wāsiṭ, Iraq*, 5(9), 35–55.
- Khaffājī, 'Abd al-Mun'im. (1952). *'Abd al-Qādir wa al-Balāghat al-'Arabīyyat* (1st ed.). Mesir: Maktabaṭ al-Ḥaram al-Ḥusaynīy al-Tijārīyyaṭ al-Kubrā.
- Khaffājī, 'Abd al-Mun'im & Syaraf, 'Abd al-'Azīz. (1980). *Naḥw Balāghat Jadīdat*. al-Fujjālat, Mesir: Maktabaṭ Gharīb.
- al-Khāzin, 'Alā' al-Dīn 'Alī b. Muḥammad b. Ibrāhīm al-Baghdādīy. (1995). *Tafsīr al-Khāzin Lubāb al-Ta'wīl fī Ma'ānī al-Tanzīl*. ('Abd al-Sallām Muḥammad 'Alī Syāhīn, Ed.) (1st ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmīyyaṭ.
- Lāsyīn, 'Abd al-Fattāh. (1976). *al-Ma'ānī fī Daw'Asālib al-Qur'ān* (1st ed.). Mesir: Dār al-Ma'ārif.

- al-Maghribīy, Ibn Ya‘qūb. (n.d.). *Mawāhib al-Fattāh fī Syarḥ Talkhīṣ al-Miftāḥ*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- al-Māliqīy, Aḥmad ‘Abd al-Nūr. (1974). *Rasf al-Mabānī fī Syarḥ Hurūf al-Ma‘ānī*. (Aḥmad M. al-Kharraṭ, Ed.). Damsyik: Majma‘ al-Lughat al-‘Arabiyyat.
- al-Marāghīy, Muṣṭafā. (2000). *‘Ulūm al-Balāghat* (1st ed.). Kaherah, Mesir: Dār al-Āfāq al-‘Arabiyyat.
- Maṭlūb, Aḥmad. (1980). *Asālīb Balāghīyyat al-Faṣāḥat al-Balāghat al-Ma‘ānī* (1st ed.). Universiti Baghdad, Iraq.
- al-Maydānīy, ‘Abd al-Raḥmān. (1996). *al-Balāghat al-‘Arabiyyat Ususuhā wa ‘Ulūmuhā wa Funūnuhā* (1st ed.). Damsyik: Dār al-Qalam.
- Mohd. Said. b. Umar. (1971). *Tafsir Nurul Ihsan* (3rd ed.). Percetakan al-Ma‘arif Sendirian Berhad.
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2013). *Balaghah Melayu Berdasarkan Balaghah Arab: Satu Pengenalan dalam Ilmu al-Ma‘ani* (1st ed.). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mubārak Ḥusayn Najm al-Dīn, & Sawsan Muḥammad Uthmān. (2012). Uslūb al-Qaṣr wa Balāghatuh fī al-Qur’ān al-Karīm. *Jurnal Pengajian Islam, Universiti Sains Dan Teknologi Sudan*, 5, 1–16.
- al-Mubarrid, Muḥammad b. Yazīd Abū al-‘Abbās. (1994). *al-Muqtaḍab*. (‘Abd al-Khāliq ‘Uḍaymat, Ed.). Kaherah: Kementerian Wakaf Mesir.
- Muhammad Arsyad bin Abdul Majid. (2009). Terjemahan Arab-Melayu Dari Sudut Makna Pengkhususan: Satu Analisis Pendekatan Dalam Surah al-Baqarat. Universiti Malaya.
- Muḥammad Fāḍilī. (1986). *Dirāsāt wa Naqd fī Masā’il Balāghīyyat Hāmmaṭ*. Tehran: Mu’assasat wa Muṭāla‘at Farhanki.



- Mohamad Firman Shah. (2010). Tarjamat Maḥmūd Yūnus li al-Āyāt al-Mutaḍamminat ‘alā Uslūb al-Qaṣr min Sūrat al-Baqarat ilā al-Indūnīsiyyat Dirāsat Taḥlīliyyat min Wujhat ‘Ilm Ma‘ānī. Universiti Islam Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Mohammed, Jāsim Mohammed. (2014). A Study of Some Emphatic Arabic Particles in the Glorious Qur’an with Reference to Translation. *College of Basic Education Researchers Journal, University of Mosul*, 3(1), 935–948.
- al-Murādīy, al-Ḥasan bin Qāsim. (1992). *al-Janā al-Dānī fī Hurūf al-Ma‘ānī*. (Fakhr al-Dīn. Qabāwat, Ed.) (1st ed.). Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-Miṣriyyat.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn b. al-Ḥajjāj b. Muslim al-Qusyayriy . (1991). *Saḥīḥ Muslim*. (Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, Ed.) (1st ed.). Kaherah, Mesir: Dār al-Ḥadīth.
- Muṣṭafā, Muḥammad S. (2011). al-Qawā‘id al-Uṣūliyyat wa Ṭuruq Istīnbat al-Aḥkām minhā. *Jurnal Pengajian Islam, Universiti Gaza*, 19(1), 277–311.
- al-Naṣīrāt, Jihād Muḥammad. (2014). Uslūb al-Qaṣr bi Innamā wa al-Nafīy wa al-Istithnā’ fī al-Āyāt al-Qur’āniyyat Allatī Waṣafat al-Ḥayāt al-Dunyā wa Matā’ihā. *Jurnal Syariah dan Undang-Undang, Universiti Jordan*, 41(1), 195–214.
- Noresah bt Baharom et al. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pabiyah Toklubok @ Haji Maming & Che Radiah Mezah & Nik Farhan Mustafa. (2014). *al-Mursyid fī Kitābat al-Baḥth al-‘Ilmīy* (1st ed.). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Pupu Saeful Rahmat. (2009). Penelitian Kualitatif. *Equilibrium*, 5(9 Januari-Jun), 1–8.
- Qalqayalat, ‘Abduh ‘Abd al-‘Azīz. (1989). *al-Balāghat al-Iṣṭilāḥīyyat*. Kaherah, Mesir: Dār al-Fikr al-‘Arabīy.
- al-Qazwīnīy, al-Khaṭīb, Jalāl al-Dīn Muḥammad b. ‘Abd al-Raḥmān. (1999). *al-Īdāḥ fī ‘Ulūm al-Balāghat*. (‘Abd al-Mun‘im Khaffājī, ‘Abd.‘Azīz Syaraf, Muḥammad al-Sa‘dīy Farhūd, Ed.) (6th ed.). Kaherah, Mesir: Dār al-Kitāb al-Miṣriy.

- al-Qazwīnīy, al-Khaṭīb, Jalāl al-Dīn Muḥammad b. ‘Abd al-Raḥmān. (2002). *Syarḥ Talkhīṣ al-Miftāḥ*. (Khalīl ‘Abd al-Raḥmān Khalīl, Ed.) (1st ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- al-Qurṭubīy, Abū ‘AbdulLāh Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣārīy. (1993). *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān (Tafsīr al-Qurṭubīy)*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- al-Rājihīy, ‘Abduh. (1985). *al-Taṭbīq al-Naḥwīy*. Beirut: Dar al-Nahḍat al-‘Arabīyyat.
- al-Rāzīy, Muḥammad, Fakhr al-Dīn Ibn Diyā’ al-Dīn Umar. (1994). *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzīy Maḥfātīḥ al-Ghayb*. (Khalīl Muḥyī al-Dīn al-Mays, Ed.). Beirut: Dār al-Fikr.
- Riḍā, Muḥammad Rasyīd. (1935). *Tafsīr al-Qur’ān al-Ḥakīm (Tafsīr al-Manār)* (1st ed.). Mesir: Dār al-Manār.
- al-Rummānīy, Abū al-Ḥasan ‘Alī b. ‘Īsā al-Naḥwīy. (1988). *Ma‘ānī al-Ḥurūf*. (‘Abd al-Fattāḥ Ismā‘īl Syalabī, Ed.). Ṭarāblus, Lubnan: Dār al-Syimāl.
- al-Ṣa‘īdīy, ‘Abd al-Muta‘āl. (1973). *Bughyat al-Īdāḥ li Talkhīṣ al-Miftāḥ* (8th ed.). Mesir: Maktabat wa Maṭba‘at Muḥammad ‘Alī Ṣubayḥ wa Awlāduh.
- al-Sakkākīy, Abū Yūsuf Ibn Abī Bakr Muḥammad b. ‘Alī. (2000). *Miftāḥ al-‘Ulūm*. (‘Abd al-Ḥamīd Hindāwī, Ed.) (1st ed.). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Salāmat, Muḥammad Ḥusayn. (2002). *al-I‘jāz al-Balāghīy fī al-Qur’ān al-Karīm* (1st ed.). Kaherah, Mesir: Dār al-Āfāq al-‘Arabīyyat.
- al-Samīn al-Ḥalabīy, Syihāb al-Dīn Abū al-‘Abbās b. Yūsuf b. Muḥammad b. Ibrahim. (n.d.). *al-Durr al-Maṣūm fī ‘Ulūm al-Kitāb al-Maknūn*. Aḥmad Muḥammad al-Kharrāt, Ed.) (1st ed.). Damsyik: Dār al-Qalam.

Sayyid Quṭb. (1988). *Fī Zilāl al-Qur'ān (Tafsīr Sayyid Quṭb)* (15th ed.). Beirut: Dār al-Syurūq.

al-Sayūṭīy, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin al-Kamāl. (1987). *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur'ān*. (Muṣṭafā Dīb al-Bughā, Ed.) (1st ed.). Damsyik: Dār Ibn Kathīr.

al-Sayūṭīy, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin al-Kamāl. (2000). *Syarḥ al-Kawkab al-Sāfi’*. (Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnāwīy, Ed.). al-Mansūrat, Mesir: Maktabat al-Īmān.

Shuhaida Hanim Mohamad Suhane et al. (2014). Kepentingan Memperkenalkan Model Strategi Pengajaran Balaghah Peringkat IPT di Malaysia. In Zamri Arifin et al. (Eds.), *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014* (pp. 1–11). Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA.

Sībawayh, ‘Amr bin ‘Uthmān bin Qunbur. (1988). *al-Kitāb*. (‘Abd al-Sallām Muḥammad Hārūn, Ed.) (3rd ed.). Kaherah, Mesir: Maktabat al-Khanjī.

Sībūkar, Ismā‘īl. (2014). *Uslūb al-Qaṣr fī al-Qur'ān al-Karīm wa Āthāruh al-Naḥwīyyat*. Universiti Qāṣidī Mirbāḥ, Algeria.

al-Subkīy, Bahā’ al-Dīn ‘Abū Ḥāmid Aḥmad b. ‘Alī b. ‘Abd al-Kāfī. (2001). *‘Arūs al-Afrāḥ fī Syarḥ Talkhīṣ al-Miftāḥ*. (Khalīl Ibrāhīm Khalīl, Ed.) (1st ed.). Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.

Sulṭān, Munīr. (1993). *Balāghat al-Kalimat wa al-Jumlat wa al-Jumal* (2nd ed.). Iskandariyyat, Mesir: Mansya’at al-Ma‘ārif.

Sulṭānī, Muḥammad. (2000). *al-Adawāt al-Naḥwīyyat wa Ma‘ānīhā fī al-Qur'ān al-Karīm* (1st ed.). Damsyik: Dār al-‘Umaiṣā’.

al-Syajariy, Yaḥyā b. al-Ḥusayn al-Jurjānīy b. Zayd. (1983). *al-Amālī al-Khamīsīyyat* (3rd ed.). Beirut, Lubnan: ‘Ālam al-Kutub.

- al-Syarīf al-Jurjānīy, ‘Alī b. Muḥammad b. ‘Alī Abū al-Ḥasan. (2007). *al-Ḥāsiyyat ‘alā al-Muṭawwal Syarḥ Talkhīṣ Miftāḥ al-‘Ulūm*. (Rasyīd A‘raḍī, Ed.) (1st ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- al-Syawkānīy, Muḥammad b. ‘Alī b. Muḥammad. (1993). *Fatḥ al-Qadīr al-Jāmi‘ bayna Fannay al-Riwāyat wa al-Dirāyat min ‘Ilm al-Tafsīr*. (Sayyid b. Ibrāhīm b. Ṣādiq, Ed.) (1st ed.). Kaheerah, Mesir: Dār al-Ḥadīth.
- Syaykh Amīn, Bakrī. (1979). *al-Balāghat al-‘Arabīyyat fī Thawbihā al-Jadīd ‘Ilm al-Ma‘ānī* (1st ed.). Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- al-Ṭabarīy, Abū Ja‘far Muḥammad b. Jarīr. (1992). *Tafsīr al-Ṭabarīy Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān* (1st ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- al-Taftāzānīy, Sa‘d al-Dīn. (2013). *al-Muṭawwal Syarḥ Talkhīṣ Miftāḥ al-‘Ulūm*. (‘Abd al-Ḥamīd Hindāwī, Ed.) (3rd ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Tāmir, Sallūm. (1996, July). *Zāhirat al-Qaṣr fī Kasysyāf al-Zamakhshariy. Majallat al-Turāth al-‘Arabīy*.
- Ṭantāwī, Muḥammad Sayyid. (2007). *al-Tafsīr al-Wasīṭ li al-Qur’ān al-Karīm*. Dār al-Sa‘ādat.
- Tawātī, Khālid. (n.d.). *Maḥūm al-Ḥaṣr wa Āthāruh al-Fiqhīyyat wa al-Uṣūlīyyat*. Fakulti Usuluddin, Universiti Algeria.
- al-Thabaytīy, ‘Āmir ‘AbdulLāh. (2004). *Asālīb al-Qaṣr fī Aḥādith al-Ṣaḥīḥayn wa Dilālatuhā al-Balāghīyyat* (1st ed.). Madinah: Maktabat al-‘Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Tirmidhīy, Abū ‘Īsā Muḥammad b. ‘Īsā b. Sawrat. (2009). *al-Jāmi‘ al-Kabīr Sunan al-Tirmidhīy*. (al-Arnāwūt, Syu‘ayb & ‘Abd al-Laṭīf, Ed.) (1st ed.). Damsyik: Dār al-Risālat al-‘Ālamīyyat.

al-Ṭūfīy, Najm al-Dīn Abū al-Rabī‘ Sulaymān b. ‘Abd al-Qawīy. (1998). *Syarḥ Mukhtaṣar al-Rawḍat*. (‘AbdulLāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkīy, Ed.) (2nd ed.). Arab Saudi: Kementerian Hal Ehwal Islam dan Wakaf Arab Saudi.

‘Umar, Aḥmad Mukhtār. (1993). *‘Ilm al-Dilālāt* (4th ed.). Kaherah, Mesir: ‘Ālam al-Kutub.

al-Uramīy, Muḥammad al-Amīn b. ‘AbdulLāh al-‘Alawīy al-Hararīy. (2001). *Tafsīr Ḥadā’iq al-Rūḥ wa al-Rayḥān fī Rawābī al-Qur’ān*. (Hāsyim Muḥammad ‘Alī b. H. Mahdī, Ed.) (1st ed.). Beirut: Dār Tawq al-Najāt.

‘Usayrī, Ibrāhīm bin ‘Alī. (2008). *al-Masā’il al-Naḥwīyyat wa al-Ṣarfīyyat fī Kitāb al-Fuṣūṣ*. Universiti Umm al-Qurā, Mekah.

Yāqūt, Maḥmūd Sulaymān. (2003). *Manhaj al-Baḥth al-Lughawīy*. Kuwait: Dār al-Ma‘rifat al-Jāmi‘īyyat.

al-Zaḥhār, Najāḥ Aḥmad ‘Abd al-Karīm. (1983). *al-Qaṣr wa Asālībuh ma’a Bayān Asrārihā fī al-Thuluth al-Awwal min al-Qur’ān al-Karīm*. Universiti Umm al-Qurā, Mekah al-Mukarramat.

al-Zajjāj, Ibrāhīm b. al-Sarrīy Abū Ishāq. (1994). *Ma’ānī al-Qur’ān wa I’rābuh*. (‘Abd al-Jalīl ‘Abduh Syalabī, Ed.) (1st ed.). Dār al-Ḥadīth.

al-Zamakhsyarīy, Abū al-Qāsim Maḥmūd b. ‘Umar al-Khawārizmīy. (1998). *Asās al-Balāghat*. (Muḥammad Bāsil al-Sūd, Ed.) (1st ed.). Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat.

al-Zamakhsyarīy, Abū al-Qāsim Maḥmūd b. ‘Umar al-Khawārizmīy. (1982). *al-Kasysyāf an Ḥaqā’iq al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*. Dār al-Fikr.

al-Zarkasyīy, Badr al-Dīn Muḥammad b. Bahādur b. ‘AbdulLāh al-Syāfi‘īy. (1958). *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. (Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm, Ed.) (1st ed.). Mesir.

al-Zarkasyīy, Badr al-Dīn Muḥammad b. Bahādūr b. ‘AbdulLāh al-Syāfi‘īy. (1988). *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*. (‘Umar Sulaymān al-Asyqar, Ed.) (1st ed.). Mesir: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait.

Za‘tūt, Ḥusayn Muḥammad. (2011). al-Mafāhīm al-Nazāriyyat li Siyāq al-Ḥāl wa Mukawwinātih ‘inda Muḥammad al-Ṭāhir bin ‘Āsyūr. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan Dan Kemasyarakatan, Universiti Jordan*, 38(1), 165–183.

al-Zawba‘īy, Ṭālib. (1997). *‘Ilm al-Ma‘ānī bayna Balāghat al-Qudāmā wa Uslūbiyyat al-Muḥaddithīm* (1st ed.). Benghazi: Mansyūrāt Jāmi‘at Qār Yūnus.

University of Malaya